

**PEMBANGUNAN MODUL KURIKULUM PERKHIDMATAN  
KAUNSELING ATAS TALIAN UNTUK PENDIDIKAN KERJAYA  
SAINS KESIHATAN**

**ANIZAH BINTI MOHAMED**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2019**

**PEMBANGUNAN MODUL KURIKULUM PERKHIDMATAN KAUNSELING ATAS TALIAN  
UNTUK PENDIDIKAN KERJAYA SAINS KESIHATAN**

**ANIZAH BINTI MOHAMED**

**TESIS DISERAHKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2019**

**UNIVERSITI MALAYA  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **ANIZAH BINTI MOHAMED**  
No. Pendaftaran/Matrik: **PHB120006**  
Nama Ijazah: **DOKTOR FALSAFAH (PhD)**  
Bidang Penyelidikan:  
Tajuk Tesis:

**PEMBANGUNAN MODUL KURIKULUM PERKHIDMATAN  
KAUNSELING ATAS TALIAN UNTUK PENDIDIKAN KERJAYA SAINS  
KESIHATAN**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
2. Hasil Kerja ini adalah asli;
3. Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
4. Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
5. Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
6. Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan sebuah modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Metodologi Reka Bentuk dan Pembangunan yang dipelopori oleh Richey dan Klein (2014) telah digunakan dalam kajian ini yang melibatkan tiga fasa kajian, iaitu analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan, dan penilaian. Data fasa pertama dikumpul melalui soal selidik ke atas 150 orang pelajar bidang sains kesihatan di sebuah IPTS di Kuala Lumpur. Data ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) bagi bahagian pertama dan pengiraan skor secara manual bagi bahagian kedua soal selidik. Analisis keperluan pada bahagian pertama soal selidik adalah berdasarkan kekerapan dan peratusan manakala pada bahagian kedua adalah berdasarkan skor tertinggi. Fasa kedua merangkumi penggunaan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) yang melibatkan seramai 15 orang panel pakar dari tiga bidang iaitu kurikulum, kaunseling dan teknologi. Analisis data bagi fasa kedua ini berdasarkan respons pakar terhadap soal selidik menggunakan tujuh skala *Likert* linguistik. Nilai *threshold* 'd' dihitung untuk menentu sahkan konsensus pakar terhadap semua item yang terdapat dalam soal selidik. Seterusnya proses *Fuzzy Evaluation* dan proses *Defuzzification* telah dijalankan bagi mendapatkan kedudukan tertinggi. Rancangan pembelajaran bagi setiap tajuk telah melalui proses pemurnian oleh dua orang pakar kurikulum dan seorang pakar teknologi. Data fasa ketiga iaitu penilaian kebolegunaan modul dikumpul melalui temu bual berstruktur dan soal selidik ke atas 40 orang pelajar yang telah mengikuti kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian. Data temubual berstruktur dianalisis secara tematik dan data soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk melihat peratusan dan kekerapan. Dapatan fasa pertama pada bahagian pertama menunjukkan secara keseluruhannya pelajar mempunyai pengetahuan asas dalam penggunaan teknologi dan mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran. Manakala dapatan pada bahagian kedua soal selidik yang diperolehi melalui Inventori Minat Kerjaya menunjukkan bahawa pelajar jurusan sains kesihatan mempunyai kecenderungan dalam minat kerjaya yang pelbagai. Ini menunjukkan, dapatan kajian dalam fasa analisis keperluan ini menyokong pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Dapatan fasa kedua,

reka bentuk kajian, menunjukkan bahawa panel pakar mencapai konsensus persetujuan bersama dengan nilai *threshold*  $d \leq 0.2$ , melebihi 75% dari segi kesesuaian item-item dalam empat elemen yang terdapat dalam pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya ini. Dapatan fasa kedua bagi pembangunan modul kurikulum pula menunjukkan beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan. Dapatan fasa ketiga iaitu penilaian kebolegunaan modul menunjukkan bahawa modul ini secara keseluruhannya telah meningkatkan pengetahuan pelajar tentang aspek kerjaya, mampu memudahkan proses pembelajaran serta meningkatkan minat dan kecenderungan yang tinggi dalam penggunaan teknologi atas talian dalam proses pembelajaran mereka. Dapatan menunjukkan terdapat keperluan dalam membangunkan sebuah modul kurikulum pendidikan kerjaya. Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan implikasi yang positif dalam kalangan pelajar. Justeru modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat digunakan oleh kaunselor dan pendidik untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar tentang aspek kerjaya, dan seterusnya menyokong kurikulum pendidikan kerjaya sedia ada di Malaysia.

## **DEVELOPMENT OF ONLINE COUNSELLING SERVICE CURRICULUM MODULE FOR HEALTH SCIENCE CAREER EDUCATION**

### **ABSTRACT**

The objective of this study is to develop an online counselling service curriculum module for health science career education. This study employs Design and Development research design as introduced by Richey and Klein (2014). It takes three phases: needs analysis, design and development, and evaluation. For first phase, data was collected through survey, administered on 150 health science students from an IPTS in Kuala Lumpur. The data for first section of the survey was analyzed using Statistical Package for the social science (SPSS), and for the second section was manually calculated. The analysis for the first section was calculation of frequency and percentage, and for the second section was based on highest score. Data for second phase of the study was collected through Fuzzy Delphi Method (FDM) which involved 15 experts from three fields of expertise: curriculum, counselling and technology. Analysis of data for this phase was based on experts' responses on items using seven Likert's linguistic scale. The threshold ' $d$ ' value was calculated to establish consensus among experts on all items in the survey questionnaire. Next, Fuzzy Evaluation and Defuzzification proses were conducted to establish the highest ranking. The lesson plans for each topic have been improvised by two curriculum experts and a technology expert. Data for the third phase which is evaluation of module usability was gathered through structured interview and survey questionnaire administered on 40 students who have completed the online health education career education course. The structured interview data was analyzed thematically and the survey questionnaires were analyzed using SPSS in identifying its percentage and frequency. Findings for the first phase, first section indicate that students in general have basic knowledge in utilizing technology and have positive perception towards the use of technology in learning. On the other hand, findings for second section of survey, which was gathered using Career Interests Inventory showed that the health science students have diverge career interests. This indicates that the findings of needs analysis support the development of online counseling service curriculum module for health science career education. The findings of the second phase, the design, indicate that the panel of experts has reached a consensus, with threshold  $d$  value  $\leq 0.2$ , exceeding 75% on

suitability of items in all four elements of the curriculum module for career education. The findings of module development for second phase have suggested some improvements for action. The findings for third phase, the evaluation of module usability indicates that the module in general has improved students' knowledge on career aspects, helped to ease learning process and highly improved students' interest and tendency to use online learning platform for their learning process. The findings also suggest the needs to develop a curriculum module for career development. In addition, the findings show a positive effect among students. Therefore, the online counselling service curriculum module for health science career education can be implemented by counsellors and educators to enhance students' knowledge and skills on career development, and at the same time supports the available career education curriculum in Malaysia.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Alhamdulillah. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, tesis ini berjaya disempurnakan. Tanpa rahmatNya, tidak mungkin dapat saya menyempurnakan pengajian Ph.D ini dengan jayanya.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua penyelia, Profesor Dr Saedah Siraj dan Profesor Madya Dr Norlidah Alias yang tidak pernah jemu memberikan tunjuk ajar, cadangan dan pandangan serta kritikan yang membina dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih juga kepada Dr. Dorothy DeWitt dan para pensyarah yang turut sama membantu memberikan pandangan dan cadangan yang berharga. Juga buat rakan-rakan seairan dan rakan seperjuangan yang banyak membantu sepanjang perjalanan PhD ini.

Buat wali-waliku yang tiada gantinya, Mohamed bin Sayuti dan Allahyarhamah Azizah binti Aziz, semoga hasil didikanmu ini mengalirkan sahammu di akhirat sana. Buat suami tercinta, Mohd Hasnizan Hashimuddin dan permata hati yang menjadikanku terlihat begitu istimewa, Adam Danial, Adam Faris, Hawa Nur Dania, Adam Rifqi, Hawa Nur Farisa, Hawa Nur Rifqah dan Hawa Nur Arisha, terima kasih kerana bersama-sama berkongsi menyelami kepayahan perjuangan PhD ini sehingga sampai kepenghujungnya. Terima kasih juga buat ibu dan bapa mertuaku Hajah Hadijah binti Dol dan Haji Hashimuddin bin Mohamad serta adik beradikku Johadi, Dr. Elizah, Johan dan Dr. Johar yang sentiasa mendoakan kejayaan ini.

## SENARAI KANDUNGAN

|                                   |      |
|-----------------------------------|------|
| Tajuk .....                       | i    |
| Perakuan Keaslian Penulisan ..... | ii   |
| Abstrak .....                     | iii  |
| Abstract .....                    | v    |
| Penghargaan .....                 | vii  |
| Senarai Kandungan .....           | viii |
| Senarai Rajah .....               | xii  |
| Senarai Jadual .....              | xiii |
| Senarai Lampiran .....            | xv   |

### BAB 1: PENGENALAN

|                                                  |    |
|--------------------------------------------------|----|
| Latar belakang Kajian.....                       | 1  |
| Penyataan Masalah .....                          | 3  |
| Tujuan Kajian .....                              | 10 |
| Objektif Kajian .....                            | 10 |
| Fasa I: Analisis Keperluan.....                  | 11 |
| Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul ..... | 12 |
| Fasa III: Penilaian .....                        | 12 |
| Soalan Kajian .....                              | 13 |
| Fasa I: Analisis Keperluan.....                  | 13 |
| Fasa II: Pembangunan Modul.....                  | 13 |
| Fasa III: Penilaian .....                        | 14 |
| Rasional Kajian .....                            | 14 |
| Signifikan Kajian.....                           | 17 |
| Delimitasi Kajian.....                           | 18 |
| Limitasi Kajian .....                            | 19 |
| Definisi Istilah .....                           | 20 |
| Kurikulum.....                                   | 20 |
| Kaunseling .....                                 | 20 |
| Kaunseling kerjaya. ....                         | 20 |
| Pengintegrasian teknologi.....                   | 21 |
| Kaunseling atas talian. ....                     | 21 |

|                              |    |
|------------------------------|----|
| Pendidikan kerjaya.....      | 21 |
| Bidang Sains Kesihatan. .... | 22 |
| Rumusan.....                 | 22 |

## BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

|                                                                                  |     |
|----------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Pengenalan.....                                                                  | 23  |
| Kurikulum .....                                                                  | 24  |
| Perkembangan Perkhidmatan Kaunseling dalam Bidang Pendidikan.....                | 27  |
| Perkembangan perkhidmatan kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). ..     | 28  |
| Perkembangan perkhidmatan kaunseling dalam bidang pendidikan di luar negara..... | 30  |
| Perkembangan Kaunseling Kerjaya .....                                            | 33  |
| Perkembangan kaunseling kerjaya dalam bidang pendidikan. ....                    | 40  |
| Pengintegrasian Teknologi .....                                                  | 54  |
| Perkembangan penggunaan teknologi di Malaysia. ....                              | 54  |
| Perkhidmatan kaunseling atas talian.....                                         | 57  |
| Perkhidmatan pendidikan atas talian. ....                                        | 70  |
| Program kerjaya atas talian.....                                                 | 76  |
| Pendidikan Kerjaya .....                                                         | 82  |
| Program Pendidikan Kerjaya di Malaysia. ....                                     | 84  |
| Program Pendidikan Kerjaya di Luar Negara.....                                   | 88  |
| Kerangka Teori.....                                                              | 92  |
| Teori Dual Coding. ....                                                          | 92  |
| Teori Holland.....                                                               | 93  |
| Teori Sosial Kognitif Kerjaya.....                                               | 95  |
| Model Kurikulum Tyler.....                                                       | 99  |
| Model Wright.....                                                                | 100 |
| Kerangka Konsep Kajian.....                                                      | 105 |
| Rumusan.....                                                                     | 108 |

## BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

|                                 |     |
|---------------------------------|-----|
| Pengenalan.....                 | 110 |
| Reka Bentuk Kajian.....         | 110 |
| Kerangka metodologi kajian..... | 113 |
| Fasa 1: Keperluan Analisis..... | 114 |
| Responden kajian.....           | 115 |

|                                                                                                                              |     |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Instrumen kajian. ....                                                                                                       | 115 |
| Pengumpulan dan penganalisan data. ....                                                                                      | 120 |
| Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul.....                                                                               | 123 |
| Aplikasi teori dan model.....                                                                                                | 123 |
| Instrumen kajian. ....                                                                                                       | 130 |
| Pengumpulan dan penganalisan data. ....                                                                                      | 131 |
| Fasa 3: Penilaian.....                                                                                                       | 138 |
| Responden kajian. ....                                                                                                       | 138 |
| Instrumen kajian. ....                                                                                                       | 138 |
| Pengumpulan dan penganalisan data. ....                                                                                      | 141 |
| Rumusan.....                                                                                                                 | 145 |
| BAB 4 : DAPATAN KAJIAN FASA ANALISIS KEPERLUAN                                                                               |     |
| Pengenalan.....                                                                                                              | 146 |
| Demografi Responden.....                                                                                                     | 147 |
| Dapatan dan Analisis Data .....                                                                                              | 148 |
| Tahap Kemahiran dan Penggunaan Teknologi di Kalangan Pelajar. ....                                                           | 148 |
| Minat kerjaya pelajar. ....                                                                                                  | 155 |
| Rumusan.....                                                                                                                 | 159 |
| BAB 5 : DAPATAN KAJIAN FASA REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN                                                                      |     |
| Pengenalan.....                                                                                                              | 161 |
| Analisis Reka Bentuk Modul Kurikulum Pendidikan Kerjaya .....                                                                | 161 |
| Dapatan Dan Analisis Teknik <i>Fuzzy Delphi</i> .....                                                                        | 171 |
| Analisis Pembangunan Modul Kurikulum Pendidikan Kerjaya .....                                                                | 187 |
| Pembangunan Rancangan Pembelajaran. ....                                                                                     | 188 |
| Pemurnian pakar . ....                                                                                                       | 228 |
| Pelaksanaan modul. ....                                                                                                      | 238 |
| Rumusan.....                                                                                                                 | 239 |
| BAB 6: DAPATAN KAJIAN FASA PENILAIAN                                                                                         |     |
| Pengenalan.....                                                                                                              | 241 |
| Kebolehgunaan Modul Kurikulum Perkhidmatan Kaunseling Atas Talian untuk Pendidikan Kerjaya Sains Kesihatan.....              | 242 |
| Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan dalam meningkatkan pengetahuan pelajar tentang aspek kerjaya. .... | 242 |

|                                                                                                                                           |     |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan dalam memudahkan proses pembelajaran. ....                                      | 250 |
| Kesan Penggunaan Modul Pendidikan Kerjaya Sains Kesihatan dalam Meningkatkan Minat Pelajar Terhadap Pembelajaran Pendidikan Kerjaya. .... | 252 |
| Rumusan.....                                                                                                                              | 254 |
| <b>BAB 7: PERBINCANGAN DAPATAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>                                                                                |     |
| Pengenalan.....                                                                                                                           | 256 |
| Ringkasan Kajian .....                                                                                                                    | 256 |
| Perbincangan Dapatan Kajian .....                                                                                                         | 259 |
| Perbincangan dapatan kajian Fasa 1: Analisis Keperluan. ....                                                                              | 259 |
| Perbincangan dapatan kajian Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan.....                                                                      | 267 |
| Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 3: Penilaian Kebolegunaan Modul.....                                                                     | 272 |
| Implikasi Kajian dan Cadangan .....                                                                                                       | 276 |
| Implikasi dan cadangan terhadap teori. ....                                                                                               | 277 |
| Implikasi dan cadangan terhadap amalan. ....                                                                                              | 281 |
| Implikasi dan cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). .                                                                    | 281 |
| Implikasi dan cadangan terhadap Kaunselor. ....                                                                                           | 282 |
| Implikasi dan sumbangan terhadap ilmu bidang. ....                                                                                        | 283 |
| Cadangan Kajian Lanjutan .....                                                                                                            | 284 |
| Penutup dan Rumusan .....                                                                                                                 | 285 |
| Rujukan.....                                                                                                                              | 290 |
| Lampiran .....                                                                                                                            | 300 |

## SENARAI RAJAH

|                                                                                                                                                                                                                                                               |     |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Rajah 2.1 Teori Kerjaya Holland .....                                                                                                                                                                                                                         | 93  |
| Rajah 2.2 Holland's Hexagon: Hubungan antara jenis personaliti dengan persekitaran .....                                                                                                                                                                      | 94  |
| Rajah 2.3 Teori Sosial Kognitif Kerjaya (SCCT) .....                                                                                                                                                                                                          | 95  |
| Rajah 2.4 Kerangka Konseptual Pembangunan Modul Kurikulum Pendidikan Kerjaya Sains Kesihatan .....                                                                                                                                                            | 106 |
| Rajah 3.1 Kerangka Metodologi Kajian.....                                                                                                                                                                                                                     | 113 |
| Rajah 3.2 Fasa analisis keperluan .....                                                                                                                                                                                                                       | 122 |
| Rajah 3.3 Aplikasi Teori Dual Coding, Teori Holland, Teori Sosial Kognitif Kerjaya, Model Kurikulum Tyler dan Model Wright dalam reka bentuk dan pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian. ....                             | 125 |
| Rajah 3.4 Aras Persetujuan Skala Fuzzy.....                                                                                                                                                                                                                   | 133 |
| Rajah 3.5 Carta alir prosedur bagi kaedah Fuzzy Delphi (FDM) .....                                                                                                                                                                                            | 136 |
| Rajah 3.6 Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan.....                                                                                                                                                                                                               | 137 |
| Rajah 3.7 Fasa Penilaian Kebolegunaan .....                                                                                                                                                                                                                   | 144 |
| Rajah 4.1 Peratusan kecenderungan minat kerjaya pelajar bagi enam jenis minat kerjaya.....                                                                                                                                                                    | 158 |
| Rajah 5.1 Langkah-langkah bagi analisis reka bentuk modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan.....                                                                                                                                                   | 162 |
| Rajah 5.2 Pembentukan komponen utama Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.....                                                                                                                        | 186 |
| Rajah 7.1 Gabungan aplikasi Teori Dual Coding, Teori Holland, Teori Sosial Kognitif Kerjaya serta Model Kurikulum Tyler dan Model Wright dalam pembangunan Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. .... | 280 |

## SENARAI JADUAL

|                                                                                                           |     |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Jadual 3.1 Reka bentuk dan Penyelidikan Pembangunan .....                                                 | 112 |
| Jadual 3.2 Hubungan Fasa-fasa dalam Kajian dengan Peringkat-peringkat<br>Pembangunan Modul Kurikulum..... | 114 |
| Jadual 3.3 Nilai kebolehpercayaan instrumen analisis keperluan (Cronbach"s Alpha)<br>.....                | 117 |
| Jadual 3.4 Soal selidik kemahiran dan penggunaan teknologi.....                                           | 118 |
| Jadual 3.5 Panduan pengiraan skala IMKS.....                                                              | 121 |
| Jadual 3.6 Agihan panel pakar mengikut bidang kepakaran.....                                              | 130 |
| Jadual 3.7 Skala linguistik berskala tujuh .....                                                          | 134 |
| Jadual 3.8 Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Analisis Penilaian (Cronbach"s Alpha)<br>.....                | 141 |
| Jadual 3.9 Pengumpulan dan penganalisaan data bagi fasa penilaian. ....                                   | 143 |
| Jadual 4.1 Demografi responden.....                                                                       | 147 |
| Jadual 4.2 Tahap Kemahiran Pengetahuan Teknologi.....                                                     | 149 |
| Jadual 4.3 Pengetahuan asas dalam penggunaan teknologi .....                                              | 150 |
| Jadual 4.4 Tahap pengetahuan asas dalam penggunaan teknologi .....                                        | 151 |
| Jadual 4.5 Penggunaan teknologi dalam pencarian maklumat.....                                             | 152 |
| Jadual 4.6 Tahap penggunaan teknologi dalam pencarian maklumat.....                                       | 153 |
| Jadual 4.7 Penggunaan teknologi dalam komunikasi .....                                                    | 153 |
| Jadual 4.8 Tahap penggunaan teknologi dalam komunikasi.....                                               | 154 |
| Jadual 4.9 Persepsi dalam penggunaan teknologi melalui aktiviti pembelajaran ....                         | 155 |
| Jadual 4.10 Minat kerjaya pelajar .....                                                                   | 157 |
| Jadual 5.1 Rumusan melalui pemetaan kajian lepas .....                                                    | 163 |
| Jadual 5.2 Langkah-langkah Teknik Fuzzy Delphi.....                                                       | 165 |
| Jadual 5.3 Dapatan temubual bagi item-item dalam elemen objektif.....                                     | 167 |
| Jadual 5.4 Dapatan temubual bagi item-item dalam elemen kandungan .....                                   | 168 |
| Jadual 5.5 Dapatan temubual bagi item-item dalam elemen strategi.....                                     | 170 |
| Jadual 5.6 Dapatan temubual bagi item-item dalam elemen penilaian.....                                    | 171 |
| Jadual 5.7 Nilai d bagi Elemen Objektif .....                                                             | 172 |
| Jadual 5.8 Nilai d bagi Elemen Kandungan .....                                                            | 173 |
| Jadual 5.9 Nilai d bagi Elemen Tools dan Strategi Penyampaian .....                                       | 175 |

|                                                                                                                                                                              |     |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Jadual 5.10 Nilai d bagi Elemen Penilaian .....                                                                                                                              | 176 |
| Jadual 5.11 Kesepakatan pakar terhadap kesesuaian elemen objektif kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.....                | 178 |
| Jadual 5.12 Susunan akhir bagi elemen Objektif.....                                                                                                                          | 179 |
| Jadual 5.13 Kesepakatan pakar terhadap kesesuaian elemen kandungan kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.....               | 179 |
| Jadual 5.14 Susunan akhir bagi elemen kandungan.....                                                                                                                         | 181 |
| Jadual 5.15 Kesepakatan pakar terhadap kesesuaian elemen tools dan strategi bagi kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan..... | 182 |
| Jadual 5.16 Susunan akhir bagi elemen tools dan strategi .....                                                                                                               | 183 |
| Jadual 5.17 Kesepakatan pakar terhadap kesesuaian elemen penilaian bagi kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.....          | 183 |
| Jadual 5.18 Susunan akhir bagi elemen penilaian.....                                                                                                                         | 184 |
| Jadual 5.19 Domain Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) .....                                                                                                                   | 225 |
| Jadual 5.20 Rubrik penilaian tugasan.....                                                                                                                                    | 226 |
| Jadual 5.21 Kategori domain bagi tugasan yang telah disediakan.....                                                                                                          | 228 |
| Jadual 5.22 Pelaksanaan kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian.....                                                                                           | 239 |
| Jadual 6.1 Senarai soalan-soalan temubual berstruktur mengikut tema .....                                                                                                    | 244 |
| Jadual 6.2 Dapatan analisis tematik mengikut tema .....                                                                                                                      | 245 |
| Jadual 6.3 Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya atas talian dalam memudahkan proses pembelajaran .....                                                                  | 251 |
| Jadual 6.4 Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya atas talian dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran pendidikan kerjaya .....                             | 253 |

## SENARAI LAMPIRAN

|                                                                                                                                          |     |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| LAMPIRAN A – SOAL SELIDIK KEMAHIRAN DAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI.....                                                                        | 301 |
| LAMPIRAN B – INVENTORI MINAT KERJAYA SIDEK .....                                                                                         | 306 |
| LAMPIRAN C – SOAL SELIDIK PEMBANGUNAN MODUL .....                                                                                        | 307 |
| LAMPIRAN D – LAMAN WEB ANIZAH AKADEMIK .....                                                                                             | 313 |
| LAMPIRAN E – PROTOKOL TEMUBUAL BERSTRUKTUR KEPADA PAKAR .....                                                                            | 317 |
| LAMPIRAN F – PROTOKOL TEMUBUAL BERSTRUKTUR KEPADA PELAJAR.....                                                                           | 318 |
| LAMPIRAN G – SOAL SELIDIK : PENILAIAN MODUL KURIKULUM PERKHIDMATAN KAUNSELING ATAS TALIAN UNTUK PENDIDIKAN KERJAYA SAINS KESIHATAN ..... | 319 |

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **Latar belakang Kajian**

Pembangunan kerjaya merupakan satu aspek penting yang mempengaruhi perjalanan kerjaya pelajar di masa hadapan. Pembangunan kerjaya yang terbatas akan meningkatkan lagi kesukaran dalam membuat pilihan kerjaya (Strarica, 2011; Luzzo, 1993). Matlamat utama perkhidmatan kaunseling kerjaya adalah membantu klien dan menjadi ejen yang lebih efektif dalam menyelesaikan masalah berkaitan aspek vokasional hidup mereka (Burwell & Chen, 2006). Dalam sistem teknikal pendidikan tinggi, perkhidmatan kaunseling kerjaya perlu menjelaskan atau menggambarkan keadaan sebenar yang lebih realiti. Hal ini kerana terdapat peningkatan bilangan pelajar yang masih mengalami kekeliruan untuk membuat pemilihan yang tepat di peringkat universiti terutama dalam memilih bidang pekerjaan yang sesuai dengan pendidikan mereka. Bidang kaunseling kerjaya berperanan untuk memberikan maklumat sebenar kepada pelajar mengenai tujuan dan kepentingan ini (Chircu, 2013; Chircu, 2012).

Selain itu, perkembangan teknologi, perindustrian dan kepelbagaian dalam pasaran kerja menyebabkan proses pemilihan kerjaya menjadi lebih sukar dan rumit. Aspek pemilihan kerjaya dan senario ini memberi bayangan terhadap cabaran baru kepada kaunselor sekolah dan psikologis pendidikan. Dalam usaha memilih kerjaya yang lebih sesuai, individu perlu menilai semua pilihan dan peluang yang ada (Starica, 2011; Luzzo, 1993). Peranan yang digalas oleh kaunselor profesional mampu menyokong dalam peningkatan pencapaian akademik dan kemahiran pelajar melalui gerakan *school-to-work* (Perry1 & Butts, 2012; Gysbers, 2002).

Selain aspek kerjaya, kaunselor juga perlu peka terhadap perkembangan dan trend penawaran pendidikan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan kursus yang menjadi pilihan pelajar. Ia bagi memastikan perkhidmatan tersebut benar-benar memenuhi keperluan semasa pelajar. Selain kursus-kursus perniagaan dan teknologi, sebahagian besar pendidikan tinggi swasta di Malaysia menawarkan program-program sains kesihatan seperti Kolej Universiti Sains Perubatan Antarabangsa Pusrawi (PICOMS), Kolej Sains Kesihatan Bersekutu dan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU). Kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar kebanyakannya adalah di peringkat diploma dan ijazah. Bidang sains kesihatan menawarkan pelbagai jenis kursus seperti Sains Perubatan, Kejururawatan, Pembantu Perubatan, Farmasi, Sains Kesihatan Persekitaran dan Fisioterapi.

Trend masa kini menunjukkan kecenderungan pelajar memilih bidang sains kesihatan berbanding sains sosial. Kebanyakannya berpendapat program tersebut lebih menjamin graduan untuk mendapatkan pekerjaan berbanding bidang lain. Oleh itu, peranan kaunseling kerjaya sangat penting, dalam keadaan ekonomi yang tidak kukuh dan tidak seimbang, berlakunya krisis dan kebanyakan individu lebih memberi perhatian kepada mencari pekerjaan berbanding meningkatkan pengetahuan diri dan membuat pilihan disebabkan desakan dan keperluan untuk mendapatkan pekerjaan (Cojocariua & Puiub, 2014; Henderson & Dalton, 2010).

Oleh yang demikian, kajian pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan adalah relevan. Kepelbagaian kaedah pendekatan dan penyampaian maklumat dapat memenuhi keperluan kerjaya dan kecemerlangan akademik pelajar. Malah ia juga mampu menggilap potensi diri supaya peluang kerjaya pelajar lebih terbuka luas bukan sahaja sebagai seorang pekerja tetapi juga sebagai seorang usahawan.

Ini selaras dengan strategi Rancangan Malaysia ke-11 dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program bagi memenuhi keperluan pembelajaran. Selain memperkenalkan program peningkatan kemahiran yang berteraskan industri, kerajaan juga memberi penekanan kepada pembangunan usahawan untuk sektor ekonomi berpendapatan tinggi. Malah, kerajaan juga berusaha memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan belia sejak remaja, melalui penerapan dalam kurikulum pendidikan formal pada peringkat sekolah dan IPT serta melalui aktiviti ko kurikulum (Rancangan Malaysia Ke 11/ RMK11).

Dengan adanya pelaksanaan kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan, segala maklumat boleh disalurkan secara sistematik dan terus kepada para pelajar. Ia dilihat selari dengan matlamat kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti graduan, program dan memperkukuh penyelidikan untuk inovasi melalui usaha seperti penyerapan kemahiran insaniah dan keusahawanan dalam kurikulum, kolaborasi dengan industri dalam membentuk dan menyampaikan program, mempertingkatkan kualiti penyelidikan, memperkukuh peranan IPT sebagai wadah inovasi dan penyelesaian masalah dalam industri dan komuniti dan memperkenalkan *Massive Open Online Courses* (MOOCs) dalam bidang kepakaran (RMK11).

### **Penyataan Masalah**

Perlaksanaan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Kerjaya yang berkesan akan memberi impak yang besar kepada generasi muda terutama dalam perancangan masa depan mereka. Dunia kerjaya di dalam Malaysia bersifat terbuka. Oleh itu, setiap individu memiliki ruang dan peluang yang sama untuk mendapatkan pekerjaan tanpa mengira kaum, lelaki mahupun perempuan. Perkara yang menjadi keutamaan majikan

adalah bidang pengajian yang bersesuaian dengan sifat kerja yang ditawarkan oleh pihak majikan dan kualiti sahsiah diri yang harus dimiliki oleh para graduan (Shaharuddin et al., 2011). Bagaimanapun, secara amnya terdapat beberapa isu mengenai perkhidmatan kaunseling kerjaya dan aspek kerjaya dalam bidang pendidikan khususnya di peringkat IPT. Isu pertama adalah perkembangan teknologi dan trend serta pilihan generasi Y dalam penggunaan teknologi dan internet.

Terdapat peningkatan radikal sepanjang dekad yang lalu dalam perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dan generasi milenium (mereka yang lahir selepas tahun 1982) yang membesar bersama-sama kepesatan teknologi (Howe & Strauss, 2000; Maples & Han, 2008). Generasi ini dilabel sebagai “*digital natives*” (Palfrey & Gasser 2008; Prensky, 2001) yang sentiasa menggunakan teknologi dalam kehidupan mereka. Pelajar kolej hari ini menggunakan TMK dalam interaksi sosial mereka pada kadar yang lebih tinggi berbanding generasi yang lain (Junco & Cotten, 2011; Jones & Fox 2009).

Bagi tahun 2009, statistik penggunaan internet oleh rakyat Malaysia menunjukkan bahawa sebanyak 76.9 peratus pengguna menggunakan internet bagi tujuan mendapatkan maklumat, sementara 74.8 peratus pengguna menggunakan internet untuk berkomunikasi (*Household use of Internet Survey*, 2009). Manakala statistik penggunaan internet mengikut kategori umur dalam kalangan penduduk Malaysia bagi tahun 2016 menunjukkan generasi muda yang berumur dalam lingkungan 15 tahun hingga 29 tahun menjadi pengguna internet tertinggi iaitu sebanyak 50.7 peratus. Bagi kategori umur 30 hingga 39 tahun pula mencatatkan nilai sebanyak 25.7 peratus. Selebihnya 14.2 peratus bagi kategori umur 40 hingga 49 tahun dan bagi kategori 50 tahun dan ke atas mencatatkan peratusan sebanyak 8.5. Kategori

umur bawah 15 tahun mencatatkan peratus paling sedikit menggunakan internet iaitu sebanyak 0.4 peratus (SKMM, 2016).

Tai (2005) mengemukakan satu isu yang menyatakan bahawa ramai individu menggunakan internet sebagai medium pencarian maklumat dan lain-lain peranan samada untuk diri sendiri ataupun memberikan perkhidmatan bantuan melebihi perkhidmatan kaunseling secara langsung yang sebenar. Sebelum ini telah ada perbincangan mengenai idea-idea berkaitan psikopendidikan, pencegahan dan kesejahteraan yang menjadi sebahagian daripada asas psikologi kaunseling dan bagaimana untuk mengenalpasti kaedah-kaedah baru dalam menyampaikan perkhidmatan tersebut (Mallen & Vogel, 2005). Tai mencadangkan supaya penyelidikan mengenai isu berkaitan diperluaskan, amalan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan psikopendidikan, bantu diri dan penawaran perkhidmatan bantuan melalui internet (Mallen & Vogel, 2005).

Dalam persekitaran teknologi dengan bantuan alat digital (Savickas, 2003), *iPod*, *podcast* dan nano teknologi (Jerome et al., 2000), kaunselor pembangunan kerjaya perlu proaktif dalam isu-isu kaunseling kerjaya atas talian terutama dalam bidang penyelidikan (Lewis & Coursol, 2007). Malah dengan adanya *platform* media sosial dan aplikasi mudah alih, pelajar dan majikan mendapat pelbagai manfaat melalui program-program yang bersesuaian dengan minat dan keperluan mereka dan berpeluang untuk berhubung terus dengan individu dalam industri dan bidang pilihan mereka. Keberkesanan penggunaan media sosial dan teknologi baru boleh membantu perkhidmatan kerjaya dan pelajar mewujudkan persekitaran baru dan peluang kerjaya kepada komuniti (Dey & Cruzvergara, 2014).

Banyak universiti menawarkan perkhidmatan sokongan atas talian (Mishna F., Bogo, M. & Sawyer J., 2015; Haas et al 2008; Maples & Han, 2008). Bagi memenuhi

keperluan generasi muda perlunya ada perubahan bukan sahaja dalam perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kolej tetapi juga dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Ia mampu menyediakan peluang dan kecenderungan kepada pelajar untuk mendapatkan bantuan pertama melalui atas talian. Malah ia juga mungkin memberi faedah kepada pusat kaunseling kampus menggunakan saluran internet bagi tujuan mendekati individu atau pelajar (Mishna F., Bogo M. & Sawyer J., 2015; Haberstroh, 2010, p. 455).

Selain itu juga, terdapat banyak laman web yang menawarkan inventori kerjaya, kaunseling kerjaya dan pelbagai jenis perkhidmatan yang berkait dengan aspek kerjaya samada secara percuma atau berbayar. Namun, keberkesanan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kebanyakan laman web sedia ada tidak dapat menunjukkan kesan secara empirikal (Herman, 2010; Mallen, 2005). Oleh itu, kaunselor boleh memainkan peranan dalam menyediakan sumber atas talian yang tepat kepada pelajar dengan menyalurkan bantuan awal mengenai maklumat kerjaya.

Potensi penggunaan internet boleh dimanfaatkan oleh kaunselor sebagai saluran yang dapat memberikan kesedaran kepada pelajar untuk memanfaatkan perkhidmatan kaunseling kerjaya. Malah dengan adanya penggunaan perkhidmatan atas talian yang lebih bersifat global, ia dilihat mampu membina perhubungan awal antara kaunselor kerjaya dengan pelajar. Ia seterusnya boleh menjadi *platform* untuk memberi kesedaran dan menggalakkan pelajar berjumpa kaunselor.

Isu kedua adalah penerimaan generasi muda dan pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling kerjaya dan kecenderungan mereka dalam mendapatkan sumber maklumat mengenai kerjaya. Golongan muda menunjukkan keinginan yang tinggi untuk menggunakan sumber-sumber yang mudah diakses seperti sokongan keluarga dan rakan-rakan, individu-individu yang terlibat dalam pekerjaan yang sedang

dipertimbangkan dan sumber internet. Manakala keinginan yang paling rendah adalah mendapatkan sumber daripada kaunselor kerjaya professional walaupun ia merupakan sumber yang paling berkesan (Dana Vertsberger & Itamar Gati, 2016; Whiston et al., 1998; Oliver & Spokane, 1988).

Kajian Salina Nen dan Khairul Azmi Ibrahim (2018) menunjukkan bahawa responden mengetahui tentang kebaikan yang akan diperolehi melalui perkhidmatan kaunseling. Namun demikian, pengaruh dan persepsi yang negatif masih mempengaruhi dan mendominasi persepsi pelajar dan ia menjadi faktor utama keengganan mereka untuk berjumpa dan mendapatkan pertolongan kaunseling. Malah, kebanyakan pelajar juga dilihat lebih selesa dan lebih mempercayai kepada sokongan sosial yang hampir dengan mereka seperti ahli keluarga, rakan-rakan bagi tujuan mendapatkan pandangan dan rujukan berbanding memilih untuk berjumpa dengan kaunselor.

Walaupun hakikatnya ramai orang boleh mendapat manfaat dari kaunseling kerjaya namun hanya minoriti yang datang mendapatkan perkhidmatan sesi kaunseling. Keadaan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu (a) stigma yang masih kuat terhadap perkhidmatan kaunseling (b) pilihan utama untuk tidak mahu dikenali (c) kesukaran berada di lokasi tertentu pada masa tertentu dan (d) kos kewangan untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Keadaan ini juga disebabkan oleh penawaran perkhidmatan bimbingan kerjaya dan kaunseling yang disediakan melalui internet (Itamar & Lisa, 2011).

Terdapat beberapa kajian yang mengkaji sikap klien terhadap kaunseling atas talian. Satu kajian mendapati pelajar sekolah tinggi menyatakan adalah lebih baik berhubung dengan kaunselor secara atas talian sekiranya mereka memerlukan bantuan (Tanrikulu, 2009; Lunt, 2004). Satu kajian menunjukkan bahawa klien merasa gembira

dengan perhubungan dan perkhidmatan yang diterima melalui kaunseling atas talian sebaliknya kurang berpuas hati dengan perkhidmatan yang diterima melalui sesi kaunseling secara bersemuka. Klien lebih suka menggunakan perkhidmatan kaunseling atas talian yang lebih berbentuk panduan dan bukannya terapi kaunseling. Kebanyakan peserta berpendapat bahawa kaunseling berbentuk panduan lebih sesuai menggunakan perkhidmatan atas talian seperti kaunseling kerjaya, penyelesaian masalah, pengurusan masa, kesedaran dan rawatan ketagihan (Tanrikulu, 2009; Leibert, et al., 2006).

Dengan adanya saluran maklumat kerjaya yang mudah, tepat dan berkesan, ia dilihat berpotensi menyokong perkembangan kerjaya pelajar seterusnya meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran graduan. Bank Dunia dalam kajiannya telah mengenalpasti beberapa punca utama berlakunya pengangguran dalam kalangan graduan iaitu trend permintaan dan trend penawaran oleh para graduan, strategi mencari peluang-peluang pekerjaan dan tidak ada kesepadanan kemahiran (Muhammad Hazrul Ismail, 2012). Dalam satu kajian lain, faktor kerjaya dilihat sebagai punca terbesar yang menyumbang kepada tekanan dalam kalangan pelajar selain daripada faktor akademik dan persekitaran pelajar itu sendiri (Mastura Mahfar Fadilah Zaini dan Nor Akmar Nordin, 2007). Ini menunjukkan bahawa terdapatnya keperluan bagi penawaran program-program berbentuk kerjaya sebagai satu saluran yang dapat menyokong pembangunan dan perkembangan kerjaya pelajar. Pendidikan kerjaya dilihat berpotensi menjadi *platform* tidak hanya kepada para pelajar tetapi juga kepada individu-individu yang sedang mencari pekerjaan dalam usaha menyokong dan membantu mereka mencipta laluan kerjaya (Shaharuddin et al., 2011). Pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian diharap dapat memberikan kesan jangka panjang kepada peningkatan kualiti dan kebolehpasaran graduan.

Seterusnya, sumber dari kajian lain menunjukkan bahawa kebolehpasaran graduan di Malaysia tidak berada pada tahap yang memuaskan dari sudut pandangan majikan. Terdapat beberapa faktor utama yang diambil kira oleh pihak majikan semasa proses pemilihan serta pengambilan pekerja baru. Hasil dari kajian yang telah dijalankan menunjukkan terdapatnya jurang antara persepsi sebenar graduan berbanding apa yang diharapkan oleh pihak majikan. Graduan bukan sahaja masih lemah dalam menentukan kesahihan sesuatu maklumat malahan juga tidak kreatif mencari alternatif sebelum membuat sesuatu keputusan. Graduan juga tidak mampu menjangkakan masalah dan halangan-halangan yang berkemungkinan akan terjadi di masa-masa akan datang. Di samping itu, mereka kurang bertanggungjawab terhadap keputusan yang telah diambil selain masih belum menguasai tahap kemahiran berfikir seperti kemahiran berkomunikasi dan penampilan diri. Hasil kajian ini juga seolah-olah memberikan gambaran dan amaran bahawa benarkah masih terdapat kelompongan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia dalam membentuk dan menghasilkan graduan yang menepati apa yang diperlukan oleh majikan (Muhammad Hazrul Ismail, 2012).

Banyak IPT yang menyediakan program persediaan selepas tamat pengajian. Namun masih terdapat kekurangan terhadap penyediaan program yang berterusan yang mensasarkan kepada sebuah kurikulum bagi kursus untuk mempersiapkan pelajar dengan dunia kerjaya sebenar. Oleh yang demikian, kajian ini akan berpusat kepada pembangunan sebuah modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan bagi memperkasakan lagi perkhidmatan kaunseling kerjaya di IPT. Untuk tujuan tersebut, kajian ini akan menggunakan penyelidikan pembangunan yang mempunyai tiga fasa kajian iaitu fasa keperluan, fasa mereka bentuk dan pembangunan dan fasa ketiga iaitu fasa perlaksanaan dan penilaian. Kajian

ini dijalankan bagi melihat keperluan program pendidikan kerjaya terhadap perkembangan dan pembangunan kerjaya pelajar. Teknologi digunakan dalam kajian ini berdasarkan kepada beberapa asas iaitu ia lebih mudah diurus, lebih ekonomik, dapat menjimatkan masa dan meminimumkan kos pengendaliannya.

### **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian pembangunan ini dijalankan adalah untuk membangunkan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Dalam membangunkan modul kurikulum ini, penyelidik telah mengenalpasti keperluan pelajar serta pandangan pakar dalam menghasilkan satu modul yang berasaskan program pendidikan kerjaya atas talian yang bersesuaian dengan IPT. Dalam kajian pembangunan ini, proses pembangunan akan melalui beberapa fasa iaitu fasa analisis, fasa mereka bentuk dan pembangunan dan fasa penilaian.

### **Objektif Kajian**

Kajian yang telah dijalankan ini merupakan satu kajian pembangunan sebuah modul kurikulum melalui penggunaan *Design and Developmental Research* (Ritchey & Klein, 2007). Oleh itu, objektif khusus kajian ini mengandungi tiga fasa utama. Fasa pertama kajian ini adalah bagi mendapatkan maklumat berkaitan keperluan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.

Satu kajian analisis keperluan melalui kaedah tinjauan telah dijalankan terhadap para pelajar di sebuah IPTS yang telah dipilih untuk mendapatkan maklumat mengenai kemahiran dan penggunaan teknologi dan minat kerjaya pelajar. Dapatan ini

diperlukan bagi mengetahui dan menentukan keperluan sebenar dan bentuk pengisian berkaitan kerjaya yang sesuai selaras dengan keperluan sebenar pelajar. Terdapat keperluan untuk mengenalpasti tahap kemahiran dan pengetahuan pelajar terhadap penggunaan teknologi bagi memastikan penawaran pendidikan atas talian ini bersesuaian dengan kemampuan dan kesediaan pelajar. Seterusnya, perancangan bagi pembangunan modul pendidikan kerjaya ini antaranya bertujuan untuk melahirkan graduan yang kreatif dalam membina kerjaya mereka bukan hanya bersandarkan kelulusan yang dimiliki tetapi bijak memanfaatkan minat dan potensi diri sendiri. Ia juga dapat mengatasi masalah ketidaksepadanan kerja dalam kalangan graduan. Bagi tujuan tersebut, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kemahiran dan penggunaan teknologi dalam kalangan pelajar dan mengenalpasti keperluan faktor minat dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Objektif fasa kedua adalah untuk mereka bentuk serta membangunkan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Dapatan dari fasa kedua ini akan menentukan kesesuaian modul berdasarkan pandangan pakar-pakar yang akan dipilih. Seterusnya, objektif fasa ketiga kajian ini adalah untuk menilai modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dari persepsi pelajar.

### **Fasa I: Analisis Keperluan.**

#### **Mengenalpasti keperluan pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.**

- a. Mengenalpasti tahap kemahiran dan penggunaan teknologi di kalangan pelajar.
- b. Mengenalpasti keperluan faktor minat dalam pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya.

## **Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul**

**Mengenalpasti reka bentuk dan pembangunan modul yang sesuai bagi kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan mengikut konsensus pakar.**

- a. Mengenalpasti objektif utama bagi kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian mengikut kesepakatan pakar.
- b. Mengenalpasti kandungan yang sesuai bagi kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian mengikut kesepakatan pakar.
- c. Mengenalpasti strategi yang sesuai bagi kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian mengikut kesepakatan pakar.
- d. Mengenalpasti penilaian yang sesuai bagi kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian mengikut kesepakatan pakar.

## **Fasa III: Penilaian**

**Menilai kebolehgunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.**

- a. Mengenalpasti kebolehgunaan penggunaan modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian dalam meningkatkan pengetahuan pelajar tentang aspek kerjaya.
- b. Mengenalpasti kebolehgunaan penggunaan modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian dalam memudahkan proses pembelajaran.
- c. Mengenalpasti kebolehgunaan penggunaan modul kurikulum pendidikan kerjaya dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran pendidikan kerjaya.

## **Soalan Kajian**

Bersumberkan kepada objektif kajian di atas, soalan kajian dalam kajian pembangunan modul ini akan dibahagikan kepada tiga fasa iaitu Fasa Analisis Keperluan, Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan dan Fasa Penilaian untuk dijawab. Bersumberkan kepada objektif kajian, beberapa soalan kajian di bawah telah dibentuk.

### **Fasa I: Analisis Keperluan**

Soalan 1: Apakah keperluan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan? Untuk menjawab soalan ini, dua sub soalan kajian telah dibentuk:

- 1.1 Sejauhmanakah tahap kemahiran dan penggunaan teknologi di kalangan pelajar?
- 1.2 Sejauhmanakah faktor minat menjadi keperluan kepada pembangunan modul kurikulum ini?

### **Fasa II: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul**

Soalan 2: Apakah maklumat yang diperlukan bagi mereka bentuk modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan? Bagi menjawab soalan ini, empat sub soalan kajian telah dibentuk:

- 2.1 Apakah objektif yang sesuai dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan berasaskan pandangan pakar?
- 2.2 Apakah kandungan yang sesuai bagi pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan berasaskan pandangan pakar?

2.3 Apakah strategi yang berkesan dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan berasaskan pandangan pakar?

2.4 Apakah penilaian yang sesuai dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan berasaskan pandangan pakar?

### **Fasa III: Penilaian**

Soalan 3: Apakah kebolegunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan? Bagi menjawab soalan ini, tiga sub soalan kajian telah dibentuk:

3.1 Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat meningkatkan pengetahuan tentang aspek kerjaya di kalangan pelajar?

3.2 Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat memudahkan pembelajaran di kalangan pelajar?

3.3 Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran pendidikan kerjaya?

### **Rasional Kajian**

Kajian pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dijalankan dengan rasional-rasional berikut:

- i. Faktor penerimaan pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling dan keinginan yang rendah dalam mendapatkan sumber dari kaunselor

(Dana Vertsberger & Itamar Gati, 2016; Whiston et al., 1998; Oliver & Spokane, 1988) menggambarkan bahawa perlunya kepelbagaian pendekatan dalam penawaran perkhidmatan kaunseling supaya pelajar dapat memanfaatkan perkhidmatan tersebut.

- ii. Kesukaran dalam proses pemilihan kerjaya hari ini menjadi cabaran baru kepada kaunselor kerjaya (Starica, 2011; Luzzo, 1993). Oleh yang demikian pembangunan modul perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan boleh dilihat sebagai satu alternatif dalam mempelbagaikan kaedah pendekatan kaunseling kerjaya dengan mengadakan kursus atau program yang lebih bersifat jangka panjang berbanding program-program yang berbentuk jangka pendek.
- iii. Penggunaan teknologi dapat meluaskan jaringan perhubungan dan menyampaikan perkhidmatan kaunseling kerjaya tanpa batasan dan sempadan kepada para pelajar. Penggunaan teknologi sejajar dengan perkembangan TMK dan memenuhi trend remaja masakini yang lebih gemar kepada teknologi dan media masa.
- iv. Sejajar dengan trend pemilihan teknologi dalam kalangan remaja masa kini, penawaran perkhidmatan kaunseling atas talian dilihat berpotensi untuk membina perhubungan awal antara kaunselor dengan pelajar dan ia boleh dijadikan *platform* bagi mempromosikan perkhidmatan kaunseling kepada para pelajar.
- v. Rasional pemilihan Teori *Dual Coding* kerana teori ini menerangkan bahawa kelakuan manusia dan pengalaman seseorang yang dinamik beroperasi melalui rangkaian yang kaya dengan representasi verbal dan

visual yang khusus (Clark, Paivio, 1991). Teori *Dual Coding* juga menyifatkan bahawa seseorang akan belajar lebih baik jika media belajar yang digunakan adalah terdiri daripada gabungan yang tepat iaitu dari saluran verbal dan saluran visual (Najjar, 1995).

- vi. Rasional pemilihan teori perkembangan kerjaya Holland kerana teori ini percaya bahawa minat seseorang terhadap bidang kerjaya ataupun pemilihan kerjaya adalah satu gambaran terhadap personaliti seseorang. Teori kerjaya Holland dicipta berdasarkan anggapan bahawa minat kemahiran merupakan salah satu yang terangkum dalam keperibadian seseorang. Tumpuan pengkaji dalam kajian ini bukanlah kepada 'inventori kekunci empirikal' iaitu bidang minat yang berkaitan dengan pekerjaan-pekerjaan khusus. Sebaliknya kajian ini menggunakan 'inventori kekunci bukan empirikal' yang tertumpu kepada bidang umum, bukan dalam bidang pekerjaan yang khusus. Melalui modul pendidikan kerjaya ini, pelajar akan didedahkan dengan enam jenis personaliti yang diharap dapat menjadi panduan dan memenuhi kesepadanan kemahiran dan kerjaya mereka. Oleh itu, harapan pengkaji adalah untuk memupuk minat dan bakat yang dimiliki oleh setiap individu yang akhirnya minat dan bakat ini boleh dikomersialkan sebagai satu kerjaya.
- vii. Rasional pemilihan Teori Sosial Kognitif Kerjaya kerana teori ini telah diperkenalkan sebagai teori yang praktikal dalam pembangunan dan penilaian dalam program kerjaya bagi pelajar sekolah tinggi. Justifikasi pemilihan teori ini kerana ia memberi tumpuan kepada pengaruh faktor-faktor luaran atau persekitaran dan faktor dalaman dalam proses

pembangunan kerjaya pelajar. Melalui pelbagai aktiviti dan sokongan, pelajar dapat membina kemahiran yang khusus seterusnya membantu perkembangan kerjaya pelajar. Oleh yang demikian, modul ini dibangunkan sebagai *platform* sokongan yang menyalurkan bantuan awal kepada pelajar melalui perkongsian maklumat kerjaya.

- viii. Rasional pemilihan Model Kurikulum Tyler kerana model ini dianggap sebagai model pembangunan kurikulum yang paling dominan dan diperakukan (Saedah Siraj, 2001). Objektif pendidikan yang dikemukakan oleh Tyler merujuk kepada satu rumusan yang jelas terhadap jangkaan perubahan tingkah laku yang dipengaruhi melalui proses pembelajaran tersebut (Segedinac et al., 2011; Bloom, Englehart, Furst, Hill, & Krathwohl, 1956).
- ix. Rasional pemilihan Model Wright kerana model ini memberikan garis panduan yang jelas sebagai keperluan dalam penawaran sesebuah kursus atau pendidikan yang bersifat atas talian.

### **Signifikan Kajian**

Kajian pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya akan memberi impak kepada perkhidmatan kaunseling kerjaya di IPT. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini diharap dapat menyumbang dan memberi input serta dalam mempelbagaikan kaedah dan pendekatan yang dapat memenuhi keperluan pelajar peringkat tinggi terhadap perancangan dan matlamat kerjaya mereka. Generasi muda hari ini membesar bersama-sama perkembangan teknologi. Oleh itu, perkhidmatan atas talian boleh dilihat sebagai satu potensi untuk memperkenalkan dan menggalakkan pelajar berhubung dengan kaunselor. Medium atas talian boleh

dijadikan *platform* untuk kaunselor menanamkan kesedaran kepada pelajar tentang kelebihan sesi kaunseling sebagai satu bentuk pertolongan yang lebih berkesan.

Setiap IPT mempunyai pelaksanaan perkhidmatan kaunseling kerjaya yang berbeza-beza. Kajian ini diharap dapat mencetuskan idea kepada IPT di seluruh Malaysia dalam membangun dan melaksanakan modul kurikulum dan program-program pendidikan kerjaya supaya objektif perkhidmatan kaunseling kerjaya dapat dicapai. Dengan penggunaan jaringan teknologi, perkongsian maklumat antara IPT boleh dipertingkatkan seterusnya menggalakkan usahasama antara IPT seperti program kerjasama mengenai aspek kerjaya, seminar dan bengkel-bengkel. Malah penggunaan teknologi juga dilihat sangat efektif dan sangat ekonomik berbanding program yang dijalankan secara bersemuka. Oleh yang demikian, kajian ini diharap mampu membantu bukan sahaja kepada kaunselor, tetapi dapat memberi sumbangan kepada institusi pendidikan dan penyelidik-penyelidik seterusnya.

### **Delimitasi Kajian**

Kajian yang dijalankan ini bertujuan membangun serta menilai modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dan pada masa yang sama turut mengkaji proses. Tumpuan penilaian kajian pembangunan modul pendidikan kerjaya ini hanyalah kepada sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam daerah Gombak. Selain itu, tunjang kepada reka bentuk modul kurikulum pendidikan kerjaya adalah mengikut pandangan pakar melalui aplikasi teknik *Fuzzy Delphi*. Di samping itu juga, penyelidik hanya menumpukan kepada tiga teori dan dua model sahaja iaitu Teori *Dual Coding*, Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya, serta Model Kurikulum Tyler dan Model Wright dalam kajian ini.

## **Limitasi Kajian**

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mereka bentuk, membangun seterusnya menilai modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Oleh itu, kajian yang telah dijalankan ini merupakan penyelidikan pembangunan yang mana pada waktu yang sama pengkaji akan melihat proses pembangunan modul tersebut.

Kajian ini halikatnya amat bergantung kepada kerjasama dan keterlibatan responden. Oleh itu, kesahan dapatan kajian ini akan bergantung kepada respon yang akan diberikan semasa proses pengumpulan data iaitu melalui kaedah tinjauan, teknik *Fuzzy Delphi* dan kaedah temubual. Pada fasa pertama kajian, jumlah responden yang terlibat hanya terhad kepada 150 orang sahaja daripada jumlah keseluruhan pelajar di sebuah IPTS yang dianggarkan mempunyai empat ribu orang pelajar dan responden yang telah dipilih adalah dari kalangan pelajar yang sedang mengikuti kursus di peringkat diploma. Oleh itu, maklumat yang diperolehi dari kajian ini tidak boleh digeneralisasikan dalam situasi yang berbeza.

Fasa kedua kajian akan mengambil kira pendapat dan pandangan pakar dalam proses mereka bentuk dan membangunkan modul kurikulum ini. Hanya 15 orang pakar yang akan dipilih mewakili tiga bidang yang berbeza iaitu bidang kurikulum, bidang kaunseling dan bidang teknologi maklumat yang dipilih berdasarkan pencapaian dan sejarah kejayaannya dalam lapangan kerjaya. Latar belakang dan pengalaman pakar akan mempengaruhi pemikiran dan pendapat mereka dalam mereka bentuk modul kurikulum ini. Begitu juga dengan jumlah pakar yang sedikit masih tidak dapat mewakili suara majoriti.

## Definisi Istilah

**Kurikulum.** Kurikulum didefinisikan sebagai suatu pengalaman pembelajaran dalam bentuk rancangan pembelajaran (Norlidah, 2010; Wiles & Bondi, 2007). Tunjang utama kajian ini adalah untuk mereka bentuk satu kurikulum yang khusus dalam menyalurkan perkhidmatan kaunseling kerjaya di peringkat IPT.

**Kaunseling.** Kaunseling merupakan suatu bentuk perhubungan menolong yang dilakukan oleh kaunselor berdaftar yang diiktiraf melalui kelayakan yang telah ditetapkan. Proses ini dijalankan dengan bersistematik berpandukan prinsip-prinsip yang terkandung dalam ilmu psikologi. Ia bertujuan menghasilkan dan mewujudkan perubahan serta kemajuan yang positif sesuai dengan keperluan klien dan kesannya bersifat jangka panjang dan berterusan sepanjang hayat klien.

**Kaunseling kerjaya.** Persatuan Kebangsaan Pembangunan Kerjaya (1997) mendefinisikan kaunseling kerjaya sebagai satu proses yang memberikan pertolongan dan bantuan kepada individu mengenai segala aspek yang berkaitan dengan pembangunan kerjaya dalam kehidupan. Tumpuan utama adalah kepada peranan seseorang individu tersebut dalam pekerjaan yang diceburinya dan bagaimana peranan tersebut berhubung dengan peranan-peranan yang lain dalam kehidupannya (Okpenge et al., 2013). Tujuan utama kaunseling kerjaya adalah menolong klien menjadi lebih efektif menyelesaikan masalah dalam aspek pekerjaan klien (Rebecca & Charles, 2006).

Kaunseling kerjaya merupakan satu proses membantu individu dalam masalah perkembangan kerjaya. Ia meliputi proses menolong dalam membuat pemilihan, penglibatan klien dengan kerjaya, proses penyesuaian diri dan memajukan diri dalam bidang pekerjaan. Kaunseling kerjaya juga boleh ditakrifkan sebagai satu turutan proses yang diwujudkan dengan tujuan untuk menolong seseorang yang berhadapan

dengan permasalahan berkaitan perkembangan dan aspek kerjaya (Brown & Brook, 1991) serta saling berkait rapat dengan peranan-peranan lain dalam kehidupan seseorang itu (2002).

**Pengintegrasian teknologi.** Dalam kajian ini, pengintegrasian teknologi boleh dijelaskan sebagai satu penggantian atau penukaran teknik sedia ada dalam perkhidmatan kaunseling kerjaya. Teknologi digunakan untuk menggantikan kaedah sedia ada iaitu melalui kaedah secara bersemuka. Dalam kebanyakan program kaunseling kerjaya yang diadakan di peringkat sekolah mahupun IPT, kaedah yang biasa digunakan adalah melalui program-program berbentuk seminar dan bengkel yang dikendalikan secara bersemuka.

**Kaunseling atas talian.** Mallen and Vogel (2005) memberikan definisi yang jelas mengenai kaunseling atas talian iaitu “Apa jua penyampaian perkhidmatan mengenai kesihatan mental dan tingkahlaku, termasuklah perkara-perkara yang tidak hanya terhad kepada terapi, sebaliknya meliputi perundingan, psikopendidikan oleh pengamal berlesen kepada klien bukan secara bersemuka tetapi melalui teknologi komunikasi seperti telefon, emel, *chat* dan *video conferencing* (Rummell & Joyce, 2010).

**Pendidikan kerjaya.** Pendidikan kerjaya merupakan penglibatan satu pendekatan pendidikan yang dibangunkan lebih awal mengenai pelbagai aspek kemahiran dan kebolehan yang diperlukan dalam pembangunan dan pengurusan sebelum memulakan kerjaya (Lemeni & Mihalcea, 2005). Jigau (2001) mendefinisikan konsep pendidikan kerjaya sebagai satu bidang yang sangat luas termasuk aspek-aspek yang tidak berkaitan secara langsung dengan pengamalan *profesion*, membangunkan kehidupan dalam sesebuah keluarga, masa lapang, membesarkan dan mendidik anak-anak, keadaan ekonomi keluarga, isu-isu yang

berkaitan dengan nilai-nilai dan kualiti hidup, bagaimana untuk menghadapi situasi dramatik dalam kehidupan seperti kematian, perceraian, bencana alam, pengangguran dan lain-lain (Jigau, 2001).

**Bidang Sains Kesihatan.** Bidang sains kesihatan merupakan bidang yang melibatkan cabang-cabang ilmu sains yang berkaitan dengan kesihatan seperti Sains Perubatan, Sains Kejururawatan, Kesihatan Persekitaran, Farmasi, Pembantu Perubatan, Terapi Cara Kerja, Fisioterapi dan Teknologi Makmal Perubatan.

### **Rumusan**

Bab pertama ini telah mengupas bahagian-bahagian utama di dalam bab iaitu mengenai latar belakang kajian pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan. Di samping itu, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, delimitasi, limitasi dan definisi istilah turut sama dihuraikan dalam bab pertama ini.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### **Pengenalan**

Terdapat enam bahagian utama yang akan dibincangkan pada bahagian ini. Bahagian pertama perbincangan akan menyentuh tentang pengenalan kepada kurikulum di Malaysia. Bahagian kedua membincangkan tentang perkhidmatan kaunseling dalam pendidikan di dalam dan di luar negara. Perbincangan dalam bahagian kedua ini akan memberi tumpuan kepada matlamat perkhidmatan, perkembangan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah dan perkembangan perkhidmatan kaunseling di IPT, perkhidmatan kaunseling kerjaya dan perkembangan kaunseling kerjaya di IPT. Manakala bahagian ketiga pula menyentuh tentang pengintegrasian teknologi dalam perkhidmatan kaunseling dan pendidikan.

Seterusnya, pendidikan kerjaya akan dibincangkan pada bahagian keempat. Pada bahagian ini, perbincangan tertumpu kepada konsep pendidikan kerjaya, program pendidikan kerjaya di Malaysia dan di luar negara. Bahagian kelima pula akan memberi tumpuan terhadap teori dan model yang menjadi tunjang dan panduan kepada kajian pembangunan modul ini. Teori *Dual Coding*, Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya akan diaplikasi dalam kajian ini. Pada bahagian ini juga dibincangkan tentang Model Kurikulum Tyler iaitu model utama yang mendasari kajian pembangunan modul ini kerana ianya menjadi panduan kepada pembangunan elemen-elemen kurikulum penting dalam kajian ini. Manakala Model Wright digunakan sebagai panduan kepada penawaran modul kurikulum yang bersifat atas talian. Bahagian terakhir iaitu bahagian keenam akan menyentuh tentang kerangka konsep kajian.

## **Kurikulum**

Kurikulum merupakan pengalaman belajar yang tersedia dalam bentuk rancangan pembelajaran. Kurikulum sentiasa berubah selari dengan keperluan dan perkembangan semasa samada di dalam mahupun di luar Malaysia. Realitinya, terdapat banyak faktor yang mendorong kepada perubahan sesebuah kurikulum sediada antaranya faktor sosial, keperluan terhadap pengetahuan, perkembangan manusia dan pengaruh aspek teknologi dalam pendidikan itu sendiri (Norlidah, 2010; Wiles & Bondi, 2007). Sementara kurikulum kebangsaan pula merupakan suatu program pendidikan yang telah disusun mencakupi aspek-aspek pengetahuan, kemahiran, kepercayaan dan kebudayaan. Kurikulum kebangsaan ini dibangunkan dalam usaha membentuk dan mewujudkan individu yang berkualiti dari kepelbagaian aspek. Ia mencakupi aspek-aspek samada dari segi fizikal, emosi, kerohanian serta ketinggian akal budi seterusnya dapat membentuk sebuah masyarakat berkualiti yang mempunyai ketinggian akhlak serta nilai-nilai moral yang tinggi (Abdul Fatah, 2003; Akhmal et al., 2011).

Pada pertengahan abad ke 20, konsep kurikulum diperkukuhkan lagi dengan matlamat dan objektif, diikuti dengan kepelbagaian aktiviti yang progresif dan mencabar, serta penilaian dan penaksiran hasil dari pelbagai tugas yang dijalankan (Collins, Clarke 2008; Tyler, 1949). Menurut Tyler (1935), kurikulum adalah keseluruhan pengalaman belajar yang telah disusun dan digariskan oleh sesebuah institusi pendidikan bagi mencapai objektif pendidikannya. Terdapat empat komponen yang penting dalam pembinaan dan pengembangan kurikulum, iaitu (a) menetapkan objektif pendidikan (b) menetapkan proses pembelajaran (c) menetapkan Organisasi Isi atau Bahan Pelajaran dan (d) menentukan nilai pembelajaran (Tyler, 1949).

Di Malaysia, objektif kurikulum ditentukan dengan bersandarkan kepada kriteria- kriteria yang dapat menyumbang kepada pembangunan dalam pelbagai aspek terutama aspek pendidikan kepada pelajar. Ia perlulah selari dengan falsafah pendidikan kebangsaan yang menekankan tentang kepentingan suatu pendidikan itu dalam menyokong perkembangan potensi seseorang demi melahirkan insan dan masyarakat yang seimbang yang akhirnya dapat memberi sumbangan kepada bangsa dan negara.

Tidak kira samada sesebuah institusi pendidikan itu kecil atau besar, awam atau swasta, dua tahun atau empat tahun tempoh pengajian, keperluan terhadap program atau kursus persediaan peralihan dari kolej ke dunia kerja dilihat sesuai dilaksanakan. Satu reka bentuk kurikulum program yang mensasarkan peserta, sumber, objektif pembelajaran dan usaha sama tertentu adalah kunci kepada hasil yang berjaya (Mills & Sutera, 2012).

Moore dan Pinsky (2015) dalam kajiannya telah membangunkan satu set kurikulum kemahiran pembangunan kerjaya dalam bidang perubatan penjagaan kritikal (*critical care medicine (CCM)*). Objektif utama kajian eksperimen ini adalah untuk menentukan kesesuaian kandungan untuk kepimpinan dan pengurusan latihan dalam disiplin penjagaan kritikal. Pembangunan kurikulum ini memberi fokus terhadap pembangunan kemahiran profesional kepada para pelajar. Kurikulum ini menggunakan pembelajaran dan aktiviti secara langsung dan atas talian. Pelajar-pelajar dalam bidang ini memerlukan pengetahuan dan latihan mengenai pembangunan kerjaya yang merangkumi pelbagai topik, termasuk aspek pengajaran, kemahiran perniagaan, kemahiran penulisan ilmiah, kemahiran kepimpinan dan keseimbangan antara pekerjaan dan juga kehidupan. Mereka dilihat tidak mendapat sokongan yang mencukupi dalam membangunkan matlamat kerjaya mereka dengan

mengambil kira kepimpinan klinikal, pengajaran, penyelidikan, pentadbiran dan pengurusan. Cara yang dicadangkan untuk meningkatkan sokongan tersebut termasuklah penambahan bengkel-bengkel pembangunan kerjaya, sesi pengajaran dan aktiviti bersepadu yang lainnya (Moore & Pinsky, 2015).

Masih belum ada satu kurikulum yang khusus mengenai asas kemahiran dalam pembangunan kerjaya yang dapat membantu pelajar secara efektif sewaktu proses peralihan dari latihan kepada pekerjaan. Latihan dari sumber-sumber yang lain seperti bengkel persidangan atau program universiti masih belum meluas berbanding jumlah pelajar yang bergraduasi. Kandungan latihan juga mungkin tidak memenuhi keperluan sebenar pelajar kerana ada kebarangkalian ia tidak melibatkan sumber-sumber dari bidang CCM itu sendiri. Melalui dapatan kajian, responden menyatakan bahawa kurikulum ini sangat efektif dan ia dilihat mampu memberikan panduan dan sokongan kepada pelajar dalam mencapai matlamat mereka. Pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap kurikulum ini. Sebagai kesimpulan, mengajar pelbagai kemahiran pembangunan kerjaya boleh mengekalkan dan meningkatkan tahap keyakinan diri seseorang pelajar itu (Moore & Pinsky, 2015).

Kurikulum tidak bersifat kekal dan ianya senantiasa mengalami perubahan kerana ianya perlu selari dengan perubahan dan keperluan semasa. Realitinya kurikulum yang baik dan berkesan bukanlah kurikulum yang dibangunkan mengikut perkembangan dan teknologi dunia tetapi sebaliknya mampu memberikan satu bentuk pengisian pendidikan yang bermakna dengan mengambil kira keperluan dan persekitaran sesebuah negara yang mana kurikulum tersebut dilaksanakan. Keadaan ini juga menggambarkan perkembangan kurikulum pendidikan di Malaysia yang senantiasa mengalami perubahan dan penambahbaikan demi mencapai objektif pendidikan tersebut.

Selain keperluan terhadap perkembangan dan penambahbaikan kurikulum dan kursus-kursus akademik, penambahbaikan terhadap kursus-kursus sokongan seperti aspek kemahiran dan pendidikan kerjaya perlu diambilkira. Pembangunan sebuah modul kurikulum yang jelas dengan matlamat memberikan panduan, informasi dan kebijaksanaan merancang kerjaya kepada para pelajar di peringkat pengajian tinggi bukan sahaja dapat menyokong perkembangan dan pembangunan kerjaya mereka tetapi juga dapat membantu pelajar untuk lebih kreatif mencipta dunia kerjaya mereka dan lebih bersedia untuk berhadapan dengan cabaran ekonomi global.

### **Perkembangan Perkhidmatan Kaunseling dalam Bidang Pendidikan**

Perkhidmatan kaunseling pada awal perkembangannya dimulakan di sekolah dan institusi pendidikan tinggi awam (IPTA), iaitu sekitar akhir tahun 1960an. Pada tahun-tahun 1990an perkhidmatan ini telah mula ditawarkan di sektor bukan pendidikan seperti di Jabatan Kebajikan Masyarakat (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia/ KPTM, 2011). Pada tahun 1992, kerajaan telah menubuhkan Unit Kaunseling dan Psikologi di Jabatan Perkhidmatan Awam Kerajaan Malaysia dengan menawarkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada kakitangan kerajaan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merupakan salah satu kementerian yang giat mempromosikan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat dalam memenuhi matlamat kementerian iaitu ke arah membentuk masyarakat yang sejahtera. Tidak hanya ditawarkan dalam sektor-sektor kerajaan, perkhidmatan ini juga mula mendapat perhatian dalam sektor-sektor swasta tidak kira dalam bidang pendidikan mahupun industri samada memberikan perkhidmatan kepada para pekerja ataupun sebagai badan konsultan yang memberikan khidmat kepakaran seperti dalam aspek

kaunseling kerjaya kepada syarikat-syarikat yang memerlukan perkhidmatan konsultasi ini.

Sejarah perkhidmatan kaunseling dalam bidang pendidikan di Malaysia bermula di peringkat sekolah. Perkhidmatan kaunseling di Malaysia bermula seawal 1960an dengan tertubuhnya Unit Panduan Pelajaran dan Kerjaya di *Educational Planning and Research Division* pada tahun 1963 di bawah Kementerian Pendidikan (Sew, Jin & Mah 2013). Kementerian pelajaran telah menggariskan beberapa panduan bagi menyelaraskan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di peringkat sekolah. Perkhidmatan ini kemudiannya mula mendapat perhatian dan mula ditawarkan di peringkat pendidikan tinggi di Malaysia. Bermula Mac 1996, setiap sekolah menengah di Malaysia telah diperuntukan jawatan kaunselor sepenuh masa.

Pada tahun 1982, perkembangan kaunseling di Malaysia maju selangkah lagi dengan penubuhan Persatuan Kaunseling Malaysia yang dikenali sebagai PERKAMA. Sehingga kini, persatuan ini giat menjalankan bengkel dan seminar selain bertindak sebagai Lembaga Kaunselor Malaysia yang memberikan lesen amalan profesional kaunselor kepada pengamal kaunselor di Malaysia. Pada 2011, PERKAMA telah memperkemaskan lagi persatuan dengan memberikan nama baru kepada persatuan iaitu Persatuan Kaunseling Antarabangsa Malaysia.

**Perkembangan perkhidmatan kaunseling di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).** Institut Teknologi MARA merupakan institusi pengajian tinggi pertama yang menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada pelajarannya. Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta institusi pengajian tinggi lain telah mengikut jejak Institut Teknologi MARA mengadakan perkhidmatan kaunseling bagi membantu pelajar yang berhadapan dengan kemusykilan dan permasalahan hidup

mereka semasa berada di kampus (Rohany, 2008). Malah, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menetapkan garis panduan dan piawaian terhadap IPTS agar menempatkan kaunselor yang bertauliah atau berlatar belakangkan pendidikan psikologi bagi memegang jawatan sebagai seorang kaunselor di IPTS.

Dalam satu kajian yang telah dijalankan di UKM, didapati terdapat permintaan terhadap perkhidmatan kaunseling yang telah disediakan. Ia seterusnya menunjukkan berlakunya peningkatan antara tahun 2006 sehingga tahun 2009. Tidak hanya menawarkan perkhidmatan kaunseling, Badan Kaunseling Rakan Sebaya juga telah ditubuhkan pada tahun 1987. Pelajar yang layak menjadi ahli BKRS akan dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran asas komunikasi dan kemahiran-kemahiran asas dalam perkhidmatan menolong oleh kaunselor. Kaunseling Rakan Sebaya hakikatnya perlu diperluaskan lagi sebagai satu program yang lebih tersusun seterusnya wajar dilaksanakan di setiap kolej kediaman dan fakulti. Ia dilihat berpotensi menjadi platform pertama pelajar dalam mendapatkan sumber bantuan sebelum dirujuk kepada pihak-pihak yang berkaitan (Taip & Abdul Halim, 2009).

Bagi memperkasakan lagi perkhidmatan kaunseling di peringkat pendidikan tinggi, IPTA telah menubuhkan Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti-Universiti Malaysia (MAKUMA) pada 29 Februari 2003. Badan ini ditubuhkan bertujuan bagi memperkasakan lagi perkhidmatan kaunseling dan kerjaya. Misi utama penubuhan MAKUMA adalah untuk menyeragamkan dan menyelaraskan dasar, kepakaran, idea, kaedah dan aktiviti kaunseling dan kerjaya secara berperingkat-peringkat di IPTA. Beberapa objektif yang jelas telah digariskan dalam MAKUMA iaitu (a) menyediakan garis panduan pelaksanaan perkhidmatan kaunseling dan kerjaya yang standard di IPTA (b) menyelaraskan perkhidmatan kaunseling dan kerjaya secara bersepadu untuk memenuhi keperluan mahasiswa mengikut perkembangan semasa dan terkini yang

boleh digunapakai di IPTA (c) memantapkan kemahiran dan kepakaran kaunselor melalui perkongsian pintar ke arah membantu meningkatkan kecemerlangan mahasiswa. MAKUMA mempunyai keanggotaan dari 20 IPTA yang kebanyakannya terdiri daripada mereka yang terlibat serta memiliki kelulusan dalam bidang kaunseling.

Biarpun perkhidmatan kaunseling di negara bermula agak lewat berbanding di kebanyakan negara di dunia, namun perkembangannya menunjukkan satu pencapaian yang sangat positif.

**Perkembangan perkhidmatan kaunseling dalam bidang pendidikan di luar negara.** Kebanyakan negara terutama negara-negara yang berstatus negara maju meletakkan perkhidmatan kaunseling dan kaunseling kerjaya sebagai satu aspek penting kepada para pelajar. Di Singapura, pembangunan ekonomi dan pendidikan dilihat seiring. Sekiranya kebanyakan sekolah di negara barat seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom memberikan tugas dan penilaian yang banyak kepada para pelajar, Singapura menggunakan pendekatan mengurangkan jumlah tugas kepada pelajar dan mengurangkan kurikulum di peringkat sekolah menengah untuk memberi kefleksibilitan kepada pelajar untuk mengembangkan kreativiti mereka di samping meningkatkan kemahiran berfikir. Polisi pendidikan di Singapura sangat menitikberatkan kualiti kurikulum bagi memastikan setiap pelajar yang keluar dari sekolah mempunyai kemahiran untuk berhadapan dengan tuntutan pasaran kerja. Oleh itu, peranan kaunseling di sekolah dilihat amat penting sebagai alat yang menyokong sistem pendidikan Singapura (Jin, 2013). Perkhidmatan kaunseling di sekolah terarah kepada membantu pelajar menangani permasalahan-permasalahan seperti kegagalan, kesedihan dan pengurusan tingkahlaku bermasalah. (Jin, 2013; Tan, 2002, 2004).

*Pastoral Care and Career Guidance* (PCCG) diperkenalkan pada tahun 1987 dengan memberi penekanan kepada perancangan dan pelaksanaan program-program bimbingan. Dengan penubuhan PCCG, peruntukan dalam perkhidmatan kaunseling lebih proaktif dan berkembang, pendedahan dan panduan dijalankan setiap minggu di dalam kelas seperti panduan kerjaya dan kemahiran penyelesaian masalah (Jin, 2013; MOE, 1997; Tan, 2004). Sehingga tahun 2000, guru-guru yang telah bersara diambil sebagai guru kaunselor sambilan di sekolah-sekolah untuk memantapkan lagi sistem pendidikan Singapura. Malah sistem pendidikan Singapura juga telah melaksanakan *Community-based integrated Model*. (Jin, 2013).

Selain Singapura, Hong Kong turut menjadikan perkhidmatan bimbingan kerjaya sebagai salah satu aspek penting yang ditekankan dalam kaunseling di kebanyakan sekolah menengah, kolej dan universiti. Bimbingan kerjaya di sekolah bermula seawal tahun 1959 apabila guru kaunselor dipertanggungjawabkan untuk memberikan pencerahan dan persediaan terhadap para pelajar berkaitan aspek pendidikan yang lebih tinggi dan alam pekerjaan (Yuen, Leung & Chan, 2012; Ho, 2008). Keperluan terhadap kaunseling kerjaya meningkat secara drastik di Hong Kong disebabkan oleh keadaan ekonomi yang sentiasa berubah-ubah. Oleh yang demikian, kaunseling kerjaya yang merupakan satu bidang perkhidmatan professional telah dibangunkan di sekolah-sekolah, kolej dan komuniti di Hong Kong (Yuen, Leung & Chan, 2012).

Sementara itu, bimbingan vokasional di sekolah-sekolah di Austria telah dijadikan sebagai pendidikan wajib seawal gred ketujuh dan kelapan. Ia bertujuan untuk membimbing pelajar dalam pembangunan personaliti mereka serta mengenalpasti minat dan idea-idea tentang kerjaya masa hadapan mereka. Melalui saluran maklumat dan perkhidmatan kaunseling, golongan remaja ditawarkan dengan

pengetahuan tentang pilihan kerja, kerjaya dan latihan. Semasa di gred Sembilan, pelajar yang memerlukan pendidikan khas diperlukan mengikuti program ‘persediaan vokasional’ di sebuah sekolah khas. Tujuan utama bimbingan vokasional di sekolah tersebut adalah untuk menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan berkenaan dengan latihan dan kerjaya pilihan (Fasching, 2012).

Di Austria, guru-guru dan kaunselor kerjaya bekerjasama dalam menawarkan perkhidmatan yang berkaitan aspek kerjaya dan pasaran tenaga kerja. Ia sebagai satu langkah dalam membantu pelajar yang memerlukan pendidikan khas semasa proses peralihan kepada latihan vokasional dan pekerjaan. Perkongsian maklumat, penawaran perkhidmatan kaunseling dan sistem mentor kepada golongan muda berusia dari 13 hingga 24 tahun berperanan sebagai penyambung dari alam persekolahan kepada pasaran buruh. Peruntukan ini pada dasarnya disediakan kepada semua anak-anak muda yang kurang upaya. Ia bertujuan memberikan peluang kepada remaja mengenai peluang pekerjaan masa depan, selain membantu mereka membuat keputusan bagaimana untuk meneruskan kehidupan supaya mereka dapat diintegrasikan dalam pasaran buruh (Fasching, 2012).

Sistem pendidikan di Switzerland turut memberi penekanan yang kuat terhadap pendidikan vokasional dan latihan kepada para pelajar. Ia bertujuan supaya hampir 70 peratus daripada keseluruhan pelajar mendapat pendidikan ini selepas selesai mengikuti pendidikan wajib pada gred sembilan. Kursus ini perlu diikuti oleh pelajar selepas mereka menghabiskan pengajian di gred lapan. Pelajar diberikan kebebasan untuk memilih program vokasional mengikut minat dan pilihan mereka. Bagi pelajar yang berhasrat meneruskan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi juga perlu mengikuti pendidikan vokasional ini. Pelajar-pelajar tanpa mengira bidang pilihan mereka akan dikumpulkan bersama dan sepanjang kursus ini dijalankan, guru akan

memperkenalkan kepada semua pelajar tentang perkhidmatan kerjaya yang telah disediakan (Balin & Hirschi, 2010).

Perkembangan dan pelaksanaan kursus pendidikan yang berkaitan dengan perkhidmatan kaunseling diberikan penekanan yang tinggi dalam sistem pendidikan di kebanyakan negara di dunia. Malahan ia sudahpun dimulakan sedari pendidikan di peringkat rendah sehinggalah ke peringkat pendidikan tinggi. Ia bukan sahaja didorong oleh keperluannya dalam menyokong pembangunan sahsiah dan kerjaya para pelajar tetapi juga atas faktor perkembangan ekonomi dunia yang semakin mencabar yang pastinya akan melibatkan aspek-aspek lain dalam kehidupan seseorang.

### **Perkembangan Kaunseling Kerjaya**

Herr (1997) menggambarkan sifat kaunseling itu sentiasa berubah-ubah dan wujudnya pertindihan definisi dalam kaunseling kerjaya itu sendiri. Kaunseling kerjaya digambarkan sebagai satu turutan yang berlaku dalam persekitaran samada perseorangan atau di dalam kelompok, yang mana kaunselor bersama-sama klien melibatkan diri bersama-sama dengan tujuan membantu klien menangani cabaran dalam dunia kerjaya sepanjang kehidupan mereka seperti pilihan pekerjaan, pelarasan dan peralihan pekerjaan serta persediaan menghadapi persaraan (Young & Domene, 2012).

Kaunseling kerjaya bermula seawal 1890an di Amerika Syarikat. Kaunseling kerjaya (ketika itu dikenali sebagai bimbingan vokasional) di Amerika Syarikat, telah dibangunkan pada akhir abad kesembilan belas kesan daripada pergolakan masyarakat, peralihan dan perubahan yang berlaku pada waktu tersebut (Pope, 2000; Brewer, 1942). Istilah kaunseling kerjaya, pembangunan kerjaya dan bimbingan vokasional mempunyai makna yang berbeza bagi masa dan dalam budaya yang tertentu.

Bimbingan vokasional adalah istilah asal yang digunakan di Amerika Syarikat dan secara umumnya digunakan di seluruh dunia pada awal perkembangan perkhidmatan bimbingan kerjaya. Istilah kaunseling kerjaya dan pembangunan kerjaya telah diperkenalkan oleh Super (1955) dan telah dibangunkan menjadi satu institusi apabila istilah *National Vocational Guidance Association* (1913-1983) ditukar kepada *National Vocational Guidance Association* (1913-1983) (Pope, 2000).

Pope (2000) telah membahagikan enam peringkat perkembangan kaunseling kerjaya iaitu pertama (1890-1919), perkhidmatan kaunseling kerjaya ditawarkan kepada masyarakat yang mana proses urbanisasi dan perindustrian mula berkembang. Pada peringkat ini juga, ujian-ujian psikologi mula dibangunkan. Antara ujian psikologi yang awal dibangunkan adalah berkaitan dengan penilaian sendiri (Pope 2000; Super & Crites, 1962; Whiteley, 1984). Pada peringkat kedua (1920-1939), perkhidmatan kaunseling kerjaya di sekolah mula diberi perhatian dan peringkat seterusnya (1940-1959) menyaksikan peralihan tumpuan kepada pendidikan di kolej dan universiti serta latihan kaunselor. Peringkat keempat (1960-1979) menyaksikan berlakunya ledakan perkembangan dalam perkhidmatan kaunseling. Idea-idea kepada pekerjaan yang memberi makna dalam kehidupan seseorang pada masa yang akan datang dan organisasi pembangunan kerjaya telah mula dibincangkan (Pope, 2000).

Peringkat kelima (1980-1989) menunjukkan bermulanya peralihan dari zaman perindustrian kepada era informasi dan kedua-dua aspek ini terus berkembang dalam kaunseling kerjaya. Peringkat keenam (1990 sehingga kini) menunjukkan penekanan terhadap kecanggihan teknologi dan perubahan demografi. Perkembangan ini turut mempengaruhi perkembangan perkhidmatan kaunseling kerjaya yang mana berlakunya penggunaan teknologi dalam perkhidmatan kaunseling kerjaya, kaunseling

kerjaya antarabangsa, pengenalan kepada kaunseling pelbagai budaya dan tumpuan kepada *school-to-work* (Pope, 2000).

Super (1990) membahagikan perkembangan dan pembangunan kerjaya seseorang sewaktu meningkat usia remaja kepada dua bahagian atau dua tahap utama. Peringkat yang pertama adalah peringkat iaitu seseorang individu itu berusaha mendapatkan maklumat tentang kerja, minat serta kebolehan. Proses ini akan meningkatkan keyakinan diri seseorang individu dan membawa kepada peluang-peluang seterusnya samada dari segi pendidikan mahupun vokasional. Pada awal peringkat kedua pula, individu akan mula meneroka pelbagai informasi mengenai kerjaya seterusnya mendorong mereka untuk membuat pilihan-pilihan utama dalam bidang kerjaya berdasarkan maklumat yang telah diperolehi pada peringkat ini. Sehingga usia 24 tahun, lazimnya seseorang itu akan terus meneroka dan mencari sumber-sumber maklumat kerjaya dan setelah meningkat dewasa mereka mula melaksanakan dan cuba merealisasikan impian dan pilihan kerjaya mereka (Balin & Hirschi, 2010).

Proses perkembangan kerjaya seseorang itu akan terus berlaku dan istilah kematangan kerjaya bukanlah peringkat akhir dalam perkembangan kerjaya seseorang itu. Ini kerana ia juga turut mewakili persediaan seseorang individu dalam mengatasi perubahan kerja yang mungkin berlaku serta keadaan persekitaran dalam merancang dan membuat keputusan kerjaya masa hadapan mereka. Ia juga dikenali sebagai penyesuaian kerjaya (Balin & Hirschi, 2010). Ini bermakna perkembangan kerjaya seseorang akan bermula dari peringkat meningkat remaja sehinggalah seseorang itu mengambil keputusan dan memilih untuk bersara. Keperluan, bantuan serta sokongan oleh kaunselor kerjaya dan sumber-sumber maklumat kerjaya adalah berbeza-beza mengikut peringkat usia.

Kegagalan dalam membuat keputusan kerjaya sering dikaitkan dengan pelbagai pembolehubah seperti faktor sokongan keluarga, masalah dalam interaksi dan penyertaan (Starica, 2011; Downing & Nauta, 2010), halangan dalam kerjaya dan persepsi terhadap sokongan sosial (Starica, 2011; Guerra & Braungart- Rieker, 1999), efikasi sendiri terhadap kepercayaan dalam membuat perancangan kerjaya, perancangan dalam kemahiran, strategi pengendalian, minat kerjaya (Starica, 2011; Betz & Voyten, 1997; Argyropoulou et al., 2007), trait kemurungan, lokus kawalan luaran dan terlalu memikirkan kesempurnaan (Starica, 2011; Leong & Chervinko, 1996). Kaunselor perlu peka dan mahir dalam menyampaikan perkhidmatan mereka selaras dengan perkembangan semasa. Selain itu, ujian-ujian kerjaya boleh digunakan untuk mengenalpasti kelemahan dan permasalahan sebenar pelajar dalam aspek kerjaya.

Kebanyakan individu terutama golongan muda menghadapi masalah dalam membuat keputusan kerjaya mereka (Itamar & Lisa, 2011; Amir & Gati, 2006; Fouad, Cotter, & Kantamneni, 2009; Gati & Amir, 2010). Sebahagian daripada masalah tersebut berpunca daripada kerumitan yang wujud disebabkan oleh (a) terdapat banyak alternatif untuk dipilih (b) banyak pertimbangan yang perlu diambil kira dan (c) tidak pasti mengenai diri sendiri dan pengetahuan mengenai dunia pekerjaan. Kerumitan ini ditambah lagi dengan kecenderungan menerima pendapat dan campurtangan orang lain sewaktu membuat keputusan kerjaya (Itamar & Lisa, 2011; Gati, 1993). Satu lagi kesukaran utama yang dihadapi oleh kebanyakan individu adalah kekurangan maklumat tentang diri sendiri (termasuklah minat dan pilihan, kebolehan dan kemahiran dan ciri-ciri personaliti). Kaunselor boleh mengambil inisiatif dengan memberikan ujian berkaitan kerjaya kepada klien seterusnya memberi maklum balas mengenai tafsiran dan cadangan yang khusus contohnya "Kepentingan dan pilihan

anda adalah serasi dengan kerjaya seorang peguam, tetapi anda perlu berusaha untuk meningkatkan gred anda dan kemahiran komunikasi lisan bagi meningkatkan peluang anda untuk diterima ke sekolah undang-undang" (Itamar & Lisa, 2011).

Realitinya, terdapat banyak faktor yang perlu diambilkira dalam perbincangan terhadap perkembangan kerjaya seseorang. Perkembangan kerjaya remaja seperti penerokaan kerjaya, membuat perancangan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya perlulah mengambilkira beberapa aspek yang sangat mempengaruhi perkembangan kerjaya seseorang. Antara aspek atau faktor-faktor yang perlu diambilkira adalah faktor demografi, faktor persekitaran, faktor budaya dan norma, faktor pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan aspek kerjaya serta keperluan dan permintaan kepada perkhidmatan kaunseling kerjaya itu sendiri.

Balin dan Hirschi (2010) dalam kajiannya mendapati bahawa keperibadian, sikap dan persepsi seseorang terhadap kaunseling kerjaya sangat mempengaruhi kecenderungan seseorang untuk mendapatkan bantuan kaunselor kerjaya. Dapatan kajian ini mendapati pelajar lelaki kurang berkemungkinan untuk mendapatkan bantuan dan perkhidmatan kaunseling kerjaya (Balin & Hirschi, 2010). Peranan kaunselor kerjaya tidak hanya terhad kepada menawarkan perkhidmatan kaunseling kerjaya semata-mata. Usaha ke arah mempromosikan perkhidmatan kaunseling kerjaya perlu dipertingkatkan agar ia dapat mengubah pemikiran dan persepsi pelajar dalam meningkatkan keinginan serta minat mereka dalam mendapatkan bantuan kaunselor kerjaya. Ini kerana pandangan dan persepsi yang baik oleh para pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling itu sendiri akan menggalakkan mereka untuk berusaha mendapatkan sumber dan maklumat yang berkaitan aspek kerjaya melalui kaunselor kerjaya. Malah usaha yang lebih besar perlu digembeling bersama pihak-pihak yang terlibat seperti institusi pendidikan supaya usaha ke arah menjadikan

pendidikan kerjaya ini sebagai satu kursus teras yang harus diambil oleh pelajar mampu direalisasikan.

**Objektif perkhidmatan Kaunseling kerjaya.** Perkhidmatan kaunseling kerjaya dilihat semakin relevan dalam konfigurasi semasa dalam dunia tenaga kerja dan dalam konteks pendidikan sepanjang hayat. Kajian yang menyeluruh dan penulisan tentang hubungan antara isu-isu yang berkaitan dengan pasaran tenaga kerja, hiper-perindustrian, perbandaran, perkembangan teknologi maklumat dan globalisasi, dengan aktiviti kaunseling kerjaya perlu diberi perhatian (Cojocariua & Puiub, 2014; Hartung, 2010). Hartung (2013) menjelaskan bahawa disiplin Kaunseling Kerjaya telah mengalami peralihan dalam tiga gelombang teori dan campurtangan iaitu:

1. Menyuaipadankan individu dengan pekerjaan
2. Mengurus pelbagai peranan sepanjang kehidupan seseorang.
3. Mereka bentuk pendekatan kontemporari dan strategi untuk membantu orang ramai dalam membina kehidupan yang lebih bermakna melalui kerja dan perhubungan. Oleh itu, penilaian dan campurtangan harus bertujuan untuk meningkatkan kualiti pekerjaan klien, meningkatkan keupayaan klien untuk menyesuaikan diri dengan kerjaya dan membantu mereka menganggap bahawa mereka seperti seorang pengarang kepada kerjaya dan kehidupan mereka.

(Savickas, 2011).

Kaunseling kerjaya telah direka sebagai satu cara untuk meneroka, memilih, menyediakan, memasukkan, menyesuaikan diri dalam memajukan dan membina kehidupan melalui kerja (Cojocariua & Puiub, 2014; Henderson & Dalton, 2010). Kaunselor kerjaya boleh menawarkan pelbagai perkhidmatan mereka. Savickas (2011) menyatakan bahawa setiap klien mempunyai keperluan tersendiri dan kaunselor

kerjaya perlu membantu untuk memenuhi keperluan tersebut. Antara perkhidmatan yang boleh disalurkan kepada klien seperti bimbingan vokasional untuk mengenalpasti pekerjaan yang sesuai, pendidikan kerjaya bagi memupuk pembangunan vokasional atau sesi kaunseling kerjaya untuk membantu klien membuat perancangan kerjaya mereka (Maree, 2013).

Herr, E. menyokong teori evolusi dan pembangunan sebagai konsep asas dalam bimbingan kerjaya sebagai peralihan dari vokasional, pekerjaan dan kemahiran psikologi kepada bimbingan kerjaya:

1. Matlamat vokasional atau kemahiran, merancang keputusan, tindakan dan tujuan memberikan hasil hanya kepada ramalan terhadap proses dan kemungkinan yang mungkin berlaku.
2. Matlamat, sikap dan keputusan ditentukan oleh persekitaran sosial, nilai-nilai kekeluargaan, jangkaan sosial, perkembangan dan keadaan ekonomi, motivasi sendiri, peluang dan penemuan dalam membangunkan minat, kemahiran dan akses kepada pelbagai peluang pendidikan dan peluang pekerjaan.
3. Individu mempelajari pelbagai pengalaman untuk memikul tanggungjawab baru dan menemui halangan dan peluang, mengkaji nilai dan keputusan, menyesuaikan gaya hidup dengan matlamat terakhirnya.

(Dandara, 2014; Herr, 1971).

Rekabentuk kerjaya diambilkira melalui perkembangan manusia dan perkembangan dunia pekerjaan. Penggantian istilah vokasional atau pembangunan profesional dengan pembangunan kerjaya membawa kepada perdebatan dalam pertukaran intipati proses. Sekiranya rujukan utama model kepakaran ini adalah

‘penyesuaian’ kerjaya dengan seseorang individu dan apabila akhirnya pemadanan ini berjaya dibuat, reka bentuk kerjaya tersebut dilihat sebagai ramalan kerjaya. Kerjaya adalah satu urutan pekerjaan, pekerjaan dan jawatan yang berkemungkinan diceburi oleh seseorang (Dandara, 2014; Davitz & Ball, 1978).

Reka bentuk kerjaya memerlukan panduan kerjaya yang progresif dan individu boleh memilih pelbagai pilihan yang ada dalam sistem pendidikan tersebut serta dapat menyediakan diri dalam pasaran buruh (Dandaraa, 2014). Perubahan dalam dunia tenaga kerja telah memberi kesan kepada teori kaunseling kerjaya (Savickas et al., 2009), dan ini memerlukan kaunselor dan ahli psikologi menyediakan maklumbalas yang sesuai dengan perubahan semasa dan bersedia untuk membuat penyesuaian kesan dari perubahan tersebut (Maree, 2013).

Sebagai kesimpulan, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam bidang kerjaya berperanan sebagai (a) mengenalpasti minat kerjaya (b) mengenalpasti personaliti (c) mengenalpasti nilai (d) pengenalan bidang dan jenis-jenis kerjaya (e) kesesuaian mata pelajaran yang diambil, kecenderungan minat dan ciri-ciri personaliti serta nilai dengan kerjaya (f) perkembangan peranan kerjaya di dalam negara dan luar Malaysia (g) kemahiran dan pendidikan ikhtisas dalam kerjaya tertentu (h) matlamat mengenai kerja secara persendirian, kerajaan dan swasta (i) peluang pendidikan dan latihan kerjaya dan (j) Sumber kewangan bagi melanjutkan pelajaran dan latihan kerjaya (Sani, 2011).

**Perkembangan kaunseling kerjaya dalam bidang pendidikan.** Sejarah mencatatkan bahawa perkhidmatan kaunseling kerjaya di peringkat pendidikan tinggi telah berkembang sejak ia mula disesuaikan dengan pelbagai model kesan dari keadaan ekonomi, trend, permintaan pasaran buruh dan keperluan universiti dan masyarakat. Pada awal 1990an, Biro Kerjaya diwujudkan bagi membantu golongan

migran mencari pekerjaan. Pada tahun 1920an dan 1930an, tumpuan bimbingan vokasional difokuskan kepada guru. Pusat kaunseling dan perkhidmatan perancangan kerjaya mula wujud dalam tahun 1970 sehingga 1980an dengan tumpuan dalam memberikan pertolongan kepada pelajar samada yang sedang mengikuti pengajian ataupun telah melengkapkan pengajian untuk meneroka kerjaya, merancang dan mencari pekerjaan. Seterusnya, revolusi teknologi maklumat dan media sosial mula berkembang dalam tahun 1990an sehingga 2000an. Perkembangan ini mengubah daripada konsep pusat kerjaya kepada rangkaian dinamik (Dey & Cruzvergara, 2014).

Di Malaysia, sebahagian pelajar di peringkat diploma dalam bidang-bidang sains kesihatan tidak mempunyai latar belakang dalam sains tulen sewaktu di peringkat SPM. Oleh yang demikian, terdapat persoalan yang timbul samada pelajar ini memilih bidang sains kesihatan disebabkan faktor minat ataupun dorongan daripada orang lain ataupun pengaruh persekitaran. Bank Dunia (2007) mendapati tiga punca utama yang mendorong kepada kegagalan dalam memperolehi pekerjaan dalam kalangan pelajar yang telah menamatkan pengajian adalah berpunca dari trend permintaan dan trend penawaran graduan itu sendiri, proses mencari dan mendapatkan pekerjaan dan kemahiran yang tidak sepadan (Muhammad Hazrul Ismail, 2012). Ketidaksepadanan minat dan kemahiran dengan bidang yang diambil boleh mendatangkan risiko kemampuan graduan tersebut setelah melibatkan diri dalam dunia pekerjaan. Status Pekerjaan Graduan Diploma 2017 menunjukkan bahawa graduan lepasan peringkat diploma politeknik dalam semua bidang merekodkan peratusan yang paling tinggi dalam kategori bekerja (melebihi 75.0 peratus). Seterusnya bagi kategori belum mendapatkan pekerjaan, graduan dari bidang pendidikan merekodkan peratusan paling tinggi, iaitu 30.9 peratus, diikuti dengan bidang sains (20.9 peratus), bidang sastera

dan sains sosial (19.0 peratus) dan bidang teknologi maklumat dan komunikasi pula merekodkan sebanyak 17.0 peratus (Laporan Kajian Pengesanan Graduan, 2017).

Kajian oleh Zafir Mohd Makhbul et.al.,(2015) menunjukkan bahawa pencapaian akademik bukan menjadi kriteria utama yang diperlukan oleh majikan, tetapi tumpuan kepada kemahiran insaniah yang mampu ditonjolkan oleh calon lebih diberi keutamaan. Kemahiran ilmiah termasuklah personaliti seseorang calon, yakin diri serta kemampuan dalam berkomunikasi. Kemahiran-kemahiran tersebut yang mampu memberi nilai tambah kepada seseorang individu serta membezakan seseorang dengan yang lain kerana hakikatnya mereka memiliki kelayakan akademik yang sama (Zafir Mohd Makhbul, Ishak Yussof, Abd Hair Awang & Arawati Agus (2015). Dapatan ini menjelaskan bahawa selain kurikulum akademik sediaada, pihak universiti perlu memberi perhatian terhadap kurikulum tambahan yang lebih memberi perhatian yang seimbang terhadap aspek-aspek kemahiran yang diperlukan oleh industri.

Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa pekerja perlu mempunyai kemahiran berbahasa Inggeris dan bahasa-bahasa tambahan yang berkemungkinan akan digunakan dalam mencari pekerjaan. Namun terdapat dapatan yang menunjukkan setiap syarikat hakikatnya memerlukan tahap keperluan yang berbeza-beza terhadap bahasa-bahasa tersebut (Ishak Yussof, Rahmah Ismail & Robiah Sidin, 2008). Ini menunjukkan selain dari jawatan yang ingin dipohon, graduan juga perlulah lebih teliti dengan menilai dan mendapatkan maklumat tentang syarikat yang ingin dipohon. Ia kerana keutamaan kriteria dan keperluan utama yang diperlukan oleh setiap majikan adalah berbeza-beza. Dapatan kajian Zafir Mohd Makhbul, et.al., (2015) menunjukkan bahawa ciri-ciri pemilihan oleh pihak majikan seperti kemahiran-kemahiran, kelayakan, personaliti adalah tidak sama kerana ia akan mengikut keperluan sesebuah syarikat itu

sendiri samada ia syarikat tempatan atau syarikat asing, termasuklah juga dalam kemahiran berbahasa.

Persaingan sengit yang berlaku dalam kalangan graduan kesan dari limpahan graduan rentetan banyaknya IPT di Malaysia menyebabkan mereka terpaksa menerima apa sahaja peluang pekerjaan yang datang kepada mereka. Senario ini boleh memberi implikasi bukan sahaja dari ketidaksepadanan kemahiran dan akademik tetapi juga terhadap kepuasan kerja. Universiti tidak hanya berperanan melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan akademik semata-mata. Lebih dari itu, pelajar harus dilengkapi dengan kemahiran boleh pindah dari dunia pembelajaran kepada dunia pekerjaan. Universiti bukan acuan yang sekadar membentuk para graduan lengkap dengan segala ilmu teori dalam bidang-bidang yang diambil sewaktu pengajian kerana ia masih tidak dapat memenuhi keperluan dan tuntutan yang diperlukan oleh pasaran buruh.

Hasil kajian oleh Ishak Yussof, Rahmah Ismail & Robiah Sidin (2008), menunjukkan bahawa hanya tiga bidang pengajian yang ditawarkan di Malaysia yang menunjukkan kerelevanan program pengajian dengan alam pekerjaan iaitu bidang perubatan, bidang undang-undang dan bidang pendidikan. Sementara bagi bidang-bidang yang lain seperti bidang sains sosial, bidang pengajian Islam dan bidang ekonomi dan perniagaan tidak menunjukkan hubungan yang jalinan yang selari antara kurikulum yang ditawarkan dengan alam pekerjaan. Dapatan ini memberi bayangan bahawa terdapat keperluan dalam memperbaiki kurikulum pendidikan agar dia lebih berkaitan dan relevan dengan keperluan dan permintaan majikan serta pasaran tenaga kerja. Penyediaan dan penawaran kurikulum yang tidak seimbang dengan realiti dunia pekerjaan menjadi punca utama kepada kegagalan graduan dalam menempatkan diri dalam dunia pekerjaan. Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab, universiti

dan *stakeholder* perlu peka terhadap keperluan dan kriteria yang diperlukan oleh para majikan dan industri.

Lazimnya, terdapat beberapa fokus dan isu dalam kajian-kajian kaunseling kerjaya seperti kajian keperluan program dan perkhidmatan kaunseling kerjaya kepada pelajar, cabaran dan cadangan program serta menguji keberkesanan program kerjaya. Terdapat juga kajian yang dijalankan bagi merungkai punca dan faktor yang menyumbang kepada keyakinan dan persediaan kerjaya yang rendah dalam kalangan pelajar.

Pramela et al., (2012) dalam kajiannya mengenalpasti keperluan yang diperlukan oleh graduan Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, UKM melalui pengalaman pelajar sepanjang mengikuti latihan industri. Kemahiran dalam bahasa Inggeris tidak dilihat sebagai masalah utama kepada pelajar-pelajar ini. Ini kerana menjadi pelajar ELS mereka telah mencapai beberapa tahap yang diperlukan untuk bercakap dan menulis dengan baik dalam Bahasa Inggeris. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mencadangkan garis panduan mengenai aspek kemahiran kerjaya bagi melengkapkan pelajar dengan persediaan untuk memasuki dunia pekerjaan yang sebenar. Responden berpendapat bahawa teknologi maklumat telah memberikan mereka peluang untuk meningkatkan profil pekerjaan mereka dengan tidak hanya memberi menekankan kepada pencapaian kemahiran akademik sahaja tetapi haruslah juga dalam meningkatkan personaliti dan kemahiran insaniah mereka (Pramela et, al., 2012).

Chircu (2013) pula menjalankan satu kajian yang bertujuan melihat perbandingan keperluan kaunseling kerjaya pelajar dari tahun satu, tahun dua dan tahun tiga. Keperluan ini dikenalpasti untuk membangunkan program kaunseling yang dapat memenuhi keperluan sebenar pelajar. Dapatan kajian menyokong hipotesis

"Keperluan kaunseling kerjaya pelajar dari sistem teknikal universiti adalah berbeza bagi ketiga-tiga tahun pengajian". Bagi pelajar tahun pertama, keperluan pelajar dilihat sebagai satu keperluan dominan dalam mengenal pasti dan mendapatkan maklumat mengenai peluang pengajian lanjutan (Sarjana dan Doktor Falsafah). Manakala bagi pelajar tahun kedua, keperluan terhadap prospek kerjaya agak ketara. Bagi pelajar tahun tiga, keperluan pelajar lebih terarah kepada tangga gaji dan pencarian kerja. Mempelajari teknik-teknik mencari pekerjaan (mengedit *resume*, menyediakan surat permohonan pekerjaan, temuduga kerja) masih menjadi keperluan bagi pelajar tahun pertama, kedua dan ketiga. Bagi pelajar tahun pertama, mereka lebih kepada strategi perancangan kerjaya dan keperluan ini dilihat semakin berkurang apabila memasuki tahun kedua dan semakin kurang keutamaannya di kalangan pelajar tahun tiga (Chircu, 2013).

Bagi keperluan informasi mengenai pasaran kerja, peningkatan minat dapat dilihat melalui hasil dapatan kajian. Pelajar tahun pertama lebih cenderung dalam pencarian kerja separuh masa, bagi pelajar tahun kedua pula, peningkatan minat dapat dilihat dalam maklumat mengenai gaji dan syarat serta keadaan sesuatu pekerjaan. Manakala bagi pelajar tahun ketiga, peningkatan minat pelajar lebih terarah kepada gaji dan fokus kepada mencari kerja. Oleh yang demikian, perkhidmatan kaunseling seharusnya menyediakan kaunseling individu, kaunseling kumpulan, bengkel dan latihan yang dapat mengenalpasti keperluan pelajar sekaligus mampu merangsang pelajar untuk sama-sama melibatkan diri dalam program-program yang diadakan terlibat sama samada secara langsung atau tidak dalam program-program tersebut (Chircu, 2013).

Crisan, Pavelea dan Ghimbulut (2015) dalam kajiannya, menganalisis keperluan perkhidmatan kaunseling dalam tiga dimensi iaitu keperluan penilaian,

tahap kesedaran dan penggunaan perkhidmatan yang ditawarkan di universiti. Kajian kuantitatif dan kualitatif ini berdasarkan kepada kaji selidik yang dibangunkan kepada 130 orang pelajar di peringkat universiti. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa pelajar kurang didedahkan dengan peluang-peluang pekerjaan, terdapat percanggahan antara keinginan kerjaya mereka dengan pengetahuan dan kebolehan pelajar, pelajar tidak mempunyai pelan kerjaya yang jelas dan tidak mampu membuat keputusan yang berkait dengan aspek kerjaya. Sumber utama maklumat pelajar adalah internet, televisyen, media bertulis, keluarga dan rakan-rakan serta pusat-pusat kerjaya (Crisan, Pavelea & Ghimbulut, 2015).

Hasil kajian menunjukkan kebolehan pelajar dalam penerokaan terhadap maklumat kerjaya dan kemahiran membuat keputusan adalah lemah. Kebanyakan responden hanya mempunyai pengetahuan asas, cuba untuk mengenalpasti kelebihan dan kekurangan diri mereka berkaitan dengan kerjaya. Mereka membuat keputusan tanpa mempunyai pengetahuan tentang potensi diri mereka dan perkara berkaitan kerjaya. Internet merupakan sumber utama pelajar tetapi mereka tidak menggunakan laman web yang khusus atau *platform* kerjaya sebenar. Mereka mempunyai pendekatan yang pasif ke arah penerokaan kerjaya dan tidak mempunyai pelan jangka panjang. Dapatan ini boleh digunakan oleh kaunselor kerjaya dalam pembangunan program bimbingan kerjaya yang bertepatan dengan keperluan universiti dan pelajar (Crisana, Paveleab & Ghimbulutc, 2015).

Sementara itu dalam satu kajian di Malaysia, Fouziah Mohd, Amla Mohd Salle dan Ramlee Mustapha (2010) telah mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan kerjaya pelajar teknikal. Laporan kajian mencatatkan antara faktor yang mempengaruhi keputusan pelajar antaranya disebabkan oleh faktor keluarga itu

sendiri. Pelajar kurang didedahkan dengan maklumat dan informasi berkaitan pekerjaan dan kurangnya *role model* dalam kalangan ahli keluarga.

Boleh dirumuskan bahawa penekanan haruslah diberikan kepada aspek-aspek penting yang menjadi keperluan utama sebagai panduan dalam menyediakan perkhidmatan dan program kerjaya kepada pelajar. Aspek kemampuan pelajar dalam mempersiapkan diri sebelum melangkah ke alam kerjaya seperti kemahiran mendapatkan maklumat kerjaya, kematangan kerjaya, aspek-aspek yang diperlukan oleh industri, kemahiran temuduga, kemahiran insaniah dilihat sebagai keperluan yang penting.

Tumpuan kedua adalah dalam aspek cabaran yang dihadapi dalam perkhidmatan dan perkembangan kaunseling kerjaya. Young dan Domene (2012) dalam tulisannya menyatakan terdapat tiga cabaran utama yang telah dikenalpasti sepanjang perkembangan kaunseling kerjaya. Tiga cabaran tersebut adalah pemisahan antara teori dan amalan (Savickas & Walsh, 1996), tiada jalinan antara kerjaya dan kaunseling peribadi dan ketidakseimbangan antara hasil dan proses penyelidikan dalam kaunseling kerjaya (Young & Domene, 2012; Heppner & Heppner, 2003).

Sementara itu, Andronic dan Andronicb (2011) menulis cabaran utama dalam sistem perkhidmatan kaunseling kerjaya adalah mengubah daripada fokus dan penekanan terhadap menyokong pandangan sarjana kepada menyediakan perkhidmatan yang lebih bersifat membangunkan kebolehan seseorang dalam mengurus kerjaya mereka sendiri dan mengkaji kaedah yang lebih fleksibel bagi memudahkan akses kepada klien dalam menyalurkan perkhidmatan ini (Andronic & Andronicb, 2011).

Vertsberger dan Gati (2015), dalam kajiannya telah melihat bagaimana golongan muda membuat keputusan kerjaya mereka dalam aspek kesukaran membuat

keputusan dan kecenderungan dalam mendapatkan bantuan. Kajian ini seterusnya meneroka jenis sokongan yang menjadi pilihan mereka dalam membuat keputusan kerjaya di samping mengkaji kesannya. Kajian ini menggunakan soal selidik *The Help-Seeking Questionnaire* (HSQ) yang diedarkan kepada 1176 orang responden. Dapatan kajian menunjukkan semua responden mengambil berat tentang kerjaya masa hadapan mereka tetapi hanya sebahagian sahaja yang benar-benar mengambil berat tentang perkara tersebut. 65 peratus daripada responden mengalami kesukaran dalam membuat keputusan. Namun demikian hanya 46 peratus sahaja yang mempertimbangkan untuk mendapatkan bantuan.

Penemuan ini disokong oleh dapatan sebelumnya yang menyatakan bahawa golongan muda tidak begitu cenderung untuk mendapatkan bantuan secara umum dan bantuan profesional khususnya (Vertsberger & Gati, 2015; Grinstein-Weiss et al, 2005; Raviv et al, 2000, 2009). Kesimpulannya, dapatan yang telah diperolehi menunjukkan bahawa golongan muda lebih suka menggunakan bantuan sokongan tidak formal berbanding mendapatkan sokongan profesional kerana kebimbangan terhadap kerahsiaan (Vertsberger & Gati, 2015; West et al., 1991), atau stigma dan perasaan malu untuk berjumpa dengan kaunselor (Vertsberger & Gati, 2015; Cheng et al, 2015;. Komiya et al, 2000;. Tatar, 2009;. Timlin-Scalera et al, 2003). Kajian ini juga mendapati golongan muda yang mendapatkan bantuan tidak formal seperti ahli keluarga dan rakan-rakan kurang berkemungkinan untuk menukar matlamat asal kerjaya mereka. Sebaliknya bagi individu yang mendapatkan bantuan kaunselor profesional berpotensi untuk menukarkan matlamat utama mereka (Vertsberger & Gati, 2015).

Rivera dan Schaefer (2009) menyarankan konsep 'Institusi Kerjaya' sebagai satu usaha bagi memantapkan tiga domain dalam perkembangan pelajar iaitu

akademik, kerjaya dan personal- sosial. Guru kaunselor mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap usaha tersebut. Rivera dan Schaefer mencadangkan 'Hari Kerjaya' sebagai komponen utama dalam Instituti Kerjaya. Melalui program tersebut, pelajar berpeluang bertemu dengan golongan profesional dari pelbagai bidang, bertanyakan soalan dan dapat berkongsi pengalaman peribadi. Sebagai penyepaduan antara aktiviti program dan kurikulum akademik, pelajar perlu membaca biografi kerjaya setiap individu yang diundang dalam program tersebut dan kemudian mengadakan perbincangan di dalam kelas bersama penasihat sebelum program bersama golongan profesional tersebut bermula (Rivera & Schaefer, 2009).

Kebelakangan ini, banyak cadangan dan kajian dijalankan untuk menguji keberkesanan program kerjaya yang dijalankan samada di peringkat pendidikan rendah mahupun di peringkat yang lebih tinggi. Banyak penulisan dan kajian yang dijalankan menunjukkan dapatan yang positif hasil dari pelaksanaan program kerjaya seperti kajian yang telah dijalankan oleh Sani (2011), Aslan (2012) dan Kim et, al.(2012).

Sani (2011) dalam kajiannya melihat perubahan yang berlaku terhadap tahap kematangan kerjaya, tahap efikasi sendiri kerjaya yang menghadiri program kerjaya yang dianjurkan. Aspek-aspek seperti jantina, kaum, bidang pengajian yang diikuti, tahap pencapaian dalam akademik dan kedudukan kewangan dan ekonomi keluarga turut turut diambilkira dalam kajian ini. Dapatan kajian yang dijalankan secara tinjauan ini melaporkan bahawa secara umumnya kematangan kerjaya dan efikasi sendiri kerjaya pelajar berada pada tahap rendah dan sederhana. Keputusan kajian juga melaporkan tahap kematangan adalah berbeza berdasarkan aspek-aspek di atas. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini memberi bayangan bahawa program-program kerjaya

yang disediakan kepada para pelajar mampu meningkatkan dan menyokong pembangunan kerjaya pelajar.

Kajian Aslan (2012) turut menunjukkan hasil yang positif. Kajian yang dijalankan bertujuan menilai kesan ke atas pelajar yang telah mengikuti program bimbingan kerjaya di beberapa buah sekolah di Ankara sepanjang tahun 2010 dan 2011. Pelajar mempunyai persepsi yang positif mengenai pembangunan kerjaya yang terdapat dalam program bimbingan kaunseling dan psikologi antaranya kesedaran tentang pembangunan kemahiran, kesedaran bahawa hakikatnya setiap individu adalah unik dan asli dan pengenalan serta penilaian terhadap masalah yang mungkin mereka hadapi dalam usaha mencapai matlamat mereka. Manakala persepsi negatif mereka lebih merujuk kepada bagaimana tingkah laku pemimpin memberi kesan kepada kehidupan orang lain dan bagaimana keputusan tentang kehidupan harian dan rancangan menjejaskan diri mereka dan orang lain. Sebagai kesimpulan, boleh dikatakan bahawa tahap kesedaran pelajar tentang diri mereka adalah tinggi dan bahawa mereka mempunyai kecenderungan yang positif untuk menyelesaikan masalah mereka. Namun demikian, pelajar ini dilihat tidak mempunyai kesedaran yang cukup mengenai interaksi mereka dengan persekitaran dan dunia luar. Oleh itu, beberapa peluang perlu diwujudkan kepada pelajar-pelajar ini supaya mereka boleh menimba pengalaman sehingga mereka merasakan bahawa mereka adalah sebahagian daripada komuniti di sekeliling mereka.

Kim et, al. (2012) mencadangkan *person-centered framework* bagi membentuk satu konsep kerjaya yang subjektif dalam perkhidmatan kerjaya yang tiada sempadan. Pengkaji berpendapat bahawa keusahawanan, profesionalisme dan kepimpinan (EPL) boleh berfungsi sebagai tiga dimensi utama dalam konsep kerjaya yang subjektif. Kajian ini melibatkan seramai 10,326 pelajar universiti Singapura. Kajian ini cuba

menggambarkan bahawa aspirasi keusahawanan, profesional dan kepimpinan kerjaya (termasuk motivasi, efikasi dan niat) boleh diukur secara bebas, dimensi kerjaya yang bebas daripada kepentingan vokasional dan menjadi alternatif kerjaya. Pengkaji berpendapat profil EPL boleh dilaksanakan tanpa sempadan dan mewujudkan konsep pekerjaan yang pelbagai. Secara khusus, kajian ini melihat sumbangan relatif motivasi dan keberkesanannya terhadap matlamat kerjaya. Pengkaji menjangkakan faktor-faktor ini mempunyai kepentingan tertentu dalam era teknologi maklumat yang mana universiti dijangka mewujudkan pekerja berpengetahuan. Graduan bukan sahaja mahir dalam bidang mereka dengan pengkhususan vokasional tetapi juga mampu mencipta dan menggunakan pengetahuan mereka sebagai seorang usahawan dan pemimpin yang mampu mengurus sesebuah organisasi. Dapatan kajian menunjukkan hasil yang positif sekaligus menyokong hipotesis kajian dengan menunjukkan bahawa E, P dan L boleh diukur secara bebas melalui sumbangan dan keberkesanannya terhadap matlamat kerjaya (Kim et, al., 2012).

Pembangunan dan pelaksanaan program-program berkaitan kerjaya bukan sahaja dapat memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para pelajar, tetapi juga dapat membantu para pelajar yang kurang berkebolehan dalam akademik. Fasching (2012) dalam kajiannya melihat bagaimana kaunseling kerjaya di sekolah dapat memberi sumbangan dalam menyokong proses peralihan daripada sekolah kepada latihan kemahiran dan pekerjaan dalam kalangan pelajar yang lemah dalam bidang akademik. Dapatan kajian menunjukkan hampir 90 peratus daripada pelajar ini telah menghadiri kaunseling kerjaya semasa mereka di sekolah. Ini menunjukkan kaunseling kerjaya di sekolah berperanan sebagai *gatekeeper* yang pada dasarnya membantu proses peralihan dalam membuat keputusan berkaitan kerjaya kepada para pelajar (Fasching, 2012).

Walaupun bagaimanapun, tumpuan juga harus diberikan kepada beberapa isu lain. Andronic dan Andronicb (2011) menjalankan satu kajian bertujuan untuk mengenalpasti kesan pelaksanaan aktiviti kaunseling kerjaya di sekolah-sekolah di Brasov dan peranan *stakeholder* dalam institusi pendidikan (murid-murid, ibu bapa, guru dan kaunselor sekolah) dalam perkhidmatan tersebut. Data dikumpul dan diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan, kumpulan fokus dan dokumen perancangan pengajian serta laporan kaunselor. Dapatan kajian mendapati kesan daripada perkhidmatan kaunseling dan bimbingan kerjaya ini masih terhad. Selain perlu mewujudkan jawatan kaunselor kerjaya di sekolah, pengkaji juga mencadangkan bahawa langkah mempromosikan perkhidmatan kaunseling perlu diadakan supaya ia lebih dikenali. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan menambahbaik laman web kaunseling kerjaya atau mengadakan kempen promosi di sekolah-sekolah (Andronic & Andronicb, 2011).

Dalam satu kajian yang lain, Tarica (2011) telah mengenalpasti faktor-faktor yang berpotensi menyumbang kepada ketidakpastian dalam membuat keputusan-keputusan yang berkaitan dengan aspek kerjaya dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah. Ia bertujuan untuk menguji enam model iaitu tahap efikasi membuat keputusan, lokus kawalan kerjaya, *self-esteem*, *Big Five Trait Personality* dan sokongan ibu bapa sebagai faktor-faktor yang berpotensi. Pilihan kerjaya merupakan antara langkah yang amat penting kepada setiap individu dan mampu memberi implikasi ke atas kehidupan mereka. Dapatan yang telah diperolehi merekodkan bahawa sekiranya kesemua ramalan faktor di atas berada pada tahap yang rendah, kecenderungan terhadap kesukaran dalam membuat keputusan kerjaya itu akan meningkat.

Pembangunan kerjaya dan penekanan aspek kerjaya dalam bidang sains kesihatan telah lama diberi perhatian. Namun, kebanyakan kajian tersebut masih bertumpu kepada program secara bersemuka. Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan dan perubahan yang positif dalam kalangan pelajar terhadap aspek kerjaya. Park (2015) menjalankan satu kajian untuk melihat keberkesanan kursus kerjaya berasaskan persepsi halangan kerjaya, keberkesanan efikasi sendiri mencari kerja dan penyediaan tingkahlaku kerjaya pelajar. Kajian eksperimen ini menggunakan responden seramai 154 orang pelajar universiti bagi program Sarjana Muda Kejururawatan. Kursus dijalankan selama dua jam melebihi lapan minggu. Selepas tamat kursus, persepsi kebimbangan kerjaya pelajar menunjukkan penurunan dan seterusnya dapatan kajian menunjukkan berlakunya peningkatan dalam efikasi sendiri pencarian kerja dan tingkah laku persediaan kerjaya. Ini menunjukkan bahawa kursus kerjaya yang dijalankan mampu memberikan impak yang baik kepada para pelajar (Park, 2015). Legacy Mentor Projek (LMP) turut diperkenalkan sebagai satu program yang menggunakan sistem mentor antara jururawat. Program ini berjaya menyumbang kepada peningkatan kecekapan dalam membuat keputusan yang kritikal (Clauson et al., 2010).

Brown dan Ryan Krane (2000) dalam kajiannya telah menganalisis dapatan 62 kajian lepas yang berkaitan dengan intervensi kerjaya. Melalui dapatan kajian, sebanyak lima komponen utama intervensi kerjaya yang berkesan dalam meningkatkan perkembangan kerjaya dan penerokaan kerjaya oleh golongan remaja dan awal dewasa telah dihasilkan. Lima komponen tersebut adalah a) latihan bertulis b) interpretasi individu dan maklumbalas inventori kerjaya c) maklumat mengenai aspek kerjaya d) model dan e) memberikan perhatian dan membangunkan aspek sokongan. Brown dan Ryan Krane mencadangkan bahawa keberkesanan program-

program kerjaya boleh dipertingkatkan melalui kelima-lima komponen ini (Saba, et al., 2012).

Melalui program yang diadakan samada berbentuk jangka pendek seperti seminar, bengkel mahupun kursus kurikulum telah menunjukkan potensi yang positif dalam membantu pelajar seterusnya menyokong pembangunan kerjaya mereka. Oleh yang demikian, keperluan untuk menawarkan kursus dan program kerjaya kepada pelajar dilihat sebagai salah satu penyelesaian kepada kelemahan kemahiran kerjaya pelajar. Teori dan model kerjaya yang ada boleh dimanfaatkan dan dijadikan garis panduan dalam membangunkan modul dan program kerjaya yang berkesan kepada para pelajar'. Penyesuaian teori dan model kerjaya dengan keadaan dan keperluan semasa dapat memenuhi keperluan sebenar pelajar.

### **Pengintegrasian Teknologi**

Pada bahagian pengintegrasian teknologi ini, penulis memberi fokus kepada empat bahagian perbincangan. Empat bahagian tersebut adalah:

- a. Perkembangan penggunaan teknologi di Malaysia
- b. Perkhidmatan kaunseling atas talian
- c. Perkhidmatan pendidikan atas talian
- d. Program kerjaya atas talian.

**Perkembangan penggunaan teknologi di Malaysia.** Perkembangan penggunaan teknologi dilihat berkembang bukan sahaja di peringkat antarabangsa tetapi juga dalam kalangan rakyat Malaysia. Tinjauan penggunaan internet bagi tahun 2018 merekodkan sebanyak 87.4 peratus penggunaan internet dalam kalangan penduduk di Malaysia berbanding hanya 12.6 yang tidak menggunakan perkhidmatan

tersebut. Peratusan ini menunjukkan berlakunya peningkatan yang ketara berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 79.6 peratus yang menggunakan internet dan selebihnya 23.1 peratus tidak menggunakan internet. Seterusnya bagi tahun 2015, statistik melaporkan sebanyak 77.6 peratus yang menggunakan internet selebihnya 22.4 peratus tidak menggunakan internet. Manakala pada tahun 2014 pula, pengguna internet di Malaysia mencatatkan peratusan sebanyak 66.6 peratus dan selebihnya tidak menggunakan internet iaitu sebanyak 33.4 peratus (<https://www.mcmc.gov.my>).

Pada tahun 2018, sebanyak 85.5 peratus pengguna internet di Malaysia menggunakan internet bagi tujuan pencarian maklumat dan informasi. Ia menunjukkan berlaku penurunan berbanding tahun sebelumnya yang mana pada tahun 2016, laporan statistik menunjukkan peratusan bagi tujuan tersebut adalah sebanyak 86.9 peratus. Manakala bagi tujuan pendidikan pula, laporan statistik menunjukkan sebanyak 60.2 peratus pelayar internet bagi tahun 2018 menggunakan internet bagi tujuan pendidikan. Ia juga mencatatkan penurunan penggunaan berbanding tahun sebelumnya iaitu 67.6 peratus penggunaan bagi tujuan yang sama bagi tahun 2016. Tahun 2014 menunjukkan bahawa penggunaan internet paling tinggi adalah bertujuan untuk mendapatkan informasi iaitu sebanyak 88.2 peratus sementara bagi tujuan pendidikan pula mencatatkan peratusan sebanyak 61.1 peratus (<https://www.mcmc.gov.my>).

Bagi tahun 2011, dapatan dari tinjauan yang dilakukan memperlihatkan tujuan penggunaan internet bagi pencarian informasi juga merekodkan nilai peratusan yang paling tinggi iaitu 90.7 peratus. Dapatan tinjauan juga menunjukkan antara tujuan tertinggi dalam penggunaan internet adalah bagi tujuan pendidikan iaitu sebanyak 67.4 peratus (Household use of Internet Survey, 2011). Seterusnya bagi tahun 2009, statistik pengguna internet di Malaysia menunjukkan bahawa 76.9 peratus pengguna

menggunakan internet bagi tujuan mendapatkan informasi sementara 74.8 peratus pengguna menggunakan internet untuk berkomunikasi (Household use of Internet Survey, 2009). Senario ini menunjukkan kadar penggunaan yang tinggi terhadap internet dan sumber atas talian dalam kalangan masyarakat Malaysia (<https://www.mcmc.gov.my>).

Laporan menunjukkan bahawa kategori usia 20 hingga 34 tahun merupakan pengguna internet yang tertinggi bagi tahun 2014, tahun 2015 dan tahun 2016 iaitu sebanyak 56.6 peratus pada tahun 2014, 52.2 peratus pada tahun 2015 dan ia menunjukkan terdapatnya peningkatan semula pada tahun seterusnya iaitu bagi tahun 2016 dengan mencatatkan peningkatan kepada 53.6 peratus. Bagi kategori usia 35 hingga 49 mencatatkan peratusan sebanyak 20.6 peratus bagi tahun 2014, meningkat kepada 23.8 bagi tahun 2015 dan terus meningkat kepada 24.7 pada tahun 2016. Bagi kategori usia di bawah 20 tahun mencatatkan peratusan sebanyak 15.5 peratus bagi tahun 2014, mencatatkan peratusan yang sama iaitu 15.5 peratus bagi tahun 2015 dan jumlahnya mencatatkan penurunan iaitu 13 peratus bagi tahun 2016 (<https://www.mcmc.gov.my>).

Pada tahun 2011 melaporkan bahawa golongan belia yang berusia antara 20 hingga 49 tahun menunjukkan peratusan penggunaan internet yang paling tinggi berbanding golongan yang berusia 19 tahun ke bawah dan golongan berusia yang berusia 50 tahun ke atas. Dapatan daripada tinjauan yang telah dijalankan menunjukkan peratusan penggunaan internet dalam kalangan golongan belia yang berusia antara 20 hingga 49 tahun adalah sebanyak 73.1 peratus. Ia diikuti dengan golongan kanak-kanak dan remaja yang berusia sehingga 19 tahun iaitu sebanyak 19.6 peratus selebihnya sebanyak 7.4 peratus bagi golongan berusia iaitu 50 tahun ke atas (<https://www.mcmc.gov.my>).

Bagi 2016, dari sudut status pelayar internet menunjukkan sebanyak 54.6 peratus penggunaan internet terdiri daripada individu yang bekerja, 15.6 peratus individu yang bekerja sendiri, 10.4 peratus tidak bekerja, 2.2 peratus pesara dan selebihnya 17.1 peratus daripada pengguna internet terdiri dari pelajar. Dari 17.1 peratus pelajar yang menggunakan internet, pelajar kolej dan universiti menjadi pelayar internet paling ramai (67.4 peratus) diikuti dengan pelajar peringkat menengah (31.6 peratus) dan akhir sekali adalah pelajar peringkat rendah iaitu sebanyak 0.9 peratus (<https://www.mcmc.gov.my>).

Bagi kategori tempoh penggunaan internet pula, laporan bagi tahun 2018 menunjukkan kebanyakan individu di Malaysia memperuntukkan selama satu hingga 4 jam dalam sehari untuk melayari internet dan ia mencatatkan sebanyak 39.2 peratus diikuti dengan 23.9 peratus bagi tempoh selama lima hingga lapan jam. Statistik ini menunjukkan penurunan yang ketara berbanding tahun sebelumnya yang mana pada tahun 2011, sebanyak 60.7 peratus masyarakat Malaysia menggunakan internet selama satu hingga empat jam sehari dan penggunaan paling tinggi adalah sewaktu berada di rumah iaitu mencatatkan peratusan sebanyak 88.3 berbanding hanya 8 peratus di tempat kerja, 1.2 peratus di sekolah atau kolej dan 1.1 peratus melalui talifon mudah alih (<https://www.mcmc.gov.my>).

**Perkhidmatan kaunseling atas talian.** Kaunseling atas talian merupakan penggunaan atau penglibatan *World Wide Web* dalam terapi yang mana teknologi komunikasi komputer digunakan sebagai perantara yang lebih mudah sebagai satu medium komunikasi antara kaunselor profesional dengan klien (Lau, Rafidah Aga Mohd Jaladin & Haslee Sharil Abdullah, 2013). Perkembangan dan peningkatan dalam penggunaan teknologi mencipta peluang kepada kaunselor untuk melengkapkan

perkhidmatan kaunseling atas talian sebagai salah satu alternatif kepada perkhidmatan kaunseling secara tradisional (Elleven & Allen, 2004).

Pelbagai istilah digunakan bagi merujuk kepada penggunaan teknologi dalam terapi iaitu e-terapi atau e-kaunseling (Bastemur & Bastemur, 2014; Manhal-Baugus, 2001; Tate, Jackvony & Wing, 2003), siber terapi atau siber kaunseling (Maples & Han, 2008; Suler, 2000) kaunseling dalam talian atau berasaskan Internet (Pollock, 2006; Rochlen, Zack, & Speyer, 2004); emel terapi (Murphy & Mitchell, 1998; Shapiro & Schulman, 1996); web kaunseling (Young, 2003). Lau et al., (2013) mengemukakan beberapa lagi istilah penggunaan teknologi dalam kaunseling iaitu internet terapi, kaunseling internet dan kaunseling *synchronous* satu sesi (Lau, Rafidah Aga Mohd Jaladin, Haslee Sharil Abdullah, 2013). *British Association for Counseling and Psychotherapy* mendefinisikan e-kaunseling sebagai komunikasi yang berdasarkan skrip dalam rangkaian atas talian samada melalui yang berbentuk emel atau ruang sembang. (Hall, 2004; Sanders & Rosenfield, 1999; Trait, 1999).

Banyak universiti menawarkan perkhidmatan sokongan atas talian (Mishna F., Bogo M. & Sawyer J., 2015; Haas et al 2008; Maples dan Han, 2008). Bagi memenuhi keperluan generasi muda perlunya ada perubahan bukan sahaja dalam perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kolej tetapi juga dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Ia mampu menyediakan peluang dan kecenderungan kepada pelajar untuk mendapatkan bantuan pertama melalui atas talian. Malah ia juga mungkin memberi faedah kepada pusat kaunseling kampus menggunakan saluran internet bagi tujuan mendekati individu atau pelajar (Mishna F., Bogo M. & Sawyer J., 2015; Haberstroh, 2010, p. 455).

Sabella (2003) menerangkan bagaimana kaunselor sekolah boleh menggunakan teknologi dalam perkhidmatan mereka melalui empat bidang utama

iaitu (i) maklumat/ sumber (menggunakan laman web sebagai perpustakaan maklumat yang dinamik menggunakan perkataan, grafik, video dan 3 dimensi); (ii) komunikasi/ kerjasama (menggunakan *chatroom*, perbincangan audio, perbincangan atas talian, menggunakan perkhidmatan elektronik seperti emel untuk berhubung, bertukar maklumat dan membuat keputusan bersama; (iii) interaktif/ produktiviti (menghantar maklumat menggunakan perisian atau program berasaskan komputer dan menggunakan komputer untuk memproses data dan (iv) menyediakan perkhidmatan kaunseling di ruang siber atau atas talian secara interaktif (Beidoglu et al., 2015).

Perbincangan seterusnya dibahagikan kepada tiga pecahan iaitu (a) pandangan dan penerimaan kaunselor terhadap perkhidmatan kaunseling atas talian (b) peranan serta cabaran perkhidmatan kaunseling atas talian dan (c) perkembangan perkhidmatan kaunseling atas talian. Dapatan kajian Zainah, Rohany dan Fatimah (2010) menunjukkan kaunselor berpendapat kaunseling secara atas talian masih tidak dapat menggantikan kaedah kaunseling sedia ada (bersemuka) di Malaysia. Namun tidak dinafikan ia dapat menjadi pelengkap dan membantu meningkatkan akses kepada perkhidmatan dan bidang kaunseling. Kedua-dua kaedah kaunseling secara bersemuka dan kaunseling atas talian, masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangan dan sebagai seorang kaunselor, mereka harus melihat kedua-dua medium ini sebagai saling melengkapi.

Kajian Bastemur dan Bastemur (2015) menunjukkan dapatan yang positif terhadap penerimaan kaunseling atas talian dalam kalangan kaunselor di Turki. Responden berpendapat kaunseling atas talian boleh diaplikasikan di Turki. Kebanyakan dari responden berpendapat bahawa kaunseling atas talian lebih mudah di akses, lebih mudah meluahkan perasaan, kelebihan dari sudut kos dan memberi faedah kepada klien kurang upaya. Namun demikian mereka berpendapat perlunya

lebih banyak maklumat mengenai kaunseling atas talian serta keperluan terhadap penyediaan kursus dalam pendidikan kaunselor.

Dapatan di atas turut disokong oleh kajian oleh Lewis dan Coursol (2007) yang menunjukkan bahawa kaunselor professional menerima kaunseling kerjaya atas talian. Respondan yang terdiri dari 400 orang kaunselor profesional berpendapat bahawa isu-isu kerjaya adalah kurang kompleks berbanding isu bukan kerjaya (Haverkamp & Moore, 1993). Pandangan ini sekaligus menyokong ramalan bahawa kaunseling kerjaya atas talian akan menjadi lebih popular pada masa akan datang (Andersen & Vandehey, 2006; Malone et al, 2004). Pandangan ini juga berkemungkinan berpunca dari perubahan masyarakat yang mula menggemari penggunaan teknologi seperti internet (Lewis et al., 2000). Namun demikian, terdapat beberapa isu yang perlu diambil kira iaitu terdapat juga kebarangkalian klien yang pada awalnya mendapatkan maklumat mengenai kaunseling kerjaya mungkin mempunyai masalah klinikal yang lain. Begitu juga dengan kemungkinan klien yang tidak sesuai menggunakan perkhidmatan atas talian (Lewis, Coursol & Wahl, 2004; Niles & Bowsbey, 2002).

Kajian Beidoglu et al. (2015) juga menunjukkan pandangan yang positif dalam kalangan kaunselor sekolah terhadap penggunaan teknologi dalam amalan kaunseling di sekolah di North Cyprus, Turkey. Respondan kajian merupakan guru kaunseling iaitu seramai 85 orang guru kaunseling dan soal selidik dihantar melalui emel kepada responden. Dapatan kajian merekodkan bahawa kaunselor sekolah mempunyai pendapat yang positif tentang penggunaan TMK dalam perkhidmatan kaunseling sekolah. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina, umur, tahap persekitaran kerja atau nisbah kaunselor pelajar dengan sekolah. Keputusan juga menunjukkan bahawa kaunselor sekolah mempunyai pendapat positif mengenai penggunaan laman web dan program berasaskan komputer dan internet, tetapi

memberikan pandangan yang negatif terhadap penggunaan talian kaunseling (Beidoglu et al., 2015).

Namun demikian, Tanrikulu (2009) melaporkan kaunselor berpendapat kaunseling atas talian bukanlah pilihan pertama kebanyakan peserta, kebanyakan mereka menggunakan kaunseling atas talian disebabkan tiada peluang untuk menjalankan sesi kaunseling secara bersemuka. Sebahagian mereka menjelaskan bahawa mereka akan menggunakan kaunseling atas talian sebagai tambahan kepada kaunseling tradisional atau sesi kaunseling secara bersemuka. Bagi faktor-faktor yang lain pula, antaranya seperti tidak berada di dalam negara, keadaan dan faktor kesihatan yang teruk dan tidak mengizinkan, pilihan untuk mengadakan sesi kaunseling atas talian supaya tidak menjejaskan sesi (Tanrikulu, 2009). Dalam satu kajian kuantitatif melibatkan lima orang peserta dalam sesi kaunseling atas talian “*chatbased*”, menunjukkan bahawa tidak semua peserta menunjukkan hubungan yang produktif dalam membina hubungan dengan kaunselor secara atas talian (Tanrikulu, 2009; Haberstroh, et al. 2007).

Penawaran dalam perkhidmatan yang berbentuk web-kaunseling dan siber-kaunseling ini juga telah bertambah disebabkan oleh sebahagian kaunselor profesional memulakan latihan mereka melalui perhubungan atas talian ini. (Zaida & Lily Marzura, 2006; Bloom, 1998; Robson & Robson, 1998; Sanders, 1996; Sampson, Kolodinsky dan Greeno, 1997). Penawaran dalam perkhidmatan e-kaunseling ini agak menggalakkan bermula tahun 2000 dan banyak syarikat sudah mula mengaplikasikan perkhidmatan yang berbentuk atas talian ini bagi membantu ahli atau pengguna mereka (Zaida, Lily Mastura, 2006; Griffith & Cooper, 2003; Laszlo, Esterman & Zabko, 1999). Namun demikian, walaupun penggunaan teknologi dalam perkhidmatan kaunseling terus berkembang, namun pelbagai persoalan dan kritikan mengenai

perkhidmatan kaunseling atas talian juga dilihat semakin meningkat (Bastemur & Bastemur, 2014; Laszlo, Esterman, & Zabko, 1999; Reimer-Reiss, 2000).

Isu kerahsiaan klien merupakan satu isu yang kerap dibincangkan terutama bagi perkhidmatan yang melibatkan teknologi dan ditawarkan secara atas talian. Kepercayaan merupakan teras kepada perhubungan membantu. Oleh itu, kaunselor perlu berusaha bagi memperolehi keyakinan serta kepercayaan klien iaitu dengan membina perhubungan repo dan hubungan baik melalui perkongsian yang berterusan. Walaupun demikian, setiap kaunselor juga perlu membina sempadan dan limitasi yang sewajarnya, disamping memelihara kerahsiaan klien. Kaunselor seharusnya memberi penjelasan kepada klien dengan cara yang berhemah, berbudi selaras dengan nilai pegangan serta menghormati kebudayaan yang dipegang oleh klien (Kod Etika Kaunselor Lembaga Kaunselor Malaysia).

Kod Etika Kaunselor Lembaga Kaunselor Malaysia merupakan panduan yang akan digunapakai dan menjadi sumber rujukan utama bagi kaunselor di Malaysia dalam menjalankan amalan kaunseling kepada klien. Kod etika Kaunselor merangkumi panduan dan etika kepada kaunselor samada secara pertemuan ataupun melalui aplikasi atas talian. Ia menjadi panduan kepada kaunselor yang melibatkan unsur-unsur teknologi dalam perkhidmatannya seperti kaunseling atas talian. Sekiranya melibatkan aplikasi teknologi dalam perkhidmatannya, kaunselor perlu menjelaskan kepada klien kesesuaian penggunaan teknologi dalam perkhidmatan menolong. Selain itu, kaunselor perlu memastikan bahawa penggunaan teknologi tidak menyalahi peraturan dan undang-undang Malaysia ataupun undang-undang di peringkat antarabangsa serta patuh terhadap semua statut yang relevan.

Kod Etika ini juga telah menetapkan beberapa asas panduan yang perlu diikuti oleh kaunselor supaya dapat mengekalkan kualiti dan kredibiliti kaunselor dan

perkhidmatan kaunseling itu sendiri. Bagi kaunselor yang mempunyai laman web, mereka perlu mematuhi perkara-perkara yang telah digariskan antaranya seperti kaunselor perlu sentiasa peka terhadap kualiti perhubungan alam maya ini bagi memastikan ia berfungsi dengan baik dan bersesuaian dengan perkhidmatan yang diberikan oleh kaunselor, memikirkan alternatif tambahan sekiranya berlaku sesuatu di luar jangkaan seperti masalah terputus hubungan atas talian dan memberi panduan kepada klien menilai ketepatan dan kebenaran sumber dan informasi yang terdapat pada lain-lain sumber yang bersifat atas talian.

Selain isu etika dan kerahisaan, penawaran perkhidmatan kaunseling perlu ditadbir urus dengan baik bagi memastikan kaunselor boleh menilai kembali kualiti perkhidmatan yang telah diberikan. Ia penting bagi memastikan objektif kaunseling dapat dicapai dan klien mendapat apa yang diperlukan melalui perkhidmatan kaunseling yang sudahpun diterima. Terdapat berbagai-bagai cara dan pendekatan yang boleh dilaksanakan supaya objektif program kaunseling yang dijalankan berjaya dicapai. Antara langkah yang boleh diambil antaranya melaksanakan penilaian program, laporan yang konsisten bagi melihat perkembangan dan perubahan klien, tindak balas perkongsian dan penglibatan klien secara konsisten sepanjang program dijalankan.

Penilaian sesi kaunseling kerjaya atau program kerjaya juga memerlukan penilaian yang objektif bagi memastikan matlamat sesi atau program berjaya dicapai. Penilaian keberkesanan program kerjaya mampu membantu kaunselor kerjaya mengenalapsti kekurangan seterusnya mengambil tindakan susulan supaya penambahbaikan dapat dilakukan bagi program-program kerjaya di masa akan datang (Mohd Izwan et al., 2017). Remley & Herlihy (2013) menjelaskan terdapat tiga aspek

utama yang menjelaskan mengenai kecekapan perkhidmatan kaunseling seseorang kaunselor iaitu (a) pengetahuan (b) kemahiran dan (c) sikap.

Terdapat pelbagai cabaran dalam mengaplikasi perkhidmatan kaunseling atas talian. Isu etika, risiko dan kepakaran dalam menyalurkan perkhidmatan kaunseling atas talian antara yang sering menjadi perdebatan. Perkembangan dan peningkatan dalam penawaran kaunseling atas talian telah mewujudkan kebimbangan dan beberapa isu mula timbul sekitar penggunaannya. Antara cabaran tersebut termasuklah menyembunyikan dan penyamaran identiti, kelewatan dalam maklumbalas, kekurangan akses, ketiadaan isyarat tingkahlaku bukan lisan, cabaran teknologi, isu-isu keselamatan atas talian dan risiko salah tafsir atau salah faham antara klien dan kaunselor (Harris, B. & Birnbaum, R. 2015).

Satu kajian phenomenographi oleh Kettunen et al. (2015) telah dijalankan untuk mengkaji perbezaan pemahaman terhadap konsep kecekapan dalam kalangan kaunselor kerjaya yang berpengalaman menggunakan media sosial dalam perkhidmatan mereka. Matlamat utama kajian adalah (i) memahami perbezaan konsep kompetensi penggunaan media sosial dalam kalangan responden dan (ii) aspek-aspek kritikal. Respondan kajian terdiri dari 16 orang kaunselor kerjaya yang berpengalaman antara dua hingga tujuh belas tahun serta menggunakan media sosial dalam perkhidmatan kerjaya mereka. Dapatan kajian menunjukkan terdapat empat kategori yang berbeza dalam menjelaskan konsep kecekapan penggunaan media sosial dalam perkhidmatan kerjaya ini. Kecekapan penggunaan media sosial dalam perkhidmatan kerjaya didefinisikan sebagai (i) berkebolehan menggunakan media sosial untuk menyampaikan maklumat (ii) berkebolehan menggunakan media sosial untuk menyampaikan perkhidmatan kerjaya (iii) kemampuan menggunakan media sosial

sebagai perkongsian penerokaan kerjaya dan (iv) kemampuan menggunakan media sosial sebagai *co-careering* (Kettunen et al. , 2015).

Dapatan ini menunjukkan tahap pemahaman yang berbeza mengenai konsep kecekapan dalam penggunaan media sosial dalam kalangan kaunselor kerjaya. Lima dimensi variasi telah dikenal pasti iaitu pendekatan media sosial, fungsi media sosial dalam perkhidmatan kerjaya, kemahiran dalam talian, prinsip etika dan ciri-ciri peribadi. Kejayaan dalam membangunkan kompetensi melalui media sosial dalam perkhidmatan kerjaya adalah gabungan dinamik antara faktor kognitif, sosial, emosi dan etika yang terjalin. Penemuan kajian ini menunjukkan betapa pentingnya membangunkan pra-perkhidmatan dan latihan kurikulum dalam perkhidmatan kepada pengamal kerjaya dan sokongan untuk meningkatkan kecekapan mereka (Kettunen et al., 2015). Intergrasi TMK dan penglibatannya dalam perkhidmatan kaunseling kerjaya memerlukan latihan kaunselor yang berterusan dalam penggunaan TMK. Ia sebagai satu usaha dalam meningkatkan lagi kualiti dan profesionalisme bagi memperkasakan lagi perkhidmatan kaunseling kerjaya atas talian.

Perkembangan kerjaya tidak hanya terbatas kepada perkembangan pekerjaan seseorang tetapi merangkumi segala aspek yang terlibat termasuklah kesannya terhadap kehidupan seseorang hasil daripada perancangan dan keputusan kerjaya yang telah diambil oleh seseorang individu tersebut. Malah ia turut melibatkan pengalaman-pengalaman kerjaya antaranya seperti kesukaran, perubahan dan peluang. Terdapat juga kesukaran yang tidak dapat diramalkan dalam jangka panjang atau perubahan-perubahan yang tidak dapat dielakkan. Oleh yang demikian, perkhidmatan kaunseling kerjaya sentiasa berusaha membina corak realiti yang merangkumi aspek-aspek tersebut. Oleh itu, isu dan skop berkaitan kaunseling kerjaya adalah sesuatu yang kompleks.

Sementara dalam satu kajian yang lain yang telah dijalankan oleh Vuorinen, Sampson, dan Kettinen (2011), mendapati kaunselor kerjaya mengakui perkembangan dan penerimaan teknologi dalam perkhidmatan tersebut sejak sedekat yang lalu dan perkhidmatan ini terus meningkat dari masa ke semasa. Namun demikian, walaupun terdapat peningkatan penggunaan dan pendedahan TMK dalam pembangunan kerjaya, namun kefungsiannya masih lagi terbatas. Ia masih sekadar berfungsi sebagai penyampai maklumat kerjaya dan bukannya mempromosikan kemahiran pengurusan kerjaya dari perspektif bimbingan sepanjang hayat (Bright, 2015).

Biarpun perkhidmatan kaunseling atas talian menimbulkan pelbagai kontroversi, namun terdapat banyak manfaat yang boleh diperolehi samada kepada kaunselor mahupun klien. Antara manfaat ini termasuklah (a) meningkatkan aksesibiliti (b) dapat melindungi identiti dan (c) keselesaan kepada klien (Harris, B. & Birnbaum, R. 2015). Dalam penyampaian perkhidmatan kerjaya, lima fungsi TMK yang berbeza telah dikenal pasti iaitu (a) memberikan bimbingan atas talian (b) menawarkan pembelajaran jarak jauh atas talian (c) menyalurkan klien kepada perkhidmatan sedia ada (sesi kaunseling bersemuka) (d) sebagai alternatif kepada penerimaan perkhidmatan kaunseling bersemuka yang semakin berkurangan dan (e) penyediaan forum antara klien dan kaunselor (Bimrose, J., Kettunen, J. & Goddard, T., 2015; Tawaran & Sampson, 1999). Sementara Hooley et al, (2010) telah mengenal pasti tiga cara yang mana kaunselor kerjaya amnya menggunakan TMK adalah bertujuan untuk (a) menyampaikan maklumat, (b) menyediakan satu tindak balas automatik dan (c) menyediakan saluran untuk komunikasi (Bimrose, J., Kettunen, J. & Goddard, T., 2015).

Itamar dan Lisa (2011) mencadangkan penglibatan dan campurtangan kaunselor dalam membantu klien membuat keputusan kerjaya secara atas talian. Penulis mencadangkan beberapa peringkat proses membuat keputusan kerjaya melalui perkhidmatan atas talian atau internet iaitu:

1. Meningkatkan kesediaan klien dalam proses membuat keputusan.

Peringkat ini mempunyai tiga langkah utama iaitu (a) meningkatkan motivasi klien. Kurangnya motivasi boleh berpunca daripada pelbagai sebab seperti lokus kawalan luaran atau efikasi-kendiri yang rendah dalam membuat keputusan. Motivasi boleh ditingkatkan dengan pembacaan atau melalui tontonan video ringkas mengenai kepentingan kerjaya dalam kehidupan (b) persediaan meningkatkan pengetahuan dan pembelajaran seperti kemahiran komunikasi analisis sintesis menilai dan pelaksanaan serta (c) menggalakkan kesedaran klien terhadap kepentingan dan keutamaan kerjaya.

2. Peringkat saringan atau pra.

Matlamat utama ialah membantu klien mengenalpasti alternatif yang pelbagai dalam kerjaya yang paling sesuai dengan pilihan mereka.

3. Ekplorasi yang lebih mendalam.

Matlamat peringkat ketiga adalah membantu klien meneroka alternatif dan mengetahui pilihan yang benar-benar sesuai dengan keutamaan individu dan sama ada kebolehan individu dan personaliti sepadan dengan keperluan pekerjaan yang dipilih. Untuk itu, sistem berkomputer perlu menyediakan maklumat yang komprehensif, maklumat yang tepat mengenai jenis dan bidang pengajian, syarat dan ciri-ciri teras reka bentuk sistem ini akan membantu pelanggan

menyusun senarai pendek sebagai satu alternatif yang paling sesuai pada akhir peringkat ini.

4. Membuat pilihan.

Matlamat peringkat ini bertujuan membantu klien secara sistematik membandingkan dan mengenalpasti alternatif yang paling sesuai dan terbaik bersesuaian dengan pilihan dan kebolehan individu.

5. Perlaksanaan terhadap pilihan yang telah dibuat.

Matlamat peringkat ini adalah untuk membantu klien merealisasikan pilihan mereka dengan membuat permohonan pekerjaan kepada institusi yang dipilih. Terdapat beberapa laman web yang direka untuk membantu individu-individu yang ingin meneruskan pengajian ke kolej dan universiti dan kaunselor boleh mencadangkan permohonan atas talian dengan merujuk laman web yang telah disediakan. Selain itu, kaunselor juga boleh mencadangkan kepada klien mengenai penyediaan dan penulisan *resume* serta persediaan menghadapi temuduga.

Perkhidmatan kaunseling atas talian di Malaysia tidak hanya terpakai dalam bidang pendidikan sebaliknya telah meluas digunakan dalam kepelbagaian sektor yang lain seperti dalam perkhidmatan kerajaan Malaysia. Satu kajian tinjaun telahpun dijalankan bertujuan untuk melihat kesediaan kakitangan kerajaan di Malaysia terhadap aplikasi sistem HRMIS yang telah diperkenalkan bermula dari tahun 2005. Dapatan kajian menggambarkan bahawa tahap penerimaan dan kesediaan kakitangan terhadap sistem yang dibangunkan secara atas talian ini masih lagi berada di tahap yang rendah. Kenyataan ini memberi bayangan bahawa terdapa keperluan agar usaha-

usaha untuk mempertingkatkaninya perlu dilaksanakan dengan lebih meluas. Selain itu, pautan kepada HRMIS perlu lebih cepat dan mudah, selain maklumat yang lebih meluas berkaitan penggunaan dan pengurusan sistem ini perlu disebarkan kepada semua lapisan kakitangan kerajaan dan ia perlulah dilaksanakan secara berkala supaya matlamat yang disasarkan dapat dicapai. Pengurusan dan penggunaan yang baik dapat memastikan agar proses dan perkhidmatan kaunseling boleh diaplikasikan dengan lebih sistematik dan berkesan (Roszita Ali dan Fairuz Ibrahim, 2016).

Dalam bidang pendidikan, perkembangan pembangunan blog-blog dan laman web yang mempromosikan dan menawarkan pelbagai perkhidmatan kaunseling dilihat begitu menggalakkan. Ia boleh dilihat melalui blog-blog dan laman web sediaada yang disediakan oleh kaunselor individu mahupun unit kaunseling di pelbagai peringkat pendidikan samada di peringkat sekolah mahupun IPT dengan menjadikan laman sesawang tersebut sebagai laman rasmi kaunselor kepada pelajar seperti E-Psikokaunseling ILP Ipoh. Antara kaunselor dan syarikat persendirian yang menawarkan perkhidmatan kaunseling atas talian ialah *TwinsTalk Training & Counselling Services* (TTCS). Syarikat yang memulakan operasinya pada penghujung tahun 2013 ini diterajui seorang pengamal atau kaunselor profesional yang berlesen di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia. Mempunyai pengalaman selama hampir 20 tahun dalam bidang psikologi dan kaunseling terutamanya dalam aspek kerjaya serta terlibat secara aktif dalam urusan-urusan yang melibatkan aspek-aspek pengurusan sumber manusia bagi syarikat-syarikat. Selain itu, syarikat ini juga turut berpengalaman dalam pengendalian pelajar di institusi pengajian tinggi (<http://www.twinstalk.com.my>).

Kebanyakan penolakan perkhidmatan kaunseling atas talian lebih merujuk kepada sesi kaunseling dan bukanlah aktiviti dan program yang melibatkan

perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Penggunaan pelbagai media sosial sebagai medium kepada kelangsungan perkhidmatan kaunseling telah meluas dipraktikkan di kebanyakan negara di barat. Proses dan perkhidmatan kaunseling hakikatnya tidak lagi hanya terbatas kepada pertemuan secara langsung antara kaunselor dan klien di satu tempat yang sama dan pada waktu yang sama. Selain itu, penggunaan jaringan perhubungan atas talian juga dapat mengatasi masalah-masalah yang mungkin akan berlaku seperti halangan geografi, psikologi, fizikal dan kewangan dalam mengakses perkara-perkara yang berhubung dengan psikososial dan perkhidmatan kaunseling (Mallen et al., 2005).

Oleh yang demikian, kaunseling atas talian yang efektif boleh dibagikan terutama di peringkat sekolah yang melibatkan program-program bimbingan dan kaunseling seperti dalam aspek kerjaya. Kepelbagaian kaedah dan pendekatan serta penggunaan medium yang sesuai selaras dengan perkembangan semasa boleh mempertingkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan kaunseling sekaligus dapat mempromosikan perkhidmatan kaunseling itu sendiri. Setiap kaunselor juga perlu menghadiri seminar atau bengkel-bengkel mengenai perkhidmatan atas talian kerana perkhidmatan kaunseling atas talian dapat meningkatkan lagi peluang untuk membantu lebih ramai orang (Tanrikulu, 2009). Perkembangan dan kepesatan teknologi memungkinkan berlakunya perubahan dalam amalan perkhidmatan pembangunan kerjaya, tetapi pada masa yang sama pengamal pembangunan kerjaya perlu menyesuaikan perkhidmatan tersebut kepada keadaan yang sesuai dengan budaya tempatan.

**Perkhidmatan pendidikan atas talian.** Peranan teknologi dalam bimbingan kerjaya telah mengalami perubahan yang besar sepanjang dekad yang lalu. TMK bukan hanya sekadar menjadi penyampai "maklumat", tetapi juga dilihat sebagai

"komunikasi" teknologi. Kesatuan Eropah mendefinisikan e-pembelajaran sebagai penglibatan teknologi dan internet dalam proses pembelajaran bertujuan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta memudahkan akses samada terhadap sumber mahupun kerjasamasa tanpa had sempadan" (Elearningeuropea, 2012). Akses kepada sumber atas talian dalam dunia profesional, kerjasama profesional dari sektor yang berbeza dan pertukaran idea di antara pelajar, sebenarnya merupakan antara aspek atau unsur yang dianggap penting dalam proses bimbingan (Leon & Castro, 2013). Sementara itu, Heinich, Molenda & Russell (1993) pula, mendefinisikan e-pembelajaran sebagai meletakkan teknologi sebagai satu alat yang digunakan sebagai satu proses dalam aktiviti pembelajaran dan teknologi tersebut dianggap sebagai satu produk. Sementara pembelajaran atas talian pula merupakan penggunaan internet bagi beberapa tujuan utama antaranya memperoleh informasi dan maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran, berkomunikasi dengan kandungan, guru atau pendidik dengan rakan sejawat, sebagai alat bantuan sewaktu proses pembelajaran supaya dapat menerima ilmu, melahirkan kesan yang baik dan digunakan hasil daripada pengalaman pembelajaran yang telah dilalui tersebut (Alley, 2004).

Penggunaan TMK telah berkembang pesat di Malaysia hari ini. Berdasarkan statistik dunia internet, terdapat 25.7 juta atau 66 peratus daripada penduduk Malaysia mempunyai akses kepada internet pada suku kedua tahun 2009. Laporan itu juga menunjukkan bahawa bilangan pengguna internet dalam kalangan rakyat Malaysia telah berkembang dengan pesat iaitu sebanyak 357 peratus dari tahun 2000 hingga 2009. Penggunaan internet hari ini tidak hanya berkaitan dengan emel, laman web atau *messenger* tetapi juga berkaitan dengan pendidikan. Penggunaan kaedah e-pembelajaran telah menjadi tarikan baru kepada pelajar seperti yang ditunjukkan oleh

beberapa IPT di Malaysia (Nasrudin Md Rahim, Siti Hawa Mohd Yusoff & Shahida Abd Latif, 2014).

Jalanan kerjasama antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan kerajaan menyokong penuh usaha ke arah pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat negara ini. Pembelajaran interaktif dapat memberi peluang kepada orang ramai dari pelbagai peringkat untuk mengikuti pelbagai kursus yang ditawarkan secara atas talian. MCMC telah berkolaborasi dengan Universiti Terbuka Malaysia (OUM) bagi mencapai tujuan tersebut. Antara modul yang telah dirancang melalui kerjasama tersebut adalah modul Keusahawanan, Pengajian Agama Islam, Penguasaan Bahasa Inggeris dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (<https://www.skmm.gov.my>). Modul pendidikan interaktif ini tidak hanya bertumpu di peringkat universiti semata-mata tetapi penawarannya merangkumi kesemua peringkat pendidikan termasuk seawal tahap pendidikan seperti pra sekolah, di peringkat rendah dan menengah. Malah penggunaannya juga tidak terbatas hanya kepada penuntut sahaja tetapi juga boleh digunakan oleh para guru dan sebagai alat belajar serta kerja.

Antara usaha lain yang dijalankan oleh MCMC adalah dengan mewujudkan Pusat Internet. Kewujudan pusat internet ini mampu memberikan pelbagai faedah kepada para pelajar yang mana golongan pelajar merupakan golongan yang paling ramai mengunjungi dan memanfaatkan perkhidmatan pusat internet ini. Ia sekaligus dilihat berpotensi membantu pelajar mendapatkan informasi berkaitan samada dalam aspek pendidikan mahupun aspek kerjaya (<https://www.skmm.gov.my>).

Penggunaan e-pembelajaran di peringkat pengajian tinggi mula digunakan oleh pelajar-pelajar perubatan dari Universiti Perubatan Antarabangsa pada tahun 1999. Namun projek tersebut telah dimansuhkan pada tahun 2003 kerana penggunaannya

yang terhad dan para pengajar tidak mempunyai latihan yang mencukupi. Penggunaan konsep e-pembelajaran turut digunakan oleh institusi pengajian tinggi yang lain seperti Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Terbuka Malaysia (OUM) dan Wawasan Universiti. Di antara semua institusi yang menggunakan kaedah e-Pembelajaran, OUM dianggap sebagai yang paling berjaya. Apabila ia bermula pada tahun 2001, OUM hanya mempunyai 753 pelajar yang kemudiannya meningkat kepada lebih 78,000 orang pelajar pada Januari 2009. Ini menunjukkan bahawa penggunaan e-pembelajaran dalam pendidikan tinggi telah menjadi tarikan baru kepada pelajar-pelajar yang berpotensi (Nasrudin Md Rahim, Siti Hawa Mohd Yusoff dan Shahida Abd Latif, 2014).

Tavakoli et al., (2010) menjalankan satu kajian bagi melihat untuk meningkatkan kualiti laman web yang berkaitan dengan kerjaya di Kanada. Kajian ini juga melihat aspek-aspek yang berguna dalam meningkatkan maklumat berkaitan kerjaya termasuklah sumber-sumber yang diinginkan oleh pengguna laman web kerjaya dan reka bentuk yang sesuai dan digemari serta diperlukan oleh pencari maklumat kerjaya. Hasil kajian ini akan membantu pengkaji dan pembina laman web kerjaya untuk menilai kembali jenis-jenis maklumat yang berpotensi untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. Dapatan ini kemudiannya dapat memberikan maklumat dan panduan dalam mencari pelbagai strategi untuk meningkatkan pengisian dan kandungan yang berkualiti, reka bentuk dan teknik penyampaian maklumat berkaitan aspek kerjaya.

Hasil yang diperolehi melalui kajian telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (a) keperluan untuk pengguna atau pekerja dan (b) keperluan bagi pembangun laman web. Dapatan kajian bagi keperluan untuk pengguna atau pekerja melaporkan bahawa iklan jawatan yang bagus dan memuaskan adalah apabila ia dilengkapi dengan

beberapa maklumat seperti tempat, gaji dan faedah, kelayakan yang diperlukan (tahap pendidikan, latihan, pengalaman kerja), skop kerja, pakej faedah kerja dan maklumat berhubung majikan (alamat, nombor telefon, emel dan laman web) (Tavakoli et al., 2010).

Bagi pembangun laman web pula, data menunjukkan bahawa "Emel" dan "Internet" merupakan dua cara yang paling dikehendaki untuk penyampaian maklumat kepada pengguna. Dapatan kajian menunjukkan perlunya mewujudkan satu ciri pada laman web yang berkaitan dengan kerjaya dengan menggabungkan kedua-dua ciri tersebut bagi membolehkan pengguna menerima emel makluman mengenai pekerjaan atau maklumat pekerjaan lain yang dikehendaki. Data menunjukkan bahawa peserta lebih suka menerima maklumat pekerjaan melalui interaksi dengan kaunselor kerjaya dan artikel yang ditulis di akhbar. Selain itu, bengkel-bengkel dan komunikasi bersama kaunselor kerjaya dilihat sebagai satu langkah yang efektif dalam pencarian kerja selain dilihat akan memberi impak kepada laman web tersebut. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pembangun laman web juga boleh mempelbagaikan sumber informasi dengan menambah pautan ke bahagian iklan kerja suratkhbar serta pautan ke beberapa senarai kaunselor kerjaya. Sebaiknya, pembangun laman web boleh menyediakan seorang kaunselor kerjaya dan seterusnya boleh berkomunikasi secara langsung dengan pelayar laman web. Sebagai tambahan, laman web juga boleh dilengkapi dengan maklumat-maklumat terkini mengenai bengkel-bengkel yang berkaitan dengan kerjaya (Tavakoli et al., 2010).

Nasrudin Md Rahim, Siti Hawa Mohd Yusoff dan Shahida Abd Latif (2014) menjalankan satu kajian tinjauan bertujuan mengukur kesediaan pelajar Unisel dalam persekitaran e-pembelajaran. Ia bertujuan menilai kemahiran asas internet pelajar, akses kepada teknologi yang diperlukan dalam e-pembelajaran dan tanggapan pelajar

terhadap keberkesanan e-pembelajaran berdasarkan kaedah pembelajaran yang biasa diamalkan oleh pelajar, kebolehan, motivasi dan tingkah laku pengurusan masa. Responden terdiri daripada pelajar di peringkat diploma dan ijazah. Hasil kajian mendapati pelajar mempunyai kemahiran asas mengenai internet tetapi tidak mempunyai akses kepada teknologi yang diperlukan dalam e-pembelajaran. Pelajar mempunyai kemudahan internet yang baik sewaktu di rumah tetapi tiada kemudahan internet di kampus. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan lagi sambungan internet dalam kampus bagi memastikan persekitaran e-pembelajaran yang lebih baik.

Realitinya, pelajar bersedia untuk menerima e-pembelajaran sekiranya institusi menawarkan dan memulakan kaedah tersebut dalam sistem pembelajaran kepada para pelajar. Pengguna internet paling banyak melayari internet di rumah iaitu sebanyak 73 peratus bagi tahun 2012, 61 peratus bagi tahun 2015 dan 85.6 peratus bagi tahun 2016. Sementara di kawasan pendidikan seperti di universiti dan sekolah mencatatkan penggunaan internet yang paling rendah iaitu sebanyak 17.2 peratus bagi tahun 2014, 20.2 peratus dicatatkan pada tahun 2015 dan 13.9 peratus bagi tahun 2016 (<https://www.skmm.gov.my>).

Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa pembelajaran jarak jauh boleh dimanfaatkan dalam asas dan amalan dalam bidang penjagaan kesihatan (Anna Siria dan Marina, 2015; Glen, 2006; Moule et al., 2010). Anna Siria dan Marina Ruib telah menjalankan satu kajian menggunakan *Moodle 2* sebagai alat pembelajaran yang dikenali sebagai AulaWeb kepada pelajar bidang kesihatan seperti kejururawatan, Fisioterapi dan Teknologi dan Radiologi di Universiti Genoa. Objektif kajian ini adalah untuk melihat samada pelajar mampu mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan dengan berkesan atau sebaliknya serta menilai kepuasan mereka dalam e-pembelajaran tersebut. Hasil yang telah diperolehi menunjukkan bahawa pelajar

menunjukkan minat terhadap kursus yang ditawarkan. Pendekatan ini seterusnya berjaya memenuhi dua keperluan utama dalam pembelajaran iaitu a) untuk memastikan pembelajaran yang konsisten, pematuhan dan kualiti pengajaran di semua pusat dan b) untuk mengurangkan perbelanjaan pensyarah ke tempat yang berbeza (Anna Siria dan Marina, 2015).

Dalam era teknologi kini, pelajar seharusnya didedahkan dengan informasi berkaitan aspek kerjaya. Sebelum mengenalpasti dan memanfaatkan peluang yang ada, pelajar seharusnya sedar mengenai kekuatan dan kecenderungan minat kerjaya mereka bagi memastikan ia sesuai dengan bidang dan kerjaya yang dipilih. Selain minat kerjaya, pelajar juga perlu didedahkan dengan kepentingan terhadap penguasaan kemahiran-kemahiran kebolehpasaran kerja dalam bidang yang diikuti. Oleh yang demikian, institusi pendidikan khususnya IPT perlu mengambilkira keperluan terhadap penawaran program yang mampu meningkatkan kemahiran para pelajar sebagai persediaan sebelum memasuki alam kerjaya (Usha & Yeun, 2007).

**Program kerjaya atas talian.** Dewasa ini, pelbagai inisiatif dijalankan bagi membantu golongan muda mengembangkan pembangunan kerjaya mereka terutama dalam aspek kemahiran dan seterusnya mendapatkan pekerjaan. Usaha ini dibangunkan oleh individu mahupun organisasi dalam bidang pendidikan dengan mewujudkan laman web dan blog samada perkongsian pengetahuan mengenai aspek-aspek kerjaya ataupun peluang-peluang pekerjaan semasa. Malah terdapat kajian-kajian emperikal yang dijalankan bagi menguji sejauhmanakah keberkesanan program-program berbentuk kerjaya yang telah ditawarkan.

Potensi internet dan teknologi sebagai satu jaringan kepada perkhidmatan kerjaya telah lama dibincangkan. Lent (2001) telah menyatakan bahawa internet dijangka akan membawa pembaharuan global tidak hanya terbatas dalam aspek

penyediaan perkhidmatan kerjaya tetapi juga dalam bidang penyelidikan. Ia selaras dengan perkembangan dan kemajuan teknologi semasa serta kebanyakan individu sudah mula beralih minat kepada penggunaan internet dan teknologi dalam urusan mereka. Pembinaan laman web kerjaya telahpun dimulakan seawal tahun 2000 namun pemantauan terhadap kualiti laman web berkaitan kerjaya masih agak terhad. Malahan juga kajian-kajian empirikal berkaitan laman-laman web kerjaya ini masih kurang dibincangkan (Itamar, et al., 2003).

Terdapat kajian yang dijalankan untuk melihat peranan pembangunan laman web kerjaya terhadap perkembangan kerjaya individu terutama pelajar dan generasi muda. Howieson & Semple (2013) menjalankan satu tinjauan bagi merungkai soalan di atas. Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kajian oleh *Career Scotland* (CS) oleh *Scottish Enterprise* (kini dikenali sebagai *Skill Development Scotland*) mengenai penggunaan dan kesan perkhidmatan kerjaya di tiga buah sekolah menengah di Scotland (Howieson, Semple, Hickman, & McKechnie, 2009 ). Kajian ini melihat keberkesanan dua laman web iaitu *Career Scotland Website2* dan sebuah lagi laman web yang dikendalikan oleh *Continuing Education Gateway* oleh sektor awam dan laman web ini telah digunakan secara meluas oleh golongan muda, guru dan kakitangan CS iaitu laman web *PlanITPlus*. Kedua-dua laman web ini menyediakan panduan termasuk profil kerja dan maklumat kerjaya, pembinaan *CV*, talian bantuan dan perkhidmatan emel dan *PlanITPlus* turut menawarkan talian *e-chat* dan *e-portfolio*. Kedua-dua laman web ini memberikan fokus yang berbeza yang mana laman web *Careers Scotland* menyediakan perkhidmatan kepada semua peringkat usia sementara *PlanITPlus* pula dibangunkan kepada murid-murid sekolah dan di reka untuk diaplikasikan dalam kurikulum sekolah. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan laman web tersebut memberi kesan kepada aspek kemahiran pengurusan

kerjaya pelajar. Kebanyakan pelajar menggunakan laman kerjaya berbanding membuat pencarian di perpustakaan sekolah (Howieson & Semple, 2013).

Sementara Nor Intan Saniah Sulaiman dan Burke (2009), pula menjalankan satu kajian kes di Malaysia untuk melihat bagaimana sesuatu perkongsian ilmu dalam aspek kerjaya itu berjaya dilaksanakan. Artikel ini memberi tumpuan terhadap cara terbaik sesebuah syarikat atau organisasi menyampaikan pengetahuan melalui pendekatan teknologi. Kegagalan kebanyakan pihak antaranya disebabkan oleh kekurangan perhatian terhadap faktor kemanusiaan seperti motivasi, perhatian, kreativiti dan budaya organisasi (Storey & Barnett, 2000). Kajian ini menggunakan dua laman sesawang iaitu *Jobstreet.com* dan *JobsDB.com* yang dianalisis melalui analisis kualitatif ke atas setiap maklumat yang dikongsikan oleh dua laman web ini kepada pengguna (Nor Intan Saniah Sulaiman dan Maria Burke, 2009).

Dua laman web yang berfungsi sebagai pengiklan pencarian pekerjaan ini menjadi web yang paling banyak mendapat perhatian dan dipercayai oleh pengguna. Dapatan analisis menunjukkan selain menyediakan maklumat mengenai peluang pekerjaan, *Jobstreet.com* juga menyediakan tip kerjaya untuk pencari kerja seperti penyediaan *resume* dan tip temuduga. Selain itu, terdapat juga usahasama yang dijalankan dengan institusi pendidikan dan syarikat yang menawarkan pekerjaan. Laman web ini turut menganjurkan pameran kerjaya dan latihan terbesar di Malaysia pada tahun 2008 iaitu di beberapa buah negeri di semenanjung Malaysia. Laman web *JobsDB.com* turut menawarkan pelbagai informasi kepada pencari kerja. Ia mengandungi senarai cadangan iaitu panduan mencari pekerjaan, tips temuduga kerja, teknik mengimbangi kerja, pembangunan kerjaya, buku panduan pencari kerja dan aspek motivasi seperti membina keyakinan diri di tempat kerja (Nor Intan Saniah Sulaiman & Burke, 2009).

Sulaiman dan Alias (2005) menekankan bahawa penting bagi universiti meletakkan perhatian kepada sistem pengurusan pengetahuan (*Knowledge Management/ KM*) atau portal kepada para pelajar supaya mereka sedar terhadap keperluan dalam menilai ilmu dan kemahiran yang diperlukan. Kajian kes ini juga mengandaikan siswazah yang menganggur turut mencari maklumat mengenai kemahiran yang baik, kemahiran sosial dan komunikasi serta kemahiran teknologi maklumat. Andaian ini berdasarkan kajian oleh Hawamdeh (2007) yang menunjukkan bahawa faktor kemahiran dan kecekapan merupakan perkara yang paling penting sebagai keperluan pekerjaan. Ia seterusnya menunjukkan bagaimana perkongsian pengetahuan mampu berfungsi sebagai medium bagi membantu siswazah menganggur mendapatkan pekerjaan (Nor Intan Saniah Sulaiman & Burke, 2009).

Manalaka, bagi perbincangan seterusnya pengkaji mengumpulkan beberapa kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat keberkesanan program kerjaya atas talian yang ditawarkan. Hooley, Hutchinson & Neary (2015) mengkaji tentang isu kualiti dalam satu program mentor dan informasi kerjaya secara atas talian iaitu program '*Brightside's*'. Program ini dibangunkan oleh sebuah badan amal di United Kingdom dengan menyediakan mentor atas talian untuk membantu golongan muda mengakses maklumat mengenai kerjaya dan peluang-peluang pendidikan. *Brightside* berfungsi meningkatkan aspirasi dan kesedaran anak-anak muda tentang pendidikan dan laluan kerjaya serta kebolehan mereka dalam merealisasikan cita-cita mereka. Untuk mencapai matlamat tersebut, *Brightside* menyediakan sistem mentor atas talian, maklumat kerjaya dan sumber pembelajaran. Mentor yang terdiri dari sukarelawan akan berhubung dan berinteraksi dengan golongan muda untuk memberitahu tentang pilihan yang telah dibuat, memberi inspirasi kepada mereka, merangsang mereka untuk berfikir tentang aspek kerjaya dan seterusnya mendorong mereka membuat

keputusan dan mengambil tindakan yang terbaik. Beberapa mentor dan mentee hanya berinteraksi secara atas talian dan terdapat juga mentor dan mentee yang berinteraksi secara atas talian dan berhubung secara bersemuka (Hooley, Hutchinson & Neary, 2015).

Fokus utama artikel ini adalah untuk meneliti perkara yang boleh dipelajari melalui kualiti dalam bimbingan atas talian melalui pengalaman program *Brightside* itu sendiri. Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya kepelbagaian faktor yang berhubung dengan hasil yang diperolehi. Kelemahan yang paling jelas adalah berhubung dengan penamatan perhubungan antara mentor dan mentee dan perlunya penelitian yang lebih luas mengenai kemampuan golongan muda dalam mengeksekus maklumat (menyediakan maklumat, mengenalpasti peluang dan rujukan) (Hooley, Hutchinson & Neary, 2015).

Perbincangan hasil penilaian program *Brightside* difokuskan kepada kualiti pelaksanaan program bimbingan kerjaya atas talian. Tinjauan awal menunjukkan respon yang positif dalam kalangan mentor. Hasil yang diperolehi juga menunjukkan bahawa perbualan mentor secara amnya mempunyai maklumat yang bermanfaat. Golongan muda memperoleh maklumat dan nasihat mengenai pendidikan dan kerjaya. Kajian terdahulu membuktikan bahawa nilai dan jumlah pelaksanaan program bimbingan atas talian semakin meningkat dan mencadangkan perlunya sokongan yang padu kepada program-program bimbingan kerjaya atas talian. Walaupun kajian ini dibangunkan khusus untuk program *Brightside*, namun ia berpotensi untuk dijadikan panduan dalam menggunakan pelbagai pendekatan dalam melaksanakan program bimbingan kerjaya atas talian (Hooley, Hutchinson & Neary, 2015).

Herman S. menjalankan kajian “*Career HOPES: An Internet-delivered career development intervention*” untuk melihat keberkesanan dan sumbangan program tersebut dalam pembangunan kerjaya. Kajian yang dijalankan selama empat minggu ini bertujuan untuk menilai keberkesanan *Career Hope*, iaitu satu program pembangunan kerjaya berasaskan Internet. *Career Hope* merupakan satu program yang melibatkan pembelajaran secara interaktif, penilaian, tugas dan perbincangan kumpulan secara atas talian. Pembangunan Laman Web *Career Hope* bertujuan untuk membantu individu (a) berhasrat untuk menukar pekerjaan, (b) masih keliru samada pekerjaan yang sedang diceburi sekarang sesuai atau sebaliknya, atau (c) individu yang tidak bekerja dan tidak pasti apa yang ingin dilakukan setelah meninggalkan alam persekolahan (Herman S., 2010).

*Career Hopes* membantu membimbing individu yang tidak pasti mengenai hala tuju kerjaya. Dapatan yang telah diperolehi menunjukkan bahawa program ini memberi impak yang positif kepada peserta seperti lebih berkeyakinan untuk membuat keputusan mengenai kerjaya mereka, membantu peserta untuk menjadi lebih yakin dalam membuat keputusan mengenai arah kerjaya dan masa depan mereka. Program ini dilengkapi dengan pelbagai maklumat yang berkualiti iaitu maklumat mengenai minat, kebolehan, nilai dan personaliti serta maklumat mengenai keperluan dan ciri-ciri pekerjaan alternatif. Keputusan menunjukkan program ini dapat memberi kesan positif pada dua indeks kualiti maklumat iaitu pengetahuan tentang jenis pekerjaan yang relevan dan tingkah laku penerokaan kerjaya (Herman S., 2010).

Leon dan Castro (2013) dalam kajiannya mendapati pelajar yang mengambil bahagian dalam “*Music in the Professional World*” mampu berubah dan lebih terbuka dengan pelbagai alternatif lain yang mereka tidak pernah mengenali dan mengetahuinya sebelum ini. Meskipun dalam pelbagai situasi, kesemua pelajar

mempunyai matlamat yang jelas dan lebih lengkap serta mempunyai gambaran yang lebih jelas yang mana mereka boleh terus mendapatkan informasi. Gabungan TMK dan pendekatan tradisional seperti program radio boleh ditukar daripada aktiviti yang bersifat sementara menjadi sumber tetap. Kerjasama pakar dan ahli profesional melalui forum perbincangan, persidangan dan ruang sembang boleh menjadi sumber tetap pengumpulan maklumat mengenai dunia profesional yang mana pelajar dan pengajar boleh mengambil faedah melalui program tersebut. Namun, walaupun penggunaan TMK dilihat mampu merealisasikan objektif kajian, penulis tidak menafikan TMK tidak mungkin menjadi lebih penting dan mengatasi peranan '*human contact*' dan sesi secara bersemuka (Leon & Castro, 2013).

Melalui analisis kajian terdahulu, boleh disimpulkan bahawa teknologi dan perkhidmatan atas talian boleh membantu pelajar dalam pembangunan kerjaya mereka. Dapatan kajian lepas boleh dijadikan panduan dalam pembinaan modul dan pembangunan perkhidmatan kaunseling kerjaya atas talian. Selain penggunaan teknologi yang dapat menjimatkan kos dan memudahkan komunikasi, faktor trend, pilihan dan permintaan terhadap penggunaan sumber internet dan teknologi dalam pendidikan juga perlu diambil kira.

### **Pendidikan Kerjaya**

Kajian mengenai pendidikan kerjaya telah mula diberi perhatian di barat sejak 1970an. Nilsson et al., (2007) dalam analisisnya menunjukkan bahawa perbincangan dan kajian mengenai kerjaya dan pendidikan kerjaya telah lama dijalankan. Kajian ini menganalisis empat jurnal berkaitan kerjaya yang dipilih selama 34 tahun sehingga 2004. Tiga ratus dua puluh enam artikel telah dikenal pasti, membentuk 2.4 peratus daripada jumlah bilangan artikel yang diterbitkan di dalam jurnal-jurnal ini

sepanjang tahun kajian tersebut. Hasil kajian menunjukkan peningkatan jumlah artikel kerjaya antarabangsa diterbitkan dari masa ke masa dan kebanyakan daripada kajian tersebut telah dianalisis secara empirikal (Nilsson et al., 2007).

Pelbagai istilah digunakan dalam pendidikan kerjaya dalam konteks pendidikan seperti ‘pembelajaran kerjaya’, ‘pembelajaran dan pembangunan kerjaya’, ‘kemahiran pengurusan kerjaya’ dan beberapa istilah yang hampir serupa. Di Eropah, dua revolusi yang diterima pakai oleh kementerian pendidikan dalam mesyuarat pada tahun 2004 dan 2008, menekankan kepentingan kemahiran pengurusan kerjaya (*Career Management Skill/ CMS*) bagi masyarakat Eropah. Ia merupakan salah satu fokus dalam *European Lifelong Guidance Policy Network’s* (ELGPN) di Eropah. Lebih penting lagi, program pendidikan kerjaya mula dibangunkan di seluruh dunia, di utara global dan juga di selatan (Sultana, 2013).

Pendidikan kerjaya memerlukan perhatian yang khusus dan isu berkaitan pendidikan kerjaya banyak dibincangkan samada melalui penulisan buku, artikel ilmiah dan laporan projek yang menyediakan banyak maklumat dan idea mengenai pendidikan kerjaya (Frigeiro, Mendez, & McCash, 2012; Harris, 1999; Hoyt, 2005; Irving & Malik, 2005; Kuijpers & Meijers, 2009; Vaughan & Gardiner, 2007). Andrews dalam tulisannya juga mencadangkan agar pendidikan kerjaya ini dibangunkan sebagai pendidikan tambahan dalam kurikulum pendidikan samada sebagai satu subjek khusus atau dimasukkan ke dalam kurikulum yang lain (Sultana, 2013). Andrews menggariskan tiga aspek sebagai panduan dalam merangka kurikulum pendidikan kerjaya iaitu:

1. Belajar untuk kerjaya: ia mensasarkan pembangunan kemahiran untuk merancang dan mengurus kerjaya seseorang, mengulangi tiga matlamat pembangunan diri, eksplorasi kerjaya dan pengurusan kerjaya

2. Belajar tentang kerjaya: iaitu membangunkan pemahaman mengenai sifat kerjaya pada hari ini
3. Pembelajaran melalui kerjaya: iaitu meningkatkan kefahaman dan membuat keputusan awal dalam kerjaya melalui pembelajaran dari pengalaman orang lain

(Sultana, 2013)

Bimbingan kerjaya memberi fokus kepada pembangunan dinamik seseorang individu. Ia menekankan bukan sahaja kepada aspek kemahiran tetapi juga merupakan suatu bentuk pendidikan. Gabungan dan penyatuan konsep pendidikan ini akan menjadi satu fenomena dalam bimbingan kerjaya. Selain itu juga, dengan memberikan tumpuan kepada seseorang individu atau klien, akan membantu dalam pembentukan konsep perancangan kerjaya (Dandara, 2014).

Bimbingan kerjaya yang melibatkan aspek pendidikan seperti mereka bentuk kerjaya memperlihatkan seseorang individu itu dilatih dan dididik dalam dua proses dalam pendidikan kerjaya. Istilah pendidikan kerjaya bukanlah suatu yang baru di Amerika Syarikat yang mana ia telah wujud pada tahun 1970an lagi. Ini menunjukkan bahawa pendidikan kerjaya itu mempunyai kepentingan yang sangat besar dan luas (Dandara, 2014). Sementara di kawasan-kawasan yang lain, satu usaha atau langkah komprehensif telahpun diambil dengan memperkenalkan serta meletakkan pendidikan kerjaya sebagai satu kurikulum akademik yang wajib diambil oleh pelajar. Aspek kerjaya telah diterapkan di semua peringkat rendah hingga menengah sebagai satu kursus yang lain sebagai satu subjek (Amla Mohd Salleh, 2010).

**Program Pendidikan Kerjaya di Malaysia.** Walaupun pengenalan kepada kaunseling kerjaya di Malaysia agak lewat berbanding di kebanyakan negara barat,

namun perkhidmatan kaunseling kerjaya ini menunjukkan perkembangan yang positif walaupun tidak serancak di negara luar. Sidek Mohd Noah banyak menjalankan kajian dan penulisan mengenai kaunseling kerjaya dan pendidikan kerjaya di Malaysia selain giat membangunkan beberapa inventori kerjaya yang banyak menjadi sumber rujukan kepada kaunselor di Malaysia. Satu pendekatan yang baru dalam kaunseling telah diperkenalkan iaitu Kaunseling Berorientasikan Matlamat dan Model Perkembangan Kerjaya Bersepadu. Beliau aktif menulis buku-buku yang berkaitan dengan aspek kerjaya yang kini banyak menjadi panduan dan sumber rujukan bagi pelajar dan pengkaji di Malaysia.

Selain aktif dalam bidang pendidikan, pengajaran dan penulisan serta penglibatannya dalam bidang penyelidikan, beliau juga telah menghasilkan pelbagai inventori yang berkaitan dengan kerjaya. Kesemua inventori yang telah diperkenalkan oleh beliau kini telah dimanfaatkan bukan sahaja oleh golongan penuntut dan pelajar tetapi juga digunakan oleh kaunselor profesional dan tenaga pengajar terutama dalam bidang psikologi kaunseling khususnya dalam aspek kaunseling kerjaya. Beliau bukan sahaja aktif di peringkat kebangsaan tetapi juga bergiat aktif di peringkat atarabangsa serta memegang beberapa portfolio penting di dalam Negara.

Satu kajian Analisis Keperluan Pembinaan Modul telah dijalankan oleh Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah dan Wan Marzuki Wan Jaafar (2017). Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti keperluan terhadap pembinaan modul berkaitan aspek-aspek kerjaya bagi penuntut IPTA. Dapatan yang telah diperolehi menunjukkan terdapatnya keperluan yang tinggi dalam menawarkan program kerjaya yang berstruktur kepada pelajar. Kajian ini menunjukkan perlunya beberapa elemen dalam menjalankan program perkembangan kerjaya iaitu (i) program kerjaya hendaklah memenuhi keperluan semasa pelajar (ii) kandungan modul yang sesuai dan

kandungan modul berdasarkan teori atau model perkembangan kerjaya yang berkaitan. Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa pakar bersetuju bahawa pelajar kurang terlibat dengan program kerjaya yang dianjurkan. Tambahan pula jika program kerjaya tersebut merupakan program bukan syarat wajib untuk mereka menghadirinya (Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah dan Wan Marzuki Wan Jaafar, 2017; Mohd Izwan et al., 2016). Pada masa yang sama, program kerjaya sedia ada kurang mempunyai penilaian secara objektif terhadap setiap aktiviti yang dilaksanakan (Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah dan Wan Marzuki Wan Jaafar, 2017; Mohd Izwan et al., 2016; Zalizan et al., 2013).

Beberapa kajian berkaitan program kerjaya dan pembangunan modul kerjaya yang telah dijalankan berjaya menunjukkan keberkesanan terhadap hasil yang positif dalam kalangan pelajar. Antaranya kajian oleh Abdul Hanid Halit (2007), Mohd Ali Jaamat (2010) dan Jasmi (2014). Abdul Hanid Halit (2007) menjalankan satu kajian eksperimen melalui program kerjaya untuk pelajar sekolah menengah. Kajian ini menggunakan enam pembolehubah iaitu informasi tentang diri, meneroka informasi mengenai dunia kerjaya, bagaimana merancang kerjaya, penerokaan potensi dalam bidang pendidikan dan kemahiran serta latihan, membuat keputusan kerjaya dan persediaan melangkah ke alam pekerjaan. Hasil yang telah diperolehi menunjukkan berlaku peningkatan perkembangan kerjaya dalam kalangan kumpulan eksperimen sementara tidak terdapat peningkatan perkembangan kerjaya bagi kumpulan kawalan (Abdul Hanid Halit, 2007).

Sementara Mohd Ali Jaamat (2010) pula dalam kajiannya, telah membangunkan sebuah modul Kesedaran Kerjaya (MKK) untuk melihat sejauhmanakah modul yang telah diperkenalkan itu dapat memberi impak terhadap kesedaran pelajar tentang aspek kerjaya. Ia merupakan sebuah program bagi

membantu kaunselor di sekolah menjalankan aktiviti-aktiviti yang dikhususkan bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesedaran pelajar terhadap aspek-aspek yang berkaitan dengan kerjaya. Dapatan kajian membuktikan bahawa program-program yang telah dilaksanakan mampu dan berkesan malah ianya terbukti praktikal untuk diaplikasikan kepada para pelajar terutama dalam menyokong perkembangan dan pembangunan kerjaya pelajar.

Dapatan kajian di atas turut dikukuhkan lagi kajian-kajian yang lain antaranya kajian oleh Jasmi (2014). Jasmi menjalankan satu kajian eksperimen untuk melihat impak modul pendidikan kerjaya ke atas kemampuan pelajar dalam merangka hala tuju kerjaya mereka, kesedaran sendiri kerjaya dan tahap kemampuan kerjaya dalam kalangan pelajar komuiti. Kajian yang menggunakan Model Pembinaan Modul Sidek (2011) ini bertumpu kepada empat sub modul iaitu Sub Modul Penerokaan Maklumat Kerjaya-Iklan Pekerjaan, Sub Modul Penulisan *Resume* Berkesan, Sub Modul Penulisan Surat Permohonan Pekerjaan dan Sub Modul Kemahiran Menghadapi Temu Duga. Pengkaji menggunakan kaedah bengkel kerjaya dengan mempelbagaikan kaedah penyampaian seperti kaedah perbincangan dan pembentangan kumpulan, kaedah simulasi kumpulan dan tayangan video.

Terdapat perbezaan yang signifikan dalam hasil yang telah diperolehi bagi pembolehubah kebolehan merancang kerjaya dan kematangan sendiri selepas eksperimen dijalankan. Faktor jantina tidak memainkan peranan penting sebagaimana yang direkodkan dalam dapatan yang telah diperolehi tersebut. Kajian ini membuktikan bahawa sekiranya pendedahan dan pelaksanaan program-program yang berbentuk kerjaya dijalankan dan dilaksanakan secara sistematik dan berstruktur, ia mampu meningkatkan potensi diri pelajar dalam aspek kerjaya sekaligus dapat menyokong pembangunan kerjaya para pelajar. Selain itu juga, dapatan kajian ini turut

menunjukkan bahawa tempoh masa perlaksanaan sesuatu program intervensi bukanlah faktor yang mempengaruhi keputusan kajian (Jasmi, 2014).

Seterusnya, Kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Izwan et al., (2017) menunjukkan bahawa pelajar hakikatnya kurang didedahkan dengan aktiviti-aktiviti atau program-program kerjaya sediada. Keadaan ini juga diakui berpunca dari faktor hampir kesemua program yang diadakan tidak diwajibkan kepada semua pelajar selain faktor tiada minat dari kalangan pelajar. Sementara itu juga, kebanyakan program sediada yang telah dilaksanakan tidak dinilai secara objektif dan menyeluruh. Melalui dapatan yang telah diperolehi menunjukkan bahawa terdapatnya keperluan untuk membina program perkembangan kerjaya secara sistematik dan berstruktur kepada pelajar bermula dari peringkat sekolah sehinggalah ke peringkat universiti. Sementara Siti Mariam Jaafar dan Muhammad Nasir Bistamam (2017) dalam kajiannya melihat kesan terhadap perlaksanaan modul program kerjaya keatas pelajar. Hasil yang telah diperolehi mendapati bahawa modul yang telah dilaksanakan berkesan dalam meningkatkan kematangan kerjaya pelajar. Dapatan kajian menunjukkan betapa pentingnya penawaran program kerjaya dalam kurikulum sekolah dalam menyokong perkembangan dan kematangan kerjaya para pelajar.

**Program Pendidikan Kerjaya di Luar Negara.** Di Amerika Syarikat, kebanyakan IPT mula berusaha membangunkan kurikulum berkredit kepada para pelajar bagi memastikan setiap pelajar mempunyai peluang meningkatkan bukan sahaja aspek ilmu dan pengetahuan tetapi turut merangkumi aspek-aspek yang lain seperti latihan dalam pembangunan kerjaya para pelajar. Antara faktor yang mendorong perkembangan ini adalah berpunca daripada trend ekonomi yang tidak mampu dan tidak boleh dijangkakan dan peluang pekerjaan yang semakin mengecil dan sukar.

Program Penyelidikan *TEACH* direka bertujuan memaksimumkan potensi dalam kalangan pelajar yang mempunyai bakat dan minat dalam pendidikan kesihatan dan kritikal. Kajian ini bertujuan untuk melihat samada terdapat hubungan antara pengenalan awal pengalaman kerjaya sebenar yang berstruktur, termasuk interaksi antara mentor dengan pembangunan kerjaya yang lebih baik dan realistik dalam kalangan remaja ataupun sebaliknya. Peserta program telah dipilih untuk mengikuti program tajaan di *Universiti Collegiate*. Program selama enam minggu ini meliputi subjek sastera, sains, matematik, sains sosial dan kemanusiaan, sains makmal, seminar serta aktiviti sosial seperti sukan atau lawatan ke muzium (Arora et al., 2011).

Kerangka konseptual yang mendasari program Penyelidikan *TEACH* adalah berdasarkan keperluan untuk memupuk cita-cita sejajar dengan pengetahuan kerjaya khusus, sikap berorientasikan kerjaya dan matlamat berorientasikan tingkah laku untuk mempengaruhi pilihan kerjaya remaja. Faktor-faktor yang bertanggungjawab mempengaruhi pilihan kerjaya yang membentuk asas bagi program pembangunan kerjaya ialah (a) penyertaan pelajar dalam aktiviti kerjaya realistik yang aktif dan mencabar dan (b) pendedahan kepada struktur pelbagai peringkat daripada mentor dalam membantu mengenalpasti pilihan kerjaya (lihat Schneider & Stevenson, 1999; Shernoff & Hoogstra, 2001; Wright et al, 1997). Penemuan awal kajian menunjukkan bahawa pelajar bertindakbalas dengan baik terhadap cabaran dan persekitaran hospital dan menunjukkan minat dalam kerjaya yang berasaskan penyelidikan dalam bidang perubatan. Dapatan seterusnya menunjukkan bahawa responden menunjukkan pemahaman yang jelas mengenai kepentingan pengetahuan dan sikap yang diperlukan untuk melangkah ke alam kerjaya (Arora et al., 2011).

***George Mason University.*** George Mason University menawarkan kursus kerjaya ber kredit bertujuan menyokong pembangunan kerjaya pelajar. Kursus

peralihan satu kredit ini ditawarkan kepada pelajar tahun dua dan warga emas dalam dua kurikulum yang mempunyai fokus yang berbeza. Namun kedua-dua kurikulum ini menekankan penilaian sendiri pelajar, kemahiran mencari kerja, *resume*, latihan temuduga dan menetapkan matlamat kerjaya. Bagi memastikan kurikulum yang ditawarkan berkualiti, bahagian perkhidmatan kerjaya ini telah melantik tenaga pengajar yang akan membangunkan dan menyemak semula kurikulum dan menguruskan laporan penilaian hasil kursus (Mills & Sutera, 2012).

Konsep *College to Workplace* dan *College to Graduate School* diperkenalkan bagi meningkatkan keupayaan untuk memasarkan diri dalam pasaran tenaga kerja dan membimbing pelajar untuk memahami bidang-bidang yang dipilih oleh pelajar atau keperluan program siswazah. Kurikulum ini akan menerangkan objektif, tugas rubrik dan maklumbalas pelajar mengenai kursus yang diikuti. Terdapat lima objektif yang telah digariskan bagi pembelajaran kursus *College to Workplace* dan *College to Graduate School* iaitu pelajar mampu menghasilkan *resume* dan surat permohonan kerja atau program siswazah yang sesuai dengan minat, kemahiran dan kelulusan. Melalui kursus yang telah diikuti, pelajar berkemampuan untuk menyampaikan dengan lengkap selama 30 sehingga 60 saat mengenai latar belakang dengan misi organisasi kepada majikan atau pelajar mampu menulis kenyataan tentang diri sebagaimana yang disasarkan bagi program siswazah yang ingin dimohon. Seterusnya pelajar berkebolehan menyediakan contoh-contoh khusus kepada soalan-soalan yang diterima dalam latihan temuduga yang menggunakan situasi- tugas-tindakan- keputusan (STAR Model) atau pelajar boleh mengamalkan kemahiran temuduga dalam latihan temuduga di sekolah siswazah. Pelajar juga mampu mengenalpasti individu atau tokoh dalam bidang yang diminati dan menjalankan temubual untuk mendapatkan maklumat seterusnya menyediakan laporan dua mukasurat mengenai

maklumat temubual tersebut. Dengan tercapainya objektif di atas, pelajar diharap mampu membangunkan pelan kerjaya yang dapat mengintegrasikan pengetahuan diri dengan kerjaya pilihan mereka, termasuk menyediakan pelan B dan pelan C (Mills & Sutera, 2012).

*Louisiana State University.* Kursus Strategik Pembangunan kerjaya (HRE 3331) merupakan kurikulum tiga kredit yang disediakan oleh *Louisiana State University* (LSU) kepada pelajar. Kursus ini menawarkan pendekatan yang menyeluruh untuk pembangunan kerjaya dalam membuat keputusan kerjaya. Kelas ini menggabungkan kesedaran diri, explorasi kerjaya, teknik-teknik dan mempromosikan diri dalam pasaran kerja. Penekanan kurikulum terarah kepada kemahiran dalam perhubungan dan menumpukan kepada kecekapan yang menghubungkan individu dengan keperluan organisasi dan pelajar akan dibimbing menggunakan kemahiran carian kerja. Objektif pembelajaran kursus ini adalah melahirkan pelajar yang mampu menggunakan teori pembangunan kerjaya dalam proses perancangan kerjaya mereka iaitu (a) mengambil inventori kerjaya untuk mengenalpasti minat, kebolehan, nilai dan penilaian personaliti mereka dalam membuat keputusan kerjaya (b) mengumpul maklumat pekerjaan melalui sumber maklumat temuduga dan (c) mengenalpasti halangan kerjaya dan kaedah mengatasinya. Selain itu, pelajar diharap mampu mengaitkan kecekapan kerjaya peribadi untuk kecekapan korporat, dapat membangunkan pelan strategik kerjaya termasuk mempromosikan diri dalam pasaran kerja, memahami etika dalam proses carian kerja dan di tempat kerja. Selain itu, pelajar diharap dapat memahami unsur-unsur yang terlibat dalam pencarian kerja yang berkesan termasuk rangkaian, menggunakan sumber-sumber dan wawancara serta memahami proses memohon untuk menamatkan pengajian dan pendidikan profesional (Mills & Sutera, 2012).

*University of North Carolina-Charlotte.* Universiti ini menawarkan kursus seminar pemindahan tiga kredit (UCOLL 1011) kepada pelajar dengan memberi tumpuan kepada isu-isu kerjaya. Kursus ini mempunyai lima objektif utama iaitu pelajar boleh mempelajari mengenai universiti dan menyesuaikan diri dengan sumber-sumber yang terdapat di kampus selain dapat membina hubungan sokongan dalam persekitaran yang baru. Objektif seterusnya adalah menyokong pelajar untuk menyesuaikan diri dengan pembangunan kerjaya dan Pusat Kerjaya Universiti, bengkel dan peluang-peluang yang ditawarkan, membangunkan kemahiran akademik, peribadi dan kecemerlangan kerjaya serta mengukuhkan kemahiran komunikasi secara lisan (Mills & Sutera, 2012).


### **Kerangka Teori**

Tiga teori digunakan dalam kajian ini selaras dengan objektif kajian iaitu Teori *Dual Coding*, Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya. Teori *Dual Coding* digunakan sebagai panduan dalam e-pembelajaran sementara penggunaan Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya adalah bagi aspek kerjaya. Selain tiga teori di atas, dua model yang telah digunakan sebagai panduan dalam mendasari kajian ini adalah Model Kurikulum Tyler dan Model Wright. Model Kurikulum Tyler digunakan sebagai panduan kepada pembangunan kurikulum sementara Model Wright digunakan dalam kajian ini sebagai panduan kepada kriteria yang diperlukan dalam pembangunan kurikulum atas talian.

**Teori Dual Coding.** Teori *Dual Coding* telah diperkenalkan oleh Allan Paivio (Paivio, 1971, 2006) iaitu sebuah teori dalam pembinaan pembelajaran multimedia. Teori ini menyatakan bahawa informasi yang diterima oleh seseorang diproses melalui salah satu dari dua saluran iaitu saluran verbal seperti teks dan suara dan saluran visual seperti diagram, gambar dan animasi. Teori *Dual Coding* menerangkan tingkah laku

manusia dan pengalaman seseorang yang dinamik beroperasi melalui rangkaian yang kaya dengan representasi verbal dan visual yang khusus (Clark, Paivio, 1991). Teori *Dual Coding* juga menyifatkan bahawa seseorang akan belajar lebih baik jika media belajar yang digunakan terdiri daripada gabungan yang tepat dari saluran verbal dan saluran visual (Najjar, 1995). Menurut Paivio (1986), dengan penggunaan yang kerap kedua-dua jalinan sumber saluran iaitu saluran verbal dan saluran bukan verbal mampu menyeimbangkan serta memanjangkan tempoh ingatan seseorang terhadap sesuatu maklumat yang diperolehi tersebut. Oleh yang demikian, proses pembelajaran melalui pendekatan pelbagai media boleh mendorong pelajar dalam meningkatkan daya ingatan mereka mengenai sesuatu maklumat yang diterima.


### Teori Holland



Rajah 2.1 Teori Kerjaya Holland

Teori Kerjaya Holland (1973) adalah teori yang cuba memadankan jenis personaliti seseorang individu dengan persekitaran kerja. Holland berpendapat bahawa personaliti seseorang sangat berkait rapat dengan suasana kerja seseorang. Personaliti individu dikategorikan kepada enam jenis personaliti utama iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional. Holland seterusnya menjelaskan bahawa kecenderungan minat kerjaya atau saringan kerjaya merupakan satu gambaran kepada personaliti seseorang. Minat merupakan satu aspek psikologi yang tidak sama antara seseorang individu dengan individu yang lain yang mana ia

bergantung kepada rangsangan-rangsangan atau ganjaran-ganjaran yang akan diperolehi dan ia juga sehalu dengan sasaran dalam kehidupan seseorang individu tersebut itu (Sidek, 2005; Naqvi 1968: 28).




Rajah 2.2 Holland's Hexagon: Hubungan di antara jenis personaliti dengan keadaan persekitaran

Holland (1997) mendapati terdapat banyak jenis *subenvironment*, sekalipun berada dalam organisasi yang sama, ia boleh mempengaruhi seseorang individu. Sebagai contoh, pelajar-pelajar dalam jurusan yang berbeza dari universiti yang sama atau pekerja yang berbeza bidang pekerjaan dalam sebuah organisasi yang sama mungkin mempunyai pengalaman yang sangat berbeza. Oleh yang demikian, Holland menyarankan perlunya mengambilkira penilaian terhadap *subenvironment* yang mempunyai pengaruh yang besar terhadap individu sewaktu menilai kesesuaian (Christopher et al., 2012).

Ho dan Ahn (2014) telah menggunakan teori Holland ke atas pelajar sekolah rendah dalam kajiannya. Ia bertujuan untuk melihat keberkesanan program pendidikan kerjaya berasaskan Teori tersebut. Hasil yang telah diperolehi melalui kajian menunjukkan bahawa aktiviti yang telah dilaksanakan menunjukkan kesan yang positif terhadap kematangan dan perkembangan kerjaya dalam kalangan para pelajar.

### Teori Sosial Kognitif Kerjaya



Rajah 2.3 Teori Sosial Kognitif Kerjaya (SCCT)

Teori Sosial Kognitif Kerjaya digunakan dalam membincangkan dan memahami kepelbagaian aspek berkaitan akademik dan pembangunan kerjaya. Teori Sosial Kognitif Kerjaya berasaskan dari teori Bandura (1986, 1997), teori kognitif sosial umum Bandura, satu teori berkaitan motivasi dan *self-regulation* yang boleh digunakan dalam banyak bidang yang berkait dengan aspek psikologi. Konsep keberkesanan diri (Bandura, 1977), merupakan bahagian paling penting dalam teori yang dibincangkan ini, terutama bagi perkara-perkara berkaitan dengan minat terhadap kerjaya dalam kalangan pengkaji (Hung et al., 2010).

SCCT memberi tumpuan kepada interaksi dalam kalangan pelbagai jenis individu, persekitaran dan pembolehubah tingkah laku yang boleh mempengaruhi proses yang mana individu berusaha untuk (a) meningkatkan kualiti akademik dan minat kerjaya (b) membuat dan menyemak semula rancangan pendidikan dan perancangan kerjaya dan (c) meningkatkan prestasi dalam bidang akademik dan kerjaya mereka. Menurut model SCCT yang mana ia menggambarkan pertindihan antara minat dan pilihan, keberkesanan diri (percaya kebolehan diri mendorong kepada perlaksanaan tindakan), menggalakkan jangkaan hasil (percaya bahawa kesan dari tindakan yang telah atau akan dibuat). Pelajar yang memiliki kekuatan *self-efficacy* akan cenderung memupuk minat akademik dan menjangkakan hasil yang positif. Matlamat pilihan (niat untuk memilih atau meneruskan satu-satu kursus) dilihat sebagai satu hasil daripada keupayaan diri, jangkaan hasil dan minat. Namun, matlamat boleh terjejas dengan kehadiran kontekstual seperti pengaruh sosial (Lent, Lopez & Hung, 2008).

Teori Sosial Kognitif Kerjaya (SCCT; Lent, Brown & Hackett, 1994, 2000) telah diperkenalkan sebagai satu yang praktikal bagi pembangunan dan penilaian dalam program-program kerjaya untuk pelajar-pelajar sekolah tinggi. Teori SCCT ini mudah diukur dan mengambilkira faktor luaran seperti persekitaran dan faktor dalaman individu di dalam proses pembangunan kerjaya pelajar. SCCT menganjurkan proses pemilihan kerjaya berlaku apabila terdapat pendedahan kepada pelbagai aktiviti individu yang mempunyai kerjaya yang cemerlang. Melalui aktiviti-aktiviti, *role model*, sokongan dan maklumbalas daripada orang atau pihak tertentu, kanak-kanak dan remaja dapat membina kemahiran yang khusus dan dapat membangunkan kepercayaan diri (Aliet al., 2012).

Teori ini menjelaskan berkenaan pengaruh-pengaruh aspek kontekstual seperti dorongan dari kumpulan dan aspek individu itu sendiri seperti ciri-ciri personaliti seseorang terhadap kejayaan kerjaya. Kedua-dua aspek inilah yang akan mempengaruhi perkara-perkara seperti pengalaman pembelajaran, saringan dan kemajuan dalam kerjaya. Pembangunan teori SCCT ini datang daripada idea yang asal dalam Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986). Ia bertujuan untuk menerangkan bagaimana seseorang individu itu mampu membina dan membangunkan keperluan kemahiran (b) bertanggungjawab memilih kerjaya yang sesuai dengannya dan memperoleh kepuasan melalui kerjaya yang telah diceburinya (Lent, Brown & Hackett, 1994 dan Lent & Brown, 2006). Teori ini menggambarkan bahawa tingkahlaku seseorang yang berkaitan dengan pekerjaannya seperti kemampuan dalam merencana strategi kerjaya, pencapaian serta kepuasan kerja sangat dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya sifat individu, faktor peribadi dan pendedahan seseorang terhadap pembelajaran (Al-Mansur & Roziah, 2012; Brown, 2003; Barnett & Bradley, 2007; Brown et al., 2008; dan Zikic & Saks, 2009).

Whirter, Rasheed & Crothers (2000) menjalankan kajian selama sembilan minggu dengan menganjurkan kelas akademik kerjaya kepada pelajar tahun dua sekolah tinggi dan dapatan kajian menunjukkan hasil yang positif. Pengkaji menggunakan pembolehubah SCCT iaitu kemahiran membuat keputusan yang efisien, kemahiran vokasional yang efisien, perancangan pendidikan dan jangkaan kerjaya. Kursus pendidikan kerjaya dibentuk bertujuan untuk memperkenalkan kepada pelajar mengenai kemahiran penyelesaian masalah vokasional seperti kebolehan untuk mengenalpasti minat dalam bidang kerjaya dan mengetahui maklumat mengenai dunia pekerjaan (Rasheed, Ling, Button, McCoy, 2011).

Chun et al., (2012) telah mengaplikasi Teori SCCT melalui program mentoringi. Hasil kajian menunjukkan impak yang positif dalam kedua-dua aspek yang dikaji iaitu fungsi kerjaya dan *role model* melalui program yang telah dilaksanakan. Kajian-kajian lepas yang telah dijalankan juga menunjukkan program *mentoring* boleh memberikan kesan positif dan membantu mentoring terutama dalam aspek kerjaya (Chun, Changya, Baranik & Chia, 2012; Allen, McManus & Russel, 1999; Chao, 1997; Choa, 1997, Choa et al. 1992; Feldman & Bolino, 1999; Mullen, 2009; Ostroff & Kozlowski, 1993; Thomas & Lankau, 2009).

Seterusnya Blanco (2011) dalam kajiannya menguji teori SCCT untuk meramal minat dan matlamat dalam kalangan pelajar jurusan Psikologi di Sepanyol. Dapatan kajian menyokong penggunaan teori ini dalam menerangkan dan meramal proses yang terlibat dalam pembangunan hubungan statistik berkaitan dengan minat dan pilihan matlamat dalam kalangan pelajar jurusan Psikologi. Keputusan ini memberi sumbangan kepada penyelidikan SCCT dengan mengukuhkan bukti empirikal mengenai faedah dan pilihan model ini yang merentasi domain dan budaya.

Sementara kajian Lent et al., (2008) dijalankan bagi melihat penggunaan model SCCT dalam mengukur minat dan pendirian matlamat pelajar dari jurusan komputer. Hasil analisis dan dapatan kajian menunjukkan bahawa model SCCT menyumbang sejumlah besar varians dalam keperluan dan matlamat pelajar dalam bidang tersebut. Dapatan kajian konsisten terhadap kedua-dua hipotesis SCCT yang menunjukkan pembolehubah yang berkait dengan matlamat dan hipotesisi Bandura (1999, 2000) yang mana pemboleh ubah yang berkait dengan matlamat secara tidak langsung berkait dengan *self-efficacy*. Sebagaimana yang telah dijangkakan, *self-efficacy* memainkan peranan yang besar dalam menjangkakan hasilnya (Lent et al., 2008).

Pengaruh konsep sendiri dapat dilihat melalui satu siri tahap kehidupan individu dalam menuju ke arah kematangan kerjaya apabila seseorang individu berjaya menempuh tuntutan-tuntutan dalam sesuatu tugas dengan jayanya, maka individu berkenaan dikatakan mempunyai kematangan dari segi kerjayanya (Rohany Nasir 2005 dalam Sani 2011). Sekiranya proses perkembangan konsep sendiri seseorang itu tidak berlangsung dengan baik, ia mungkin menyebabkan seseorang itu sukar untuk membuat pemilihan kerjayanya pada tahap yang seterusnya. Kemudian pada akhirnya individu tersebut akan menghadapi kesukaran untuk memperolehi kepuasan dalam kerjayanya. Tetapi sekiranya peringkat-peringkat perkembangan kerjaya ini berlaku dengan baik, maka seseorang individu itu akan mengalami proses kematangan kerjaya yang baik. Keadaan ini mampu mendorong seseorang untuk membuat keputusan berkaitan kerjayanya dengan tepat (Sani, 2011; Sidek Mohd Noah 2002).

**Model Kurikulum Tyler.** Model Tyler dibangunkan berdasarkan kepada pembangunan kurikulum yang menekankan kepada empat fundamental iaitu matlamat pendidikan yang ingin diperolehi, pengalaman yang telah diperolehi melalui pendidikan untuk mencapai tujuan, pengorganisasian pengalaman pendidikan dan penilaian terhadap hasil pendidikan. Tyler menekankan empat soalan asas dalam pembinaan sebuah kurikulum (Tyler, 1949): (a) Apakah matlamat pendidikan yang ingin diperolehi oleh institusi pendidikan? (b) Apa pengalaman pembelajaran pendidikan yang boleh diadakan yang mungkin dapat mencapai objektif yang diinginkan? (c) Bagaimanakah pengalaman pendidikan ini dapat diurus dengan efektif? (d) Bagaimanakah kita boleh memastikan bahawa matlamat-matlamat yang telah digariskan ini boleh dicapai?

Objektif pendidikan yang dikemukakan oleh Tyler merujuk kepada satu rumusan yang jelas terhadap jangkaan perubahan tingkah laku yang dipengaruhi

melalui proses pembelajaran tersebut (Segedinac et al., 2011; Bloom, Englehart, Furst, Hill, & Krathwohl, 1956). Pemilihan objektif pendidikan merupakan bahagian yang sangat penting dalam merangka, membangun dan melaksanakan sesebuah kurikulum kerana semua aktiviti di dalamnya bergantung kepada objektif pendidikan yang dipilih dengan teliti (Segedinac et al., 2011; Kliebard, 1970). Pemilihan objektif pendidikan termasuk spesifikasi, klasifikasi dan organisasi objektif pendidikan (Segedinac et al., 2011; Segedinac et al., 2010).

**Model Wright.** Wright (2004) mencadangkan sebelas spesifik kriteria yang diperlukan dalam penawaran kursus atau pendidikan atas talian. Model ini menggariskan beberapa kriteria dalam penawaran kursus atas talian. Kriteria-kriteria tersebut telah disemak oleh individu-individu professional dari pelbagai bidang. Kriteria tersebut meliputi:

1. Informasi umum iaitu pelajar dilengkapkan dengan maklumat-maklumat asas berkaitan kursus
  - 1.1 Pada awal kursus ini, pelajar akan diberikan maklumat umum yang akan membantu mereka dalam melengkapkan kursus tersebut dan dalam memahami objektif dan prosidur kursus. Penerangan ringkas kursus ini termasuklah matlamat dan objektif pembelajaran dan atau hasil dan pengenalan kursus.
  - 1.2 Satu peta program dan atau rasional yang menunjukkan bagaimana sesebuah kursus tersebut berkait dengan kursus-kursus lain dalam program dan nilai kredit setiap kursus.
  - 1.3 Cadangan sumber dan keperluan yang boleh digunakan seperti buku dan internet, sumber atas talian dan garis panduan bagi

pengguna seperti perbincangan atas talian serta kegiatan dalam kumpulan secara alam maya

2. Aplikasi dan kebolehan mengakses kursus yang ditawarkan dan bagaimana pelajar boleh mendapatkan informasi dengan cepat

- 2.1 Menerangkan fungsi setiap item dan setiap bahagian diterangkan dengan pengenalan dan ringkasan

- 2.2 Mempunyai index, glosari dan kesinambungan dengan kursus-kursus yang lain

3. Organisasi yang mana pelajar boleh melihat hubungan antara bahagian di dalam kursus tersebut

- 3.1 Dilengkapi dengan jadual panduan yang tepat

- 3.2 Sub topik mestilah berkaitan dengan topik utama, komponen-komponen yang konsisten dengan kursus dan rujukan.

4. Bahasa yang digunakan haruslah sesuai dengan pelajar sasaran

- 4.1 Penulisan jelas dan terang, panduan dan arahan yang jelas, penggunaan perkataan yang biasa, penggunaan ayat dan perenggan yang ringkas serta penggunaan simbol.

- 4.2 Penulisan tidak bersifat berat sebelah, mengambilkira sensitiviti budaya dan etnik, kaum dan jantina. Walaubagaimanapun, pandangan yang bersifat berat sebelah boleh digunakan sebagai contoh dalam topik-topik yang relevan.

5. Reka bentuk yang mempunyai tarikan seperti reka bentuk halaman dan reka bentuk yang mudah adalah terbaik.

- 5.1 Dilengkapi dengan kandungan, ikon, menandakan maklumat penting, penggunaan huruf besar, margin, penggunaan warna,

grafik seperti carta dan jadual dan bahan-bahan yang digunakan haruslah menarik.

## 6. Tujuan dan objektif

6.1 Objektif pembelajaran adalah berkaitan dengan topik dan kursus, relevan dengan dunia semasa dan sesuai untuk diaplikasikan.

Tujuan dan objektif ini juga perlulah berhubungan dengan ilmu dan pengetahuan, kemahiran, kecekapan dan sifat.

6.2 Objektif yang jelas dan mudah dicapai, hasil yang diperolehi dari pembelajaran adalah jelas dan dilengkapi dengan pemikiran kritikal dan kemahiran penyelesaian masalah.

## 7. Kandungan kursus

7.1 Jelas berkaitan dengan objektif pembelajaran, dilengkapi dengan pengalaman pembelajaran yang diperlukan dalam mencapai objektif pembelajaran, sesuai dengan kriteria pelajar seperti kematangan dan kemampuan.

7.2 Tepat, relevan, bersifat semasa, logik, mempunyai hubungan dengan sumber-sumber yang lain, dilengkapi dengan maklumat seperti kajian terkini dan mempunyai jaringan dengan kursus-kursus yang lain.

## 8. Strategi pengajaran atau pembelajaran dan peluang untuk dipraktikkan dan dipindahkan

8.1 Panduan dan arahan mestilah jelas dan padat, prosedur yang spesifik seperti tugas, aktiviti, kepelbagaian aktiviti untuk menggalakkan penglibatan aktif pelajar termasuklah perbincangan atas talian dan tugas bersama.

- 8.2 Pelajar diberitahu mengenai tanggungjawab mereka dalam kursus yang diikuti.
- 8.3 Pelajar boleh memilih aktiviti mengikut kesesuaian mereka, aktiviti sesuai dengan usia, budaya, aktiviti perlulah bersifat realistik dan perlu ada rumusan pada setiap topik dan modul.
9. Rujukan pembelajaran yang baik melalui sumber-sumber pembelajaran yang boleh diakses, sesuai dan tepat.
- 9.1 Bahan pembelajaran sesuai untuk pelajar dan terdapat pembahagian kategori sumber yang utama dan pilihan.
- 9.2 Pelbagai sumber pembelajaran yang digunakan untuk memastikan keserasian dengan kepentingan, kebolehan dan gaya pembelajaran pelajar yang berbeza.
- 9.3 Penggunaan klip multimedia seperti audio dan klip video, disertakan hanya jika pelajar mempunyai akses kepada perkakasan dan perisian yang sesuai.
10. Penilaian yang menentukan adakah aktiviti-aktiviti menilai dilaksanakan, relevan, tepat, dan selari dengan objektif, kandungan, dan aplikasi praktikal kandungan.
- 10.1 Pelajar diberi jangkaan yang jelas dan kriteria dalam tugas yang diberikan, bilangan tugas, tarikh akhir mereka adalah berpatutan dan penilaian dan penggredan prosedur yang jelas dan nyata.
- 10.2 Pautan yang sesuai dengan dasar-dasar institusi mengenai penggredan dan penilaian disediakan, hubungan antara tugas individu dan kursus gred akhir dinyatakan dengan jelas.

10.3 Hubungan antara hasil kursus pembelajaran, strategi penilaian dan tugas kursus adalah jelas kepada pelajar dan pelajar dapat merasai dan menilai kemajuan mereka sendiri.

10.4 Kriteria dan prosedur untuk semakan dan penilaian dinyatakan dengan jelas jika elemen-elemen ini termasuk dalam kursus ini, pelajar dimaklumkan *plagiarisme* dan perlindungan hak cipta dan kesannya, prosedur penilaian dan selari dengan objektif pembelajaran.

#### 11. Keseluruhan.

11.1 Adakah terdapat bukti bahawa kursus ini telah diuji dan pelajar dapat mencapai objektif kursus ini?

11.2 Adakah kursus tersebut dikaji oleh pakar-pakar dalam kandungan dan reka bentuk?

11.3 Adakah kursus bersifat semasa dan terkini pada bahagian kandungan dan aspek-aspek teknikal?. Bilakah kali terakhir ia disemak semula dan dikemaskini?


11.4 Jika kursus ini digunakan oleh tenaga pengajar yang tidak terlibat dalam pembangunan kursus, bolehkah ia diubahsuai?. Jika ya, apakah kebenaran yang diperlukan sebelum pengubahsuaian ini dibuat?

#### **Kerangka Konsep Kajian**

Kajian ini merupakan kajian pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Pembangunan modul

ini merangkumi empat elemen utama iaitu elemen objektif, elemen kandungan, elemen strategi dan elemen penilaian yang memberi fokus kepada menyalurkan maklumat kerjaya kepada pelajar bagi membantu perkembangan kerjaya mereka.

Universiti Malaya



Rajah 2.4 Kerangka Konseptual Pembangunan Modul Kurikulum Pendidikan Kerjaya Sains Kesihatan

Oleh itu, rajah 2.4 di atas menunjukkan kerangka konseptual kajian yang mencakupi keseluruhan teori dan model yang telah diaplikasi sebagai panduan dan asas dalam proses mereka bentuk dan pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya ini. Terdapat tiga teori dan dua model yang telah diambil sebagai panduan yang mendasari kajian ini. Teori *Dual Coding* (Paivio 1971) adalah teori pembelajaran yang menjadi panduan dalam kajian yang dijalankan ini. Teori *Dual Coding* merupakan teori dalam pembelajaran multimedia yang menyatakan bahawa informasi yang diterima oleh seseorang diproses melalui salah satu dari dua saluran iaitu verbal seperti teks dan saluran visual seperti diagram, gambar dan animasi (Sadoski, Paivio, Goeks 1991). Faktor ini telah diambil kira dalam pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya ini. Model Kurikulum Tyler pula menjadi model utama dalam kajian ini yang menghasilkan elemen-elemen utama dalam membangunkan kurikulum selaras dengan objektif kajian. Empat elemen utama yang telah dicadangkan oleh Tyler adalah elemen objektif, elemen kandungan, elemen strategi dan elemen penilaian. Sementara Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya menjadi panduan bagi keperluan khusus berkaitan aspek kerjaya yang akan diambil kira. Kedua-dua teori ini digunakan bagi membentuk dan memperkemaskan item-item bagi keempat-empat elemen kurikulum iaitu objektif, kandungan, strategi dan penilaian tersebut. Pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian ini diperkemaskan lagi dengan menjadikan Model Wright (2004) sebagai panduan dalam membangunkan sebuah kurikulum yang ditawarkan secara atas talian. Ia bagi memastikan penawaran modul pendidikan kerjaya atas talian ini selari dengan keperluan dan memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan.

Program berbentuk kerjaya atas talian dilihat relevan sesuai dengan perkembangan teknologi dewasa ini dan keperluan pelajar itu sendiri. Ia juga

diambil kira dari trend golongan muda hari ini yang lebih berminat dalam menggunakan teknologi bagi meningkatkan pengetahuan dan pendidikan mereka. Hakikatnya banyak program dan perkongsian pendidikan kerjaya atas talian yang telah dibangunkan samada melalui blog mahupun laman web oleh kaunselor profesional persendirian yang bertujuan berkongsi maklumat kerjaya kepada masyarakat. Kajian-kajian seumpama juga giat dijalankan untuk melihat kesan ke atas penawaran program-program samada yang bersifat atas talian ataupun tidak.

Kajian pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan ini telah dibina dengan mengambil kira faktor-faktor keperluan dan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian itu sendiri. Kajian pembangunan ini juga telah mengambil pendekatan dengan menggabungkan teori-teori dan model-model yang dilihat sangat relevan dalam memastikan penawaran modul ini seimbang sekaligus mampu mencapai objektif kursus ini. Oleh yang demikian, kajian ini diharap dapat menjadi asas dan rujukan kepada pembangunan modul kursus-kursus atau program-program pada masa hadapan yang lebih bersifat jangka panjang sebagai sebuah kursus yang berterusan kepada para pelajar. Malah ia juga mampu menggalakkan pelajar untuk terus memanfaatkan perkhidmatan kaunseling itu sendiri melalui pelbagai kaedah dan sumber yang tepat.

### **Rumusan**

Bahagian ini telah mengupas dengan mendalam berkaitan tinjauan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Pengkaji juga telah menyentuh tentang teori-teori dan model-model yang telah digunakan dalam kajian ini. Latar belakang tentang modul kurikulum pendidikan kerjaya turut dibincang sama. Isu-isu

mengenai perkhidmatan kaunseling, kaunseling kerjaya, pendidikan kerjaya dan pengintegrasian teknologi dalam sistem pendidikan dan perkhidmatan kaunseling, meliputi perkembangannya dalam konteks dalam negara mahupun dunia juga turut dibincangkan bagi menyempurnakan kupasan huraian pada bahagian ini.

Universiti Malaysia

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan untuk menjalankan kajian bagi membangunkan sebuah modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Ia mencakupi reka bentuk kajian yang terdapat di dalamnya adalah kaedah dan reka bentuk modul. Selanjutnya adalah perbincangan kupasan mengenai fasa-fasa yang termasuk di dalam kajian iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa penilaian iaitu kebolegunaan modul. Kaedah yang digunakan pada setiap akan dihuraikan dengan lebih mendalam pada bahagian ini. Selanjutnya, pemerincian terhadap responden yang terlibat dalam kajian ini, susunan dan peringkat-peringkat pengumpulan data, tatacara penganalisan data dan matrik kajian ini juga turut dikupas bagi memperkemaskan perbincangan bab ini.

#### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dilaksanakan dengan matlamat untuk mereka bentuk serta membangunkan sebuah modul kurikulum pendidikan kerjaya. Oleh itu, kajian ini berbentuk kajian pembangunan (*Design and Developmental Research (DDR)*). Kajian Pembangunan boleh didefinisikan sebagai "Satu kajian sistematik yang dijalankan bertujuan untuk merancang, membangun dan menilai program pengajaran, proses dan produk yang perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan serta menilai keberkesanannya" (Norlidah, Saedah, Mohd Nazri, Dorothy, 2013, hal 3; Seels & Richey, 1994). Sementara itu, pembangunan pengajaran boleh ditakrifkan sebagai satu proses meliputi analisis

keperluan, menentukan bentuk pengisian dan perlulah menguasainya, mewujudkan tujuan dan objektif pendidikan, mereka bentuk material bagi mencapai matlamat serta menilai kembali impak melalui program yang telah dilaksanakan melalui perubahan yang positif oleh individu atau pelajar (Heinich, Molenda, Russel, & Smaldino (2002) dalam Richey, Klein, & Nelson (2004)).

Kajian reka bentuk dan pembangunan boleh dikategorikan kepada 2 jenis. Jenis pertama adalah kajian yang dijalankan bertujuan untuk membangunkan sesuatu produk atau program yang khusus merangkumi reka bentuk, pembangunan dan atau penilaian. Dapatan kajian ini merupakan pengajaran yang diperoleh daripada penggunaan produk atau program tertentu dan penganalisaan situasi yang menyokong kepada penggunaannya iaitu kesimpulan kepada konteks yang spesifik. Manakala jenis kedua merupakan kajian proses reka bentuk, pembangunan atau penilaian proses, peralatan atau model. Dapatan kajian ini akan menghasilkan prosedur dan atau model reka bentuk, pembangunan dan penilaian yang baru dan penganalisan situasi yang menyokong penggunaannya iaitu kesimpulan umum (Norlidah Alias et.al 2013; Richey & Klien, 2007 & 2014).

Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kajian jenis yang pertama iaitu penyelidikan produk dan alat yang melibatkan tiga fasa utama. Fasa-fasa tersebut merupakan fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan dan fasa penilaian. Dalam kajian berbentuk pembangunan, banyak pendekatan yang boleh digunakan sebagaimana yang disimpulkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1


*Reka bentuk dan Penyelidikan Pembangunan*

| Jenis                        | Reka bentuk                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Penekanan                | Dapatan                                                                              | Penganalisan                           |
|------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------|
| Penyelidikan produk dan alat | Reka bentuk menyeluruh dan pembangunan projek (produk dan program pengajaran atau bukan pengajaran.<br><br>Fasa khusus (fasa analisis, fasa rekabentuk, pembagunan dan fasa penilaian)                                                                                                                                                                                                                                                                                  | Kajian khusus produk     | Pengajaran daripada membangunkan produk                                              | Kesimpulan kepada konteks yang khusus. |
| Penyelidikan model           | Alat mereka bentuk dan pembangunan (pembangunan dan Kebolehgunaan perkakas).<br>Pembangunan model secara menyeluruh dan proses pembangunan komponen model.<br><br>Pengesahan Model (Pengesahan dalaman komponen komponen model dan pengesahan Luar kesan model)<br><br>Kebolehgunaan model (Kajian tentang keadaan yang memberi impak kepada kebolehgunaan model, penyelidikan pereka bentuk membuat keputusan dan Penyelidikan kepakaran dan ciri- ciri pereka bentuk. | Kajian pembangunan model | Penghasilan prosedur dan atau model reka bentuk, pembangunan dan penilaian yang baru | Kesimpulan umum                        |

Richey dan Klein (2007) menekankan bahawa sesebuah kajian yang berbentuk pembangunan adalah merupakan satu proses yang tersusun dan sistematik meliputi proses reka bentuk, pembangunan dan penilaian sesuatu produk yang dihasilkan.

Kajian reka bentuk dan pembangunan dijalankan bagi mendapatkan asas empirikal untuk penghasilan keluaran dan alat pengajaran serta model-model yang baru atau lebih baik yang merangkumi pembinaannya (Richey & Klein, 2007 & 2014). Kajian reka bentuk dan pembangunan yang digunapakai dalam pembangunan modul kurikulum ini adalah satu kaedah penyelidikan yang mampu menghasilkan informasi yang mempunyai nilai kesahan yang tinggi kepada para pengkaji terutama dalam bidang teknologi pengajaran dan pembangunan kurikulum (Norlidah Alias et al., 2013).

**Kerangka metodologi kajian.** Bagi mendapatkan hasil yang empirikal, maka kajian yang dijalankan ini telah disusun secara sistematik, rajah 3.1 dibentuk bagi menerangkan dengan lebih jelas mengenai aliran kajian yang menggunakan kaedah pendekatan *Design & Developmental and Research (DDR Approach)*. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, kajian ini terdiri daripada 3 fasa utama iaitu fasa analisis keperluan modul, fasa reka bentuk dan pembangunan modul dan fasa penilaian kebolegunaan modul.



Rajah 3.1 Kerangka Metodologi Kajian

Pada fasa pertama, analisis dijalankan bertujuan mendapatkan maklumat mengenai tahap kemahiran dan penggunaan teknologi serta analisis terhadap minat kerjaya pelajar IPT. Fasa kedua merupakan fasa mereka bentuk modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian di IPT. Fasa mereka bentuk ini dibina melalui hasil dapatan yang diperolehi melalui pakar-pakar dalam bidang kurikulum, bidang kaunseling dan bidang teknologi yang telah dipilih. Fasa terakhir iaitu fasa penilaian dijalankan bertujuan menilai hasil yang diperolehi selepas pelaksanaan modul kurikulum pendidikan kerjaya ke atas responden. Jalinan ketiga-tiga fasa dalam kajian dengan tahap-tahap pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan disertakan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2

*Hubungan Fasa-fasa dalam Kajian dengan Peringkat-peringkat Pembangunan Modul Kurikulum*

| <b>Fasa</b>                       | <b>Kaedah (Instrumen)</b>         | <b>Tujuan</b>                                                                                                   |
|-----------------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Fasa 1: Analisis Keperluan        | Soal selidik                      | Menilai tahap kemahiran responden terhadap teknologi dan penggunaanya<br><br>Menenalpasti minat kerjaya pelajar |
| Fasa 2: Reka Bentuk & Pembangunan | Kaedah Fuzzy Delphi (FDM)         | Menentukan reka bentuk modul<br><br>Membangunkan modul menggunakan pendekatan berkaitan                         |
| Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan   | Tinjauan dan temuduga berstruktur | Menilai kebolehgunaan modul yang telah dibangunkan                                                              |

### **Fasa 1: Keperluan Analisis**

Fasa keperluan analisis merupakan fasa permulaan bagi penyelidikan pembangunan yang mana maklumat mengenai konteks dan persekitaran dikumpul. Berdasarkan analisis, cadangan penyelesaian kepada masalah dan pengenalan teknologi baru boleh

dibuat (Dewitt, 2010 Rossett, 1995). Bahagian ini akan mengupas dengan terperinci mengenai responden kajian bagi fasa 1, instrumen kajian fasa 1 serta pengumpulan dan penganalisan data. Bagi fasa analisis kajian, pengkaji memfokuskan kepada dua aspek utama iaitu teknologi dan minat kerjaya.

Analisis dijalankan ke atas responden untuk menilai keperluan dan persediaan pelajar bagi mencapai objektif modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian. Dari sudut penggunaan teknologi, penyelidik mengambilkira dua aspek utama iaitu kemahiran responden terhadap teknologi dan penggunaanya. Sementara bagi aspek minat kerjaya pula, pengkaji mengenalpasti minat dan kecenderungan individu terhadap aktiviti pekerjaan samada dalam bidang realistik, investigatif, artistik, sosial, enterprising ataupun konvensional. Dapatan yang diperolehi pada fasa ini akan menentukan bentuk pengisian modul pendidikan kerjaya yang sesuai dengan keperluan pelajar.

**Responden kajian.** Dalam kajian ini, seramai 150 orang pelajar dari beberapa bidang pengajian dari sebuah IPTS yang terletak di Kuala Lumpur telah dipilih sebagai responden bagi fasa pertama kajian. IPTS yang dipilih menawarkan program-program sains kesihatan seperti Sains Perubatan, Kesihatan Persekitaran, Farmasi, Fisioterapi, Kesihatan Keselamatan Pekerjaan, Kejururawatan, Pembantu Perubatan dan Jurupulih Cara Kerja. Respondan terdiri daripada pelajar peringkat diploma.

**Instrumen kajian.** Terdapat dua inventori yang telah digunakan dalam kajian pada fasa pertama ini iaitu Inventori Kemahiran dan Penggunaan Teknologi dan Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS). Pada bahagian ini, soal selidik telah dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu:

1. Bahagian A: Soal selidik Maklumat Diri

2. Bahagian B: Inventori Kemahiran dan Penggunaan Teknologi dan Persepsi Pelajar Terhadap Teknologi Dalam Aktiviti Pembelajaran
3. Bahagian C: Inventori Minat Kerjaya Sidek

***Bahagian A: Soal Selidik.*** Bahagian A merupakan soal selidik yang terkandung di dalamnya informasi mengenai diri responden. Ia disediakan dengan tujuan untuk mendapatkan informasi diri dan latar belakang responden. Beberapa perkara yang terkandung pada bahagian ini adalah jantina, bangsa, aliran akademik dan cita-cita.

***Bahagian B: Inventori Kemahiran dan Penggunaan Teknologi.*** Soal selidik Bahagian B merupakan soal selidik mengenai kemahiran teknologi dan penggunaan teknologi. Soal selidik ini telah diadaptasi daripada kemahiran komputer dan penggunaan soal selidik yang direka untuk menganalisis kemahiran dan penggunaan teknologi dalam kalangan pelajar sains tingkatan dua (Dewitt, 2010). Inventori asal digunakan dalam kajian pembangunan modul e-pembelajaran untuk topik pemakanan bagi pelajar tingkatan 2 Sains (Dewitt, 2010). Namun demikian, pengkaji hanya memodifikasi beberapa soalan yang berkaitan dalam menyediakan soal selidik ini.

Nilai kebolehpercayaan instrumen diperoleh berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan ke atas 30 orang responden yang terdiri dari pelajar bidang sains kesihatan dari sebuah IPTS yang terletak di Kuala Lumpur. Untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kajian, pengkaji telah menggunakan anggaran dalaman *Alpha Konsisten-Cronbach* (Cronbach, 1951). *Alpha Cronbach* merupakan ukuran yang Seringdigunakan bagi menguji tahap yang mana petunjuk-petunjuk bagi pembolehubah terpendam bergabung. Nilai koefisien Alpha yang diterima adalah 0.70 atau lebih (Nunnally, 1978). Instrumen yang telah diuji oleh pengkaji menunjukkan pekali *Cronbach Alpha* yang tinggi iaitu 0.88.

Jadual 3.3

*Nilai kebolehpercayaan instrumen analisis keperluan (Cronbach's Alpha)*

| <b>Instrumen (Bilangan Item)</b> | <b>Nilai Cronbach Alpha</b> |
|----------------------------------|-----------------------------|
| 42 item                          | 0.88                        |

Soal selidik kemahiran dan penggunaan teknologi dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (a) kemahiran dan penggunaan teknologi dan (b) persepsi terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran. Terdapat tiga aspek yang dikemukakan pada bahagian pertama soal selidik iaitu (a) pengetahuan asas pelajar mengenai penggunaan komputer (b) penggunaan teknologi dalam pencarian maklumat dan (c) penggunaan teknologi dalam komunikasi. Manakala bahagian kedua soal selidik adalah berkaitan persepsi pelajar mengenai penggunaan komputer dan internet dalam aktiviti pembelajaran mereka. Soal selidik kemahiran dan penggunaan teknologi ini diperlukan bagi melihat kesesuaian dan persediaan pelajar terhadap pembelajaran kursus atas talian.

Pada bahagian kemahiran dan penggunaan teknologi, responden kajian dikehendaki untuk menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan skala likert empat mata sementara bagi bahagian persepsi pelajar pula, responden kajian dikehendaki untuk menyatakan tahap persetujuan mereka berdasarkan skala likert lima mata. Pembahagian soal selidik kemahiran dan penggunaan teknologi ditunjukkan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4

*Soal selidik kemahiran dan penggunaan teknologi*

| Bahagian                           | Aspek                                                                          | Objektif                                                                                                                                       | Skala                  |
|------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|
| Kemahiran dan penggunaan teknologi | Pengetahuan asas pelajar mengenai penggunaan komputer                          | Mengenalpasti tahap kemahiran (pengetahuan) dan penggunaan teknologi di kalangan pelajar (penggunaan dalam pencarian maklumat dan komunikasi). | 1. Tidak pernah        |
|                                    | Penggunaan teknologi dalam pencarian maklumat                                  |                                                                                                                                                | 2. Hampir tidak pernah |
|                                    | Penggunaan teknologi dalam komunikasi                                          |                                                                                                                                                | 3. Kadang-kadang       |
| Persepsi pelajar                   | Persepsi mengenai penggunaan komputer dan internet dalam aktiviti pembelajaran | Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap penggunaan komputer dan internet dalam aktiviti pembelajaran                                           | 4. Sering              |
|                                    |                                                                                |                                                                                                                                                | 1. Sangat tidak setuju |
|                                    |                                                                                |                                                                                                                                                | 2. Tidak setuju        |
|                                    |                                                                                |                                                                                                                                                | 3. Tidak pasti         |
|                                    |                                                                                |                                                                                                                                                | 4. Setuju              |
|                                    |                                                                                |                                                                                                                                                | 5. Sangat Setuju       |

***Bahagian C: Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS).*** Pada tahun 1987, satu inventori kerjaya yang dikenali sebagai IMKS telah dibangunkan dengan bersumberkan kepada Teori Kerjaya Holland (Sidek, 2005). Inventori ini mempunyai enam bidang minat utama iaitu (a) Realistik (b) Investigatif (c) Artistik (d) Sosial (e) Enterprising dan (f) Konvensional (Sidek, 2005).

Bidang realistik merupakan satu bidang yang menunjukkan kecenderungan individu yang memiliki kemahiran atletik atau mekanikal. Sementara bagi investigatif, kecenderungan lebih terarah kepada menjalankan pemerhatian, mempelajari, menyelidik, menganalisis, menilai dan menyelesaikan masalah melalui penyelidikan. Mempunyai kemahiran saintifik dan matematik serta meminati kerjaya-kerjaya saintifik dan beberapa kerjaya bercorak teknikal. Bagi jenis artistik pula, individu mempunyai kebolehan artistik dan inovatif. Mempunyai kebolehan intuisi dan suka bekerja dalam situasi yang tidak atau kurang berstruktur. Tidak selesa dengan kerja

yang rutin atau berulang-ulang dan selalu menggunakan imajinasi dan kreativiti (Sidek, 2005).

Bagi jenis sosial pula, individu suka bekerja dan berinteraksi dengan manusia. Berminat dalam memberitahu, menolong, melatih, memperkembang dan mengubati serta membuat kebajikan kepada orang lain. *Enterprising* menunjukkan kebolehan dan minat seseorang individu dalam mempengaruhi, mengarah, memimpin dan mengurus individu lain. Pandai dan mahir memanipulasi orang lain. Matlamat terakhir melalui analisis dari soal selidik yang akan digunakan ini, penyelidik dapat mengenalpasti kecenderungan minat pelajar yang diharap dapat dipupuk dalam kalangan para pelajar dalam membina survival menempuh alam pekerjaan (Sidek, 2005).

Secara umumnya, terdapat dua jenis inventori minat kerjaya iaitu 'inventori kekunci empirikal' dan 'inventori kekunci bukan empirikal'. Alat ukuran minat kerjaya dikenali sebagai 'inventori kekunci empirikal' akan menghasilkan skor atau profil minat yang berkaitan dengan pekerjaan-pekerjaan khusus. Sementara itu, jenis inventori kedua dikenali sebagai 'inventori kekunci bukan empirikal' yang menghasilkan skor atau profil dalam bidang umum, bukan dalam bidang pekerjaan yang khusus (Sidek, 2005). Inventori IMKS merupakan alat ukuran inventori minat kerjaya jenis 'inventori kekunci bukan empirikal'.

Alat ukuran ini mempunyai pekali kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* yang tinggi iaitu .965 bagi keseluruhan alat ukuran IMKS dan antara .926 hingga .963 bagi 16 skala yang terkandung dalam IMKS. Alat ukuran ini terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A (Tema Pekerjaan) dan Bahagian B (Nama Pekerjaan) yang mengandungi 160 item. Alat ukuran ini mempunyai format jawapan Ya atau Tidak. (Sidek, 2005).

Antara tujuan utama pembinaan modul ini adalah untuk memupuk kecenderungan minat bidang kerjaya dan bakat pelajar bagi melahirkan generasi graduan yang lebih kreatif. Kesedaran terhadap kebolehan diri dapat membantu pelajar merangka masa hadapan kerjaya mereka dengan lebih cemerlang kerana ia merupakan kelebihan, kekuatan dan keunikan seseorang individu. Oleh itu, alat ukuran minat kerjaya ini dilihat dapat menjadi pengukur dan input dalam pembinaan pengisian modul kurikulum pendidikan kerjaya.

**Pengumpulan dan penganalisan data.** Instrumen kajian telah diberikan kepada responden. Satu instrumen digunakan dalam fasa pertama ini dan kesemua 150 orang responden telah menjawab instrumen tersebut. Instrumen yang digunakan merupakan versi Bahasa Melayu. Semua responden telah diberikan masa yang mencukupi untuk menjawab soal selidik tersebut. Penerangan awal telah diberikan sebelum responden menjawab instrumen bagi memastikan tidak terdapat sebarang kekeliruan yang boleh memberikan kesan kepada hasil dapatan.

Bagi soal selidik kemahiran dan penggunaan teknologi, data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan statistik diskriptif dengan menggunakan kekerapan dan peratusan melalui perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Sementara bagi data soal selidik IMKS, pengiraan skor boleh dijalankan secara manual. Bidang minat yang menunjukkan skor yang tinggi adalah bidang yang sangat diminati, sementara skor yang rendah pula adalah bidang yang tidak diminati oleh klien. 16 bidang minat khusus ini diringkaskan kepada enam tema minat seperti yang disarankan oleh Holland (1978, 1985, 1996) iaitu realistik, investigatif, artistik, sosial, *enterprising* dan konvensional (Sidek, 2005). Panduan pengiraan skor seperti dalam jadual 3.5.

Jadual 3.5

*Panduan pengiraan skala IMKS*

| Alat IMKS                                                                                 | Skala | Alat VPI & SDS | Pengiraan Skor Purata                                                                               |
|-------------------------------------------------------------------------------------------|-------|----------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pertanian & perhutanan<br>Perkhid. Perlindungan<br>Pekerjaan Berkemahiran<br>Kejuruteraan | R     | Realistik      | Pertanian & Perhutanan +<br>Perkhid. Perlindungan +<br>Pekerjaan Berkemahiran +<br>Kejuruteraan / 4 |
| Matematik, Sains,<br>Kaitan dengan Perubatan<br>Perubatan                                 | I     | Investigatif   | Matematik, Sains +<br>Kaitan dengan Perubatan +<br>Perubatan / 3                                    |
| Seni & Hiburan<br>Persuratan & Perundangan                                                | A     | Artistik       | Seni & Hiburan +<br>Persuratan & Perundangan / 2                                                    |
| Sukan<br>Perkhid. Persendirian<br>Perkhid. Sosial                                         | S     | Sosial         | Sukan +<br>Perkhid. Persendirian +<br>Perkhid. Sosial / 3                                           |
| Pentadb. Perniagaan<br>Analisis Perniagaan<br>Urus Niaga                                  | E     | Enterprising   | Pentadb. Perniagaan +<br>Analisis Perniagaan +<br>Urus Niaga / 3                                    |
| Pekerjaan Perkeranian                                                                     | C     | Konvensional   | Pekerjaan Perkeranian / 1                                                                           |

Melalui borang yang telah lengkap dijawab oleh responden, jawapan yang terdapat dalam borang soalan dipindahkan ke borang panduan pengiraan skor (rujuk lampiran). Setelah selesai pemindahan, pengiraan jumlah skor (JS) perlu dilakukan (Sidek, 2005). Pentafsiran profil ini adalah mudah dan tidak memerlukan pengetahuan dan kepakaran yang tinggi. Jumlah skor terkecil menunjukkan bidang minat yang utama, sementara jumlah skor yang terbesar menunjukkan bidang minat tersebut paling tidak penting pada individu berkenaan. Fokus perbincangan adalah pada jumlah skor yang terendah (Sidek, 2005).

**FASA 1: ANALISIS KEPERLUAN**  
**Kajian Tinjauan (Soal Selidik)**  
**(150 Orang Responden)**

**Analisis Keperluan** bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan keperluan Pembangunan Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan Kerjaya sains kesihatan.

1. Mendapatkan maklumat mengenai tahap kemahiran dan persepsi pelajar mengenai penggunaan teknologi
2. Mendapatkan maklumat mengenai minat kerjaya pelajar bagi melihat keperluan faktor minat dalam pembangunan modul kurikulum ini

**Dapatan Kajian:**

1. Data mengenai tahap kemahiran dan penggunaan teknologi
2. Data mengenai minat kerjaya pelajar

Data yang diperolehi akan menjadi panduan dalam pemilihan pengisian modul kurikulum pendidikan kerjaya



**FASA II:** Reka Bentuk dan Pembangunan Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan yang sesuai berdasarkan pandangan pakar menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* (FDM)



**FASA III:** Penilaian modul Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan menggunakan Temubual Berstruktur dan Soal Selidik

*Rajah 3.2 Fasa analisis keperluan*

## **Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan Modul**

Dapatan dari fasa pertama telah digunakan sebagai panduan bagi proses mereka bentuk dan pembangunan modul ini. Fasa ini dijalankan bagi menentukan dan mereka bentuk modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian bagi perkhidmatan kaunseling kerjaya di IPT. Fasa kedua ini mempunyai dua peringkat iaitu peringkat reka bentuk dan peringkat pembangunan.


**Aplikasi teori dan model.** Tiga teori dan dua model telah digunakan dalam fasa menentukan reka bentuk modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian. Selaras dengan objektif kajian, tiga teori yang dipilih merupakan Teori *Dual Coding*, Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya. Manakala model yang telah digunakan adalah Model Kurikulum Tyler dan Model Wright.

Teori *Dual Coding* merujuk kepada sebuah teori yang diaplikasi dalam pembinaan pembelajaran multimedia. Teori ini menekankan pendekatan penggunaan saluran verbal dan visual dalam proses pembelajaran kerana ianya mampu mengekalkan sesuatu maklumat yang dipelajari melalui pendekatan tersebut. Manakala penggunaan Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya adalah bagi aspek kerjaya. Teori Perkembangan Kerjaya Holland (1973) adalah teori yang cuba memadankan jenis personaliti seseorang individu dengan persekitaran kerja. Menurut Holland individu boleh dikelaskan kepada enam jenis personaliti iaitu, Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, *Enterprising* dan Konvensional. Pembangunan modul ini bertujuan membantu pelajar mengenali minat kerjaya mereka seterusnya memanfaatkannya dalam menilai peluang-peluang dan pilihan kerjaya yang ada. Teori Sosial Kognitif Kerjaya (Social Cognitive Career Theory (SCTT)) (SCCT; Lent, Brown & Hackett, 1994, 2000) telah diperkenalkan sebagai satu yang praktikal dalam pembangunan dan penilaian dalam program-program kerjaya bagi pelajar-pelajar

sekolah tinggi. Melalui aktiviti-aktiviti, *role model*, sokongan dan maklumbalas daripada orang atau pihak tertentu, kanak-kanak dan remaja dapat membina kemahiran yang khusus dan dapat membangunkan kepercayaan diri (Aliet al., 2012) terutama dalam proses membina kerjaya masa hadapan mereka. Pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan diharap dapat membantu pelajar untuk membuat persediaan secukupnya sebelum melangkah ke alam kerjaya.

Model Kurikulum Tyler digunakan sebagai panduan kepada pembangunan kurikulum. Objektif pendidikan yang dikemukakan oleh Tyler merujuk kepada satu rumusan yang jelas terhadap jangkaan perubahan tingkah laku yang dipengaruhi melalui proses pembelajaran tersebut (Segedinac et al., 2011; Bloom, Englehart, Furst, Hill, & Krathwohl, 1956). Empat elemen utama yang digariskan dalam model ini meliputi objektif, kandungan, strategi dan penilaian dilihat sangat bersesuaian dengan pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.

Pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya ini dibangunkan sebagai satu kursus atas talian, oleh itu Model Wright turut digunakan dalam kajian ini sebagai panduan kepada kriteria yang diperlukan dalam pembangunan kurikulum atas talian. Aplikasi Teori *Dual Coding*, Teori Holland, Teori Sosial Kognitif Kerjaya, Model Kurikulum Tyler dan Model Wright ditunjukkan dalam Rajah 3.3.



*Rajah 3.3 Aplikasi Teori Dual Coding, Teori Holland, Teori Sosial Kognitif Kerjaya, Model Kurikulum Tyler dan Model Wright dalam reka bentuk dan pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian.*

**Panel pakar.** Bagi kajian reka bentuk dan pembangunan modul dalam fasa kedua ini, pengkaji telah menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu memilih sampel berdasarkan pengetahuan penyelidik dan tujuan khusus penyelidikan (Noraini Idris, 2010). Saedah Siraj dan Faridah Abdullah (2005) menggariskan kriteria tersebut iaitu individu yang mempunyai latihan, pengetahuan dan pengalaman, golongan profesional yang memiliki pengalaman bekerja dan juga individu yang sanggup untuk mengambil bahagian dalam kajian ini.

Dalam fasa kedua ini, panel pakar telah dipilih mengikut kriteria-kriteria tertentu selaras dengan objektif kajian. Kajian ini merupakan kajian pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Oleh yang demikian, ia secara tidak langsung melibatkan tiga bidang yang berbeza iaitu bidang kurikulum, bidang kaunseling dan bidang teknologi. Panel pakar terdiri daripada pakar kurikulum, pakar kaunseling yang terdiri daripada kaunselor berdaftar dan pakar dalam bidang teknologi.

Seramai 15 orang pakar telah dipilih dan bersedia untuk terlibat dalam kajian ini. Bilangan pakar adalah relevan kerana cadangan bilangan pakar bagi Teknik *Fuzzy Delphi* ini adalah antara 10 hingga 50 orang (Mohd Ridzuan Mohd Jamil et al., 2013; Adler dan Ziglio, 1996; Jones dan Twiss, 1978). Manakala dalam membentuk soal selidik, pengkaji telah menggunakan khidmat nasihat seramai lima orang pakar iaitu dua orang merupakan pakar dalam bidang kurikulum, dua orang pakar dalam bidang kaunseling dan seorang pakar dalam bidang teknologi. Lima orang pakar ini di ambil dari kalangan 15 orang pakar yang telah dipilih dan terlibat dalam kajian ini.

Bagi tujuan kajian ini, panel pakar telah dipilih dalam tujuh kategori mengikut kepakaran dalam bidang masing-masing iaitu:

1. Ahli akademik yang berpengalaman dan terlibat dalam pembangunan, semakan dan penggubalan semula kurikulum
2. Pensyarah yang terlibat dalam penggubalan dan semakan kurikulum
3. Pensyarah Psikologi Kaunseling
4. Kaunselor berdaftar di IPTA dan di IPTS
5. Pegawai psikologi di Jabatan Perkhidmatan Awam
6. Pengarah syarikat teknologi dan laman web (pengamal)
7. Pensyarah teknologi maklumat

Beberapa ciri telah digariskan bagi menentukan panel benar-benar pakar dalam bidang kurikulum, bidang kaunseling dan bidang teknologi bagi memelihara kredibiliti kajian. Pakar-pakar yang telah dipilih adalah seramai 15 orang dan bidang kepakaran adalah seperti berikut:

1. **Pakar (Kurikulum) 1** (Ketua Akademik di sebuah IPTS): Seorang Profesor Emiretus yang mempunyai pengalaman melebihi 40 tahun dalam bidang pendidikan (pengajaran, penyeliaan dan penyelidikan di IPTA dan IPTS, pernah memegang portfolio sebagai Timbalan Naib Canselor di IPTA dan menyambung perkhidmatan di IPTS sebagai Ketua Akademik serta menjadi penasihat dan penilai dalam pembangunan akademik kolej dan penasihat serta terlibat secara langsung dalam pembangunan dan penggubalan kurikulum subjek).
2. **Pakar (Kurikulum) 2, 3 dan 4** (Ketua Jabatan dan Pensyarah di IPTS): Berkhidmat 10 hingga 15 tahun dalam bidang pendidikan dan pengajaran. Mempunyai pengalaman yang luas dalam membangunkan kurikulum baru

subjek, menjadi panel dan penasihat untuk menyemak, menggubal dan mengemaskini kurikulum sediaada.

3. **Pakar (Kurikulum) 5** ( Pensyarah kanan IPTA): Berpengalaman dan berkhidmat melebihi 10 tahun dalam bidang pendidikan dan pengajaran. Terlibat dalam secara langsung dalam pembangunan, penambahbaikan dan penyemakan kurikulum fakulti dan aktif dalam bidang penyelidikan dan penerbitan artikel dan buku.
4. **Pakar (Kaunseling) 6, 7, 8 dan 9** ( Kaunselor berdaftar di IPTS): Berpengalaman antara 10 hingga 20 tahun dalam perkhidmatan kaunseling kepada pelajar dan pekerja. Terlibat secara aktif dalam aktiviti NGO yang berkait dengan bidang kaunseling seperti kaunseling kerjaya dan trauma bencana alam, berpengalaman dalam membangun dan mengendalikan seminar-seminar dan bengkel-bengkel kerjaya kepada pelajar. Aktif dalam lapangan penulisan serta giat menyertai persidangan yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan kaunseling samada di dalam mahupun di luar negara.
5. **Pakar (Kaunseling) 10, 11 dan 12** (Kaunselor berdaftar di IPTA): Berpengalaman melebihi 10 tahun dalam bidang perkhidmatan kaunseling. Bertanggungjawab menjalankan sesi kaunseling, membangunkan aktiviti pelajar yang berkaitan dengan pembangunan kerjaya seperti menganjurkan program kerjaya serta menjalankan penyelidikan berkaitan perkhidmatan kaunseling sediaada yang ditawarkan kepada para pelajar.
6. **Pakar (Kaunseling) 13** (Pegawai Psikologi): Berpengalaman melebihi 10 tahun dalam perkhidmatan psikologi dan kaunseling. Bertanggungjawab menjalankan sesi kaunseling, bergiat aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti motivasi dan program pembangunan kerjaya bersama pekerja, belia

dan pelajar dari pelbagai peringkat samada pelajar di peringkat sekolah mahupun IPT. Dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kerjasama dalam penganjuran aktiviti atau bengkel bersama generasi belia dan pelajar IPT di daerah-daerah yang telah ditetapkan.

7. **Pakar (Teknologi) 14** (Pengarah sebuah syarikat teknologi dan laman web): Berpengalaman melebihi 10 tahun dalam pembinaan laman web perniagaan, perkhidmatan dan pendidikan, berpengalaman dalam membangunkan sistem dan perisian atas talian kepada institusi pendidikan, menjadi pensyarah jemputan di IPTA, menjadi penilai bagi program yang akan dan telah dibangunkan secara atas talian.
8. **Pakar (Teknologi) 15** (Pensyarah Teknologi Maklumat di sebuah IPTA): Berpengalaman melebihi 20 tahun dalam bidang pendidikan dan pengajaran dalam bidang teknologi. Aktif menjalankan penyelidikan, penulisan serta penerbitan artikel dan buku antaranya transformasi dan penggunaan teknologi dalam sistem pengajaran dan pembelajaran dan penawaran pendidikan atas talian dalam kalangan pelajar di Malaysia.

Selain kriteria di atas, pakar yang telah dipilih juga bersedia untuk terlibat di dalam kajian ini. Agihan panel pakar ditunjukkan dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.6

*Agihan panel pakar mengikut bidang kepakaran*

| Bidang     | Bilangan | Pakar                               | Kepakaran                                                                       |
|------------|----------|-------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------|
| Kurikulum  | 5        | Ketua akademik di sebuah IPTS       | Berpengalaman dalam membangunkan kurikulum kursus                               |
|            |          | Pensyarah IPTS                      | Berpengalaman dalam penyemakan semula kurikulum                                 |
|            |          | Pensyarah IPTA                      | Berpengalaman dalam penggubalan kurikulum                                       |
| Kaunseling | 8        | Kaunselor berdaftar IPTS            | Berpengalaman dalam penawaran perkhidmatan kaunseling kepada pelajar            |
|            |          | Kaunselor berdaftar IPTA            | Berpengalaman membangunkan program-program kaunseling kerjaya                   |
|            |          | Pegawai Psikologi                   |                                                                                 |
| Teknologi  | 2        | Pengarah syarikat teknologi dan web | Berpengalaman dalam pembinaan laman web perkhidmatan dan pendidikan             |
|            |          | Pensyarah teknologi maklumat        | Berpengalaman dalam menawarkan perisian atas talian kepada institusi pendidikan |
|            |          |                                     | Berpengalaman sebagai tenaga pengajar jemputan di Universiti Teknologi Mara     |

**Instrumen kajian.** Bagi fasa kedua ini, penyelidik menggunakan teknik *Fuzzy Delphi*. Teknik *Fuzzy Delphi* (FDM) merupakan teknik yang diperkenalkan oleh Murray, Pipino dan Gigch dan dinilai semula oleh Kaufman dan Gupta pada tahun 1988. Hasil penambahbaikan dari teknik *Delphi*, teknik *Fuzzy Delphi* dilihat lebih efisien dari sudut masa dan kos (Mohd Ridhuan et al., 2013). FDM adalah gabungan set kabur penomboran, atau teori set kabur, dan kaedah tradisional *Delphi* (Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al., 2013; Mohd Ridhuan Mohd Jamil et al., 2014). Teknik ini digunakan dalam banyak kajian bertujuan mendapatkan konsesus daripada pakar

semada melalui temubual atau tinjauan. Melalui teknik ini juga, pakar dapat memberikan sepenuhnya pandangan mereka secara konsisten. (Mohd Ridhuan et al., 2013).

**Pengumpulan dan penganalisan data.** Fasa kedua ini mempunyai dua peringkat iaitu peringkat reka bentuk dan peringkat pembangunan. Sebelum memulakan temubual separa berstruktur kepada 5 orang pakar, pengkaji terlebih dahulu membuat pemetaan terhadap kajian lepas mengenai elemen-elemen penting dalam setiap lampiran kurikulum.

Pada peringkat awal, temubual separa berstruktur telah dijalankan kepada 5 orang pakar iaitu dua orang pakar kurikulum, dua orang pakar kaunseling dan seorang pakar teknologi. Berikut merupakan 10 soalan protokol temuduga kepada pakar terpilih:

1. Pada pandangan pihak tuan adakah kursus pendidikan kerjaya atas talian relevan dijalankan dalam konteks perkembangan pendidikan di Malaysia hari ini?
2. Apakah kriteria atau ciri-ciri yang diperlukan dalam kurikulum pendidikan kerjaya di kalangan pelajar IPT?
3. Pada pandangan pihak tuan, apakah objektif yang sesuai dalam modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian ini?
4. Pada pandangan pihak tuan, apakah kandungan yang bersesuaian dalam pembangunan modul kurikulum ini?
5. Adakah aspek minat perlu di ambil kira dalam pembangunan kurikulum pendidikan kerjaya di kalangan pelajar IPT?
6. Pada pandangan pihak tuan, adakah aspek-aspek kerjaya lain yang perlu diambil kira dalam penawaran sesebuah kursus kerjaya?


7. Apakah keperluan atau kriteria yang perlu ada bagi penawaran kursus pendidikan yang bersifat atas talian?
8. Apakah strategi yang perlu digunakan dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian pendidikan kerjaya ini?
9. Pada pandangan pihak tuan, apakah penilaian yang sesuai yang diperlukan dalam pembinaan dan pelaksanaan modul kurikulum ini?
10. Pada pandangan pihak tuan, adakah faktor lain yang perlu dipertimbangkan dalam pelaksanaan kursus pendidikan atas talian?

Bagi menentukan kesahan protokol temubual yang telah dibina, pengkaji telah mendapatkan pandangan tiga orang pakar bagi menyemak dan menilai soalan-soalan yang telah dibina. Ketiga-tiga pakar yang telah dipilih merupakan pensyarah kurikulum dan pensyarah Psikologi Kaunseling. Pakar telah menyemak penggunaan dan struktur bahasa dan keperluan soalan. Berdasarkan komen yang telah diberikan oleh pakar, beberapa pembetulan telahpun dilakukan.

Melalui dapatan temubual yang telah dijalankan, pengkaji telah mengenalpasti item-item penting yang terdapat dalam transkrip temubual bersama pakar tersebut bagi elemen-elemen objektif, kandungan, strategi dan penilaian yang menjadi tunjang kepada pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan. Pada peringkat seterusnya, penyelidik membina soal selidik berpandukan item-item penting yang telah dikenalpasti. Soal selidik ini kemudiannya telah diberikan kepada 15 orang pakar dalam bidang kurikulum, bidang kaunseling dan bidang teknologi.

Terdapat dua proses utama dalam penganalisan data *Fuzzy Delphi* iaitu: (a) *Triangular Fuzzy Number* dan (b) *Defuzzification Process*. *Triangular Fuzzy Number*

disusun dengan nilai  $m_1$ ,  $m_2$  dan  $m_3$  dan nilai  $m_1$  mewakili nilai minimum, nilai  $m_2$  mewakili nilai munasabah manakala nilai  $m_3$  mewakili nilai maksimum. *Triangular Fuzzy Number* ini digunakan bagi menghasilkan skala *Fuzzy* bagi tujuan menukar atau menterjemah pembolehubah linguistik kepada nombor *fuzzy*. Lebih tinggi skala *Fuzzy* bermakna lebih jitu data yang diperolehi.



Rajah 3.4 Aras Persetujuan Skala Fuzzy

Dalam kajian pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan skala linguistik berskala tujuh. Skala linguistik berskala tujuh ditunjukkan dalam Jadual 3.7.

Jadual 3.7

*Skala linguistik berskala tujuh*

| Aras Persetujuan           | Skala Fuzzy |     |     | Skala Likert |
|----------------------------|-------------|-----|-----|--------------|
| Sangat-sangat Setuju       | 0.9         | 1   | 1   | 7            |
| Sangat Setuju              | 0.7         | 0.9 | 1   | 6            |
| Setuju                     | 0.5         | 0.7 | 0.9 | 5            |
| Sederhana Setuju           | 0.3         | 0.5 | 0.7 | 4            |
| Tidak setuju               | 0.1         | 0.3 | 0.5 | 3            |
| Sangat tidak setuju        | 0           | 0.1 | 0.3 | 2            |
| Sangat-Sangat tidak setuju | 0           | 0   | 0.1 | 1            |


Proses *defuzzification* merupakan proses penganalisaan data kajian teknik *Fuzzy Delphi*. Ia dilakukan untuk menentukan kedudukan atau keutamaan bagi setiap item atau untuk menentukan kedudukan bagi setiap pembolehubah dan sub pembolehubah. Tujuan proses ini adalah untuk membantu pengkaji melihat aras keperluan sesuatu pembolehubah dan sub pembolehubah yang diperlukan. Selain itu, ia juga berupaya digunakan untuk menentukan kedudukan (*ranking*) bagi setiap elemen yang dikaji seterusnya dapat membantu menghasilkan data mengikut keperluan berdasarkan konsensus pakar yang bertindak sebagai responden kajian.

Teknik *Fuzzy Delphi* melibatkan proses menentukan kesepakatan kumpulan pakar samada melebihi atau bersamaan dengan 75% bagi keseluruhan konstruk atau bagi setiap item. Setiap item diandaikan mencapai konsensus pakar jika peratusan kesepakatan pakar untuk item berkenaan adalah sama atau melebihi 75% (Habibah, Zaharah, Mohd Ridhuan, Ahmad Arifin, Saedah Siraj, Nurul Rabihah, 2014; Chu & Hwang, 2008, Murray & Hammons, 1995).

Bagi mendapatkan dapatan kajian menggunakan pendekatan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM), terdapat prosedur yang perlu dipatuhi. Pematuhan kepada prosedur ini berupaya mendapatkan dapatan yang empirikal. Langkah pertama merupakan penentuan dan pemilihan pakar yang terlibat dalam konteks kajian. Pemilihan pakar ini amat penting bagi memastikan pakar yang dipilih mampu memberikan pandangan yang tepat dengan konteks kajian yang dijalankan. Langkah kedua pula merupakan pembinaan soal selidik pakar. Dalam proses ini, pembinaan soal selidik pakar boleh dijalankan melalui beberapa kaedah samada melalui temu bual, perbincangan melalui *focus group*, pembinaan melalui analisis dokumen dan kajian *literature* atau menggunakan soalan format terbuka. Bagi proses penyebaran dan pengutipan data iaitu pada langkah ketiga, terdapat beberapa pendekatan yang boleh digunakan iaitu samada melalui seminar perbengkelan bersama pakar, pertemuan dengan pakar secara individu atau penyebaran soal selidik kepada pakar. Langkah seterusnya adalah menukarkan semua pembolehubah linguistik ke dalam penomboran segi tiga *fuzzy* (*triangular fuzzy number*). Pada langkah kelima, penganalisan data berdasarkan *triangular fuzzy number* dibuat bagi mendapatkan nilai *threshold* ( $d$ ) dan nilainya mestilah kurang atau sama dengan 0.2 (Cheng & Lin, 2002).

Langkah keenam pula merupakan penentuan nilai peratusan kesepakatan pakar dan nilai peratusan kesepakatan pakar mestilah sama atau lebih daripada 75.0% (Chu & Hwang, 2008; Murry & Hammons, 1995). Langkah terakhir pula merupakan penganalisan data menggunakan *average of fuzzy numbers* (*Defuzzification Process*). Penganalisan ini bertujuan mendapatkan nilai skor *fuzzy* ( $A$ ) dan nilainya mestilah melebihi atau sama dengan nilai median (nilai  $\alpha$  – cut) iaitu 0.5 (Tang & Wu, 2010; Bodjanova, 2006). Setelah menjalani kesemua langkah di atas, ia akan menunjukkan

samada elemen tersebut telah diterima atau tidak oleh kesepakatan pakar. Rajah 3.4 menunjukkan carta alir prosedur bagi kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM).



Rajah 3.5 Carta alir prosedur bagi kaedah Fuzzy Delphi (FDM)

Setelah modul dibangunkan pada peringkat pembangunan modul iaitu hasil yang diperolehi setelah melalui proses mereka bentuk modul, proses semakan dan pemurnian prototaip telah dijalankan oleh tiga orang pakar. Pakar yang terlibat terdiri daripada dua pakar dalam bidang kurikulum dan seorang pakar dari bidang teknologi. Kesimpulan bagi fasa pertama ini ditunjukkan dalam Rajah 3.6.

**FASA 1: ANALISIS KEPERLUAN**  
Kajian Tinjauan (Soal Selidik ke atas 150 Orang Responden)



**FASA 2: REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODUL**  
**Teknik *Fuzzy Delphi* (FDM)**  
**(15 Orang Pakar)**

**Menentukan reka bentuk dan pembangunan** Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan oleh 15 orang pakar dengan menggunakan teknik Fuzzy Delphi berdasarkan elemen-elemen yang diperolehi melalui dapatan temubual pakar seterusnya pembinaan soal selidik.

Menentukan reka bentuk modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan yang sesuai berdasarkan pandangan pakar:

1. Menentukan objektif yang sesuai dalam pembangunan modul kurikulum ini berasaskan pendapat pakar
2. Menentukan kandungan yang sesuai bagi pembangunan modul ini berasaskan pandangan pakar
3. Menentukan strategi yang sesuai bagi membangunkan modul kurikulum ini berasaskan pandangan pakar
4. Menentukan penilaian yang sesuai bagi pembangunan modul kurikulum ini menurut pandangan pakar

**Dapatan Kajian:**

1. Pemilihan objektif yang sesuai bagi modul kurikulum ini mengikut pandangan pakar
2. Pemilihan kandungan yang bersesuaian dengan modul kurikulum ini mengikut pandangan pakar
3. Pemilihan strategi yang sesuai dengan modul kurikulum ini menurut pandangan pakar
4. Pemilihan penilaian yang sesuai dengan modul kurikulum ini menurut pandangan pakar
5. **Prototaip modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.**

Modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan dihasilkan melalui dapatan fasa kedua



**FASA III:** Penilaian Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan menggunakan Temubual Berstruktur dan Soal Selidik.

*Rajah 3.6 Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan*

### **Fasa 3: Penilaian**

Fasa ketiga dan terakhir merupakan fasa pelaksanaan modul dan seterusnya menilai kebolegunaan modul yang telah dilaksanakan ke atas responden. Penilaian yang dilakukan dalam fasa ini ialah penilaian modul kurikulum pendidikan kerjaya. Terdapat tiga bahagian dalam fasa penilaian ini iaitu:

1. Menenalpasti kesan penggunaan modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian dalam meningkatkan pengetahuan pelajar tentang aspek kerjaya.
2. Menenalpasti kesan penggunaan modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian dalam memudahkan proses pembelajaran.
3. Menenalpasti kesan penggunaan modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran pendidikan kerjaya.

**Responden kajian.** Jumlah responden yang terlibat bagi fasa penilaian adalah 40 orang. Bagi bahagian pertama iaitu menenalpasti kesan terhadap pengetahuan, seramai 12 orang pelajar yang telah mengikuti program pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian telah dipilih sebagai responden kajian. Manakala bagi bahagian kedua dan ketiga pula, seramai 40 orang pelajar yang telah mengikuti program pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian telah dipilih sebagai responden kajian.

**Instrumen kajian.** Terdapat dua instrumen yang telah digunakan di dalam kajian pada fasa ketiga ini. Bagi bahagian pertama dalam kajian fasa ketiga ini, pengkaji telah menggunakan soalan temubual berstruktur sementara pada bahagian kedua dan bahagian ketiga pula pengkaji menggunakan soal selidik.

**Temubual berstruktur.** Temubual berstruktur merupakan temubual yang dijalankan secara formal dan dirancang dengan teliti seterusnya dilaksanakan mengikut senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden. Ia bertujuan untuk memberi rangsangan yang sama kepada setiap responden agar maklumat yang dikumpul daripada kesemua responden dapat dibezakan dengan tepat (Chua Yan Phiaw, 2011). Mohd Majid (2005) menyatakan temubual merupakan satu kaedah yang sangat sesuai digunakan bagi memperolehi maklumat yang tepat daripada kumpulan responden yang kecil.

Temubual berstruktur telah dijalankan ke atas 12 orang responden yang telah mengikuti kursus pendidikan kerjaya atas talian yang telah disediakan. Pengkaji telah mengenalpasti 12 orang pelajar tersebut melalui emel yang disertakan oleh pelajar setelah tamat mengikuti kursus ini. Berikut merupakan 10 soalan protokol temuduga berstruktur kepada responden yang telah dipilih:

1. Adakah anda tahu tentang Inventori Minat Kerjaya dan bilakah anda mula mengetahui tentang perkara ini?
2. Adakah anda menyedari dan mengambilkira minat anda dalam membuat keputusan tentang kerjaya masa depan anda?
3. Adakah kursus ini membantu anda untuk lebih memahami tentang aspek 'Penampilan Diri' dan aspek 'Kemahiran Sosial'?
4. Pada pendapat anda, adakah kursus pendidikan kerjaya atas talian ini dapat membantu meningkatkan pengetahuan anda tentang persediaan ke alam kerjaya?
5. Sejauhmanakah anda mengetahui tentang kelayakan, kesesuaian dan kesepadanan gaji bagi jawatan yang anda impikan dan bila anda mula mengetahui tentang perkara ini?

6. Adakah kursus ini telah membantu meningkatkan pengetahuan anda tentang peluang-peluang kerjaya yang terdapat dalam sektor awam, sektor swasta dan keusahawanan?
7. Adakah anda tahu di mana untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai aspek kerjaya dan bila anda mula menyedarinya?
8. Adakah kursus ini membantu anda memahami apa yang dikatakan dengan ‘kreatif mencipta kerjaya’?
9. Sejauhmanakah anda mengetahui tentang kepentingan menyesuaikan perancangan kerjaya dengan matlamat-matlamat kehidupan anda yang lain dan bila anda mula menyedari tentang perkara ini?
10. Adakah terdapat perbezaan pengetahuan tentang aspek kerjaya sebelum dan selepas anda mengikuti kursus ini?

Bagi menentukan kesahan protokol temubual yang telah dibina, pengkaji telah mendapatkan tiga orang pakar bagi menyemak dan menilai soalan-soalan yang telah dibina. Ketiga-tiga pakar yang telah dipilih merupakan pensyarah kurikulum dan pensyarah Psikologi Kaunseling. Pakar telah menyemak penggunaan dan struktur bahasa dan keperluan soalan. Berdasarkan komen yang telah diberikan oleh pakar, beberapa pembetulan telahpun dilakukan.

**Soal selidik.** Soal selidik pada fasa ketiga ini mengandungi 14 item iaitu 7 item bagi tujuan mengenalpasti kesan penggunaan modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan dalam memudahkan proses pembelajaran. Sementara tujuh item berikutnya adalah untuk mengenalpasti kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya atas talian terhadap minat pelajar.

Dalam menentukan kesahan instrumen kajian, pengkaji telah menggunakan 4 orang pakar iaitu dua orang pakar dalam bidang kaunseling, seorang pakar dalam bidang kurikulum dan seorang pakar dalam bidang teknologi. Pengkaji telah merujuk kepada pakar bagi menentukan kesahan instrumen untuk melihat ketepatan kandungan item yang telah dibina (Fraenkel & Wallen, 2006). Pakar telah menyemak penggunaan dan struktur bahasa dan beberapa pembetulan telahpun dilakukan berdasarkan komen-komen yang diberikan oleh pakar. Pakar-pakar ini bersetuju bahawa soal selidik ini sesuai dan mencakupi semua aspek yang diperlukan dalam kajian ini.

Selain itu, nilai kebolehpercayaan instrumen diperoleh berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan ke atas 30 orang responden yang terdiri dari pelajar bidang sains kesihatan dari sebuah IPTS yang terletak di Kuala Lumpur. Soal selidik diberikan kepada responden secara atas talian. Untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kajian, pengkaji telah menggunakan anggaran dalaman *Alpha Konsisten-Cronbach* (Cronbach, 1951). Instrumen yang telah diuji oleh pengkaji menunjukkan pekali *Cronbach Alpha* yang tinggi iaitu 0.82 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3.8.

Jadual 3.8

*Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Analisis Penilaian (Cronbach's Alpha)*

| Instrumen (Bilangan Item) | Nilai <i>Cronbach Alpha</i> |
|---------------------------|-----------------------------|
| 14 item                   | 0.82                        |

**Pengumpulan dan penganalisisan data.** Bagi instrumen pertama iaitu soalan temubual, pengkaji telah menghubungi 12 orang pelajar untuk meminta persetujuan bagi mengadakan sesi temubual seterusnya menentukan tarikh dan tempat temuduga tersebut. Manakala bagi instrumen soal selidik pula, pengumpulan data dijalankan secara atas talian. Pelajar diminta untuk mengisi borang soal selidik yang terdapat di

dalam laman web kursus setelah menamatkan pembelajaran kursus dengan berpandukan panduan yang telah diberikan di dalam laman web tersebut.


Data yang telah diperolehi melalui kaedah temubual akan dianalisis menggunakan analisis tematik yang mana pengkaji akan meletakkan *ranking* bagi tema-tema yang ada berdasarkan jawapan yang telah dijawab oleh responden. Analisis tematik adalah satu kaedah kajian yang digunakan oleh kebanyakan pengkaji dalam penyelidikan yang berbentuk kualitatif (Boyatzis, 1998). Braun dan Clarke (2006), membahagikan analisis data tematik dalam penyelidikan ini kepada enam proses atau bahagian. Proses-proses tersebut adalah seperti berikut:

1. Mengumpul dan menyorot data kajian.
2. Menghasilkan kodifikasi awal.
3. Mengenalpasti tema-tema.
4. Membuat sorotan terhadap tema.
5. Memperdalam kategori-kategori tema.
6. Membuat laporan.

Dalam kajian ini, tumpuan akan diberikan terhadap penghasilan laporan mengikut dapatan temubual berstruktur yang telah dijalankan. Sementara bagi instrumen soal selidik pula, data akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS untuk melihat peratusan dan kekerapan. Keseluruhan kajian penilaian pada fasa ketiga ini dapat ditunjukkan dalam jadual 3.9.

Jadual 3.9 *Pengumpulan dan penganalisaan data bagi fasa penilaian.*

| Soalan Kajian                                                                                                                                                                            | Pengumpulan data     | Analisis                |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|-------------------------|
| Sejauhmanakah kesan penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan di kalangan pelajar?                                                 | Temubual berstruktur | Analisis tematik        |
| Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan dapat memudahkan pembelajaran di kalangan pelajar?                         | Tinjauan             | Peratusan dan kekerapan |
| Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan dapat meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran pendidikan kerjaya? | Tinjauan             | Peratusan dan kekerapan |



Rajah 3.7 Fasa Penilaian Kebolehgunaan

## Rumusan

Secara keseluruhannya, reka bentuk kajian yang telah dijalankan ini menggunakan pendekatan *Design, Development & Research* (DDR) yang mana bagi fasa analisis keperluan ini, kaedah tinjauan menggunakan soal selidik telah dijalankan ke atas 150 orang responden. Ia bertujuan mendapatkan maklumat mengenai tahap kemahiran dan penggunaan teknologi dan analisis terhadap minat kerjaya pelajar. Dapatan ini sekaligus memperlihatkan adakah perlu membangunkan modul pendidikan kerjaya dan melihat kesesuaian penawaran program secara atas talian.

Bagi fasa kedua iaitu peringkat reka bentuk dan pembangunan modul pendidikan kerjaya atas talian ini telah mengaplikasi Teknik *Fuzzy Delphi*. Pada bahagian ini, pakar-pakar yang daripada tiga bidang yang terlibat telah dikenalpasti sebagai panel yang bertanggungjawab menyempurnakan soal selidik seterusnya dapatan inilah yang akan menentukan reka bentuk modul pendidikan kerjaya ini. Seterusnya pada tahap pembangunan modul pula, lima orang pakar telah dipilih untuk menyemak laman web yang menawarkan kursus tersebut.

Fasa ketiga pula dijalankan bertujuan untuk melihat kebolehgunaan modul pendidikan kerjaya atas talian. Dapatan kajian fasa ketiga ini diperolehi melalui kaedah temubual berstruktur dan tinjauan melalui instrumen soal selidik.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN FASA ANALISIS KEPERLUAN**

#### **Pengenalan**

Bahagian ini akan menghuraikan dapatan kajian bagi fasa pertama iaitu fasa analisis keperluan. Fasa pertama kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti maklumat berkaitan keperluan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Selain itu juga, fasa ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti adakah pembangunan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan ini merupakan satu keperluan kepada pelajar.

Satu kajian analisis keperluan melalui kaedah tinjauan telah dijalankan terhadap pelajar di sebuah IPTS yang telah dipilih bagi mendapatkan maklumat mengenai kemahiran dan penggunaan teknologi dan minat kerjaya pelajar. Dapatan ini amat diperlukan bagi mengenalpasti keperluan sebenar dan bentuk pengisian berkaitan kerjaya yang sesuai selaras dengan keperluan pelajar. Oleh itu, bahagian ini akan mengupas dengan lebih mendalam mengenai hasil kajian yang telah diperoleh melalui data dari soal selidik yang telah diisi oleh para pelajar. Perbincangan pada bahagian ini adalah berdasarkan soalan kajian fasa pertama iaitu:

**Soalan 1:** Apakah keperluan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan? Untuk menjawab soalan ini, dua sub soalan kajian telah dibentuk:

- 1.3 Sejauhmanakah tahap kemahiran dan penggunaan teknologi di kalangan pelajar?
- 1.4 Sejauhmanakah faktor minat menjadi keperluan kepada pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan ini?

## Demografi Responden

Seramai 150 orang responden terlibat dalam fasa ini. Responden yang terlibat terdiri daripada pelajar dari beberapa bidang pengajian dari sebuah IPTS yang terletak di Kuala Lumpur. IPTS yang dipilih merupakan sebuah kolej universiti yang menawarkan program-program sains kesihatan seperti Diploma Sains Perubatan, Diploma Kesihatan Persekitaran, Diploma Farmasi, Diploma Fisioterapi dan Diploma Kesihatan Keselamatan Pekerjaan.

Respondan terdiri daripada pelajar diploma dari enam bidang kursus sains kesihatan yang berbeza. Setiap kursus diwakili oleh 25 orang pelajar iaitu 25 orang pelajar dari Diploma Sains Perubatan, 25 orang pelajar dari Diploma Kesihatan Persekitaran, 25 orang pelajar dari Diploma Farmasi, 25 orang pelajar dari Diploma Fisioterapi, 25 orang pelajar dari Diploma Kejururawatan dan 25 orang pelajar dari Diploma Keselamatan Pekerjaan. Kesemua 150 orang responden telah menjawab soalan soal selidik yang diberikan. Jadual 4.1 menunjukkan rumusan bagi Bahagian A di dalam borang soal selidik iaitu latar belakang responden.

Jadual 4.1

### *Demografi responden*

| Kursus pengajian               | Tahun | Jumlah     |
|--------------------------------|-------|------------|
| Diploma Sains Perubatan        | 1     | 25         |
| Diploma Kesihatan Persekitaran | 2     | 25         |
| Diploma Farmasi                | 2     | 25         |
| Diploma Fisioterapi            | 2     | 25         |
| Diploma Kejururawatan          | 1     | 25         |
| Diploma Keselamatan Pekerjaan  | 1     | 25         |
| <b>Jumlah</b>                  |       | <b>150</b> |

## **Dapatan dan Analisis Data**

Perbincangan dapatan dan analisis data akan dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu analisis mengenai kemahiran dan penggunaan teknologi serta persepsi pelajar terhadap potensi penggunaan teknologi dalam aktiviti pembelajaran pada bahagian pertama. Sementara analisis minat kerjaya akan dibincangkan pada bahagian kedua. Soalan kajian pada bahagian kemahiran dan penggunaan teknologi serta persepsi terhadap penggunaan teknologi akan dijawab dalam jadual 4.1, jadual 4.2, jadual 4.3, jadual 4.4, jadual 4.5, jadual 4.6, jadual 4.7, jadual 4.8 dan jadual 4.9. Manakala bagi soalan kajian minat kerjaya akan dijawab dalam jadual 4.10.

### **Tahap Kemahiran dan Penggunaan Teknologi di Kalangan Pelajar.**

Analisis pada bahagian ini akan menjawab sub soalan kajian:

- a. Sejauhmanakah tahap kemahiran dan penggunaan teknologi di kalangan pelajar?
- b. Sejauhmanakah persepsi pelajar terhadap potensi penggunaan teknologi dalam aktiviti pembelajaran

Dapatan bagi soalan kajian ini diperlukan bagi mengambilkira tahap kesediaan pelajar dan kesesuaian penawaran kursus atas talian dalam kalangan pelajar. Perbincangan mengenai kemahiran dan penggunaan teknologi dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

1. Tahap Kemahiran dan penggunaan teknologi
2. Persepsi terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran.

Seterusnya pada bahagian pertama iaitu kemahiran dan penggunaan teknologi, terdapat tiga aspek yang dikemukakan oleh pengkaji kepada responden iaitu:

- a. Pengetahuan asas pelajar mengenai penggunaan komputer
- b. Penggunaan teknologi dalam pencarian maklumat
- c. Penggunaan teknologi dalam komunikasi.

Manakala bahagian kedua pula adalah berkaitan persepsi pelajar mengenai penggunaan komputer dan internet dalam aktiviti pembelajaran mereka. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif dengan menggunakan kekerapan dan peratusan.

***Kemahiran dan penggunaan teknologi.*** Analisis kemahiran penggunaan teknologi di kalangan pelajar menunjukkan Min = 2.99 dan S.P.=.464. Dapatan ini menunjukkan secara keseluruhannya pelajar mempunyai tahap pengetahuan asas dalam penggunaan teknologi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2. Walau bagaimanapun terdapat 2.7 peratus responden mempunyai tahap pengetahuan pada aras yang rendah iaitu dengan kekerapan 4. Manakala pengetahuan di tahap sederhana dan di tahap baik menunjukkan peratusan yang hampir sama iaitu 48.0 peratus iaitu dengan kekerapan sebanyak 72 bagi tahap sederhana dan 49.3 peratus iaitu dengan kekerapan sebanyak 74 di tahap baik.

Jadual 4.2

*Tahap Kemahiran Pengetahuan Teknologi*

| <b>Tahap</b> | <b>Kekerapan</b> | <b>Peratus (%)</b> |
|--------------|------------------|--------------------|
| Lemah        | 4                | 2.7                |
| Sederhana    | 72               | 48.0               |
| Baik         | 74               | 49.3               |

Jadual 4.3 di bawah menunjukkan analisis pengetahuan asas responden dalam penggunaan teknologi iaitu penggunaan *MS Word*, *MS Excel*, mesin pencetak dan

mesin pengimbas. Analisis menunjukkan bahawa majoriti responden tidak kerap menulis laporan atau dokumen menggunakan perisian *MS Word* iaitu sebanyak 54.0 peratus dengan kekerapan sebanyak 81. Manakala sebanyak 34.7 peratus pula sering menggunakan perisian tersebut. Selebihnya 6.0 peratus responden tidak pernah dan 4.7 hampir tidak pernah menggunakan perisian *MS Word*.

Bagi penggunaan *MS Excel* pula sebanyak 61.3 peratus tidak kerap menggunakan perisian tersebut, 20.7 peratus hampir tidak pernah menggunakan, 10 peratus tidak pernah dan hanya 8 peratus sering menggunakan perisian tersebut. Seterusnya, sebanyak 52.0 peratus responden tidak kerap menggunakan mesin pencetak bagi tujuan mencetak dokumen, 37.3 peratus Kerap, 8.7 peratus hampir tidak pernah menggunakan dan 2.0 peratus tidak pernah menggunakan alat tersebut. Manakala bagi penggunaan mesin pengimbas pula, sebanyak 49.3 peratus responden tidak kerap menggunakan alat tersebut, 19.3 peratus hampir tidak pernah menggunakan, 16.0 peratus tidak pernah dan 15.3 peratus kerap menggunakan mesin pengimbas.

Jadual 4.3

*Pengetahuan asas dalam penggunaan teknologi*

| Pengetahuan                   | Tahap penggunaan, %<br>(n) |              |              |              | Min<br>(S.P)   |
|-------------------------------|----------------------------|--------------|--------------|--------------|----------------|
|                               | 1                          | 2            | 3            | 4            |                |
| Penggunaan <i>MS Word</i>     | 6.7<br>(10)                | 4.7<br>(7)   | 54.0<br>(81) | 34.7<br>(52) | 3.16<br>(.797) |
| Penggunaan <i>MS Excel</i>    | 10<br>(15)                 | 20.7<br>(31) | 61.3<br>(92) | 8.0<br>(12)  | 2.67<br>(.764) |
| Penggunaan mesin<br>pencetak  | 2.0<br>(3)                 | 8.7<br>(13)  | 52.0<br>(78) | 37.3<br>(56) | 3.4<br>(.694)  |
| Penggunaan mesin<br>pengimbas | 16.0<br>(24)               | 19.3<br>(29) | 49.3<br>(74) | 15.3<br>(23) | 2.64<br>(.928) |

Nota\* 1- Tidak pernah, n= bilangan responden  
 2- Hampir tidak pernah  
 3- Kadang-kadang  
 4- Sering

Analisis tahap pengetahuan asas dalam kalangan responden menunjukkan Min = 2.93 dan S.P.=.567 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.4. Dapatan analisis menunjukkan bahawa majoriti responden berada pada tahap pengetahuan asas yang sederhana iaitu sebanyak 54 peratus dengan kekerapan sebanyak 81. Manakala sebanyak 7.3 peratus responden berada pada tahap pengetahuan asas yang lemah iaitu dengan kekerapan sebanyak 11. Selebihnya, 38.7 peratus responden berada pada tahap pengetahuan asas yang baik iaitu dengan kekerapan sebanyak 58.

Jadual 4.4

*Tahap pengetahuan asas dalam penggunaan teknologi*

| <b>Tahap</b> | <b>Kekerapan</b> | <b>Peratus (%)</b> |
|--------------|------------------|--------------------|
| Lemah        | 11               | 7.3                |
| Sederhana    | 81               | 54.0               |
| Baik         | 58               | 38.7               |

Analisis penggunaan teknologi dan pencarian maklumat oleh responden telahpun diperolehi. Jadual 4.5 menunjukkan sebanyak 85.3 peratus pelajar sering menggunakan enjin pencarian *Yahoo, Google dan Blog* bagi mendapatkan maklumat. Manakala 1.3 peratus tidak pernah menggunakannya dan 1.3 peratus hampir tidak pernah menggunakan enjin pencarian tersebut. Selebihnya 12.0 peratus responden tidak kerap menggunakan enjin pencarian tersebut bagi mendapatkan maklumat. Dalam aktiviti pembelajaran, majoriti responden menggunakan teknologi dan internet dalam aktiviti pembelajaran mereka iaitu sebanyak 71.3 peratus. Manakala 26.7 peratus responden tidak kerap menggunakan enjin pencarian tersebut dan 2.0 peratus responden hampir tidak pernah menggunakan teknologi dalam aktiviti pembelajaran mereka.

Bagi item penggunaan pencarian info kerjaya pula, majoriti responden sering menggunakan teknologi dalam pencarian info kerjaya di internet iaitu sebanyak 55.3 peratus dan hanya 2.0 peratus yang hampir tidak pernah menggunakan internet bagi tujuan tersebut. Namun demikian, hanya 42.0 peratus sahaja yang menilai kesahihan maklumat yang diperolehi berbanding selebihnya 46.7 peratus tidak kerap, 10.0 peratus hampir tidak pernah dan 1.3 peratus tidak pernah menilai kesahihan maklumat yang diperolehi menerusi sumber internet.

Jadual 4.5

*Penggunaan teknologi dalam pencarian maklumat*

| Pengetahuan                                         | Tahap penggunaan, %<br>(n) |              |              |               | Min<br>(S.P)   |
|-----------------------------------------------------|----------------------------|--------------|--------------|---------------|----------------|
|                                                     | 1                          | 2            | 3            | 4             |                |
| Penggunaan enjin pencarian<br>(Yahoo, google, blog) | 1.3<br>(2)                 | 1.3<br>(2)   | 12.0<br>(18) | 85.3<br>(52)  | 3.81<br>(.510) |
| Aktiviti pembelajaran                               | 0<br>(0)                   | 2.0<br>(3)   | 26.7<br>(40) | 71.3<br>(107) | 3.69<br>(.504) |
| Pencarian info kerjaya                              | 0<br>(0)                   | 2.0<br>(3)   | 42.7<br>(64) | 55.3<br>(83)  | 3.53<br>(.539) |
| Menilai kesahihan maklumat                          | 1.3<br>(2)                 | 10.0<br>(15) | 46.7<br>(70) | 42.0<br>(63)  | 3.29<br>(.700) |

Nota\* 1- Tidak pernah, n= bilangan responden  
 2- Hampir tidak pernah  
 3- Kadang-kadang  
 4- Sering

Jadual 4.6 menunjukkan tahap penggunaan teknologi dalam pencarian maklumat dalam kalangan responden. Analisis menunjukkan bahawa majoriti responden berada pada tahap penggunaan yang tinggi iaitu sebanyak 84.7 peratus dengan kekerapan sebanyak 127. Sebanyak 13.3 peratus responden berada pada tahap penggunaan yang sederhana. Selebihnya, hanya 2.0 peratus responden berada pada tahap penggunaan yang rendah.

Jadual 4.6

*Tahap penggunaan teknologi dalam pencarian maklumat*

| <b>Tahap</b> | <b>Kekerapan</b> | <b>Peratus (%)</b> |
|--------------|------------------|--------------------|
| Rendah       | 3                | 2.0                |
| Sederhana    | 20               | 13.3               |
| Tinggi       | 127              | 84.7               |

Jadual 4.7 menunjukkan analisis terhadap penggunaan teknologi dalam komunikasi dalam kalangan responden. Dapatan menunjukkan hanya 7.3 peratus sahaja yang sering menghantar emel dan hanya 14.7 peratus yang sering menerima emel berkaitan kursus pengajian kepada pensyarah atau pelajar lain. Selebihnya 38.0 peratus tidak kerap, 28.0 peratus hampir tidak pernah dan 26.7 peratus tidak pernah menghantar emel. Bagi perbincangan atas talian pula, sebanyak 14.7 peratus iaitu seramai 22 orang responden sahaja yang sering menjalankan aktiviti perbincangan atas talian. Manakala 13.3 peratus iaitu seramai 20 orang tidak pernah, 16.7 peratus hampir tidak pernah dan 39.3 tidak kerap menggunakan teknologi bagi tujuan tersebut. Dapatan seterusnya menunjukkan sebanyak 34.0 peratus responden tidak kerap berkongsi maklumat bersama rakan-rakan atau pensyarah melalui perbincangan atas talian. Secara keseluruhannya, majoriti responden tidak kerap menggunakan teknologi dalam komunikasi berkaitan aktiviti pembelajaran.

Jadual 4.7

*Penggunaan teknologi dalam komunikasi*

| <b>Pengetahuan</b> | <b>Tahap penggunaan, %<br/>(n)</b> |              |              |              | <b>Min<br/>(S.P)</b> |
|--------------------|------------------------------------|--------------|--------------|--------------|----------------------|
|                    | 1                                  | 2            | 3            | 4            |                      |
| Menghantar emel    | 26.7<br>(40)                       | 28.0<br>(42) | 38.0<br>(57) | 7.3<br>(11)  | 2.26<br>(.937)       |
| Menerima emel      | 22.0<br>(33)                       | 26.7<br>(40) | 36.7<br>(55) | 14.7<br>(22) | 2.44<br>(.993)       |

|                                                  |              |              |              |              |                |
|--------------------------------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|----------------|
| Perbincangan atas talian                         | 13.3<br>(20) | 16.7<br>(25) | 39.3<br>(59) | 30.7<br>(46) | 2.87<br>(.998) |
| Perkongsian maklumat atas talian                 | 20.7<br>(31) | 28.7<br>(43) | 34.0<br>(51) | 16.7<br>(25) | 2.46<br>(1.00) |
| Perkongsian fail media<br>(gambar, muzik, audio) | 14.7<br>(22) | 20.0<br>(30) | 36.0<br>(54) | 29.3<br>(44) | 2.80<br>(1.02) |

Nota\* 1- Tidak pernah, n= bilangan responden  
2- Hampir tidak pernah  
3- Kadang-kadang  
4- Sering

Jadual 4.8 menunjukkan tahap penggunaan teknologi dalam komunikasi berkaitan aktiviti pembelajaran dalam kalangan responden. Analisis menunjukkan bahawa majoriti responden berada pada tahap penggunaan yang sederhana iaitu sebanyak 44.7 peratus dengan kekerapan sebanyak 67. Sebanyak 27.3 peratus responden berada pada tahap penggunaan yang rendah. Selebihnya, 28.0 peratus responden berada pada tahap penggunaan yang tinggi.

Jadual 4.8

*Tahap penggunaan teknologi dalam komunikasi*

| Tahap     | Kekerapan | Peratus (%) |
|-----------|-----------|-------------|
| Rendah    | 41        | 27.3        |
| Sederhana | 67        | 44.7        |
| Tinggi    | 42        | 28.0        |

***Persepsi Potensi Penggunaan Teknologi Dalam Aktiviti Pembelajaran.***

Analisis persepsi penggunaan teknologi dalam Jadual 4.9 menunjukkan Min = 3.94 dan S.P. = .431. Analisis menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai persepsi positif terhadap penggunaan dan potensi penggunaan komputer dan internet dalam proses pembelajaran mereka. Jumlah kekerapan bagi responden yang mempunyai persepsi sederhana adalah sebanyak 40 iaitu 26.7 peratus. Manakala

jumlah kekerapan bagi responden yang mempunyai persepsi positif adalah sebanyak 110 (73.3 peratus).

Jadual 4.9

*Persepsi dalam penggunaan teknologi melalui aktiviti pembelajaran*

| Tahap     | Kekerapan | Peratus (%) |
|-----------|-----------|-------------|
| Sederhana | 40        | 26.7        |
| Positif   | 110       | 73.3        |

#### **Minat kerjaya pelajar.**

Analisis pada bahagian ini akan menjawab sub soalan kajian:

- Sejauhmanakah faktor minat menjadi keperluan kepada pembangunan modul kurikulum ini?

Dapatan yang diperolehi melalui Inventori Minat Kerjaya Sidek menunjukkan bahawa tidak semua responden bidang sains kesihatan mempunyai minat dan kecenderungan dalam bidang tersebut. Jadual 4.9 menunjukkan analisis yang telah diperolehi dalam mengenalpasti bidang minat kerjaya responden.

Bagi responden jurusan Diploma Kejururawatan, seramai 15 orang responden mempunyai minat kecenderungan dalam investitgatif, 2 orang responden menunjukkan bidang minat sosial, 5 orang responden menunjukkan kecenderungan minat dalam enterprising dan 3 orang responden mempunyai kecenderungan bidang minat konvensional. Bagi responden Diploma Fisioterapi pula, seramai 14 orang responden mempunyai kecenderungan minat dalam investigatif, seorang dalam bidang minat realistik, 4 orang responden dalam bidang minat artistik, 3 orang responden menunjukkan bidang minat sosial dan 3 orang responden menunjukkan kecenderungan minat dalam bidang minat konvensional.

Seterusnya analisis responden bagi Diploma Farmasi, seramai 8 orang responden mempunyai kecenderungan minat dalam investigatif, 3 orang dalam bidang

minat realistik, seorang dalam bidang minat artistik, 3 orang responden menunjukkan bidang minat sosial dan 3 orang responden menunjukkan minat dalam bidang enterprising dan 7 orang responden menunjukkan kecenderungan minat dalam bidang minat konvensional.

Bagi analisis minat kerjaya responden Diploma Sains Perubatan pula, seramai 13 orang responden mempunyai kecenderungan minat dalam investigatif, seorang dalam bidang minat realistik, 3 orang responden dalam bidang minat artistik, 3 orang responden menunjukkan bidang minat sosial dan 3 orang responden menunjukkan minat dalam bidang enterprising dan 2 orang responden menunjukkan kecenderungan minat dalam bidang minat konvensional.

Dapatan seterusnya menunjukkan seramai 4 orang responden mempunyai kecenderungan minat dalam investigatif bagi responden jurusan Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA), 8 orang dalam bidang minat realistik, 2 orang responden dalam bidang minat artistik, seorang responden menunjukkan bidang minat sosial dan 5 orang responden menunjukkan minat dalam bidang enterprising dan 5 orang responden menunjukkan kecenderungan minat dalam bidang minat konvensional.

Akhir sekali, bagi responden Diploma Kesihatan Persekitaran, seramai 5 orang responden mempunyai kecenderungan minat dalam investigatif, 3 orang dalam bidang minat realistik, 3 orang responden dalam bidang minat artistik, 8 orang responden menunjukkan bidang minat sosial dan 4 orang responden menunjukkan minat dalam bidang enterprising dan 2 orang responden menunjukkan kecenderungan minat dalam bidang minat konvensional.

Secara keseluruhannya, dapatan analisis fasa pertama yang menggunakan inventori kekunci bukan empirikal ini menunjukkan bahawa pelajar jurusan sains

kesihatan mempunyai kecenderungan dalam minat kerjaya yang pelbagai. Bidang minat yang paling hampir dengan jenis pekerjaan bidang sains kesihatan adalah investigatif. Bidang minat ini menunjukkan kecenderungan seseorang individu dalam menjalankan aktiviti pemerhatian, mempelajari, menjalankan penyelidikan, menganalisis sesuatu maklumat, membuat penilaian serta menyelesaikan masalah melalui penyelidikan yang akan atau telah dijalankan. Malah, seseorang yang cenderung kepada bidang minat ini juga mempunyai kemahiran saintifik dan matematik yang tinggi serta meminati kerjaya-kerjaya saintifik dan beberapa kerjaya bercorak teknikal.

Namun dapatan yang diperolehi menunjukkan sebahagian responden mempunyai bidang minat dalam bidang realistik, artistik, sosial, enterprising dan konvensional. Seramai 59 orang responden mempunyai bidang minat dalam investigatif, selebihnya seramai 16 orang responden mempunyai bidang minat realistik, 13 orang responden dalam bidang minat artistik, 20 orang responden dalam bidang minat sosial, 20 orang responden dalam bidang minat enterprising dan seramai 22 orang responden mempunyai bidang minat konvensional.

Jadual 4.10

*Minat kerjaya pelajar*

| Bidang                 | Bidang minat kerjaya |           |           |           |           |           |
|------------------------|----------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
|                        | R                    | I         | A         | S         | E         | C         |
| Kejururawatan          | 0                    | 15        | 0         | 2         | 5         | 3         |
| Fisioterapi            | 1                    | 14        | 4         | 3         | 0         | 3         |
| Farmasi                | 3                    | 8         | 1         | 3         | 3         | 7         |
| Sains Perubatan        | 1                    | 13        | 3         | 3         | 3         | 2         |
| Keselamatan Pekerjaan  | 8                    | 4         | 2         | 1         | 5         | 5         |
| Kesihatan Persekitaran | 3                    | 5         | 3         | 8         | 4         | 2         |
| <b>Jumlah</b>          | <b>16</b>            | <b>59</b> | <b>13</b> | <b>20</b> | <b>20</b> | <b>22</b> |

Nota\* R- Realistik  
 I- Investigatif  
 A - Artistik  
 S- Sosial  
 E- Enterprising  
 C- Conventional



*Rajah 4.1* Peratusan kecenderungan minat kerjaya pelajar bagi enam jenis minat kerjaya

Rajah 4.1 menunjukkan peratusan kecenderungan pelajar bagi keenam-enam jenis minat kerjaya. Peratusan paling besar adalah sebanyak 39 peratus iaitu mewakili bidang minat investigatif. Bidang minat ini sememangnya bertepatan dan selari dengan kursus sains kesihatan yang sedang diambil oleh pelajar. Namun demikian sebanyak 60.7 peratus berada pada lima bidang minat kerjaya yang lain iaitu masing-masing mewakili 15 peratus bagi bidang minat kerjaya konvensional, 13 peratus bagi bidang minat kerjaya sosial dan bidang minat kerjaya enterprising. Selebihnya bagi bidang minat realistik mencatatkan peratusan sebanyak 11 peratus dan bidang minat artistik sebanyak 9 peratus.

## **Rumusan**

Melalui dapatan dan analisis fasa pertama ini, boleh dirumuskan bahawa pembangunan Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan merupakan satu keperluan kepada pelajar. Dapat disimpulkan di sini bahawa pelajar sememangnya kurang terdedah dengan pembelajaran dan penggunaan komputer dan teknologi dalam aktiviti pembelajaran mereka. Biarpun tahap pengetahuan asas mereka berada pada tahap sederhana, namun majoriti responden menunjukkan minat dan mempunyai pandangan yang positif terhadap aplikasi komputer dan internet dalam aktiviti pembelajaran. Dengan adanya langkah ke arah membangunkan modul pendidikan kerjaya yang bersifat atas talian ini, ia bukan sahaja dapat menyokong perkembangan kerjaya pelajar tetapi juga penggunaan komputer dan internet ini juga sekaligus dapat menyalurkan kemahiran baru kepada para pelajar yang turut menjadi keperluan sekaligus mendorong kepada kebolehpasaran pelajar.

Bagi aspek minat kerjaya pula, dapatan yang diperolehi jelas menunjukkan walaupun kesemua 150 orang responden mengambil kursus-kursus dalam bidang sains kesihatan, namun terdapat sebahagian pelajar yang mempunyai kecenderungan minat dalam bidang-bidang yang lain. Ia selaras dengan salah satu objektif kursus pendidikan kerjaya ini iaitu menggalakkan pelajar menggunakan minat untuk menilai pilihan kerjaya yang berpotensi. Pelajar seharusnya didedahkan dengan kesedaran tentang minat dan kebolehan diri seterusnya memanfaatkan kebolehan tersebut dalam bidang kerjaya yang bakal mereka ceburi dengan memanfaatkan potensi diri dan kursus yang telah diambil. Langkah ini dilihat sebagai satu keperluan kepada pelajar agar mereka lebih bersifat kreatif bukan sahaja sebagai pencari kerja tetapi mampu mencipta kerjaya mereka. Ia juga sebagai satu usaha mengurangkan kebergantungan para

graduan terhadap bidang pekerjaan yang ditawarkan dalam sektor awam dan sektor swasta sekaligus mampu mengatasi masalah pengangguran selepas menamatkan pengajian. Dengan adanya keselarasan yang tinggi antara minat dan kerjaya yang diceburi, ia boleh mendorong seseorang pekerja itu mencapai peratusan kepuasan kerjaya yang lebih tinggi berbanding sebaliknya.

Universiti Malaya

## BAB 5

### DAPATAN KAJIAN FASA REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN

#### Pengenalan


Bahagian kelima kajian ini akan mengupas dan memperincikan beberapa bahagian utama kajian ini iaitu dapatan dan analisis kajian bagi fasa kedua, reka bentuk dan pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Terdapat dua objektif utama bagi fasa kedua ini. objektif pertama fasa kedua ini adalah untuk mendapatkan reka bentuk modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan melalui kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM) bagi mendapatkan konsensus pakar. Seterusnya matlamat kedua pula adalah bagi mendapatkan pandangan pakar-pakar yang telah dipilih mengenai prototaip Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan yang telah dibangunkan. Perbincangan pada bahagian ini memperlihatkan dapatan dan analisis reka bentuk dan pembangunan prototaip modul.

#### Analisis Reka Bentuk Modul Kurikulum Pendidikan Kerjaya

Bahagian ini akan menghuraikan dapatan fasa reka bentuk Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan melalui teknik *Fuzzy Delphi*. Teknik *Fuzzy Delphi* ini digunakan bagi mendapatkan persetujuan kesesuaian item-item bagi empat elemen utama yang diperlukan dalam mereka bentuk modul kurikulum pendidikan kerjaya ini.

Dalam fasa analisis reka bentuk ini juga, pengkaji membahagikan kepada empat langkah bagi mengeluarkan dan menghasilkan komponen-komponen yang utama dan elemen-elemen yang diperlukan oleh modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan. Langkah pertama bagi proses ini adalah pemetaan kaian lepas terhadap

elemen-elemen penting yang diperlukan dalam setiap lampiran kurikulum bagi memastikan ia menepati keperluan sebenar pelajar. Seterusnya langkah kedua pula merupakan temubual yang dijalankan terhadap pakar-pakar yang telah dipilih mengikut bidang-bidang keperluan. Bagi langkah ketiga pula, melalui hasil pemetaan yang telah dibuat dan dapatan dari temubual pakar yang telah dijalankan, pengkaji telah menghasilkan satu bentuk soal selidik untuk diberikan kepada lima belas orang pakar yang telah dipilih. Langkah akhir adalah proses pengumpulan data yang telah diperolehi melalui soal selidik tersebut. Secara keseluruhannya, dapatan fasa reka bentuk modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan diperolehi berdasarkan langkah-langkah yang ditunjukkan di dalam Rajah 5.1.



*Rajah 5.1* Langkah-langkah bagi analisis reka bentuk modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan

Langkah pemetaan kajian lepas merupakan langkah pertama pengkaji dalam mengenalpasti elemen-elemen yang penting dan bersesuaian dalam setiap pembangunan sebuah kurikulum pendidikan kerjaya atas talian. Pemetaan kajian lepas

ini dilakukan dengan mengenalpasti dan menganalisis isu-isu terkini dan dapatan oleh kajian lepas yang menyentuh pelbagai aspek berkenaan kurikulum, pendidikan atas talian serta isu-isu dalam aspek kaunseling dan pendidikan kerjaya. Sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab 2, terdapat tiga teori dan dua model sedia ada yang menjadi tunjang kepada kajian ini di dalam mereka bentuk modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian ini. Teori-teori tersebut adalah Teori *Dual Coding*, Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya serta Model Kurikulum Tyler dan Model Wright. Jadual 5.1 menunjukkan hasil rumusan yang telah dibuat oleh pengkaji daripada pemetaan kajian lepas.

*Jadual 5.1*

*Rumusan melalui pemetaan kajian lepas*

| Elemen    | Rujukan                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|-----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Objektif  | Fasching, 2012<br>Starica, 2011; Betz & Voyten, 1997; Argyropoulou et al., 2007<br>Cojocariua & Puiub, 2014; Henderson & Dalton, 2010<br>Maree, 2013<br>Dandaraa, 2014<br>Sani, 2011<br>Pramela et, al., 2012<br>Crisan, Pavelea & Ghimbulut, 2015<br>Andronic & Andronicb, 2011 |
| Kandungan | Starica, 2011; Betz & Voyten, 1997; Argyropoulou et al., 2007<br>Itamar & Lisa, 2011; Gati, 1993<br>Sani, 2011<br>Pramela et, al., 2012<br>Chircu, 2013<br>Andronic & Andronicb, 2011<br>Tavakoli et al., 2010<br>Herman S., 2010<br>Mills & Sutera, 2012                        |
| Strategi  | Pramela et, al., 2012<br>Model Wright<br>Rivera & Schaefer, 2009<br>Beidoglu et al., 2015<br>Hooley, Hutchinson & Neary, 2015                                                                                                                                                    |
| Penilaian | Aslan, 2012<br>Model Wright                                                                                                                                                                                                                                                      |

Manakala langkah kedua, ketiga dan keempat merupakan pendekatan kaedah *Fuzzy Delphi*. Dalam proses ini, pengkaji telah menentukan bilangan pakar yang akan digunakan dan mengenalpasti bidang kepakaran kesemua pakar yang telah dipilih bagi mendapatkan kesahan dan kebolehercayaan data bagi kajian ini. Bilangan pakar yang telah dipilih adalah seramai 15 orang yang mana 5 orang pakar terlibat dalam temubual separa berstruktur dan kesemua 15 orang pakar terlibat dalam soal selidik. Langkah seterusnya adalah memilih skala linguistik bagi kajian pada fasa ini. Pengkaji telah memilih menggunakan skala linguistik berskala tujuh dalam kajian pembangunan modul pendidikan kerjaya ini iaitu a)sangat-sangat setuju b)sangat setuju c)setuju d)sederhana setuju e)tidak setuju f)sangat tidak setuju dan g)sangat-sangat tidak setuju.

Langkah berikutnya adalah mendapatkan nilai ( $d$ ) iaitu nilai sisihan purata bagi setiap orang pakar dan seterusnya menentukan nilai ( $d$ ) tersebut. Nilai ( $d$ ), adalah jarak antara dua nombor *Fuzzy* dikira dengan mengukur sisihan nilai purata pada setiap orang pakar tersebut. Setelah memperolehi nilai ( $d$ ) tersebut, proses *Fuzzy Evaluation* pula dijalankan yang mana proses ini bertujuan untuk memperolehi jumlah *triangular fuzzy number* untuk proses seterusnya iaitu proses *defuzzification*. Proses *defuzzification* pula merupakan proses untuk mendapatkan ranking berdasarkan nilai *Defuzzification* yang tertinggi sebelum proses terakhir ranking dilakukan terhadap item-item melalui dapatan soal selidik yang telah diperolehi. Secara keseluruhannya, bagi proses teknik *Fuzzy Delphi*, langkah-langkah menganalisis data adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.2 di bawah.

Jadual 5.2

*Langkah-langkah Teknik Fuzzy Delphi*

| Langkah-langkah dalam teknik <i>Fuzzy Delphi</i> | Tujuan                                                                                                                                                                                                       |
|--------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Penentuan bilangan pakar                         | 15 orang pakar yang telah dikenali dalam bidang kepakaran masing-masing bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data                                                                                    |
| Memilih skala linguistik                         | Memilih skala linguistik berskala tujuh                                                                                                                                                                      |
| Mendapatkan nilai purata ( $a_1, a_m, a_3$ )     | Bagi mendapatkan sisihan nilai purata bagi setiap orang pakar ( $d$ ). Nilai $d$ , adalah jarak antara dua nombor <i>Fuzzy</i> dikira dengan mengukur sisihan nilai purata pada setiap orang pakar tersebut. |
| Menentukan nilai $d$                             | Nilai <i>threshold</i> ( $d$ ) yang menggambarkan darjah persetujuan pakar. Ia berdasarkan darjah persetujuan kumpulan pakar $d \leq 0.2$ yang melebihi 75% bagi setiap kategori item                        |
| Proses <i>Fuzzy Evaluation</i>                   | Proses bagi mendapatkan jumlah <i>triangular fuzzy number</i> untuk proses <i>defuzzification</i>                                                                                                            |
| Proses <i>Defuzzification</i>                    | Bagi mendapatkan <i>ranking</i> berdasarkan nilai <i>Defuzzification</i> yang tertinggi                                                                                                                      |
| Proses <i>Ranking</i>                            | Bagi mendapatkan <i>ranking</i> terakhir                                                                                                                                                                     |

Penentuan bilangan pakar dan memilih skala linguistik adalah langkah-langkah yang telah dilaksanakan di peringkat awal pembentukan soal selidik fasa kedua. Kajian ini menggunakan 15 orang pakar dalam bidang kepakaran masing-masing. Proses temubual dan pengedaran soal selidik telah dijalankan secara bersemuka, emel dan pos. Sementara itu, semua langkah yang lain akan menjadi asas perbincangan dalam menjawab soalan kajian kedua yang berikut:

**Soalan:** Apakah maklumat yang diperlukan bagi mereka bentuk modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk Pendidikan Kerjaya sains kesihatan? Bagi menjawab soalan ini, empat sub soalan kajian telah dibentuk:

1. Apakah objektif yang sesuai dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling ini berasaskan pandangan pakar?
2. Apakah kandungan yang sesuai bagi pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling ini berasaskan pandangan pakar?
3. Apakah strategi yang berkesan dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian ini berasaskan pandangan pakar?
4. Apakah penilaian yang sesuai dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian pendidikan kerjaya bidang sains kesihatan berasaskan pandangan pakar?

Pengkaji telah mengumpulkan elemen-elemen yang diperlukan bagi menjawab soalan kajian fasa kedua ini. Bagi tujuan tersebut, satu protokol soalan kepada lima orang pakar telah dibentuk iaitu:

1. Adakah kursus pendidikan kerjaya atas talian relevan dijalankan dalam konteks perkembangan pendidikan di Malaysia hari ini mengikut pandangan pakar?
2. Apakah kriteria atau ciri-ciri yang diperlukan dalam kurikulum pendidikan kerjaya di kalangan pelajar IPT?
3. Apakah objektif yang sesuai dalam modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian ini mengikut pandangan pakar?
4. Apakah kandungan yang bersesuaian dalam pembangunan modul kurikulum ini?
5. Adakah aspek minat perlu di ambil kira dalam pembangunan kurikulum pendidikan kerjaya di kalangan pelajar IPT mengikut pandangan pakar?
6. Adakah aspek-aspek kerjaya lain yang perlu diambil kira dalam penawaran sesebuah kursus kerjaya mengikut pandangan pakar?

7. Apakah strategi yang perlu digunakan dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian pendidikan kerjaya ini?
8. Apakah penilaian yang sesuai yang diperlukan dalam pembinaan dan pelaksanaan modul kurikulum ini mengikut pandangan pakar?

Melalui dapatan temubual yang telah dijalankan, pengkaji telah mengenalpasti item-item penting yang terdapat di dalam transkrip temubual bersama lima orang pakar tersebut. Item-item dalam elemen objektif bagi pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya yang dicadangkan oleh pakar adalah seperti yang terdapat dalam jadual 5.3. Seterusnya dapatan bagi elemen kandungan, strategi dan penilaian ditunjukkan dalam jadual 5.4, jadual 5.5 dan jadual 5.6.

Jadual 5.3

*Dapatan temubual bagi item-item dalam elemen objektif*

| Bil | Item                                                                                                                                                                                   |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Memberi kesedaran mengenai kecenderungan dan minat kerjaya pelajar                                                                                                                     |
| 2   | Pendedahan mengenai perbezaan antara pekerjaan dan kerjaya serta kepelbagaian dalam pekerjaan                                                                                          |
| 3   | Panduan mengenai kelayakan yang diperlukan dalam pekerjaan                                                                                                                             |
| 4   | Kefahaman bagaimana minat, pengetahuan, kemahiran dan nilai dapat dipindahkan ke dalam pelbagai variasi kerjaya                                                                        |
| 5   | Meningkatkan kesedaran pelajar tentang kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan ke alam kerjaya                                                                                    |
| 6   | Menggunakan minat, kemahiran, kelayakan dan gaya hidup untuk menilai pilihan kerjaya yang berpotensi                                                                                   |
| 7   | Meningkatkan kecekapan pelajar dalam merancang dan membuat keputusan kerjaya                                                                                                           |
| 8   | Pendedahan mengenai peluang yang ada dapat membantu merealisasikan sepenuhnya potensi diri seterusnya memberi sumbangan kepada komuniti dan masyarakat                                 |
| 9   | Memberi kesedaran supaya lebih bersedia mengambil risiko terhadap peluang, lebih fleksibel dan responsif kepada perubahan serta kreatif mencari alternatif apabila berhadapan halangan |
| 10  | Mengetahui saluran perkhidmatan sokongan (sumber dan rujukan) yang tepat dalam aspek kerjaya                                                                                           |

Jadual 5.3 menunjukkan terdapat 10 item penting bagi elemen objektif yang telah diperolehi melalui temubual bersama lima orang pakar.

Jadual 5.4

*Dapatan temubual bagi item-item dalam elemen kandungan*

| Bil                                                       | Item                                                                                                                                                                        |
|-----------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Minat kerjaya</b>                                      |                                                                                                                                                                             |
| 1                                                         | Penilaian tentang minat kerjaya                                                                                                                                             |
| <b>Ekplorasi dunia dan peluang kerjaya</b>                |                                                                                                                                                                             |
| 2                                                         | Pendedahan tentang perbezaan antara 'pekerjaan' dan 'kerjaya'                                                                                                               |
| 3                                                         | Pengetahuan tentang peluang-peluang kerjaya dalam sektor awam, sektor swasta dan keusahawanan                                                                               |
| 4                                                         | Kelayakan, kesesuaian dan ke sepadanan gaji                                                                                                                                 |
| 5                                                         | Mengenali jenis atau kategori pekerjaan yang berbeza (makan gaji, be erja sendiri, suka rela)                                                                               |
| 6                                                         | Mengenali bentuk atau corak pekerjaan (sepenuh masa, separuh masa, kekal, sementara, shif, bermusim)                                                                        |
| <b>Persediaan ke alam kerjaya</b>                         |                                                                                                                                                                             |
| 7                                                         | Kemahiran memohon kerja (menyediakan surat permohonan kerja, <i>resume</i> , dll)                                                                                           |
| 8                                                         | Kemahiran temuduga                                                                                                                                                          |
| 9                                                         | Kemahiran sosial (kemahiran berkomunikasi, kemahiran mendengar, dll)                                                                                                        |
| 10                                                        | Penampilan diri                                                                                                                                                             |
| <b>Membuat perancangan dan pemilihan kerja</b>            |                                                                                                                                                                             |
| 11                                                        | Perancangan kerjaya jangka pendek dan perancangan kerjaya jangka panjang                                                                                                    |
| 12                                                        | Menyesuaikan perancangan kerjaya kepada matlamat-matlamat kehidupan yang lain (seperti matlamat dalam hubungan kekeluargaan, matlamat menyambung pengajian setelah bekerja) |
| 13                                                        | Kreatif mencipta kerjaya (menggunakan potensi diri seperti kecenderungan dan minat serta memanfaatkan kelayakan akademik yang dimiliki)                                     |
| <b>Penyesuaian diri dalam kerjaya yang bakal diceburi</b> |                                                                                                                                                                             |
| 14                                                        | Memahami implikasi pekerjaan yang dipilih terhadap gaya hidup (contohnya pekerjaan shif seperti bekerja di hospital akan memberi kesan kepada gaya hidup)                   |

---

|                                                                           |                                                                                                                                                                                      |
|---------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 15                                                                        | Memahami bagaimana pekerjaan tersebut dapat memberi sumbangan kepada komuniti dan masyarakat (seperti sumbangan dari segi perkongsian informasi dan sumbangan dari segi tenaga, dll) |
| <b>Mengenalpasti sumber dan perkhidmatan sokongan dalam aspek kerjaya</b> |                                                                                                                                                                                      |
| 16                                                                        | Perkhidmatan kaunseling kerjaya                                                                                                                                                      |
| 17                                                                        | Web-web kerjaya                                                                                                                                                                      |
| 18                                                                        | <i>Role-model</i>                                                                                                                                                                    |

---

Jadual 5.4 menunjukkan terdapat enam sub topik utama iaitu minat kerjaya, ekplorasi dunia dan peluang kerjaya, persediaan ke alam kerjaya, membuat perancangan dan pemilihan kerja, penyesuaian diri dalam kerjaya yang bakal diceburi dan mengenalpasti sumber dan perkhidmatan sokongan dalam aspek kerjaya. Secara keseluruhannya, terdapat 18 item penting dalam keenam-enam sub topik berkenaan bagi elemen kandungan yang telah diperolehi melalui temubual bersama lima orang pakar iaitu satu item bagi sub topik ‘Minat Kerjaya’, lima item bagi sub topik ‘Ekplorasi Dunia dan Peluang Kerjaya’, empat item bagi sub topik ‘Persediaan ke Alam Kerjaya, tiga item bagi sub topik ‘Membuat Perancangan dan Pemilihan Kerja, dua item bagi sub topik ‘Penyesuaian Diri dalam Kerjaya yang Bakal diceburi dan tiga item bagi sub topik ‘Mengenalpasti Sumber dan Perkhidmatan Sokongan dalam Aspek Kerjaya.

Jadual 5.5

*Dapatan temubual bagi item-item dalam elemen strategi*

| Bil                         | Item                                                                                                                                    |
|-----------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Tools</b>                |                                                                                                                                         |
| 1                           | Laman web                                                                                                                               |
| 2                           | Blog                                                                                                                                    |
| 3                           | Media sosial ( <i>Facebook, Instagram, Twitter</i> )                                                                                    |
| <b>Strategi penyampaian</b> |                                                                                                                                         |
| 1                           | Teknik video (pembentangan mengenai salah satu topik kerjaya, <i>You Tube</i> )                                                         |
| 2                           | Teknik visual/ imej                                                                                                                     |
| 3                           | Penggunaan filem (yang berkaitan dengan topik kerjaya)                                                                                  |
| 4                           | Rakaman suara                                                                                                                           |
| 5                           | Penyelesaian masalah (berkaitan isu-isu kerjaya)                                                                                        |
| 6                           | Slot intergenerasi (Perkongsian pengalaman kerjaya bersama generasi terdahulu seperti menemuramah tokoh, penceritaan semula pengalaman) |

Jadual 5.5 menunjukkan terdapat 9 item penting bagi elemen *tools* dan strategi penyampaian yang telah diperolehi hasil dari temubual bersama lima orang pakar. Bagi elemen tool terdapat tiga item iaitu laman web, blog dan media sosial seperti *facebook* dan *twitter*. Manakala bagi elemen strategi terdapat 6 item iaitu teknik video, teknik visual atau imej, penggunaan filem, rakaman suara, penyelesaian masalah dan slot intergenerasi.

Jadual 5.6

*Dapatan temubual bagi item-item dalam elemen penilaian*

| Bil | Item                                               |
|-----|----------------------------------------------------|
| 1   | Soal selidik                                       |
| 2   | Kuiz                                               |
| 3   | Refleksi                                           |
| 4   | <i>Role-play</i>                                   |
| 5   | Mereka bentuk blog atau laman web mengenai kerjaya |

Jadual 5.6 menunjukkan terdapat 5 item penting bagi elemen penilaian yang telah diperolehi hasil dari temubual bersama lima orang pakar. Item-item tersebut adalah soal selidik, kuiz, refleksi, *role-play* dan mereka bentuk laman web mengenai kerjaya.

**Dapatan Dan Analisis Teknik *Fuzzy Delphi*.** Dalam kajian ini, proses pembangunan modul telah melibatkan seramai 15 orang pakar dari tiga bidang utama iaitu kaunseling, kurikulum dan teknologi maklumat. Pada fasa ini, pakar-pakar diperlukan untuk mengisi borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian 1 (maklumat latar belakang pakar) dan Bahagian II (penilaian terhadap Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan). Bahagian II penilaian modul ini mengandungi 42 sub item.

**Nilai  $d$  (*threshold*).** Dapatan nilai purata bagi kesemua item telah dianalisis untuk menentukan jarak antara dua nombor *Fuzzy* bagi mendapat nilai *threshold* ( $d$ ) seperti berikut;

$$d(\bar{m}, \bar{n}) = \sqrt{\frac{1}{3}[(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}.$$

Pengiraan nilai *threshold* bertujuan untuk mendapatkan nilai *threshold* bagi item dalam soal selidik secara keseluruhan untuk mendapatkan nilai kesepakatan pakar bagi sesuatu item. Kriteria yang digunakan untuk menilai konsensus kumpulan pakar

adalah berdasarkan darjah persetujuan  $d \leq 0.2$  yang melebihi 75% bagi setiap kategori item iaitu objektif, kandungan, *tools*, strategi, dan penilaian bagi menentukan reka bentuk Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Nilai  $d$  bagi item-item dalam soal selidik ditunjukkan dalam Jadual 5.7 berikut.

Jadual 5.7

*Nilai  $d$  bagi Elemen Objektif*

| Pakar                   | Objektif |      |      |      |      |      |      |      |      |      |
|-------------------------|----------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
|                         | 1        | 2    | 3    | 4    | 5    | 6    | 7    | 8    | 9    | 10   |
| 1.00                    | 0.12     | 0.11 | 0.06 | 0.02 | 0.05 | 0.11 | 0.02 | 0.27 | 0.29 | 0.06 |
| 2.00                    | 0.27     | 0.04 | 0.06 | 0.02 | 0.05 | 0.04 | 0.02 | 0.02 | 0.05 | 0.06 |
| 3.00                    | 0.03     | 0.04 | 0.09 | 0.02 | 0.10 | 0.11 | 0.02 | 0.02 | 0.05 | 0.06 |
| 4.00                    | 0.12     | 0.11 | 0.06 | 0.12 | 0.05 | 0.04 | 0.02 | 0.12 | 0.09 | 0.06 |
| 5.00                    | 0.03     | 0.04 | 0.06 | 0.02 | 0.05 | 0.04 | 0.27 | 0.02 | 0.09 | 0.08 |
| 6.00                    | 0.03     | 0.04 | 0.06 | 0.02 | 0.05 | 0.04 | 0.12 | 0.12 | 0.09 | 0.08 |
| 7.00                    | 0.12     | 0.11 | 0.06 | 0.12 | 0.05 | 0.04 | 0.02 | 0.02 | 0.09 | 0.08 |
| 8.00                    | 0.12     | 0.11 | 0.06 | 0.12 | 0.05 | 0.04 | 0.12 | 0.12 | 0.09 | 0.08 |
| 9.00                    | 0.12     | 0.04 | 0.06 | 0.02 | 0.05 | 0.04 | 0.02 | 0.02 | 0.09 | 0.08 |
| 10.00                   | 0.27     | 0.04 | 0.09 | 0.27 | 0.10 | 0.04 | 0.02 | 0.02 | 0.05 | 0.30 |
| 11.00                   | 0.12     | 0.04 | 0.09 | 0.02 | 0.05 | 0.04 | 0.12 | 0.02 | 0.05 | 0.08 |
| 12.00                   | 0.03     | 0.04 | 0.09 | 0.12 | 0.10 | 0.04 | 0.12 | 0.12 | 0.05 | 0.08 |
| 13.00                   | 0.03     | 0.04 | 0.06 | 0.02 | 0.05 | 0.04 | 0.02 | 0.02 | 0.09 | 0.08 |
| 14.00                   | 0.03     | 0.04 | 0.09 | 0.02 | 0.10 | 0.11 | 0.02 | 0.02 | 0.05 | 0.06 |
| 15.00                   | 0.03     | 0.04 | 0.09 | 0.02 | 0.10 | 0.11 | 0.02 | 0.02 | 0.05 | 0.06 |
| Nilai $d$ setiap elemen | 0.10     | 0.06 | 0.07 | 0.07 | 0.06 | 0.06 | 0.07 | 0.07 | 0.09 | 0.09 |
| Peratusan Kesepakatan   | 87       | 100  | 100  | 93   | 100  | 100  | 93   | 93   | 93   | 93   |

$d \leq 0.2 = 87\%$ .

Merujuk Jadual 5.7, panel pakar telah menyatakan tahap persetujuan terhadap sepuluh objektif modul kurikulum pendidikan kerjaya ini. Kesemua item telah mematuhi syarat pertama kerana nilai  $d$  bagi kebanyakan item adalah  $d \leq 0.2$ . Sementara itu, syarat kedua turut dipatuhi kerana didapati kesemua item adalah melebihi 75 peratus iaitu sebanyak 87 peratus. Oleh yang demikian, darjah persetujuan antara pakar telah mencapai satu konsensus yang baik dan pusingan kedua bagi *Fuzzy Delphi* tidak diperlukan kerana pemerolehan data telah mematuhi kedua-dua syarat dalam menganalisis data melalui teknik ini.

Jadual 5.8

*Nilai d bagi Elemen Kandungan*

| Pakar | Kandungan |      |      |      |      |      |      |      |      |
|-------|-----------|------|------|------|------|------|------|------|------|
|       | 1         | 2    | 3    | 4    | 5    | 6    | 7    | 8    | 9    |
| 1.00  | 0.08      | 0.10 | 0.08 | 0.06 | 0.07 | 0.03 | 0.16 | 0.09 | 0.06 |
| 2.00  | 0.08      | 0.05 | 0.08 | 0.06 | 0.07 | 0.03 | 0.23 | 0.05 | 0.06 |
| 3.00  | 0.08      | 0.05 | 0.06 | 0.09 | 0.08 | 0.03 | 0.04 | 0.05 | 0.08 |
| 4.00  | 0.08      | 0.05 | 0.06 | 0.09 | 0.08 | 0.03 | 0.16 | 0.09 | 0.06 |
| 5.00  | 0.07      | 0.05 | 0.08 | 0.06 | 0.07 | 0.11 | 0.16 | 0.09 | 0.06 |
| 6.00  | 0.07      | 0.10 | 0.08 | 0.06 | 0.08 | 0.11 | 0.16 | 0.09 | 0.06 |
| 7.00  | 0.07      | 0.10 | 0.08 | 0.06 | 0.07 | 0.11 | 0.23 | 0.05 | 0.06 |
| 8.00  | 0.07      | 0.10 | 0.08 | 0.06 | 0.07 | 0.11 | 0.16 | 0.09 | 0.06 |
| 9.00  | 0.07      | 0.05 | 0.08 | 0.06 | 0.07 | 0.11 | 0.16 | 0.09 | 0.06 |
| 10.00 | 0.08      | 0.05 | 0.06 | 0.09 | 0.08 | 0.28 | 0.23 | 0.29 | 0.32 |
| 11.00 | 0.07      | 0.05 | 0.06 | 0.09 | 0.07 | 0.03 | 0.04 | 0.05 | 0.08 |
| 12.00 | 0.07      | 0.10 | 0.30 | 0.06 | 0.08 | 0.03 | 0.16 | 0.09 | 0.06 |
| 13.00 | 0.08      | 0.05 | 0.08 | 0.06 | 0.07 | 0.03 | 0.52 | 0.05 | 0.06 |

|                               |      |      |      |      |      |      |      |      |      |
|-------------------------------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| 14.00                         | 0.08 | 0.05 | 0.06 | 0.09 | 0.08 | 0.03 | 0.04 | 0.05 | 0.08 |
| 15.00                         | 0.07 | 0.05 | 0.06 | 0.09 | 0.08 | 0.03 | 0.04 | 0.05 | 0.08 |
| Nilai $d$<br>setiap<br>elemen | 0.07 | 0.06 | 0.09 | 0.07 | 0.07 | 0.08 | 0.17 | 0.09 | 0.09 |
| Peratusan<br>Keseluruhan      | 100  | 100  | 93   | 100  | 100  | 93   | 73   | 93   | 93   |
| 1.00                          | 0.06 | 0.18 | 0.16 | 0.07 | 0.17 | 0.18 | 0.08 | 0.11 | 0.12 |
| 2.00                          | 0.06 | 0.04 | 0.02 | 0.07 | 0.03 | 0.13 | 0.31 | 0.56 | 0.03 |
| 3.00                          | 0.08 | 0.04 | 0.02 | 0.07 | 0.22 | 0.20 | 0.07 | 0.04 | 0.03 |
| 4.00                          | 0.06 | 0.20 | 0.02 | 0.07 | 0.22 | 0.20 | 0.08 | 0.11 | 0.26 |
| 5.00                          | 0.06 | 0.04 | 0.16 | 0.07 | 0.17 | 0.05 | 0.08 | 0.11 | 0.12 |
| 6.00                          | 0.06 | 0.04 | 0.02 | 0.07 | 0.03 | 0.18 | 0.08 | 0.11 | 0.12 |
| 7.00                          | 0.06 | 0.20 | 0.02 | 0.07 | 0.17 | 0.18 | 0.08 | 0.11 | 0.12 |
| 8.00                          | 0.06 | 0.18 | 0.22 | 0.07 | 0.17 | 0.18 | 0.08 | 0.11 | 0.12 |
| 9.00                          | 0.06 | 0.18 | 0.16 | 0.07 | 0.03 | 0.05 | 0.08 | 0.11 | 0.12 |
| 10.00                         | 0.32 | 0.50 | 0.22 | 0.07 | 0.22 | 0.05 | 0.31 | 0.27 | 0.26 |
| 11.00                         | 0.08 | 0.04 | 0.02 | 0.07 | 0.03 | 0.05 | 0.08 | 0.04 | 0.12 |
| 12.00                         | 0.06 | 0.04 | 0.22 | 0.31 | 0.22 | 0.20 | 0.08 | 0.04 | 0.26 |
| 13.00                         | 0.06 | 0.04 | 0.02 | 0.07 | 0.03 | 0.20 | 0.07 | 0.04 | 0.03 |
| 14.00                         | 0.08 | 0.04 | 0.02 | 0.07 | 0.03 | 0.05 | 0.07 | 0.04 | 0.03 |
| 15.00                         | 0.08 | 0.04 | 0.02 | 0.07 | 0.03 | 0.05 | 0.08 | 0.11 | 0.03 |
| Nilai $d$<br>setiap<br>elemen | 0.09 | 0.13 | 0.10 | 0.09 | 0.12 | 0.13 | 0.11 | 0.13 | 0.12 |
| Peratusan<br>Keseluruhan      | 93   | 80   | 80   | 93   | 80   | 80   | 87   | 87   | 80   |

$d \leq 0.2 = 89\%$ .

Terdapat 18 item dalam elemen kandungan yang telah dicadangkan. Merujuk Jadual 5.8, panel pakar telah menyatakan tahap persetujuan terhadap 17 item dalam elemen kandungan sementara satu item (item 7) tidak mencapai syarat kedua kerana peratusan yang diperolehi hanya sebanyak 73 peratus iaitu kurang dari 75 peratus. 17 item dalam elemen kandungan telah mematuhi syarat pertama kerana nilai  $d$  bagi kebanyakan item adalah  $d \leq 0.2$ . Sementara itu, syarat kedua turut dipatuhi kerana

didapati  $d \leq 0.2$  bagi 17 item adalah melebihi  $d \leq 0.2$  75 peratus iaitu sebanyak 89 peratus. Oleh yang demikian, darjah persetujuan antara pakar telah mencapai satu konsensus yang baik dan pusingan kedua bagi *Fuzzy Delphi* tidak diperlukan kerana pemerolehan data telah mematuhi kedua-dua syarat dalam menganalisis data melalui teknik ini. Manakala item ketujuh telah ditolak dan tidak melalui pusingan kedua *Fuzzy Delphi*.

Jadual 5.9

Nilai  $d$  bagi Elemen Tools dan Strategi Penyampaian

| Pakar                   | Tools & Strategi penyampaian |      |      |      |      |      |      |      |      |
|-------------------------|------------------------------|------|------|------|------|------|------|------|------|
|                         | 1                            | 2    | 3    | 4    | 5    | 6    | 7    | 8    | 9    |
| 1.00                    | 0.09                         | 0.10 | 0.38 | 0.07 | 0.09 | 0.16 | 0.28 | 0.13 | 0.04 |
| 2.00                    | 0.05                         | 0.10 | 0.13 | 0.07 | 0.09 | 0.04 | 0.28 | 0.13 | 0.04 |
| 3.00                    | 0.05                         | 0.15 | 0.13 | 0.07 | 0.06 | 0.04 | 0.28 | 0.04 | 0.11 |
| 4.00                    | 0.05                         | 0.10 | 0.13 | 0.31 | 0.30 | 0.23 | 0.27 | 0.04 | 0.04 |
| 5.00                    | 0.09                         | 0.10 | 0.26 | 0.07 | 0.09 | 0.16 | 0.03 | 0.04 | 0.04 |
| 6.00                    | 0.09                         | 0.23 | 0.26 | 0.07 | 0.09 | 0.16 | 0.03 | 0.04 | 0.04 |
| 7.00                    | 0.09                         | 0.45 | 0.42 | 0.07 | 0.09 | 0.16 | 0.03 | 0.13 | 0.11 |
| 8.00                    | 0.09                         | 0.23 | 0.26 | 0.07 | 0.09 | 0.16 | 0.21 | 0.13 | 0.04 |
| 9.00                    | 0.09                         | 0.10 | 0.13 | 0.07 | 0.09 | 0.16 | 0.27 | 0.13 | 0.04 |
| 10.00                   | 0.05                         | 0.15 | 0.42 | 0.07 | 0.06 | 0.52 | 0.27 | 0.26 | 0.11 |
| 11.00                   | 0.05                         | 0.10 | 0.13 | 0.07 | 0.06 | 0.04 | 0.03 | 0.13 | 0.04 |
| 12.00                   | 0.29                         | 0.15 | 0.13 | 0.07 | 0.30 | 0.23 | 0.27 | 0.55 | 0.04 |
| 13.00                   | 0.05                         | 0.10 | 0.13 | 0.07 | 0.09 | 0.23 | 0.27 | 0.13 | 0.04 |
| 14.00                   | 0.05                         | 0.45 | 0.72 | 0.07 | 0.06 | 0.04 | 0.28 | 0.04 | 0.11 |
| 15.00                   | 0.09                         | 0.23 | 0.26 | 0.07 | 0.09 | 0.16 | 0.28 | 0.04 | 0.04 |
| Nilai $d$ setiap elemen | 0.12                         | 0.19 | 0.26 | 0.09 | 0.11 | 0.17 | 0.20 | 0.13 | 0.06 |
| Peratusan Keseluruhan   | 93                           | 67   | 47   | 93   | 87   | 80   | 27   | 87   | 100  |

$d \leq 0.2 = 76\%$ . (Item 2, 3 dan 5 ditolak)

Merujuk Jadual 5.9, panel pakar telah menyatakan tahap persetujuan terhadap enam item dalam elemen *tools* dan strategi penyampaian bagi modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan. Enam daripada sembilan item telah mematuhi syarat pertama kerana nilai  $d$  bagi kebanyakan item adalah  $d \leq 0.2$ . Sementara itu, syarat kedua turut dipatuhi kerana didapati  $d \leq 0.2$  kesemua item melebihi 75 peratus iaitu sebanyak 90 peratus. Oleh yang demikian, darjah persetujuan antara pakar telah mencapai satu konsensus yang baik bagi enam item tersebut dan pusingan kedua bagi *Fuzzy Delphi* tidak diperlukan kerana pemerolehan data telah mematuhi kedua-dua syarat dalam menganalisis data melalui teknik ini. Sementara tiga item yang tidak mencapai syarat pertama dan kedua ditolak dan tidak melalui pusingan kedua *Fuzzy Delphi*.

Jadual 5.10

*Nilai d bagi Elemen Penilaian*

| Pakar | Penilaian |      |      |      |      |
|-------|-----------|------|------|------|------|
|       | 1         | 2    | 3    | 4    | 5    |
| 1.00  | 0.12      | 0.02 | 0.09 | 0.06 | 0.07 |
| 2.00  | 0.12      | 0.02 | 0.05 | 0.06 | 0.07 |
| 3.00  | 0.05      | 0.02 | 0.05 | 0.30 | 0.03 |
| 4.00  | 0.12      | 0.02 | 0.09 | 0.08 | 0.30 |
| 5.00  | 0.12      | 0.02 | 0.09 | 0.08 | 0.07 |
| 6.00  | 0.05      | 0.25 | 0.05 | 0.08 | 0.07 |
| 7.00  | 0.05      | 0.02 | 0.05 | 0.06 | 0.07 |
| 8.00  | 0.12      | 0.14 | 0.09 | 0.08 | 0.07 |
| 9.00  | 0.12      | 0.14 | 0.09 | 0.08 | 0.07 |
| 10.00 | 0.26      | 0.02 | 0.05 | 0.06 | 0.07 |
| 11.00 | 0.12      | 0.14 | 0.09 | 0.08 | 0.07 |
| 12.00 | 0.55      | 0.25 | 0.30 | 0.08 | 0.07 |

|                         |      |      |      |      |      |
|-------------------------|------|------|------|------|------|
| 13.00                   | 0.12 | 0.02 | 0.05 | 0.06 | 0.07 |
| 14.00                   | 0.26 | 0.02 | 0.05 | 0.06 | 0.07 |
| 15.00                   | 0.12 | 0.14 | 0.09 | 0.08 | 0.07 |
| Nilai $d$ setiap elemen | 0.16 | 0.08 | 0.09 | 0.09 | 0.09 |
| Peratusan Keseluruhan   | 80   | 87   | 93   | 93   | 93   |

$d \leq 0.2 = 89\%$ .

Merujuk Jadual 5.10, panel pakar telah menyatakan tahap persetujuan terhadap lima item bagi elemen penilaian Pendidikan Kerjaya. Kesemua item telah mematuhi syarat pertama kerana nilai  $d$  bagi kebanyakan item adalah  $d \leq 0.2$ . Sementara itu, syarat kedua turut dipatuhi kerana didapati  $d \leq 0.2$  kesemua item adalah melebihi 75 peratus iaitu sebanyak 89 peratus. Oleh yang demikian, darjah persetujuan antara pakar telah mencapai satu konsensus yang baik dan pusingan kedua bagi *Fuzzy Delphi* tidak diperlukan kerana pemerolehan data telah mematuhi kedua-dua syarat dalam menganalisis data melalui teknik ini.

***Fuzzy Evaluation dan Defuzzification.*** Melalui nilai skor *Fuzzy Evaluation* dan kedudukan *Defuzzification* yang diperolehi, ia membantu pengkaji membuat analisis ke atas objektif, kandungan, *tools*, strategi dan penilaian dalam proses mereka bentuk modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan. Item yang mempunyai nilai *defuzzification* paling besar akan menduduki ranking tertinggi.

Jadual 5.11

*Kesepakatan pakar terhadap kesesuaian elemen objektif kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan*

| Item | Objektif                                                                                                                                                                               | Penilaian Fuzzy | Skor Fuzzy | Ranking |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|------------|---------|
| 1.1  | Memberi kesedaran mengenai kecenderungan dan minat kerjaya pelajar                                                                                                                     | 11.3 11.7 14.8  | 0.88       | 7       |
| 1.2  | Pendedahan mengenai perbezaan antara pekerjaan dan kerjaya serta kepelbagaian dalam pekerjaan                                                                                          | 11.3 11.9 15    | 0.89       | 6       |
| 1.3  | Panduan mengenai kelayakan yang diperlukan dalam pekerjaan                                                                                                                             | 12.3 14.4 15    | 0.92       | 3       |
| 1.4  | Kefahaman bagaimana minat, pengetahuan, kemahiran dan nilai dapat dipindahkan ke dalam pelbagai variasi kerjaya                                                                        | 11.1 13.7 14.9  | 0.88       | 8       |
| 1.5  | Meningkatkan kesedaran pelajar tentang kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan ke alam kerjaya                                                                                    | 12.5 14.5 15    | 0.93       | 2       |
| 1.6  | Menggunakan minat, kemahiran, kelayakan dan gaya hidup untuk menilai pilihan kerjaya yang berpotensi                                                                                   | 12.7 14.6 15    | 0.94       | 1       |
| 1.7  | Meningkatkan kecekapan pelajar dalam merancang dan membuat keputusan kerjaya                                                                                                           | 11.1 13.7 14.9  | 0.88       | 8       |
| 1.8  | Pendedahan mengenai peluang yang ada dapat membantu merealisasikan sepenuhnya potensi diri seterusnya memberi sumbangan kepada komuniti dan masyarakat                                 | 11.1 13.7 14.9  | 0.88       | 8       |
| 1.9  | Memberi kesedaran supaya lebih bersedia mengambil risiko terhadap peluang, lebih fleksibel dan responsif kepada perubahan serta kreatif mencari alternatif apabila berhadapan halangan | 11.7 14.0 14.9  | 0.90       | 5       |
| 1.10 | Mengetahui saluran perkhidmatan sokongan (sumber dan rujukan) yang tepat dalam aspek kerjaya                                                                                           | 11.9 14.1 14.9  | 0.91       | 4       |

Jadual 5.11 menunjukkan dapatan akhir iaitu kedudukan item bagi elemen objektif modul pendidikan kerjaya yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.

Jadual 5.12

*Susunan akhir bagi elemen Objektif*

| Bil | Kandungan                                                                                            |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Menggunakan minat, kemahiran, kelayakan dan gaya hidup untuk menilai pilihan kerjaya yang berpotensi |
| 2   | Meningkatkan kesedaran pelajar tentang kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan ke alam kerjaya  |
| 3   | Panduan mengenai kelayakan yang diperlukan dalam pekerjaan                                           |
| 4   | Mengetahui saluran perkhidmatan sokongan (sumber dan rujukan) yang tepat dalam aspek kerjaya         |

Jadual 5.12 merupakan susunan akhir bagi elemen objektif yang telah dipersetujui oleh panel pakar. Daripada keseluruhan 10 objektif yang dicadangkan di peringkat awal, hanya empat objektif yang berada pada senarai teratas diambil oleh pengkaji dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan.

Jadual 5.13

*Kesepakatan pakar terhadap kesesuaian elemen kandungan kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan*

| Item | Kandungan                                                                                     | Penilaian Fuzzy | Skor Fuzzy | Ranking |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|------------|---------|
| 1.1  | <b>Penilaian tentang minat kerjaya</b>                                                        | 12.1 14.0 15.0  | 0.92       | 1       |
|      | <b>Eksplorasi dunia dan peluang kerjaya</b>                                                   |                 |            |         |
| 1.2  | Pendedahan tentang perbezaan antara 'pekerjaan' dan 'kerjaya'                                 | 11.5 14.0 15.0  | 0.90       | 4       |
| 1.3  | Pengetahuan tentang peluang-peluang kerjaya dalam sektor awam, sektor swasta dan keusahawanan | 11.9 14.1 14.9  | 0.91       | 3       |

|                                                           |                                                                                                                                                                                       |             |             |             |             |                |
|-----------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|----------------|
| 1.4                                                       | Kelayakan, kesesuaian dan kesepadanan gaji                                                                                                                                            | 12.3        | 14.4        | 15.0        | 0.93        | 1              |
| 1.5                                                       | Mengenali jenis atau kategori pekerjaan yang berbeza (makan gaji, bekerja sendiri, sukarela)                                                                                          | 12.1        | 14.3        | 15.0        | 0.92        | 2              |
| 1.6                                                       | Mengenali bentuk atau corak pekerjaan (sepenuh masa, separuh masa, kekal, sementara, shif, bermusim)                                                                                  | 11.3        | 13.8        | 14.9        | 0.89        | 5              |
| 1.7                                                       | <b>Kemahiran memohon kerja (menyediakan surat permohonan kerja, resume, dll)</b>                                                                                                      | <b>10.9</b> | <b>13.2</b> | <b>14.4</b> | <b>0.85</b> | <b>DITOLAK</b> |
| <b>Persediaan ke alam kerjaya</b>                         |                                                                                                                                                                                       |             |             |             |             |                |
| 1.8                                                       | Kemahiran temuduga                                                                                                                                                                    | 11.7        | 14.0        | 14.9        | 0.90        | 3              |
| 1.9                                                       | Kemahiran sosial (kemahiran berkomunikasi, kemahiran mendengar, dll)                                                                                                                  | 12.3        | 14.3        | 14.9        | 0.92        | 1              |
| 2.0                                                       | Penampilan diri                                                                                                                                                                       | 11.3        | 14.3        | 14.9        | 0.92        | 1              |
| <b>Membuat perancangan dan pemilihan kerja</b>            |                                                                                                                                                                                       |             |             |             |             |                |
| 2.1                                                       | Perancangan kerjaya jangka pendek dan perancangan kerjaya jangka panjang                                                                                                              | 10.3        | 13.0        | 14.5        | 0.84        | 3              |
| 2.2                                                       | Menyesuaikan perancangan kerjaya kepada matlamat-matlamat kehidupan yang lain (seperti matlamat dalam hubungan kekeluargaan, matlamat menyambung pengajian setelah bekerja)           | 10.5        | 13.2        | 14.7        | 0.85        | 2              |
| 2.3                                                       | Kreatif mencipta kerjaya (menggunakan potensi diri seperti kecenderungan dan minat serta memanfaatkan kelayakan akademik yang dimiliki)<br>Kelayakan, kesesuaian dan kesepadanan gaji | 12.1        | 14.2        | 14.9        | 0.92        | 1              |
| <b>Penyesuaian diri dalam kerjaya yang bakal diceburi</b> |                                                                                                                                                                                       |             |             |             |             |                |

|                                                                           |                                                                                              |      |      |      |      |   |
|---------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|------|------|------|------|---|
| 2.4                                                                       | Memahami implikasi pekerjaan yang dipilih terhadap gaya hidup                                | 10.5 | 13.1 | 14.6 | 0.85 | 1 |
| 2.5                                                                       | Memahami bagaimana pekerjaan tersebut dapat memberi sumbangan kepada komuniti dan masyarakat | 10.3 | 12.9 | 14.5 | 0.84 | 2 |
| <b>Mengenalpasti sumber dan perkhidmatan sokongan dalam aspek kerjaya</b> |                                                                                              |      |      |      |      |   |
| 2.6                                                                       | Perkhidmatan kaunseling kerjaya                                                              | 12.1 | 14.1 | 14.8 | 0.91 | 1 |
| 2.7                                                                       | Web-web kerjaya                                                                              | 11.5 | 13.7 | 14.6 | 0.88 | 2 |
| 2.8                                                                       | <i>Role-model</i>                                                                            | 11.3 | 13.6 | 14.7 | 0.88 | 2 |

Jadual 5.13 menunjukkan dapatan akhir iaitu kedudukan item bagi elemen kandungan modul pendidikan kerjaya yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.

Jadual 5.14

*Susunan akhir bagi elemen kandungan*

| Bil | Kandungan                                                                                                                                                                   |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | <b>Penilaian tentang minat kerjaya</b>                                                                                                                                      |
| 1   | <b>Ekplorasi dunia dan peluang kerjaya</b><br>Kelayakan, kesesuaian dan kesepadanan gaji                                                                                    |
| 2   | Mengenali jenis atau kategori pekerjaan yang berbeza (makan gaji, bekerja sendiri, sukarela)                                                                                |
| 1   | <b>Persediaan ke alam kerjaya</b><br>Penampilan diri                                                                                                                        |
| 1   | Kemahiran sosial (kemahiran berkomunikasi, kemahiran mendengar, dll)                                                                                                        |
|     | <b>Membuat perancangan dan pemilihan kerja</b>                                                                                                                              |
| 1   | Kreatif mencipta kerjaya (menggunakan potensi diri seperti kecenderungan dan minat serta memanfaatkan kelayakan akademik yang dimiliki)                                     |
| 2   | Menyesuaikan perancangan kerjaya kepada matlamat-matlamat kehidupan yang lain (seperti matlamat dalam hubungan kekeluargaan, matlamat menyambung pengajian setelah bekerja) |

|   |                                                                                                              |
|---|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | <b>Mengenalpasti sumber dan perkhidmatan sokongan dalam aspek kerjaya</b><br>Perkhidmatan kaunseling kerjaya |
| 2 | Web-web kerjaya                                                                                              |
| 3 | <i>Role-model</i>                                                                                            |

Jadual 5.14 merupakan susunan akhir bagi elemen kandungan yang telah dipersetujui oleh panel pakar. Daripada enam topik yang telah dicadangkan di peringkat awal, hanya lima topik yang diambil sementara item-item bagi topik-topik tersebut dipilih mengikut susunan tertinggi.

Jadual 5.15

*Kesepakatan pakar terhadap kesesuaian elemen tools dan strategi bagi kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan*

| Item                        | Tools dan Strategi Penyampaian                                                  | Penilaian Fuzzy | Skor Fuzzy | Ranking |
|-----------------------------|---------------------------------------------------------------------------------|-----------------|------------|---------|
| <b>Tools</b>                |                                                                                 |                 |            |         |
| 1.1                         | Laman Web                                                                       | 11.7 14.0 14.9  | 0.90       | 1       |
| 1.2                         | Blog                                                                            | 9.7 12.4 14.1   | 0.80       | DITOLAK |
| 1.3                         | Media sosial ( <i>Facebook, Instagram, Twitter</i> )                            | 9.5 12.1 13.7   | 0.78       | DITOLAK |
| <b>Strategi Penyampaian</b> |                                                                                 |                 |            |         |
| 1.4                         | Teknik video (pembentangan mengenai salah satu topik kerjaya, <i>You Tube</i> ) | 12.1 14.2 14.9  | 0.92       | 2       |
| 1.5                         | Teknik visual/ imej                                                             | 11.9 14.0 14.8  | 0.90       | 3       |
| 1.6                         | Penggunaan filem (yang berkaitan dengan topik kerjaya)                          | 10.9 13.2 14.4  | 0.86       | 5       |
| 1.7                         | Rakaman suara                                                                   | 8.0 10.1 12.8   | 0.70       | DITOLAK |
| 1.8                         | Penyelesain masalah (berkaitan isu-isu kerjaya)                                 | 11.3 13.6 14.6  | 0.88       | 4       |
| 1.9                         | Slot intergenerasi                                                              | 12.7 14.6 15.0  | 0.94       | 1       |

Jadual 5.15 menunjukkan dapatan akhir iaitu kedudukan item bagi elemen *tools* dan strategi penyampaian modul pendidikan kerjaya yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.

Jadual 5.16

*Susunan akhir bagi elemen tools dan strategi*

| Bil                         | Tools dan Strategi                              |
|-----------------------------|-------------------------------------------------|
| <b>Tools</b>                |                                                 |
| 1                           | Laman Web                                       |
| <b>Strategi Penyampaian</b> |                                                 |
| 1                           | Slot intergenerasi                              |
| 2                           | Teknik video                                    |
| 3                           | Teknik visual/ imej                             |
| 4                           | Penyelesain masalah (berkaitan isu-isu kerjaya) |

Jadual 5.16 merupakan susunan akhir bagi elemen *tools* dan strategi penyampaian yang telah dipersetujui oleh panel pakar. Bagi elemen *tools*, item Laman Web telah dipilih mengikut kesepakatan pakar. Sementara bagi elemen strategi penyampaian pula, empat item pada kedudukan tertinggi telah dipilih oleh pengkaji dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.

Jadual 5.17

*Kesepakatan pakar terhadap kesesuaian elemen penilaian bagi kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan*

| Item | Penilaian                                          | Penilaian Fuzzy | Skor Fuzzy | Ranking |
|------|----------------------------------------------------|-----------------|------------|---------|
| 1.1  | Soal selidik                                       | 11.5 13.6 14.5  | 0.88       | 4       |
| 1.2  | Kuiz                                               | 10.9 13.5 14.8  | 0.87       | 5       |
| 1.3  | Refleksi                                           | 11.7 14.0 14.9  | 0.90       | 3       |
| 1.4  | Role-play                                          | 11.19 14.1 14.9 | 0.91       | 2       |
| 1.5  | Mereka bentuk blog atau laman web mengenai kerjaya | 12.1 14.2 14.9  | 0.92       | 1       |

Jadual 5.17 menunjukkan dapatan akhir iaitu kedudukan item bagi elemen penilaian modul pendidikan kerjaya yang telah melalui kesepakatan dan cadangan daripada panel pakar.

Jadual 5.18

*Susunan akhir bagi elemen penilaian*


| Bil | Penilaian                                          |
|-----|----------------------------------------------------|
| 1   | Mereka bentuk blog atau laman web mengenai kerjaya |
| 2   | Role-play                                          |
| 3   | Refleksi                                           |
| 4   | Soal selidik                                       |

Jadual 5.18 merupakan susunan akhir bagi elemen penilaian yang telah dipersetujui oleh panel pakar. Bagi elemen penilaian, empat item pada kedudukan tertinggi telah dipilih oleh pengkaji dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.

***Rumusan dapatan dan analisis fasa reka bentuk.*** Kesepakatan pakar melalui teknik *Fuzzy Delphi* telah dijadikan garis panduan dalam mereka bentuk modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Oleh yang demikian, dapatan fasa kedua ini menentukan susunan akhir bagi elemen objektif, kandungan, strategi dan penilaian dalam pembangunan modul kurikulum ini. Empat item yang telah dipilih bagi elemen objektif dalam pembentukan modul pendidikan kerjaya ini adalah a) Menggunakan minat, kemahiran, kelayakan dan gaya hidup untuk menilai pilihan kerjaya yang berpotensi b) Meningkatkan kesedaran pelajar tentang kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan ke alam kerjaya c) Panduan mengenai kelayakan yang diperlukan dalam pekerjaan dan d) Mengetahui saluran perkhidmatan sokongan yang tepat dalam aspek kerjaya. Seterusnya lima topik telah diambil bagi elemen kandungan iaitu a) Penilaian tentang

minat kerjaya b) Eksplorasi dunia dan peluang kerjaya c) Persediaan ke alam kerjaya d) Membuat perancangan dan pemilihan kerja dan e) Mengenalpasti sumber dan perkhidmatan sokongan dalam aspek kerjaya.

Bagi elemen *tools* dan strategi penyampaian pula, lima item telah dipilih oleh pengkaji mengikut *ranking* yang telah diperolehi iaitu a) Laman Web b) Slot intergenerasi c) Teknik video d) Teknik visual atau imej dan d) Penyelesaian masalah (berkaitan isu-isu kerjaya). Manakala bagi elemen penilaian pula, empat item yang telah dipilih dalam pembentukan modul kurikulum pendidikan kerjaya ini adalah a) Mereka bentuk blog atau laman web mengenai kerjaya b) *Role-play* c) Refleksi dan d) Soal Selidik. Rajah merupakan ringkasan pembentukan komponen utama Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.



Rajah 5.2 Pembentukan komponen utama Modul Kurikulum Perkhidmatan Kaunseling Atas Talian Untuk Pendidikan Kerjaya Sains Kesihatan

## **Analisis Pembangunan Modul Kurikulum Pendidikan Kerjaya**

Analisis pembangunan modul adalah bahagian kedua di dalam fasa reka bentuk dan pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling kerjaya atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk menghasilkan satu modul kurikulum pendidikan kerjaya yang mengandungi beberapa elemen utama yang disepakati oleh pakar-pakar yang terlibat. Bahagian ini akan menghuraikan fasa pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian berdasarkan perkara-perkara berikut:

- a. 'Pembangunan Rancangan Pembelajaran' bagi kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian.
- b. 'Pemurnian Rancangan Pembelajaran' bagi kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian.
- c. 'Pelaksanaan Modul Pembelajaran' kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian.

Dapatan hasil dari fasa dua kajian akan digunakan bagi pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Susunan rancangan pembelajaran bagi modul pendidikan kerjaya ini meliputi:

- Panduan kursus
- Pengenalan
- Unit-unit pembelajaran
- Tugas (Penilaian)

**Pembangunan Rancangan Pembelajaran.** Bahagian ini akan menerangkan tentang pembangunan rancangan pembelajaran yang mengandungi beberapa bahagian iaitu panduan kursus, tajuk-tajuk di dalam kursus pendidikan kerjaya (bagi elemen kandungan), tugas (bagi elemen penilaian kursus).

***Laman utama dan panduan kursus.*** Laman utama kursus ini dilengkapi dengan akses pengelolaan aplikasi kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atau panduan kursus.

Panduan mengakses aplikasi kursus ini adalah seperti berikut:

1. Program pembelajaran ini dijalankan secara terbuka tanpa memerlukan pelajar memasukkan id dan kata laluan.
2. Sebelum pelajar memulakan pembelajaran kursus ini, pelajar dikehendaki menjawab soal selidik yang telah disediakan.
3. Setelah pelajar selesai menjawab soal selidik tersebut, pelajar boleh memulakan pembelajaran bagi kursus berdasarkan panduan seterusnya.
4. Kursus ini menyediakan lima topik mengenai aspek kerjaya dan pelajar perlu klik pada topik yang dipilih untuk melihat nota lengkap berkaitan topik berkenaan.
5. Setiap pelajar perlu memulakan pembelajaran dengan membuka UNIT 1 seterusnya UNIT 2 sehinggalah UNIT 5.
6. Setiap topik dilengkapi dengan satu tugas. Selesai pembelajaran pada unit pertama, pelajar perlu melihat tugas yang telah disediakan dan tugas tersebut perlu disempurnakan bagi memastikan pelajar memahami apa yang telah dipelajari seterusnya pensyarah dapat menilai hasil tugas pelajar. Begitu juga dengan unit-unit yang seterusnya.

7. Web ini juga dilengkapi dengan video dan pelajar diminta membuka video yang telah disediakan seterusnya menjawab soalan atau tugas yang telah disediakan.
8. Setelah tamat pembelajaran kursus ini, pelajar diminta untuk melengkapkan sekali lagi soal selidik yang telah disediakan ( sila rujuk nota)
9. Akhir sekali, pelajar diminta untuk mengisi Bahagian ‘Maklumbalas Pelajar’ bagi tujuan penambahbaikan pendidikan atas talian di masa hadapan.

Halaman utama turut dilengkapi dengan pengenalan yang mana di dalamnya terdapat ringkasan Pengenalan diri pengkaji sebagai tenaga pengajar dan objektif bagi kursus ini.

**Pengenalan.** Nama saya Anizah binti Mohamed. Seorang kaunselor berdaftar dan mengamalkan profesion sebagai seorang kaunselor di sebuah institusi pengajian tinggi swasta di Kuala Lumpur Malaysia. Saya ingin membantu pelajar memahami apa yang dikatakan dengan KERJAYA supaya anda benar-benar yakin untuk membina kerjaya masa hadapan anda.

Saya ingin berkongsi pengetahuan tentang kerjaya malah apa sahaja tentang kerjaya kepada anda supaya anda lebih yakin dan bersedia untuk merancang dan membuat pilihan kerjaya impian anda. Saya membantu anda mengenali kecenderungan minat anda yang mungkin anda tidak perasan. Semoga pengetahuan yang diperolehi menjadikan anda seorang PENCIPTA KERJAYA dengan memanfaatkan segala kelebihan yang anda miliki dan bukan hanya sekadar MENCARI KERJA.

Tahukah anda melalui MINAT yang telah ada dalam diri anda boleh menjadikan anda mampu memiliki kerjaya yang memberi makna dalam hidup anda. Tahukah anda bahawa KERJAYA bukanlah semata-mata ‘KERJA’ tetapi ia sangat mempengaruhi dan menentukan personaliti dan gaya hidup anda setelah anda benar-benar terlibat dalam dunia pekerjaan. Saya mengajak anda belajar dengan cara yang paling mudah dan selesa tanpa anda perlu berada di dalam sebuah bilik kuliah, tanpa had waktu, tanpa had jarak sesuai dengan kemodenan teknologi hari ini. Saya juga ingin anda tahu bahawa kaunseling kerjaya merupakan satu rujukan dan saluran yang boleh anda manfaatkan untuk berkongsi dan membuat keputusan dalam aspek kerjaya.

Anda boleh memilih untuk mendapatkan info, anda boleh berkongsi pandangan dan pendapat, mencari solusi dengan mengadakan interaksi bersama kaunselor tidak kira samada secara perkongsian pembelajaran mahupun mengadakan sesi kaunseling.

Percayakah anda sesi kaunseling bukanlah tempat ‘orang-orang menghurai dan meleraikan masalah mereka’ atau terapi tetapi menjadi supplement untuk memastikan bahawa keputusan dan pilihan anda lebih tepat dengan panduan dan pandangan dari seorang kaunselor profesional.

**Objektif utama kursus.** Matlamat utama kursus ini adalah untuk berkongsi pengetahuan kepada pelajar mengenai:

1. Menggunakan minat, kemahiran, kelayakan dan gaya hidup untuk menilai pilihan kerjaya yang berpotensi
2. Meningkatkan kesedaran pelajar tentang kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan ke alam kerjaya

3. Kefahaman bagaimana minat, pengetahuan, kemahiran dan nilai dapat dipindahkan ke dalam pelbagai variasi kerjaya
4. Mengetahui saluran perkhidmatan sokongan (sumber dan rujukan) yang tepat dalam aspek kerjaya

Pelajar seterusnya boleh memulakan pembelajaran dan setiap pelajar diminta untuk memulakan pembelajaran dengan mengikut turutan bermula dari UNIT 1 sehinggalah unit terakhir iaitu unit kelima.

**Unit 1. Minat Kerjaya.** Objektif utama pembelajaran bagi unit pertama ini adalah:

- Pengetahuan tentang minat.
- Pengetahuan tentang apa yang dikatakan dengan kerjaya dan minat kerjaya.
- Pengenalan tentang inventori minat kerjaya (Pelajar disarankan untuk mentadbir ujian ini melalui kaunselor berdaftar bagi memastikan keputusan dan hasil ujian dapat ditafsirkan dengan tepat dan lengkap beserta pandangan dari kaunselor).

**Minat.** Apakah yang anda faham tentang ‘MINAT’? Secara ilmiahnya beberapa orang pakar telah memberikan definisi kepada MINAT. Menurut Tampubolon (1991), minat merupakan suatu penyatuan antara keinginan dan kemahuan yang dapat berkembang jika disertakan dengan motivasi. Kartini Kartono (1996), menyatakan minat merupakan momen dan kecenderungan yang searah secara intensif kepada suatu objek yang dianggap penting. Mohamad Surya (2003), mendefinisikan minat sebagai rasa senang atau tidak senang dalam menghadapi suatu objek. Slameto (2003), menyatakan bahawa minat sebagai suatu rasa yang lebih

disukai dan perasaan cenderung pada suatu perkara atau aktiviti, tanpa sebarang suruhan atau paksaan. Minat pada dasarnya adalah penerimaan akan suatu hubungan antara diri sendiri dengan sesuatu di luar diri. Semakin kuat atau dekat hubungan tersebut, semakin besar minat tersebut.

Ana laila Soufia dan Zuchdi (2004), menjelaskan bahawa minat merupakan kekuatan pendorong yang menyebabkan seseorang menaruh perhatian samada pada seseorang individu yang lain, sesuatu aktiviti atau objek lain. Djali (2008), menyatakan bahawa minat pada dasarnya merupakan penerimaan terhadap sesuatu hubungan antara diri sendiri dengan sesuatu di luar diri. Melalui semua definisi di atas dapat kita simpulkan bahawa minat merupakan suatu yang lahir dari dalam diri, bukan di paksa dan ia melahirkan satu keseronokan dan keseronokan seterusnya mampu menjadi motivasi untuk seseorang melaksanakan sesuatu perkara atau aktiviti

Bagaimana minat seseorang itu boleh wujud atau timbul? Timbulnya minat seseorang boleh dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu pertama: Faktor dalaman (intrinsic) seperti merasa seronok atau tertarik atau mendapat kepuasan melakukan sesuatu. Sementara faktor kedua pula adalah disebabkan oleh faktor luaran (extrensic) seperti persekitaran, pengalaman pembelajaran sewaktu di usia kanak-kanak dan dorongan keluarga.

Mengapa faktor minat perlu diambilkira?, mengapa faktor minat perlu diberi perhatian? dan mengapa faktor minat perlu dimanfaatkan?. Pentingnya minat kerana ia boleh melahirkan keseronokan dalam melaksanakan sesuatu tugas, ia boleh menjadi motivasi kepada diri kita, kerana ia boleh mempengaruhi hasil pencapaian, ia mampu mengekalkan momentum sesuatu pencapaian. Adakah anda merasa seronok melibatkan diri dalam dunia kerjaya yang bukan sahaja dengan berbekalkan kelulusan

akademik tetapi juga dengan seiring dengan minat yang telah tertanam dalam diri anda sejak dahulu lagi?

**Kerjaya.** Percayakah Anda? Kerjaya termasuklah persediaan sebelum seseorang itu menceburkan diri dalam dunia pekerjaan dan peranan lain yang dilakukan selepas bersara. Hall (1976), menyatakan kerjaya adalah kerja yang berterusan / kesinambungan berkaitan dengan pengalaman dan sikap yang berlaku dalam kehidupan individu.

Ivery & Morill (1968), menyatakan bahawa kerjaya merupakan satu proses berterusan apabila seseorang individu melibatkan diri dalam satu siri tugas yang perlu bagi perkembangan peribadi dalam dunia pekerjaan. Mohd Fadzil Che' Din (2001), menegaskan bahawa kerjaya adalah kerja atau aktiviti-aktiviti untuk memenuhi keperluan-keperluan psikologikal, ekonomikal dan sosiologikal individu dan ini direalisasikan dengan bekerja hingga berjaya. Menurut Zunker (2006), menjelaskan kerjaya merujuk kepada aktiviti dan kedudukan yang meliputi pekerjaan dan tugas serta mempunyai perhubungan sepanjang kehidupan individu. Omar Awang (2008), menyatakan bahawa kerjaya merupakan satu pekerjaan yang perlu diwujudkan di dalam kehidupan seseorang.

Rohani dan Fatimah (1987), kerjaya adalah rangkaian pekerjaan atau pengalaman yang dilakukan oleh seseorang itu dalam jangkamasa tertentu bagi menjalankan tanggungjawabnya. Super (1957), pula menegaskan bahawa kerjaya termasuklah persediaan sebelum melangkah ke alam pekerjaan dan peranan-peranan lain yang patut dilakukan selepas seseorang itu bersara daripada perkhidmatan.

**Minat kerjaya.** Sidek Mohd Noah (1998), menegaskan bahawa cita-cita dan impian semasa kecil merupakan satu inspirasi pemilihan kerjaya. Tokoh-tokoh teori perkembangan kerjaya berpendapat bahawa minat kerjaya, nilai pekerjaan, nilai

keperluan dan ciri personaliti seseorang dapat menentukan penglibatan, penumpuan dan pengkalan seseorang itu dalam sesuatu bidang pekerjaan dengan bermatlamatkan sendiri. Holland (1973) menyatakan minat kerjaya adalah satu ekspresi personaliti dalam pekerjaan, hobi, aktiviti sampingan dan sebagainya. Tolbert (1974) pula menyatakan minat kerjaya adalah kecenderungan terhadap sesuatu kerjaya dan segala minat terhadap aktiviti pekerjaan.

***Inventori minat kerjaya.*** Terdapat enam jenis persekitaran pekerjaan yang menyokong personaliti individu dan didominasi oleh jenis-jenis personaliti tertentu iaitu:

***Realistik.*** Bidang realistik menunjukkan kecenderungan individu yang memiliki kemahiran atletik atau mekanikal. Lebih cenderung bekerja dengan objek peralatan seperti mesin, haiwan atau tumbuhan. Memiliki kemahiran yang baik dalam mengendalikan alat-alat tersebut. Lebih suka bekerja di luar bangunan. Ciri-ciri: lebih praktikal, mekanikal, materialistik, patuh, neutral (tulen), tegas, gemar menggunakan mesin berprinsip. Antara kerjaya yang bersesuaian: jurutera, jurubina, pangaturcara komputer, juruterbang, pustakawan, ahli radiografi, bomba, chef, juruteknik, ahli perkebunan dan pembuat perabot.

***Investigatif.*** Bagi investigatif, kecenderungan terarah kepada menjalankan pemerhatian, mempelajari, menyelidik, saintifik, menganalisis, analitikal, intelektual, menilai dan menyelesaikan masalah melalui penyelidikan. Mempunyai kemahiran saintifik dan matematik serta meminati kerjaya-kerjaya saintifik dan beberapa kerjaya bercorak teknikal. Ciri-ciri individu: pemerhati, analitikal, rasional, teliti, intelektual, introvert, introspektif, optimistik, sifat ingin tahu. Antara kerjaya yang bersesuaian: pegawai perubatan, ahli farmasi, ahli biologi, ahli botani, ahli agronomi, ahli fizik, ahli kimia, angkawasan, profesor, guru sains dan matematik.

**Artistik.** Bagi jenis artistik pula, individu mempunyai kebolehan artistik dan inovatif. Mempunyai kebolehan intuisi dan suka bekerja dalam situasi yang tidak atau kurang berstruktur. Tidak selesa dengan kerja yang rutin atau berulang-ulang dan selalu menggunakan imaginasi dan kreativiti (Sidek, 2005). Ciri-ciri : imaginatif, intuitif, ekspresif, emosional, introspektif, reflektif, tulen, bebas, sensitif dan idealistik. Antara kerjaya yang bersesuaian: arkitek, penulis, artis, pengarang, pereka grafik, pereka fesyen, jurufoto.

**Sosial.** Bagi jenis sosial pula, individu suka bekerja dan berinteraksi dengan manusia. Berminat dalam memberitahu, menolong, melatih, memperkembang dan mengubati dan membuat kebajikan kepada orang lain. Ciri-ciri: sosial, suka menolong, bekerjasama, peramah, mesra, sabar, ekstrovert, empati, bertanggungjawab dan boleh dipercayai. Kerjaya yang bersesuaian: guru, pensyarah, kaunselor, pekerja sosial, pegawai perhubungan awam, pegawai kebajikan, paramedik, pramugari dan pemandu pelancong.

**Enterprising.** Enterprising menunjukkan kebolehan dan minat seseorang individu dalam mempengaruhi, mengarah, memimpin dan mengurus individu lain. Pandai dan mahir memanipulasi orang lain. Persekitaran pekerjaan yang melibatkan pentadbiran, pengurusan, perniagaan dan keusahawanan. Matlamat akhir mereka adalah untuk mencapai keuntungan organisasi dan keuntungan ekonomi. Ciri-ciri: ciri kepimpinan, bertenaga, sukakan pencapaian, daya pujuk yang tinggi, suka mempengaruhi, suka meneroka, optimistik, yakin diri yang tinggi, mudah mesra, bijak berkomunikasi, ekstrovert, suka menonjolkan diri dan mempunyai kebolehan memanipulasi. Kerjaya yang bersesuaian: usahawan, pengarah syarikat, eksekutif pengiklanan, eksekutif pemasaran, agen insurans, pengurus bank, peguam, ahli politik, pengurus hotel, wartawan, jurujual.

***Konvensional.*** Persekitaran pekerjaan yang berstruktur dan teratur yang terutama yang melibatkan data, nombor dan kerja-kerja perkeranian melakukan kerja secara terperinci mengikut pereaturan dan arahan. Ciri-ciri: berstruktur tinggi, teliti, daya tahan tinggi, patuh, praktikal, mengikut aturan, defensif, cermat dan rutin. Antara kerjaya yang bersesuaian: kerani, setiausaha, penyimpan kira-kira, akauntan, jurutrengkas, penilai harta, juru audit dan pegawai perangkaan.

Inventori minat kerjaya. Inventori minat kerjaya boleh dijadikan panduan dalam membuat perancangan dan pemilihan kerjaya. Inventori minat kerjaya ini juga dapat membantu pelajar mengenali potensi diri melalui minat sebenar pelajar yang kadangkala tidak disedari oleh pelajar itu sendiri. Potensi diri bukan sahaja boleh menjana pendapatan dan keuntungan ('Talent make money') tetapi juga boleh menjadi peluang malah mampu membuka peluang pekerjaan kepada orang lain ('Talent Make Opportunity'). Terdapat banyak inventori kerjaya dan pelajar boleh mentadbir inventori minat kerjaya ini samada melalui laman-laman web kerjaya atau berjumpa kaunselor. Namun pelajar disarankan berjumpa dengan kaunselor kerjaya dan menjalani ujian tersebut untuk mendapatkan cadangan yang tepat melalui keputusan ujian tersebut. Antara ujian minat kerjaya yang boleh dimanfaatkan adalah seperti:

- Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS)
- Ujian Kerjaya Self Directed search (SDS)
- Inventori minat kerjaya (RIASEC)

Anda boleh melayari beberapa pautan atas talian untuk menjalani ujian berkaitan personaliti dan kerjaya seperti:

1. <https://afterschool.my>
2. <http://impiansetiapinsan.blogspot.my>

**Unit 2. Persediaan ke Alam Kerjaya** merupakan topik kedua bagi kursus ini.

Objektif utama unit kedua ini adalah untuk memahami apa itu “penampilan diri” di samping memahami ‘Kemahiran Sosial’ seperti kemahiran berkomunikasi dan kemahiran mendengar.

***Penampilan diri.*** Pernahkan kita bertanyakan soalan-soalan seperti ini?

Pernahkah anda bertanya kepada diri anda tentang soalan-soalan di bawah:

1. Apakah yang dikatakan dengan PENAMPILAN DIRI
2. Bagaimana penampilan diri pilihan SAYA?
3. Siapakah yang anda rasa mempunyai penampilan diri yang sangat menarik?
4. Bagaimana memastikan penampilah diri kita sesuai dengan kerjaya yang ingin anda ceburi?

Penampilan diri sangat penting kerana ia merupakan penilaian awal orang lain terhadap diri kita semasa pertemuan kali pertama. Melalui penampilan, orang lain akan cuba membuat seribu satu andaian mengenai tingkahlaku, sifat, kerjaya dan sebagainya. Penampilan diri yang baik bukan sahaja memberi tanggapan positif mengenai seseorang tetapi juga dapat meningkatkan keyakinan diri. Penampilan diri seringkali dikaitkan dengan cerminan keperibadian seseorang.

Penampilan diri merupakan dari cara seseorang berpakaian sehinggalah kepada pertuturan seseorang. Penampilan diri juga merupakan sikap atau pembawakan ( sikap yang baik akan menimbulkan kesan yang baik dan sebaliknya). Fizikal seseorang memainkan peranan yang penting melalui : cara berjalan,cara bercakap,cara makan ,cara duduk, cara berdiri dll. Ekspresi wajah dan bahasa tubuh (seperti pandangan mata) juga merupakan sebahagian dari penampilan diri.

Air muka dan memek muka bukan sahaja menerangkan emosi penuturnya tetapi juga mampu menggambarkan personaliti, sikap terhadap orang lain, minat untuk terus berinteraksi, memulakan interaksi dan keseriusan serta kematangan dalam mengeluarkan pendapat. Antara faktor lain yang perlu diambilkira adalah pemilihan warna kerana ia perlu bersesuaian dengan tempat dan masa selain perlu disesuaikan dengan bentuk fizikal si pemakai. Penambahan aksesori yang sederhana dapat menambah tarikan penampilan dan gaya seseorang seperti jam tangan dan gelang. Solekan tidak perlu terlalu tebal dan keterlaluan. Berpenampilan menarik antaranya adalah:

1. Sikap atau pembawakan

Sikap yang baik akan menimbulkan kesan yang baik. Penampilan fizikal seseorang memainkan peranan yang penting seperti cara bercakap, cara duduk dan cara berjalan.

2. Ekpresi wajah dan bahasa tubuh

Cara memandang seperti pandangan mata sewaktu berkomunikasi dengan orang lain samada sewaktu bercakap atau sewaktu mendengar percakapan orang lain (eye contact). (2) Bahasa tubuh, seperti mengerutkan dahi dan kening, menganguk atau menggelengkan kepala, menggetap bibir, memeluk tubuh.

3. Teknik komunikasi

Untuk mendapatkan komunikasi yang baik dan efektif haruslah disertakan dengan bahasa tubuh yang sesuai dengan komunikasi tersebut. Begitu juga dengan nada suara perlulah disesuaikan dengan keadaan dan tempat serta inti pati percakapan.

4. Kesihatan

Kesihatan perlu untuk melahirkan luaran dan fizikal yang segar dan dapat melahirkan aura positif.

5. Bersih dan rapi

Kebersihan meliputi semua aspek dalam diri seperti penjagaan bau badan dan bau mulut, kebersihan kuku dan pakaian.

6. Tatarias

Seseorang perlu bijak membezakan penampilan diri seperti pemilihan fesyen pakaian dan warna pakaian bersesuaian dengan waktu, tujuan pertemuan atau faktor usia.

***Kemahiran Sosial.*** Apa itu kemahiran sosial? Philip (1991) mendefinisikan kemahiran sosial sebagai tingkahlaku yang prihatin untuk melakukan hubungan interpersonal yang efektif. Merupakan hubungan interpersonal dan proses interaksi sesama manusia yang positif yang akhirnya membawa manfaat kepada semua pihak. Kemahiran sosial juga boleh didefinisikan sebagai keupayaan untuk berkomunikasi secara efektif dengan individu lain dalam situasi sosial atau kerja samada secara lisan atau bukan lisan. Kemahiran sosial terdiri daripada kemahiran berinteraksi, pembentukan sendiri, penghargaan sendiri dan kawalan sendiri.

***Kemahiran Komunikasi.*** Secara umumnya komunikasi boleh didefinisikan sebagai satu proses pemindahan maklumat, perasaan, idea kepada individu atau sekumpulan individu melalui percakapan penulisan, isyarat atau perlakuan seperti bahasa tubuh dan mimik muka. Secara ilmiahnya komunikasi boleh didefinisikan sebagai penghantaran, penerimaan atau pertukaran maklumat atau pendapat atau idea dengan tulisan, percakapan atau imej visual atau mana-mana kombinasi ketiga-tiga

unsur tersebut supaya perkara yang diutarakan difahami dengan jelas oleh sesiapa yang terlibat. Sementara Howard H. Dean pula mendefinisikan komunikasi sebagai kepelbagaian cara untuk menyampaikan fikiran dan perasaan kepada khalayak ramai dan juga penerimaan fikiran dan perasaan dari orang lain.

Pernahkan anda bertanya kepada diri anda mengapa kita perlu berkomunikasi dalam kehidupan seharian kita? Pernahkan anda bayangkan jika anda tidak berkomunikasi selama 24 jam? Komunikasi mempunyai pelbagai tujuan antaranya untuk memberitahu, mendidik, melatih, memotivasi, mengaitkan, mempromosi, menghibur, membuat keputusan, memujuk, memberi nasihat, mencadangkan, memerintahkan, memberi amaran, berunding dan lain-lain tujuan. Antara model-model komunikasi seperti :

- Model komunikasi Lasswell
- Model komunikasi Newcomb
- Model komunikasi Shannon & Weaver

Kemahiran berkomunikasi:

- Tingkah laku positif
- Menimbulkan minat orang atau pendengar
- Memberikan perhatian
- Mengemukakan soalan
- Memberi refleksi perasaan

***Komunikasi Berkesan.*** Komunikasi berkesan merujuk kepada sumber atau penyampai maklumat yang dapat menyampaikan maklumat dan keputusan idea atau pengetahuan kepada penerima dengan baik, tepat dan maksudnya tanpa menimbulkan kekeliruan dan salah faham. Komunikasi dianggap berkesan apabila mesej yang

disampaikan difahami dengan tepat dan jelas oleh penerima, makna mesej difahami dan dikongsi bersama oleh penghantar dan penerima, perubahan yang berlaku (sekiranya dikehendaki) akibat mesej adalah seperti perubahan yang dikehendaki pengguna dan mesej yang disampaikan mempunyai unsur kos-efektif. Selain itu, komunikasi dikatakan berkesan apabila dapat menimbulkan minat orang yang mendengar. Sebenarnya setiap dari kita mempunyai pelbagai kelebihan dan cara tersendiri. Menggunakan apa sahaja kaedah dan teknik yang kreatif semasa berkomunikasi membantu komunikasi berkesan.

***Halangan dalam Komunikasi.*** Pernahkah anda merasa sukar untuk berkomunikasi atau pernahkah anda merasa terdapat banyak gangguan sewaktu anda mahu atau sedang berkomunikasi? Dua kategori utama yang menjadi halangan dalam komunikasi kita adalah interpersonal dan organisasi. Dalam interpersonal terdapat beberapa halangan yang boleh dikenalpasti seperti persepsi, bahasa, pilihan chanel dan sikap tidak konsisten semasa berkomunikasi. Manakala bagi halangan organisasi pula seperti halangan fizikal, informasi berlebihan, tekanan masa dan perbezaan status. Kemahiran mendengar. Bagaimana memastikan kita menjadi pendengar yang baik? Antara tips yang boleh diamalkan untuk menjadikan komunikasi kita berkesan antaranya mendengar dengan teliti apa yang disampaikan. Peka terhadap komunikasi bukan lisan seperti bahasa badan dan intonasi. Beberapa perkara boleh dielakkan ialah elakkan memberi kesimpulan awal, elakkan mencelah sewaktu penyampai sedang bercakap selain perlu berfikiran terbuka dan positif dan memberikan respond atau reaksi yang sewajarnya.

***Kesimpulan.*** Hasil kajian mendapati 70 peratus kejayaan meningkatkan kerjaya adalah kerana adanya 'soft skills' manakala selebihnya atau 30 peratus adalah sumbangan 'hard skills'. Soft skill adalah ilmu kemanusiaan seperti kebolehan

berkomunikasi, berinteraksi dan memahami “body language.” Hubungan sesama insan sama ada secara horizontal ataupun vertical akan membantu individu behubungan dan berkomunikasi secara berkesan dari pelbagai arah dan dimensi yang seterusnya membantu membina kerjaya.

**Unit 3. Eksplorasi Dunia dan Peluang Kerjaya.** Objektif utama unit ketiga ini bertujuan memberi pengetahuan mengenai kelayakan, kesesuaian dan kesepadanan gaji serta mengenali jenis atau kategori pekerjaan yang berbeza (makan gaji, bekerja sendiri, sukarela). Nota juga dilengkapi dengan *link* portal-portal laman web yang berkaitan dengan maklumat kerjaya yang boleh dirujuk oleh pelajar. Pernahkah anda bertanyakan mengenai perkara-perkara di bawah:

- Apakah kelayakan anda?
- Apakah kesesuaian kerjaya untuk anda?
- Berapakah anggaran gaji yang diperlukan oleh anda?.
- Adakah ia sesuai dengan kelayakan dan pilihan pekerjaan anda?

**Kesesuaian.** Bagaimana mengetahui bidang kerjaya yang sesuai dengan kelayakan? Bagaimana mengetahui peluang yang ditawarkan kepada anda memang sesuai dengan kelayakan seperti penawaran gaji dan jawatan?

**Sumber maklumat.** Untuk mengetahui bidang kerjaya yang sesuai dengan kelayakan, pelajar boleh mendapatkan maklumat melalui pelbagai sumber rujukan mengenai perjawatan, gred dan gaji boleh di dapati melalui laman web atau portal rasmi kerajaan, antaranya:

Portal rasmi SPA (<http://www.spa.gov.my/deskripsi-tugas/diploma2>)

<http://static.jobsmalaysia.gov.my>

<http://www.eghrmis.gov.my/docs/pp112011-umum.pdf>

Sementara bagi penawaran perkhidmatan di sektor swasta pula, pelajar boleh mendapatkan info melalui individu yang terlibat dalam syarikat atau melalui laman web rasmi syarikat terbabit

Jenis-jenis atau kategori pekerjaan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu a) Mekan gaji (bekerja di bawah majikan) b) Bekerja sendiri dan c) Pekerja sukarela.

***Mekan gaji (mempunyai majikan).*** Anda merupakan seorang yang bekerja di bawah sebuah institusi atau syarikat samada kerajaan atau swasta. Anda terikat dengan perjanjian dan komitmen tugas mengikut jawatan yang telah ditawarkan dan anda dibayar gaji oleh pihak majikan. Mesti bekerja mengikut masa yang telah ditetapkan oleh pihak majikan. Tertakluk kepada undang-undang syarikat. Tempat kerja ditetapkan. Terdapat cuti tahunan. Pendapatan tetap

***Bekerja sendiri.*** Masa adalah fleksibel. Perlu kreatif mencari peluang. Tidak terikat dengan mana-mana institusi atau syarikat. Bebas membuat keputusan. Pulangan bergantung kepada usaha. Contohnya bekerja sendiri seperti peniaga dan usahawan samada menawarkan produk atau perkhidmatan.

***Pekerja sukarela atau pekerja sosial.*** Sukarela bermakna dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa-paksa, tidak dikerah dan dengan rela hati. Manakala kesukarelaan membawa makna sikap sukarela. Jadi, kesukarelaan dapat dimaksudkan sebagai melakukan sesuatu dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa atau dikerah, dengan niat yang ikhlas dan tidak mengharapkan apa-apa pulangan kepada diri sendiri. 'National Association Social Work (NASW) telah mendefinisikan bidang kerja sosial sebagai aktiviti profesional yang membantu individu, kumpulan atau komuniti untuk meningkatkan dan memulihkan keupayaan mereka untuk berfungsi kepada sosial dan mewujudkan keadaan masyarakat memihak kepada matlamat mereka.

**Kerja sosial (social work).** Merupakan suatu profesion perbantuan (helping profession) iaitu membantu individu, kelompok dan masyarakat dalam kefungsiian sosial mereka; bekerja dengan klien melalui intervensi berasaskan/berdasarkan teori-teori, teknik-teknik serta kemahiran yang terus diperkayakan dari semasa ke semasa melalui amalan, pengalaman, kajian, dan sebagainya.

**Unit 4. Mengenalpasti Sumber dan Perkhidmatan Sokongan dalam Aspek Kerjaya’.** Objektif utama unit keempat ini bertujuan memberi pengetahuan mengenai sumber-sumber dan perkhidmatan sokongan yang ada dalam aspek kerjaya dan pengetahuan tentang penggunaan sumber rujukan yang tepat.

**Panduan Kerjaya.** Panduan kerjaya merupakan semua komponen perkhidmatan dan aktiviti di dalam institusi pendidikan, agensi dan organisasi yang menawarkan program yang sesuai dengan kaunseling kerjaya.

**Kauseling Kerjaya.** Pernahkah anda mendengar mengenai perkhidmatan kaunseling kerjaya atau pernahkah anda terfikir untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling kerjaya di institusi anda? Tahukah anda apa itu kaunseling kerjaya? National Career Development Association (NCDA) mendefinisikan kaunseling kerjaya sebagai semua aktiviti yang dijalankan oleh seseorang yang mempunyai kelayakan dengan seseorang atau kelompok mengenai kerjaya, keputusan tentang kerjaya/ kehidupan, perancangan kerjaya, jalan kerjaya atau konflik serta persoalan yang berkaitan dengan perkembangan kerjaya. Ia merupakan satu proses interpersonal yang direka bentuk bagi membantu individu-individu yang mengalami masalah perkembangan kerjaya iaitu proses memilih, memasuki, menyesuaikan diri serta memajukan diri dalam pekerjaan (Brown & Brook, 1986).

## **Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya**

***Khidmat Inventori.*** Khidmat inventori merupakan sumber untuk membantu pelajar mengenali, memahami dan menerima keadaan diri sendiri seperti inventori personaliti dan inventori minat kerjaya. Ia bertujuan mengumpul, menganalisis dan menggunakan data-data psikologi dan sosial yang objektif dan subjektif mengenai diri pelajar. Terdapat banyak jenis inventori di dalam psikologi seperti inventori personaliti, inventori personaliti warna, inventori minat kerjaya, inventori kematangan kerjaya dan pelbagai lagi.

***Khidmat Maklumat.*** Khidmat maklumat menyediakan maklumat masa kini dan masa hadapan yang bersangkutan dengan pendidikan, pekerjaan dan faktor sosial. Bidang ini berhubung rapat dengan pemilihan kerjaya masa depan, prosedur mendapatkan keperluan latihan dan kemahiran yang diperlukan sesuai dengan pilihan bidang pekerjaan, keadaan sesuatu pekerjaan, ganjaran, tanggungjawab, risiko, bentuk cara hidup dan peluang-peluang yang ada dalam berbagai-bagai jenis pekerjaan tersebut. Laman web ini merupakan contoh saluran khidmat maklumat mengenai aspek kerjaya.

***Khidmat kaunseling kerjaya.*** Apakah tujuan perkhidmatan kaunseling kerjaya? Perkhidmatan yang diberikan berpandukan teori-teori kerjaya seperti teori Holland, Super dll. Terdapat beberapa tujuan perkhidmatan kaunseling kerjaya antaranya;

- Untuk membantu membuat keputusan berkaitan akademik dan kerjaya
- Membantu mencapai kematangan pemilihan pendidikan dan pekerjaan
- Menggunakan maklumat kerjaya dan maklumat inventori

***Mengapa perlu Kaunseling Kerjaya.*** Menurut Mizan(1992), terdapat beberapa situasi yang memerlukan seseorang mendapatkan perkhidmatan kaunseling kerjaya antaranya klien tidak dapat bertanggungjawab untuk membuat keputusan berkaitan dirinya sendiri. Klien mempunyai kurang maklumat dan tidak tahu apa yang dia tahu untuk membuat keputusan. Klien mempunyai beberapa pandangan yang bercanggah tentang dirinya dan tentang kerjaya yang diminati dan yang dikehendaki. Berlaku pertelingkahan pemilihan antara pilihan sendiri dengan pilihan individu penting di sekeliling mereka seperti ibu bapa. Pertelingkahan antara nilai positif dan negatif tentang sesuatu pekerjaan serta memerlukan pengukuhan.

Sementara menurut Healey (1982) pula, seseorang itu perlu kepada perkhidmatan kaunseling apabila mempunyai matlamat yang tidak realistik, tidak memahami konsep pekerjaan atau sistem pekerjaan yang ada, tidak sanggup melibatkan diri kepada sesuatu pilihan. Apabila individu melihat masalah secara berpecah-pecah atau tidak menyeluruh. Mempunyai maklumat yang tidak tepat atau melihat masalah dengan tidak tepat dan seseorang yang mempunyai rasa cemas diri yang tinggi.

Perkhidmatan kaunseling boleh di dapati melalui pelbagai peringkat. Bermula dari peringkat pendidikan awal dan pendidikan peringkat rendah dan menengah seperti di sekolah-sekolah. Perkhidmatan kaunseling tidak hanya terhad di tawarkan di dalam bidang pendidikan sahaja tetapi di hampir setiap aspek. Ini kerana kerjaya dan kehidupan adalah perkara yang saling berkait dan saling mempengaruhi. Malah seiring dengan kemajuan dunia hari ini, perkhidmatan kaunseling disokong dengan kecanggihan teknologi. Antara pautan web yang boleh di rujuk oleh pelajar berkaitan dengan perkhidmatan kaunseling seperti;

- <http://www.jkm.gov.my>

- <http://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/206>
- <http://www.lppkn.gov.my/index.php/talian-nur.html>

**Proses Kaunseling Kerjaya.** Terdapat beberapa proses bagi memastikan objektif perkhidmatan kaunseling kerjaya tercapai iaitu;

- Menjalin hubungan; memastikan klien berasa selesa dan percaya kepada kaunselor
- Penilaian kaunselor; membuat penilaian terhadap klien melalui perbincangan dari laporan temubual, pemerhatian dll
- Menentukan matlamat; apa sebenarnya yang mahu dicapai oleh klien
- Meneroka matlamat; meneliti jenis matlamat dan memadankan maklumat diri dengan maklumat pekerjaan
- Merancang tindakan; menentukan langkah yang perlu diambil untuk mencapai matlamat
- Tindakan susulan; kaunselor membuat susulan sebagai cara memantau langkah yang diambil

### **Web Kerjaya**

Antara link-link atau pautan laman web kerjaya yang boleh membantu anda mendapatkan peluang-peluang kerjaya antaranya:

- <http://www.spa.gov.my/>
- <http://www.jobsmalaysia.gov.my>
- <http://mystarjob.com/>
- [www.indeed.com.my](http://www.indeed.com.my)
- <http://www.carikerja.com.my/>

- [www.bestjobs.com.my](http://www.bestjobs.com.my)

**Role-model.** Bermula zaman remaja kita biasanya sudah mula mencari seseorang untuk dijadikan inspirasi dalam kejayaan dan kehidupan. Kita mula mencari seorang role model atau idola untuk dijadikan tarikan motivasi. Biasanya ciri-ciri role model seperti berjaya dalam lapangan yang diceburi, berjaya menimbulkan keyakinan kepada mereka yang terlibat bersamanya, sama ada dalam bidang kepakarannya, sektor penglibatannya, atau masyarakat. Role model ini menjadi tempat rujukan awal bagi mencari jalan penyelesaian ( di rujuk apabila wujud sesuatu keperluan). Malah mereka bukan sahaja menjadi contoh kepada seseroang tetapi turut menjadi contoh kepada individu dan masyarakat di sekelilingnya.

**Mentoring.** Mentoring merupakan satu program yang melibatkan dua komponen utama iaitu mentor yang berfungsi sebagai pendidik, pemimpin atau pembimbing, serta mentee sebagai pelajar atau pengikut yang memerlukan nasihat dan bimbingan. Ia merupakan sistem padanan di antara seseorang yang lebih berkemahiran dan berpengalaman yang dipanggil sebagai mentor dengan seseorang yang kurang berkemahiran dan berpengalaman, iaitu mentee. Sistem mentoring ini bukanlah satu perkara yang baru, malah ia telah diaplikasikan dengan sangat meluas merentasi pelbagai bidang seperti perniagaan, kesihatan dan pendidikan. Malah, program mentoring ini dikatakan telah lama menjadi perhatian utama oleh ahli-ahli akademik dan industri sebagai satu program untuk pembangunan profesional dan peribadi individu (Rekha & Ganesh, 2012). Dalam sistem pendidikan di Malaysia, program mentoring telah dilaksanakan bermula daripada peringkat sekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Di peringkat sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia

telah menyenaraikan program mentor mentee sebagai salah satu langkah dalam membentuk pembangunan modal insan.

Fokus utama program mentoring ini adalah untuk melatih dan pembangunan mentee terutamanya dalam bidang kerjaya dan psikososial mentee seperti pengetahuan penting, kemahiran terkini, kebolehan baru, sikap positif dan keperluan semasa supaya mereka berkeupayaan meningkatkan daya saing diri, mengurus peluang dan masalah dengan berhemah, serta memberi respon terhadap pelbagai cabaran dalam persekitaran dalaman dan luaran organisasi secara berterusan (Rekha & Ganesh, 2012; Kram, 1985).

**Kesimpulan.** Adalah penting untuk mencari saluran maklumat dan rujukan kerjaya yang tepat bagi memastikan perancangan dan pemilihan kerjaya dapat dibuat dengan betul dan yakin. Kesilapan dalam merancang kerjaya akan mempengaruhi segala aspek kehidupan kerana pilihan kerjaya kita akan mencorak gaya hidup kita di masa akan datang.

**Unit 5. Perancangan dan Pemilihan Kerjaya'** merupakan unit terakhir iaitu unit kelima kursus pendidikan kerjaya atas talian. Objektif utama unit kelima ini bertujuan membimbing dan menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kreatif dan positif dalam merancang dan memilih bidang kerjaya yang diinginkan antaranya:

1. Kreatif mencipta kerjaya (menggunakan potensi diri seperti kecenderungan dan minat serta memanfaatkan kelayakan akademik yang dimiliki).
2. Menyesuaikan perancangan kerjaya kepada matlamat-matlamat kehidupan yang lain (seperti matlamat dalam hubungan kekeluargaan, matlamat menyambung pengajian setelah bekerja).

***Pemilihan dan perancangan kerjaya.*** Pemilihan kerjaya merupakan satu proses berterusan bermula dari persepsi kanak-kanak terhadap dunia pekerjaan dan kemudiannya berkembang hingga ke peringkat remaja dan awal dewasa (Tolbert 1974). Kerjaya merupakan sesuatu yang dirancang. Ini kerana kerjaya merupakan suatu yang sangat penting dalam kehidupan manusia serta menentukan cara hidup seseorang. Melalui perancangan kerjaya yang telah di buat seseorang boleh mengetahui bagaimana kelayakan diri untuk meneruskan kerjaya pada masa kini dan pada masa akan datang.

Perancangan kerjaya mengandungi pemikiran tentang matlamat kerjaya jangka pendek serta matlamat kerjaya jangka panjang. Menurut William & Davis (1996) perancangan kerjaya merupakan proses seseorang individu memilih matlamat kerjaya dan laluan kerjaya untuk mencapai matlamat kerjaya tersebut. Perancangan kerjaya merupakan idea yang diperlukan bagi membantu seseorang menganalisis kebolehan minat perancangan dan pelaksanaan aktiviti pembangunan kerjaya.

Perancangan kerjaya merupakan satu proses yang mana individu menyedari kehendaknya untuk membuat keputusan dalam kerjaya, mendapatkan maklumat tentang prospek kerja atau kerjaya, mempelajari tentang persekitaran, belajar tentang diri sendiri terutamanya minat, kebolehan dan nilai, membuat pilihan yang bijak dan jelas, menyusun prospek, melaksanakan keputusan kerjaya melalui latihan dan kaedah-kaedah cari kerja serta menggunakan maklumbalas untuk menilai keputusan secara positif atau negative (Lock, 1992).

***Kreatif mencipta kerjaya.*** Menggunakan potensi diri seperti kecenderungan minat serta memanfaatkan kelayakan akademik yang dimiliki. Malaysia menggalakan masyarakat untuk menjadi peniaga dan usahawan sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada budaya makan gaji. Budaya makan gaji dalam pemikiran

pelajar IPT selepas tamat pengajian perlu diubah sebaliknya mereka perlu menanamkan azam untuk kreatif mencipta kerjaya seperti menerokai bidang keusahawanan.

Masalah pengangguran berlaku antaranya disebabkan oleh peningkatan kadar pemberhentian pekerja terutama dalam sektor swasta. Di tambah lagi dengan keadaan turun naik ekonomi di tambah dengan persaingan pekerjaan yang semakin sengit memerlukan para pelajar mencari peluang lain dan bukan hanya bergantung kepada permohonan pekerjaan semata-mata, tetapi bijak dan kreatif mencari saluran untuk memperoleh pendapatan. Ia bukan sahaja dapat mengelakkan pengangguran kepada diri graduan itu sendiri, sebaliknya mampu menawarkan peluang pekerjaan kepada graduan-graduan yang lain.

Menurut Crow and Crow, minat adalah pendorong yang menyebabkan seseorang memberi perhatian terhadap orang, sesuatu, atau aktiviti-aktiviti tertentu. Kebiasaannya minat bukan sesuatu yang dipaksa tetapi lahir dari dalam diri atau naluri seseorang dan kadangkala ia disertakan dengan bakat.

**Situasi 1.** Aminah mempunyai minat yang mendalam terhadap dunia masakan dan pernah bercita-cita untuk menjadi seorang usahawan dalam bidang makanan. Dari kecil dia sudah mula menerokai pengetahuan dalam bidang makanan dan masakan. Namun apabila tamat alam persekolah, ibu bapa Aminah telah meminta beliau untuk meneruskan pengajian di dalam bidang sains yang dirasakan mampu menjamin dan lebih memberikan peluang pekerjaan setelah tamat pengajian. Oleh kerana tidak mahu menghampakan harapan ibu bapa, beliau menuruti kehendak tersebut dengan mendaftarkan diri dalam bidang farmasi di peringkat diploma di sebuah IPTS di Malaysia.

Walaupun telah memasuki tahun kedua pengajian, Aminah tetap tidak mampu membohongi dirinya untuk terus meminati bidang masakan. Sementara pengajiannya diteruskan seperti biasa dan dia bersyukur walaupun dia tidak mempunyai minat dalam bidang pengajiannya sekarang, namun keputusan peperiksaannya tidak pernah mengecewakan. Minatnya terhadap masakan dan makanan tidak pernah terpadam. Jika ada karnival atau aktiviti di kolejnya beliau akan menggunakan peluang yang ada untuk menjual makanan yang disediakan sendiri olehnya. Malah beliau bijak mempelbagaikan jenis makanan yang sesuai dengan citarasa remaja dan trend permintaan semasa. Malah jika tiada aktiviti di kolej beliau akan mencuba resepi-resepi sediaada dan cuba mencipta resepi baru dan meminta rakan-rakan untuk merasa seterusnya memberikan pandangan terhadap masakannya.

Sehinggalah di semester terakhir, semakin hampir dengan penghujung pengajian beliau semakin tertekan dan keliru samada perlu memilih bidang pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan beliau atau meneruskan minat dan impian beliau dalam bidang makanan. Satu hari beliau membuat keputusan untuk berjumpa dengan kaunselor bagi mendapatkan pandangan apa yang wajar dilakukan untuk menentukan arah kerjayanya supaya dia tidak merasakan perasaan yang sama di alam kerjayanya nanti. Namun apa yang membelenggu fikirannya adalah jika dia memilih bidang makanan sebagai kerjayanya, dia seperti membuang masa dan tenaga sepanjang mengikuti pengajian ini, tetapi jika dia memilih bidang berkarya yang selari dengan kelulusannya dia bimbang dia akan terus menipu diri dan tidak akan merasai kepuasan dan keseronokan alam kerjaya. Bagaimana mencari penyelesaian bagi permasalahan ini? Bagaimana pandangan ANDA?

***Pandangan Kaunselor.*** Aminah boleh menggunakan kelulusannya sebagai satu bonus dan kelebihan untuk beliau mencipta kelainan dalam produk makanan

beliau. Menggunakan pengetahuan beliau dalam bidang farmasi untuk mencipta satu makanan sihat yang sekaligus berfungsi sebagai suplemen tambahan untuk kesihatan.

**Situasi 2.** Adam merupakan pelajar tahun ketiga Diploma Fisioterapi di sebuah IPTS di Kuala Lumpur. Seorang yang bijak menjaga penampilan dan gemar mengikuti trend fesyen semasa. Beliau merupakan pelajar yang bijak bersosial dengan sering terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak kolej. Dalam masa yang sama minat terhadap bidang fesyen dan jahitan sejak beliau memasuki alam persekolahan tidak pernah terpadam. Beliau juga menanam keinginan untuk mengikuti kursus jangka pendek dalam kemahiran jahitan Namun dalam masa yang sama sudah mula meminati bidang fisioterapi dan keputusan untuk meneruskan pengajian dalam diploma fisioterapi adalah keputusannya dan bukan dipengaruhi oleh orang lain. Dia terfikir bolehkah dia menggunakan kedua-duanya untuk kerjayanya pada masa akan datang. Bagaimana mencari penyelesaian bagi permasalahan ini? Bagaimana pandangan ANDA?

**Pandangan Kaunselor.** Adam meminati bidang fesyen dan jahitan sejak kecil lagi. Dalam masa yang sama beliau mula meminati bidang Fisioterapi dan mengikuti pengajian dalam bidang tersebut. Adam boleh berkhidmat sebagai seorang fisioterapis sebagai kerjaya utama beliau. Dalam masa yang sama beliau boleh menggunakan kelulusannya dalam bidang fisioterapi sebagai satu bonus dan kelebihan untuk beliau mencipta kelainan dalam rekaan fesyen atau jahitan beliau. Menggunakan pengetahuan beliau dalam bidang yang dipelajarinya untuk mencipta satu pakaian kesihatan atau rawatan yang sekaligus berfungsi untuk bergaya dan sihat. Contohnya mencipta jaket yang sekaligus berfungsi menyokong tulang belakang dan beliau boleh mengusahakannya secara sambil-sambilan.

***Mengubah Mentaliti.*** Kita tidak semestinya berada di trak yang sama sepanjang masa. Ada kebarangkalian kita tidak bekerja dalam bidang pengajian kita. Pandanglah perbezaan tersebut sebagai satu kelebihan dan cabaran dan bukannya menganggap ia sebagai satu halangan. Kita tidak semestinya mengharapkan ditawarkan pekerjaan untuk mendapatkan sumber kewangan kerana siapa tahu jika kita mampu menawarkan peluang pekerjaan kepada orang lain. Kita tidak perlu membuang salah satu untuk menentukan arah kerjaya kita samada memilih minat dan mengenepikan bidang kelulusan atau memilih bidang kelulusan dan mengenepikan minat. Kita boleh sahaja memanfaatkan kedua-duanya tanpa mengenepikan salah satu darinya.

***Fikirkan.*** Jika minat dan kelulusan seiring itu bonus, tetapi bagaimana jika ianya tidak seiring? Kelulusan adalah bonus untuk kita memperolehi apa yang orang lain tidak dapat seperti tangga gaji, keyakinan dan kepercayaan orang lain terhadap kita. Mengapa perlu abaikan sedangkan kita telah meluangkan banyak masa dalam hidup kita dan mengeluarkan modal yang besar untuk mendapatkannya. Minat adalah apa yang lahir dari naluri kita dan bukannya satu paksaan. Malah minat menjadikan kita seronok untuk melakukan sesuatu seterusnya menjadi motivasi kepada aktiviti yang kita lakukan. Kita memang memerlukan motivasi dalam apa sahaja yang kita usahakan dan ia kemudiannya melahirkan kepuasan. Mengapa perlu abaikan jika kita memang ada pilihan.

***Bijak Mencipta Kelainan.*** Jika semua orang memakai pakaian seragam yang sama dan ada seorang yang tidak memakai pakaian tersebut, semua perhatian dan pandangan akan tertumpu kepadanya malah semua orang lebih mudah mengingatinya. Jika semua orang membawa bekal makanan yang sama dan seorang membawa bekal makanan yang lain, ia menjadikan semua orang ingin merasai makanan yang berbeza

tersebut. Fikirkan kelainan, fikirkan bagaimana mahu membuat kelainan supaya kita terlihat istimewa dan unik berbanding kebiasaan malah lebih diingati.

Jika anda adalah graduan dalam bidang kejururawatan tetapi minat anda lebih terjurus kepada penulisan dan bukan berkhidmat sebagai jururawat di hospital atau klinik, anda boleh sahaja menawarkan diri sebagai seorang wartawan kesihatan yang menyediakan penulisan pengkhususan dalam bidang perubatan dan kesihatan. Anda menyampaikan perkhidmatan kesihatan anda melalui pembacaan oleh orang ramai. Anda boleh menulis buku-buku yang boleh mengkhususkan kepada golongan sasaran anda seperti buku Penjagaan Ibu Mengandung, Penjagaan Pesakit Kritikal, Bantuan Awal Kecemasan Kepada Keluarga dan sebagainya.

#### ***Menyesuaikan Perancangan Dengan Matlamat Kehidupan Lain.***

Menyesuaikan perancangan kerjaya kepada matlamat-matlamat kehidupan yang lain (seperti matlamat dalam hubungan kekeluargaan, matlamat menyambung pengajian). Ada orang yang workaholic, ada orang yang bekerja untuk dapatkan wang dan berimpian untuk memenuhi kebanyakan masa bersama keluarga.

***Teori Hierarki Keperluan Maslow.*** Setiap orang memerlukan kesemua apa yang dicadangkan oleh Maslow, namun demikian setiap orang mempunyai keutamaan yang berbeza. Ada individu yang meletakkan kasih sayang, sosial dan kekeluargaan di tahap yang tertinggi, ada orang yang meletakkan kepuasan dalam pencapaiannya di tempat yang paling tinggi, sebaliknya keperluan untuk membina rumahtangga berada di tempat kedua selepas kerjaya. Ada orang yang sukakan cabaran dan perkara-perkara yang dilihat berbahaya kerana ia menjadi minatnya dan melahirkan kepuasan tetapi ada orang yang memilih untuk mengelakkan dirinya dalam kehidupan dan aktiviti yang berisiko. Pilihan-pilihan inilah yang menentukan matlamat kehidupan seseorang dan adalah penting untuk mempertimbangkan matlamat kehidupan yang diidamkan

dengan kesesuaian pilihan pekerjaan. Bagaimana anda membuat perancangan dan bagaimana anda pilihan? Adakah pilihan kerjaya anda selari dengan matlamat kehidupan anda?

**Kesimpulan.** Kita harus membuat perancangan dan seterusnya memilih kerjaya yang bersesuaian dengan matlamat kerjaya dan matlamat kehidupan kita. Perancangan kerjaya menjadikan kita jelas dengan sasaran dan halatuju kita. Dengan adanya perancangan kerjaya jangka pendek dan jangka panjang ia sekaligus membantu kita membuat checklist apa yang masih diperlukan dalam mencapai matlamat kerjaya kita.

Web pendidikan kerjaya ini turut dilengkapi dengan pembelajaran dalam bentuk perkongsian video.

**Video 1.** Sebuah video perkongsian pengalaman kejayaan dalam kerjaya oleh generasi terdahulu untuk dicontohi oleh pelajar selain mampu menjadi sumber inspirasi kepada pelajar. Video yang telah disunting tersebut merupakan perkongsian pengalaman dan pandangan oleh beberapa individu yang telah mencapai kejayaan gemilang dalam kerjaya mereka. Dalam video ini terdapat lima individu yang telah dipilih iaitu Datuk Sheikh Muzaffar, Dato Dr Ibrahim Ahmad, Allahyarhamah Datuk Dr Maznah Hamid, Datuk Wan Mohammad Sani Salleh dan Dato Ramly Mokhni. Tokoh-tokoh ini telah berkongsi rahsia dan pengalaman sehingga mereka boleh berjaya sehingga ke tahap ini, apa yang diperlukan untuk memastikan kita mampu mencapai setiap keinginan, bagaimana ‘cara kita berfikir’ untuk mencapai kejayaan dan bagaimana minat menjadi pendorong dan motivasi dalam mencapai kejayaan.

**Video 2.** Video kedua merupakan rakaman kuliah oleh pensyarah. Terdapat empat bahagian dalam video kedua ini. Video ini merupakan rakaman kuliah yang dijalankan di dalam kelas oleh pensyarah bersama sekumpulan pelajar dari sebuah

IPTS yang terletak di Kuala Lumpur. Topik yang dibincangkan adalah pengenalan terhadap aspek-aspek kerjaya. Pensyarah memberi penerangan secara umum mengenai topik minat kerjaya, persediaan ke alam kerjaya, eksplorasi dunia dan peluang kerjaya, mengenalpasti sumber dan perkhidmatan sokongan dalam aspek kerjaya dan perancangan dan pemilihan kerjaya. Video ini tidak dilengkapi dengan tugas.

***Tugasan (bagi elemen penilaian).*** Setiap unit disediakan dengan tugas bagi memastikan pelajar telah mencapai objektif utama kursus dan objektif setiap unit. Selesai pembelajaran pada setiap unit, pelajar perlu melihat tugas yang telah disediakan dan tugas tersebut perlu disempurnakan bagi memastikan pelajar memahami apa yang telah dipelajari seterusnya pensyarah dapat menilai hasil tugas pelajar. Begitu juga dengan unit-unit yang seterusnya.

***Tugasan 1.*** Minat kerjaya (My Story Board). Dalam Unit 1, pelajar telah didedahkan dengan pengetahuan tentang ‘minat’ dan ‘minat kerjaya’. Pelajar juga telah didedahkan dengan jenis persekitaran pekerjaan yang menyokong personaliti individu dan didominasi oleh jenis-jenis personaliti tertentu seperti artistik dan realistik. Setiap orang mempunyai minat dan impian sedari mereka kecil. Walaupun kadangkala bidang pengajian yang di ambil sekarang tidak selari dengan minat yang telah wujud dalam diri kita, ia tidak bermakna kita harus melupakan minat dan impian tersebut.

Dengan berpanduan arahan dan langkah-langkah yang diberikan, pelajar di minta untuk menyempurnakan tugas di bawah:

1. Kenalpasti apakah minat anda dan bidang kerjaya yang anda minati.
2. Dengan menggunakan kreativiti anda, anda diminta untuk mencipta satu poster ‘My Story Board’ mengenai imaginasi dan impian minat kerjaya anda.

3. Anda boleh menggunakan Microsoft Word, Publisher, PDF atau apa2 perisian mengikut pilihan anda.
4. Anda boleh menggunakan apa sahaja gambar atau bahan yang berkaitan yang dapat menggambarkan tentang minat dan impian kerjaya yang pernah atau ingin anda kecapai dalam dunia pekerjaan anda suatu hari nanti. Anda boleh memilih mana-mana gambar samada dari koleksi peribadi anda atau memperolehnya melalui carian di internet.
5. Anda boleh menggunakan teknik 'salin' dan 'tampal' untuk menyiapkan poster yang diberikan atau apa sahaja kemahiran yang anda miliki.
6. Tugas yang telah siap boleh dihantar ke alamat email berikut untuk dinilai anizahmohamed79@gmail.com

***Tugasan 2.*** Persediaan ke Alam Kerjaya (Persediaan Menghadiri Temuduga').

Anda telah menamatkan pengajian anda di peringkat diploma dalam bidang sains kesihatan. Anda kemudian telah ditawarkan beberapa jawatan di sebuah syarikat yang menghasilkan produk kesihatan di Malaysia. Antara jawatan yang ditawarkan kepada anda adalah:

1. Pegawai Perhubungan Pelanggan
2. Eksekutif pengiklanan
3. Eksekutif pentadbiran
4. Pembantu makmal

Anda diminta untuk memilih satu daripada empat jawatan tersebut dan anda telah diberikan satu tarikh untuk sesi temuduga. Dengan tempoh masa yang masih berbaki, anda perlu memastikan diri anda betul-betul bersedia pada hari temuduga tersebut. Setelah anda membuat pilihan jawatan yang anda minati, anda perlu membuat

persiapan diri supaya anda dapat menyakinkan panel penemuduga bahawa anda benar-benar layak memegang jawatan tersebut. Anda diminta menjawab dua soalan di bawah. Jawapan yang diberikan perlulah bersesuaian dengan jawatan yang telah anda pilih.

1. Bagaimanakah penampilan yang sesuai untuk anda sewaktu menghadiri temuduga tersebut?
2. Apakah yang akan anda lakukan untuk memastikan anda mengaplikasikan 'komunikasi berkesan' dalam sesi temuguda itu nanti

Anda boleh menyediakan jawapan anda dalam 'Microsoft Word' atau dalam bentuk 'Power Poin' mengikut keselesaan anda. Anda boleh menggunakan teks atau gambar di dalam jawapan anda. Atau anda boleh sahaja menyediakan jawapan dalam bentuk video di mana anda merakam atau menyunting mana-mana video yang bersesuaian dengan jawapan anda beserta penerangan-penerangan jelas yang dapat menjawab dua soalan di atas. Jawapan yang telah siap boleh dihantar ke alamat email berikut untuk dinilai [anizahmohamed79@gmail.com](mailto:anizahmohamed79@gmail.com)

**Tugasan 3.** Eksplorasi Dunia dan Peluang Kerjaya dan Mengenalpasti Sumber dan Perkhidmatan Sokongan Dalam Aspek Kerjaya (Merekabentuk Blog Atau Laman Web). Bagi tugasan Unit 3 dan Unit 4, pelajar dikehendaki merekabentuk blog atau laman web. Sila pastikan anda memahami panduan tugasan yang telah diberikan di bawah ini:

1. Anda dikehendaki merekabentuk sebuah blog atau laman web mengenai aspek kerjaya
2. Dengan blog atau laman web tersebut anda boleh berkongsi mengenai beberapa perkara iaitu:

- Impian kerjaya anda,
  - Bagaimana anda berusaha untuk mencapai impian kerjaya anda,
  - Siapakah idola dan individu yang menjadi pemngkin semangat dan motivasi anda,
  - Dari mana anda memperoleh sumber yang boleh membantu anda menambah pengetahuan tentang dunia kerjaya
  - Bagaimanakah anda mendapatkan sumber-sumber rujukan tersebut
3. Anda juga boleh menggunakan hasil tugas Unit 1 dan Unit 2 untuk dimasukkan ke dalam blog atau web anda
  4. Pelajar yang sudah menyempurnakan tugas ini, boleh memberikan link blog atau laman web (di ruangan komen ) untuk dinilai oleh pensyarah

***Tugasan 4.*** Perancangan Dan Pemilihan Kerjaya (Role Play ‘Dunia Kerjaya’).

Tugasan ini merupakan tugas bagi keseluruhan unit yang telah anda pelajari. Pelajar diminta untuk menghasilkan satu role play mengenai ‘Dunia Kerjaya’ dengan menggunakan panduan dari hasil tugas yang telah anda sediakan samada dari Unit 1, Unit 2 atau Unit 3 berserta penambahan informasi yang bersesuaian.

***Nota di bawah ini dapat membantu anda memahami dengan lebih jelas apa yang dikatakan dengan role play seterusnya dapat memberi gambaran kepada tugas yang perlu disempurnakan.***

***Pembelajaran dengan role playing adalah suatu cara penguasaan bahan-bahan pelajaran melalui pengembangan imaginasi dan penghayatan pelajar. Role playing***

*adalah sebuah metod untuk mengeksplorasi perkara yang berkaitan dengan sesuatu perkara atau situasi yang kompleks yang disesuaikan dengan objektif sesuatu pembelajaran. Role-play merupakan satu aktiviti ‘main peranan’ (berkait dengan permainan, melakonkan watak dan merakaman dalam bentuk video).*

Dalam tugas Unit 1, pelajar diminta untuk meneroka kembali minat dan impian kerjaya yang anda inginkan pada masa akan datang. Oleh itu pelajar boleh menggunakan hasil tugas ini sebagai panduan dalam merancang dan memilih kerjaya yang bersesuaian dan selari dengan minat dan impian anda. Sebagai contoh, anda boleh melakonkan satu situasi di mana terdapat halangan dalam usaha anda mengejar impian yang anda minati seperti percanggahan pendapat dengan ahli keluarga. Anda kemudian boleh memberikan cadangan dan pandangan yang boleh memberi manfaat bersama.

Sementara dalam Unit 2, pelajar diminta mengenalpasti kesesuaian penampilan diri dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan menghadapi temuduga. Tugas ini membantu pelajar menyedari bahawa persediaan diri ke arah kerjaya bukan hanya bersandarkan kepada pencapaian akademik semata-mata tetapi memerlukan anda menyediakan diri dengan penguasaan pelbagai jenis kemahiran. Sebagai contoh, anda boleh melakonkan satu suasana di sebuah bilik temuduga dan anda menjadi salah seorang panel atau anda menjadi calon yang ditemuduga. Anda mungkin boleh berkongsi kebarangkalian cabaran dan kesulitan yang dihadapi oleh calon yang ditemuduga atau apa sahaja yang bersesuaian dengan topik ini. Anda kemudian boleh memberikan cadangan dan pandangan yang boleh memberi manfaat bersama.

Bagi tugas Unit 3 pula, pelajar diajak meneroka dengan lebih luas mengenai pelbagai aspek yang berkaitan dengan kerjaya. Ia melibatkan perkara-perkara yang perlu anda ketahui seperti saluran dan sumber yang boleh anda manfaatkan untuk mengetahui tentang maklumat kerjaya, peluang kerjaya dan kelayakan yang diperlukan bagi pekerjaan yang dipilih. Dengan panduan yang betul, ia dapat memudahkan pelajar membuat perancangan kerjaya dengan lebih jelas dan tepat. Pelajar boleh menggunakan hasil tugas unit ini untuk mendapatkan idea bagi menghasilkan tugas role play ini.

Sila pastikan anda memahami panduan tugas yang telah diberikan di bawah ini:

1. Dengan menggunakan kreativiti tersendiri beserta panduan yang telah diberikan di atas dan pengetahuan yang diperolehi melalui kursus ini, pelajar di minta untuk membuat satu role-play ( merakamkan video) mengenai 'Dunia Kerjaya'.
2. Pelajar boleh merakamkan aktiviti anda sendiri secara individu atau berkumpulan atau merakamkan aktiviti individu tertentu.
3. Pelajar boleh menyediakan tugas ini secara individu atau secara berkumpulan.
4. Pelajar boleh memuatnaik video yang telah dihasilkan di YouTube dan kemudian memberikan link YouTube tersebut atau menggunakan apa sahaja aplikasi atas talian untuk menghantar tugas yang telah disempurnakan.
5. Setelah hasil tugas tersebut diterima dan dinilai oleh pensyarah, video yang telah di muatnaik di aplikasi YouTube tersebut boleh dipadam bagi mengelakkan sebarang salahguna atau kemungkinan yang tidak diinginkan.

**Tugasan 5.** Refleksi. Dalam tugas ini, pelajar diminta menyediakan satu Penulisan Refleksi. Pelajar boleh menulis apa sahaja yang mungkin anda perolehi setelah menonton video yang telah disediakan. Anda boleh berkongsi beberapa perkara seperti dari aspek pengetahuan, meningkatkan motivasi, memberikan inspirasi, atau cadangan penambahbaikan.

*Nota di bawah ini dapat membantu anda memahami dengan lebih jelas apa yang dikatakan dengan refleksi seterusnya dapat memberi gambaran kepada tugas yang perlu disempurnakan.*

**Definisi Refleksi:**

- *Proses merenung, menganalisis, mencari alasan, cadangan dan tindakan untuk membaiki diri yang dilakukan secara berterusan. (Hanipah, 1999)*
- *Amalan refleksi merupakan perlakuan memikirkan semula pengalaman pelajar. Ia memerlukan penerokaan unsur-unsur yang ketara dan tersirat.*
- *Refleksi dalam Internship membolehkan pelajar dibimbing untuk menaakul, memilih strategi pelaksanaan tugas dan seterusnya membuat penilaian sendiri.*

Jawapan yang telah siap boleh dihantar ke alamat email berikut untuk dinilai  
anizahmohamed79@gmail.com

Pelajar diberikan tempoh selama satu hingga dua bulan untuk mengikuti kursus atas talian ini. Setelah tamat pembelajaran kursus ini, pelajar diminta untuk melengkapkan soal selidik yang telah disediakan. Setiap tugas dinilai mengikut rubrik yang telah dibina oleh pengkaji dengan berpandukan standard tiga domain yang telah diselaraskan oleh MQA bagi tahap pengajian di peringkat diploma. Tiga domain

tersebut adalah domain kognitif yang digunakan untuk mengukur kemahiran intelektual, domain afektif yang digunakan untuk mengukur kemahiran generik dan domain psikomotor yang mengukur kemahiran praktikal dan teknikal.

Jadual 5.19

*Domain Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM)*

| Bil   | Kategori                                                       |
|-------|----------------------------------------------------------------|
| KKM 1 | Pengetahuan                                                    |
| KKM 2 | Kemahiran praktikal                                            |
| KKM 3 | Kemahiran dan tanggungjawab sosial                             |
| KKM 4 | Nilai, sikap dan profesionalisme                               |
| KKM 5 | Kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan          |
| KKM 6 | Kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik         |
| KKM 7 | Kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat |
| KKM 8 | Kemahiran mengurus dan keusahawanan                            |

Jadual 5.19 merupakan Domain Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) yang telah digunakan sebagai garis panduan dalam tugas yang telah diberikan kepada pelajar. Domain yang terdapat di dalam tugas yang disediakan adalah domain KKM 5, KKM 6 dan KKM 7.

Domain KKM 5 merupakan kemahiran komunikasi yang mewakili domain afektif dalam *Bloom Taxonomy*. Kemahiran komunikasi boleh didefinisikan sebagai kebolehan menyampaikan maklumat secara efektif dan berkesan. Seseorang yang mempunyai kemahiran secara lisan, bukan lisan dan bertulis membantu perkongsian maklumat untuk tujuan pendidikan dan kepentingan bersama. Sementara domain KKM 6 pula merupakan kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik yang mewakili domain kognitif dalam *Bloom Taxonomy*. Kemahiran penyelesaian masalah melibatkan kebolehan untuk mengenal pasti masalah, menganalisis masalah

daripada data yang dikumpul, mengaplikasikan idea untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan daripada beberapa penyelesaian alternatif yang telah dianalisis. Kemahiran pemikiran kritis penting untuk menghasilkan keputusan atau pendapat yang telah dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya dan secara logik ataupun teratur. Proses pemikiran bermula dengan proses menyoal kepada masalah bagi mendapatkan serta mempertingkatkan pemahaman. Ia melibatkan tiga jenis aktiviti iaitu menilai pandangan, mengenalpasti konsep, mentafsir dan membuat pemilihan keputusan yang tepat. Pemikiran kritis akan menilai isu-isu dari sudut pandangan yang berbeza tetapi berfikir secara holistik dan melihat masalah daripada berbagai-bagai dimensi. Pemikiran kritis menggalakkan individu menilai sesuatu pandangan dengan berhati-hati, mengenalpasti dan menggunakan konsep dengan betul untuk membuat pemilihan keputusan yang tepat bagi menyelesaikan isu atau permasalahan.

Domain KKM 7 ialah kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat yang mewakili domain afektif dalam *Bloom Taxonomy*. Pengurusan maklumat merupakan pengumpulan dan pengurusan yang berkaitan maklumat mengenai sesuatu perkara daripada satu sumber atau lebih dan pengedaran maklumat kepada satu atau lebih pengguna. Ia juga membawa maksud keupayaan menyusun dan mengawal struktur, pemprosesan serta penghantaran maklumat. Sementara pembelajaran sepanjang hayat boleh diertikan sebagai pembelajaran yang dilaksanakan sepanjang hidup iaitu kemampuan menyesuaikan, mempelbagaikan dan boleh diguna dan diaplikasikan pada masa yang berlainan dan di tempat yang berbeza serta merentasi sektor.

Jadual 5.20

*Rubrik penilaian tugas*

| Atribut                         | Sub atribut                     | Sangat baik                                                                                                                                                                                              | Baik                                                                                                                                                                  | Memuaskan                                                                                                                     | Lemah                                                                                                                          | Sangat lemah                                                                           |
|---------------------------------|---------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|
| Komunikasi bertulis<br>(KKM 5)  | Kejelasan Penulisan             | Boleh menulis idea dengan sangat jelas.                                                                                                                                                                  | Boleh menulis idea dengan jelas.                                                                                                                                      | Boleh menulis idea dengan jelas dan memerlukan sedikit penambahbaikan.                                                        | Boleh menulis idea dengan jelas dan memerlukan penambahbaikan lanjut.                                                          | Tidak boleh menulis idea dengan jelas.                                                 |
| Penyelesaian Masalah<br>(KKM 6) | Kenalpasti dan analisis masalah | Boleh mengenal pasti dan menganalisis masalah dengan sangat tepat, terperinci dan jelas                                                                                                                  | Boleh mengenal pasti dan menganalisis masalah dengan tepat dan jelas tanpa bantuan.                                                                                   | Boleh mengenal pasti dan menganalisis masalah dengan sedikit bantuan.                                                         | Boleh mengenal pasti dan menganalisis masalah dengan bantuan yang maksimum                                                     | Tidak boleh mengenal pasti dan menganalisis masalah walaupun dengan bantuan.           |
|                                 | Aplikasi dan membuat keputusan  | Boleh mengaplikasi idea/ilmu dan membuat keputusan terhadap masalah yang diberi serta mencadangkan aplikasi alternatif                                                                                   | Boleh mengaplikasi idea / ilmu dan membuat keputusan terhadap masalah yang diberi tanpa sebarang bantuan                                                              | Boleh mengaplikasi idea/ilmu dan membuat keputusan terhadap masalah yang diberi dengan bantuan rakan atau pensyarah           | Boleh mengaplikasi sedikit idea / ilmu dan membuat keputusan yang lemah terhadap masalah yang diberi                           | Tidak boleh mengaplikasi idea/ ilmu dan membuat keputusan terhadap masalah yang diberi |
| Pemikiran Kritis<br>(KKM 6)     | Penafsiran dan Pemilihan        | Boleh membuat perbandingan antara pelbagai strategi / idea / penyelesaian dan menilai serta memilih kaedah yang paling efektif dan menggunakannya untuk menambah baik situasi atau menyelesaikan masalah | Boleh mengenal pasti pelbagai strategi / idea / penyelesaian dan membuat pemilihan untuk menyelesaikan masalah serta menggunakan beberapa atau kombinasi penyelesaian | Boleh mengenal pasti pelbagai strategi / idea / penyelesaian dan membuat pemilihan untuk menyelesaikan masalah tanpa bantuan. | Boleh mengenal pasti pelbagai strategi / idea / penyelesaian dan membuat pemilihan untuk menyelesaikan masalah dengan bantuan. | Boleh menggunakan strategi / idea / penyelesaian lama untuk menyelesaikan masalah      |

|                                                |                |                                                                                          |                                                                                   |                                                                                             |                                                                                         |                                                                     |
|------------------------------------------------|----------------|------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------|
| Mencari dan mengurus pelbagai maklumat (KKM 7) | Relevan        | Rujukan adalah relevan dan sangat bersesuaian dengan tugas.                              | Rujukan memenuhi tugas yang diberikan pada tahap baik.                            | Rujukan yang mencukupi dan relevan.                                                         | Rujukan kurang sesuai dan terhad.                                                       | Tiada rujukan yang sesuai dan relevan.                              |
|                                                | Optimum Sumber | Mampu menggunakan maklumat secara maksimum daripada rujukan                              | Mampu menggunakan maklumat daripada rujukan secara dengan baik.                   | Mampu menggunakan maklumat daripada rujukan secara sederhana.                               | Mampu menggunakan maklumat daripada rujukan secara minimum.                             | Tidak mampu menggunakan maklumat daripada rujukan.                  |
|                                                | Rujukan        | Penggunaan sumber rujukan dengan sangat baik.                                            | Penggunaan sumber rujukan yang baik.                                              | Penggunaan sumber rujukan yang berpatutan.                                                  | Kurang menggunakan sumber rujukan.                                                      | Tiada menggunakan sumber rujukan.                                   |
| Pembelajaran autonomi (KKM 7)                  | Idea baru      | Mempunyai idea baru yang sangat baik untuk menyelesaikan masalah.                        | Mempunyai idea baru yang baik untuk menyelesaikan masalah.                        | Mempunyai idea baru yang sederhana untuk menyelesaikan masalah.                             | Mempunyai idea baru yang lemah untuk menyelesaikan masalah                              | Tiada Idea baru untuk menyelesaikan masalah.                        |
|                                                | Kretiviti      | Mempunyai kreativiti dalam membuat tugas dan inovasi produk baru yang cemerlang          | Mempunyai kreativiti dalam membuat tugas dan inovasi produk baru yang baik        | Mempunyai kreativiti dalam membuat tugas dan inovasi produk baru/ lebih baik yang sederhana | Mempunyai kreativiti dalam membuat tugas dan inovasi produk baru/ lebih baik yang lemah | Tiada kreativiti dalam membuat tugas dan inovasi produk baru        |
| Proaktif (KKM 7)                               | Minat          | Mempunyai keinginan yang sangat baik untuk meneroka sesuatu isu bagi melaksanakan tugas. | Mempunyai keinginan yang baik untuk meneroka sesuatu isu bagi melaksanakan tugas. | Mempunyai keinginan yang memuaskan untuk meneroka sesuatu isu bagi melaksanakan tugas.      | Mempunyai sedikit keinginan untuk meneroka sesuatu isu bagi melaksanakan tugas.         | Tiada keinginan untuk meneroka sesuatu isu bagi melaksanakan tugas. |
|                                                | Inisiatif      | Mempamerkan inisiatif yang sangat baik dalam menyelesaikan tugas.                        | Mempamerkan inisiatif yang baik dalam menyelesaikan tugas.                        | Mempamerkan inisiatif yang sederhana dalam menyelesaikan tugas.                             | Mempamerkan inisiatif yang lemah dalam menyelesaikan tugas.                             | Tidak mempamerkan inisiatif dalam menyelesaikan tugas.              |

Jadual 5.20 merupakan rubrik yang telah digunakan dalam menilai setiap tugas pelajar. Terdapat tiga domain utama iaitu domain KKM 5, KKM 6 dan KKM 7 di dalam kelima-lima tugas yang telah disediakan.

Jadual 5.21

*Kategori domain bagi tugas yang telah disediakan*

| Tugas                                                           | KKM 5 | KKM 6 | KKM 7 |
|-----------------------------------------------------------------|-------|-------|-------|
| <i>My Story Board</i>                                           |       |       |       |
| Persediaan Menghadiri Temuduga                                  |       |       |       |
| Merekabentuk sebuah blog atau laman web mengenai aspek kerjaya. |       |       |       |
| Menghasilkan satu <i>role play</i> mengenai ‘Dunia Kerjaya’     |       |       |       |
| Penulisan Refleksi                                              |       |       |       |

Jadual 5.21 menunjukkan kategori domain yang terdapat pada setiap tugas yang diberikan. Tugas unit pertama iaitu *My Story Board* mengandungi domain KKM 7 iaitu kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat. Tugas Unit 2 iaitu ‘Persediaan Menghadiri Temuduga’, mengandungi domain KKM 5 dan domain KKM 6 iaitu kemahiran komunikasi dan kemahiran penyelesaian masalah. Sementara tugas unit ketiga dan keempat iaitu ‘Mereka bentuk Sebuah Blog atau Laman Web Mengenai Aspek Kerjaya’ mengandungi domain KKM 7. Seterusnya bagi tugas unit kelima iaitu Penulisan Refleksi terdapat domain KKM 5 dan KKM 7.

**Pemurnian pakar .** Rancangan pembelajaran bagi kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian dibangunkan menggunakan perisian laman web berbayar. Rancangan pembelajaran bagi setiap tajuk telah melalui proses pemurnian. Proses pemurnian telah dijalankan oleh dua orang pakar kurikulum dan seorang pakar teknologi. Pakar telah bersetuju dengan semua pembangunan perancangan

pembelajaran pendidikan kerjaya namun menyarankan agar dilakukan beberapa penambahbaikan.

**Pakar pertama.** Setelah melihat modul yang telah dibina, beberapa pandangan dan cadangan telah diberikan oleh pakar. Pakar menyarankan untuk menambah gambar di halaman hadapan laman web terutama gambar-gambar pelajar dan perlu meletakkan tajuk modul di muka hadapan halaman. Seterusnya bagi tajuk ‘Intergenerasi’ lebih sesuai menggunakan tajuk ‘Perkongsian Pengalaman Kerjaya’. Tulisan perlulah menggunakan warna yang lebih jelas dan mudah dilihat oleh pelajar. Selain itu, halaman hadapan juga perlu dilengkapi dengan ‘Arahan Penggunaan Modul’ yang lengkap untuk pengguna atau pelajar yang akan mengikuti kursus tersebut. Akhir sekali, setiap sub topik perlu diletakkan perkataan ‘Unit 1’, ‘Unit 2’ dan seterusnya.

**Pakar kedua.** Bagi pakar seterusnya, beliau mencadangkan agar menggunakan saiz tulisan yang lebih besar dan teks yang dipersembahkan lebih sesuai sekiranya berbentuk perenggan. Terlalu banyak perkataan yang digunakan dan perlu memasukkan gambar-gambar yang bersesuaian. Begitu juga dengan kemudahan dan akses di laman web yang disediakan, ia perlulah mudah dan mesra pengguna seperti mempunyai butang ‘kembali’ dan ‘seterusnya’.

Pada bahagian tugas pula, pakar mencadangkan supaya bahagian tugas dilengkapi dengan perkara-perkara yang penting iaitu terdapat arahan tugas yang jelas, tempoh tugas disiapkan dan objektif tugas. Dalam bahagian tugas ini juga, pakar mencadangkan agar tugas disediakan bagi setiap topik. Seterusnya, pakar menyarankan pada Bahagian Akhir kursus diletakkan penilaian ringkas oleh pelajar yang telah mengikuti kursus ini seperti ‘ Adakah kursus ini menarik?’ dan meletakkan skala yang akan diisi oleh pelajar.

**Pakar ketiga.** Pakar bersetuju kursus dibuat secara *collapsible* dan pelajar dapat melihat objektif kursus dengan jelas. Namun demikian, terlalu banyak teks di dalam setiap kursus menjadikan ia kurang menarik. Gaya penulisan juga perlu kreatif supaya ia lebih menarik iaitu tidak terlalu berbentuk teks pembacaan tetapi lebih kepada dialog atau seolah-olah pensyarah sedang menyampaikan kuliah kepada pelajar. Selain itu, pakar turut mencadangkan penggunaan grafik yang relevan untuk membantu meningkatkan pemahaman pelajar. Ini juga boleh menjadi alternatif kepada pelajar yang kurang berminat untuk membaca. Begitu juga dengan penggunaan *hyperlink* untuk mengaitkan perkara-perkara yang boleh dikelompokkan bersama. Penggunaan *webpage* mestilah dimanfaatkan dengan penggunaan teknologi supaya dapat mengoptimumkan pembelajaran.

Selain teks, pakar turut menyentuh tentang video-video yang telah disediakan di dalam kursus pendidikan kerjaya ini. Sebahagian video yang disertakan tidak dapat didengar dengan jelas. Ini mungkin akan menghilangkan minat dan fokus pelajar. Video tersebut juga perlu disertakan dengan tajuk dan sinopsis video supaya pelajar jelas mengenai tujuan perkongsian video tersebut. Seterusnya tugas perlu ada pada setiap video bagi memastikan pelajar mengikuti bahan yang telah disediakan.


Seterunya pakar menyentuh tentang tugas yang disediakan. Panduan terhadap tugas pertama kurang jelas. Pelajar mungkin tidak memahami apa sebenarnya yang perlu dibuat. Langkah-langkah perlu disenaraikan dengan jelas supaya setiap pelajar dapat memahami tugas yang diberikan. Tugas yang diberikan juga mestilah bermakna dan relevan. Kepentingan pelajar dan isu etika perlu dijaga dan diambil kira sekiranya terdapat tugas yang memerlukan pelajar menggunakan aplikasi *youtube*.

*Penambahbaikan prototaip modul kurikulum bagi kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian.* Penambahbaikan prototaip modul kurikulum telah dibuat berdasarkan proses pemurnian dan komen daripada pakar.

## Halaman utama


### Web Sebelum

- Tidak mempunyai tajuk modul di muka hadapan halaman.
- Hanya satu gambar di halaman hadapan laman web dan tidak terdapat gambar-gambar pelajar




### Web selepas

- Telah diletakkan tajuk modul di muka hadapan halaman.
- Gambar di halaman hadapan laman web telah ditambah dan dipelbagaikan



### Web sebelum

- Tidak terdapat 'Arahan Penggunaan Modul' yang lengkap untuk pengguna atau pelajar yang akan mengikuti kursus ini.
- Setiap sub topik tidak diletakkan perkataan 'Unit 1', 'Unit 2', 'Unit 3', 'Unit 4' dan 'Unit 5'



## KURSUS YANG DISEDIAKAN

## KALENDAR KURSUS

**PENGENALAN**


Nama saya Anizah binti Mohamed. Seorang kaunselor berdaftar dan mengamalkan profesion sebagai seorang kaunselor di sebuah institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia.

Saya merupakan seorang kaunselor dan ingin membantu pelajar memahami apa yang dikatakan dengan kerjaya supaya anda benar-benar yakin untuk membina kerjaya masa hadapan anda.

[Baca Lanjut](#)

- MINAT KERJAYA
- PERSEDIAAN KE ALAM KERJAYA
- EKPLORASI DUNIA DAN PELUANG KERJAYA
- MENGenalPASTI SUMBER DAN PERKHIDMATAN SOKONGAN DALAM ASPEK KERJAYA
- PERANCANGAN DAN PEMILIHAN KERJAYA

## NOVEMBER, 2017



## Web selepas

- Arahan Penggunaan Modul yang lengkap untuk pengguna atau pelajar yang akan mengikuti kursus ini telah disediakan.
- Setiap sub topik diletakkan perkatan 'unit 1', 'unit 2', 'Unit 3', 'Unit 4' dan 'Unit 5

## Akses Pengelolaan Aplikasi Anizahakademik



## Pendidikan kerjaya Bidang Sains Kesihatan Peringkat Diploma

**PENGENALAN**


Nama saya Anizah binti Mohamed. Seorang kaunselor berdaftar dan mengamalkan profesion sebagai seorang kaunselor di sebuah institusi pengajian tinggi swasta di Kuala Lumpur Malaysia. Saya ingin membantu pelajar memahami apa yang dikatakan dengan KERJAYA supaya anda benar-benar yakin untuk membina kerjaya masa hadapan anda.

[Baca Lanjut](#)

- UNIT 1: MINAT KERJAYA
- UNIT 2: PERSEDIAAN KE ALAM KERJAYA
- UNIT 3: EKPLORASI DUNIA DAN PELUANG KERJAYA

### Web sebelum

- a) Menggunakan sub topik ‘Intergenerasi’
- b) Menu menggunakan tulisan dan warna yang kurang jelas
- c) Tiada tajuk dan sinopsis pada setiap video
- d) Tiada tugas pada video



### Web selepas

- a) Perkataan ‘Intergenerasi’ telah ditukar kepada ‘Perkongsian Pengalaman Kerjaya’
- b) Penggunaan tulisan yang lebih besar dan jelas
- c) Telah diletakkan tajuk dan sinopsis pada setiap video
- d) Telah diletakkan tugas pada video bagi memastikan pelajar mengikuti bahan yang telah disediakan.

## Perkongsian Kejayaan



### Sinopsis:

Video ini merupakan perkongsian pengalaman dan pandangan oleh beberapa individu yang telah mencapai kejayaan gemilang dalam kerjaya mereka. Dalam video ini terdapat 5 individu yang telah dipilih iaitu Datuk Sheikh Muzaffar, Dato Dr Ibrahim Ahmad, Allahyarhamah Datuk Dr Maznah Hamid, Datuk Wan Mohammad Sani Salleh dan Dato Ramly Mokni. Tokoh-tokoh ini telah berkongsi rahsia dan pengalaman sehingga mereka boleh berjaya sehingga ke tahap ini, apa yang diperlukan untuk memastikan kita mampu mencapai setiap keinginan, bagaimana 'cara kita berfikir' untuk mencapai kejayaan dan bagaimana minat menjadi pendorong dan motivasi dalam mencapai kejayaan.

## Web Sebelum

- Penggunaan saiz tulisan yang agak kecil dan susunan teks dalam bentuk *point*.
- Terlalu banyak teks di dalam setiap kursus dan tiada gambar dan grafik sehingga menjadikan ia kurang menarik.
- Tiada *hyperlink* disertakan untuk mengaitkan perkara-perkara yang boleh dikelompokkan bersama.

## PERSEDIAAN KE ALAM KERJAYA

### Penampilan Diri

Apakah yang dikatakan dengan PENAMPILAN DIRI?

Bagaimana penampilan diri pilihan anda?

Sipakah yang anda rasa mempunyai penampilan diri yang sangat menarik?

Bagaimana memastikan penampilan diri anda sesuai dengan kerjaya yang ingin anda ceburi?

- Penampilan diri sangat penting kerana ia merupakan gambaran diri orang lain terhadap diri anda ketika pertemuan kali pertama. Melalui penampilan, orang lain akan cuba membuat pertimbangan mengenai keupayaan, sifat, kejaya dan sebagainya.
- Penampilan diri yang baik bukan sahaja memberi tanggapan positif mengenai seseorang tetapi juga dapat meningkatkan keyakinan diri.
- Penampilan diri yang baik dikatakan dengan cerminan keperibadian seseorang.
- Penampilan diri merupakan dari cara seseorang berpakaiannya sehingga kepada peraturan lesencong. Penampilan diri juga merupakan sikap atau pembawaan ( sikap yang baik akan meminimalkan kesan yang baik dan sebaliknya).
- Tidak sesat yang memfokuskan pernafas yang penting adalah cara berjalan, cara bercakap, cara berdiri, cara duduk, cara berdiri di.
- Ekspon wajah dan bahasa tubuh (seperti pandangan mata) juga merupakan sebahagian dan penampilan diri.
- Atau muka dan senyum muka bukan sahaja menunjukkan emosi positifnya tetapi juga mampu mengkomunikasikan perasaannya, sikap terhadap orang lain, minat untuk terus berinteraksi, menunjukkan interaksi dan keseriusan serta kesetiaan dalam menjalankan pendapter.
- Antara faktor lain yang perlu diambilkira adalah pemilihan warna kerana ia perlu disesuaikan dengan tempat dan masa selain perlu disesuaikan dengan bentuk fizikal si pemakai.
- Memahami situasi yang sederhana dapat menambah tarikan penampilan dan gaya seseorang seperti jam tangan dan gelang.
- Solakan tidak perlu terlalu tebal dan ketat.

### Berpenampilan Menarik

1. Sikap atau pembawaan  
Sikap yang baik akan menimbulkan kesan yang baik. Penampilan fizikal seseorang memantinkan pernafas yang penting seperti cara bercakap, cara duduk dan cara berjalan.
2. Ekspresi wajah dan bahasa tubuh  
Cara memandang seperti pandangan mata sewaktu berkomunikasi dengan orang lain samada sewaktu bercakap atau sewaktu mendengar percakapan orang lain (eye contact). (2) Bahasa tubuh, seperti menggerakkan dahi dan tangan, menggerakkan atau menggerakkan kepala, menggerakkan tangan, memalingkan tubuh.
3. Teknik berkomunikasi  
Untuk meningkatkan komunikasi yang baik dan efektif kemahiran berinteraksi dengan bahasa tubuh yang sesuai dengan komunikasi tersebut. Bagai juga dengan anda sure peritah disampaikan dengan keadaan dan tempat serta tati peritah percakapan.

## Web Selepas

- a) Saiz tulisan telah ditukar kepada saiz yang lebih besar dan teks telah di ubah kepada bentuk perenggan.
- b) Teks telah dikurangkan
- c) Beberapa *hyperlink* disertakan untuk mengaitkan perkara-perkara yang boleh dikelompokkan bersama.

### Investigatif

Bagi investigatif, kecenderungan terarah kepada menjalankan pemerhatian, mempelajari, menyelidik, saintifik, menganalisis, analitikal, intelektual, menilai dan menyelesaikan masalah melalui penyelidikan. Mempunyai kemahiran saintifik dan matematik serta meminati kerjaya-kerjaya saintifik dan beberapa kerjaya bercorak teknikal. Ciri-ciri individu: pemerhati, analitikal, rasional, teliti, intelektual, introvert, introspektif, optimistik, sifat ingin tahu. Antara kerjaya yang bersesuaian: pegawai perubatan, ahli farmasi, ahli biologi, ahli botani, ahli agronomi, ahli fizik, ahli kimia, angkawasan, profesor, guru sains dan matematik.



### Artistik

Bagi jenis artistik pula, individu mempunyai kebolehan artistik dan inovatif. Mempunyai kebolehan intuisi dan suka bekerja dalam situasi yang tidak atau kurang berstruktur. Tidak selesa dengan kerja yang rutin atau berulang-ulang dan selalu menggunakan imaginasi dan kreativiti (Sidek, 2005). Ciri-ciri : imaginatif, intuitif, ekspresif, emosional, introspektif, reflektif, tulen, bebas, sensitif dan idealistik. Antara kerjaya yang bersesuaian: arkitek, penulis, artis, pengarang, pereka grafik, pereka fesyen, jurufoto.



## Sumber maklumat

Untuk mengetahui bidang kerjaya yang sesuai dengan kelayakan, pelajar boleh mendapatkan maklumat melalui pelbagai sumber rujukan mengenai perjawatan, gred dan gaji boleh di dapati melalui laman web atau portal rasmi kerajaan, antaranya:

1. Portal rasmi SPA (<http://www.spa.gov.my/deskripsi-tugas/diploma2>)
2. <http://static.jobsmalaysia.gov.my>
3. <http://www.eghrmis.gov.my/docs/pp112011-umum.pdf>

Sementara bagi penawaran perkhidmatan di sektor swasta pula, pelajar boleh mendapatkan info melalui individu yang terlibat dalam syarikat atau melalui laman web rasmi syarikat terbabit

## Web Sebelum

- a) Panduan terhadap tugas kurang jelas.
- b) Tugas yang diberikan merupakan keseluruhan daripada kelima-lima topik yang diberikan.



## Web Selepas

- a) Bahagian tugas telah dilengkapi dengan perkara-perkara yang penting iaitu terdapat arahan tugas yang jelas, menyenaraikan langkah-langkah, tempoh tugas disiapkan dan objektif tugas bgi memastikan pelajar dapat memahami dengan jelas setiap tugas yang diberikan.
- b) Setiap sub topik dilengkapi dengan tugas supaya objektif setiap kursus dapat dicapai oleh pelajar.

## Tugasan unit 1 ( Minat Kerjaya)

---

### 'My Story Board'

Dalam Unit 1, pelajar telah didedahkan dengan pengetahuan tentang 'minat' dan 'minat kerjaya'. Pelajar juga telah didedahkan dengan jenis persekitaran pekerjaan yang menyokong personaliti individu dan didominasi oleh jenis-jenis personaliti tertentu seperti artistik dan realistik. Setiap orang mempunyai minat dan impian sedari mereka kecil. Walaupun kadangkala bidang pengajian yang di ambil sekarang tidak selari dengan minat yang telah wujud dalam diri kita, ia tidak bermakna kita harus melupakan minat dan impian tersebut.

Dengan berpandukan arahan dan langkah-langkah yang diberikan, pelajar di minta untuk menyempurnakan tugas di bawah:

1. Kenalpasti apakah minat anda dan bidang kerjaya yang anda minati.
2. Dengan menggunakan kreativiti anda, anda diminta untuk mencipta satu poster 'My Story Board' mengenai imaginasi dan impian minat kerjaya anda.
3. Anda boleh menggunakan Microsoft Word, Publisher, PDF atau apa2 perisian mengikut pilihan anda.
4. Anda boleh menggunakan apa sahaja gambar atau bahan yang berkaitan yang dapat menggambarkan tentang minat dan impian kerjaya yang pernah atau ingin anda kecapai dalam dunia pekerjaan anda suatu hari nanti. Anda boleh memilih mana-mana gambar samada dari koleksi peribadi anda atau memperolehnya melalui carian di internet.
5. Anda boleh menggunakan teknik 'salin' dan 'tampal' untuk menyiapkan poster yang diberikan atau apa sahaja kemahiran yang anda miliki.
6. Tugas yang telah siap boleh dihantar ke alamat email berikut untuk dinilai [anizahmohamed79@gmail.com](mailto:anizahmohamed79@gmail.com)

## Tugasan Unit 2 (Persediaan ke Alam Kerjaya)

**Rumusan dapatan dan analisis fasa pembangunan.** Fasa pembangunan ini melibatkan pembangunan Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan, menggunakan elemen-elemen reka bentuk daripada dapatan Teknik *Fuzzy Delphi* dengan adaptasi Teori *Dual Coding*, Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya serta Model Kurikulum Tyler dan Model Wright. Pada peringkat awal pembangunan, laman web kursus pendidikan kerjaya atas talian telah disemak oleh beberapa orang pakar. Pandangan tiga orang pakar telah diguna pakai sebagai panduan bagi penambahbaikan semasa proses pemurnian kursus pendidikan kerjaya ini. Pemurnian tersebut akhirnya telah menghasilkan sebuah kursus yang sedia untuk digunakan oleh pelajar. Ia seterusnya akan digunakan sebagai input bagi fasa penilaian kebolegunaan modul pendidikan kerjaya ini dalam bab enam.

**Pelaksanaan modul.** Fasa pelaksanaan kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian dijalankan secara terbuka kepada pelajar diploma bidang sains kesihatan yang berminat untuk mengikuti kursus tersebut. Tempoh pelaksanaan tidak ditetapkan tetapi pakar mencadangkan kesesuaian kursus adalah selama 30 sehingga 60 hari. Kursus ini dijalankan secara terbuka kerana ia tidak memerlukan pelajar untuk

log masuk ke dalam sistem. Seramai 60 orang pelajar dikenalpasti mengikuti kursus pendidikan kerjaya atas talian ini. Namun demikian hanya 40 orang pelajar yang melengkapkan soal selidik yang telah disediakan dalam laman web kursus. Oleh yang demikian, pengkaji hanya mengambil 40 orang pelajar yang berjaya melengkapkan soal selidik bagi tujuan proses penilaian pada fasa ketiga kajian. Jadual 5.17 merupakan ringkasan pelaksanaan kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian.

Jadual 5.22

*Pelaksanaan kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian*

| Langkah         | Aktiviti                                                                                                                                  |
|-----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Langkah pertama | Panduan mengakses kursus                                                                                                                  |
| Langkah kedua   | Memulakan pembelajaran unit pertama, unit kedua, unit ketiga, unit keempat dan unit kelima serta video pembelajaran yang telah disediakan |
| Langkah ketiga  | Menyempurnakan tugas bagi setiap unit yang telah disediakan                                                                               |
| Langkah keempat | Melengkapkan soal selidik setelah menamatkan pembelajaran kursus                                                                          |

### **Rumusan**

Fasa kedua kajian merupakan fasa yang sangat penting dalam keseluruhan kajian Pembangunan Modul Kurikulum Perkhidmatan Kaunseling Atas Talian Untuk Pendidikan Kerjaya Sains Kesihatan. Dalam fasa ini, pengkaji telah melakukan dan membahagikan dua sub fasa iaitu sub fasa pertama (fasa reka bentuk modul) dan sub fasa kedua (fasa pembangunan modul). Dalam sub fasa reka bentuk, pengkaji telah menjalankan kajian dan proses reka bentuk bagi setiap elemen di dalam komponen berdasarkan persetujuan dan kesepakatan pakar melalui kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM).

Sementara bagi sub fasa kedua pula adalah bertujuan untuk membangunkan modul dan ia dikenali sebagai fasa pembangunan modul. Di dalam sub fasa kedua ini pengkaji telah menggunakan tiga langkah iaitu proses pembangunan rancangan pembelajaran, proses pemurnian rancangan pembelajaran oleh pakar dan pelaksanaan rancangan pembelajaran.

Berdasarkan dapatan kajian dan persetujuan pakar, modul kurikulum pendidikan kerjaya ini mempunyai empat elemen penting dalam kurikulum iaitu objektif, kandungan, strategi penyampaian dan penilaian dan setiap elemen ini mempunyai item-item yang telah dipersetujui oleh kesemua pakar yang menjadi asas dalam mereka bentuk dan membangunkan modul kurikulum pendidikan kerjaya ini.

## **BAB 6**

### **DAPATAN KAJIAN FASA PENILAIAN**

#### **Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan tentang dapatan fasa tiga iaitu penilaian kebolehgunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan. Sharples (2009) mendefinisikan kebolehgunaan sebagai suatu pengukuran terhadap keupayaan sesebuah produk yang berfungsi berdasarkan kepada objektif pembangunan produk itu sendiri. Sementara Jeng dan Tzeng (2012) pula mendefinisikan kebolehgunaan sebagai keberkesanan, kecekapan dan kepuasan pengguna. Penilaian kebolehgunaan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian melalui kaedah temubual dan tinjauan ini bertujuan untuk melihat pandangan dan persepi pelajar setelah mengikuti kursus tersebut. Terdapat dua instrumen yang digunakan di dalam kajian ini.

Daripada 40 orang pelajar yang telah mengikuti pendidikan kerjaya atas talian ini, seramai 12 orang daripada mereka telah ditemubual dengan menggunakan soalan temubual berstruktur. Sementara kesemua 40 orang pelajar tersebut telah menjawab soal selidik. Perbincangan mengenai dapatan kajian dan analisis data bagi bab ini adalah berdasarkan soalan kajian tiga berikut:

Soalan 3: Apakah kebolehgunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan? Bagi menjawab soalan ini, tiga sub soalan kajian telah dibentuk:

1. Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat meningkatkan pengetahuan tentang aspek kerjaya di kalangan pelajar?

2. Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat memudahkan pembelajaran di kalangan pelajar?
3. Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran pendidikan kerjaya?

### **Kebolegunaan Modul Kurikulum Perkhidmatan Kaunseling Atas Talian untuk Pendidikan Kerjaya Sains Kesihatan**

Fasa ketiga kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan penilaian kebolegunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dalam kalangan pelajar. Oleh yang demikian, perbincangan dapatan pada bahagian kebolegunaan modul ini akan berfokus kepada tiga aspek iaitu:

1. Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan dalam meningkatkan pengetahuan pelajar tentang aspek kerjaya
2. Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan dalam memudahkan proses pembelajaran
3. Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran pendidikan kerjaya

**Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan dalam meningkatkan pengetahuan pelajar tentang aspek kerjaya.** Perbincangan dalam bahagian ini adalah berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi daripada temubual ke atas 12 orang pelajar yang telah mengikuti kursus pendidikan kerjaya atas talian.

Data dianalisis menggunakan analisis tematik yang mana pengkaji akan meletakkan *ranking* bagi tema-tema yang ada berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden. Pengkaji akan membincangkan dapatan kajian serta analisis data bagi menjawab sub soalan kajian satu iaitu:

- a. Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat meningkatkan pengetahuan tentang aspek kerjaya di kalangan pelajar?

Berikut merupakan 10 soalan protokol temubual berstruktur kepada responden yang telah dipilih:

1. Adakah anda tahu tentang Inventori Minat Kerjaya dan bilakah anda mula mengetahui tentang perkara ini?
2. Adakah anda menyedari dan mengambilkira minat anda dalam membuat keputusan tentang kerjaya masa hadapan anda?
3. Adakah kursus ini membantu anda untuk lebih memahami tentang aspek ‘Penampilan Diri’ dan aspek ‘Kemahiran Sosial’?
4. Pada pendapat anda, adakah kursus pendidikan kerjaya atas talian ini dapat membantu meningkatkan pengetahuan anda tentang ‘Persediaan ke Alam Kerjaya’ dan bagaimana ia dapat membantu?
5. Sejauhmanakah anda mengetahui tentang kelayakan, kesesuaian dan kesepadanan gaji bagi jawatan yang anda impikan dan bila anda mula mengetahui tentang perkara ini?
6. Adakah kursus ini telah membantu meningkatkan pengetahuan anda tentang peluang-peluang kerjaya yang terdapat dalam sektor awam, sektor swasta dan keusahawanan?

7. Adakah anda tahu di mana untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai aspek kerjaya dan bila anda mula menyedarinya?
8. Adakah kursus ini membantu anda memahami apa yang dikatakan dengan ‘kreatif mencipta kerjaya’?
9. Sejauhmanakah anda mengetahui tentang kepentingan menyesuaikan perancangan kerjaya dengan matlamat-matlamat kehidupan anda yang lain dan bila anda mula menyedari tentang perkara ini?
10. Adakah terdapat perbezaan pengetahuan tentang aspek kerjaya sebelum dan selepas anda mengikuti kursus ini?

Jadual 6.1 di bawah merupakan soalan-soalan temubual yang telah dikategorikan mengikut tema.

Jadual 6.1

*Senarai soalan-soalan temubual berstruktur mengikut tema*

| Bil | Tema                                 | Soalan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|-----|--------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Minat kerjaya                        | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Adakah anda tahu tentang Inventori Minat Kerjaya dan bilakah anda mula mengetahui tentang perkara ini?</li> <li>2. Adakah anda menyedari dan mengambilkira minat anda dalam membuat keputusan tentang kerjaya masa hadapan anda?</li> </ol>                                                                                                               |
| 2   | Persediaan ke alam kerjaya           | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Adakah kursus ini membantu anda untuk lebih memahami tentang aspek ‘Penampilan Diri’ dan aspek ‘Kemahiran Sosial’?</li> <li>2. Pada pendapat anda, adakah kursus pendidikan kerjaya atas talian ini dapat membantu meningkatkan pengetahuan anda tentang ‘Persediaan ke Alam Kerjaya’?</li> </ol>                                                         |
| 3   | Eksplorasi dunia dan peluang kerjaya | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sejauhmanakah anda mengetahui tentang kelayakan, kesesuaian dan kesepadanan gaji bagi jawatan yang anda impikan dan bila anda mula mengetahui tentang perkara ini?</li> <li>2. Adakah kursus ini telah membantu meningkatkan pengetahuan anda tentang peluang-peluang kerjaya yang terdapat dalam sektor awam, sektor swasta dan keusahawanan?</li> </ol> |

|   |                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|---|------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4 | Mengenalpasti sumber dan perkhidmatan sokongan | 1. Adakah anda tahu di mana untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai aspek kerjaya dan bila anda mula menyedarinya?                                                                                                                                                                      |
| 5 | Membuat perancangan dan pemilihan kerjaya      | 1. Adakah kursus ini membantu anda memahami apa yang dikatakan dengan ‘Kreatif Mencipta Kerjaya’?<br>2. Sejauhmanakah anda mengetahui tentang kepentingan menyesuaikan perancangan kerjaya dengan matlamat-matlamat kehidupan anda yang lain dan bila anda mula menyedari tentang perkara ini? |
| 6 | Penutup                                        | 1. Adakah terdapat perbezaan pengetahuan tentang aspek kerjaya sebelum dan selepas anda mengikuti kursus ini?                                                                                                                                                                                  |

Dapatan dari hasil temubual menunjukkan bahawa hampir kesemua responden memberikan jawapan yang positif terhadap kursus pendidikan kerjaya atas talian yang telah diikuti. Analisis tematik berdasarkan *ranking* jawapan positif terbanyak ditunjukkan dalam Jadual 6.2 di bawah.

Jadual 6.2

*Dapatan analisis tematik mengikut tema*

| Bil | Tema                                                               |
|-----|--------------------------------------------------------------------|
| 1   | Persediaan ke alam kerjaya                                         |
| 1   | Mengenalpasti sumber dan perkhidmatan sokongan dalam aspek kerjaya |
| 3   | Membuat perancangan dan pemilihan kerjaya                          |
| 4   | Minat kerjaya                                                      |
| 5   | Eksplorasi dunia dan peluang kerjaya                               |

Kesemua 12 orang pelajar memberikan respon yang positif bahawa kursus ini meningkatkan pengetahuan dan memberi kesedaran kepada mereka untuk mempersiapkan diri ke alam kerjaya terutama dari aspek penampilan diri. Mereka mengakui sebelum ini ada mempelajari kemahiran sosial seperti komunikasi berkesan namun kurang mengambil perhatian terhadap perkara-perkara tersebut.

Kesemua responden juga memberikan jawapan yang positif mengenai ‘Sumber Dan Perkhidmatan Sokongan Dalam Aspek Kerjaya’. Sebelum mengikuti kursus pendidikan kerjaya atas talian ini, kebanyakan pelajar menggunakan sumber-sumber terdekat dengan mereka seperti ahli keluarga dan pensyarah bagi mendapatkan maklumat mengenai aspek kerjaya. Sebahagian besar dari responden turut menggunakan teknologi untuk mendapatkan maklumat kerjaya tetapi mengakui tidak dapat memastikan kesahihan info tersebut. Informasi yang diperolehi daripada kursus ini antaranya menyedarkan pelajar mengenai keperluan memilih info dari sumber yang tepat. Persepsi pelajar juga turut berubah terhadap perkhidmatan kaunseling kerjaya kerana sebelum ini mereka beranggapan bahawa perkhidmatan kaunseling hanyalah berbentuk sesi kaunseling sahaja.

Bagi tema perancangan dan pemilihan kerjaya pula, sebahagian besar responden mengakui kursus pendidikan kerjaya atas talian ini membantu dan memberi kesedaran kepada pelajar untuk mengambilkira beberapa faktor lain sebelum membuat perancangan kerjaya. Sebelum mengikuti kursus ini, kebanyakan mereka beranggapan faktor mendapatkan pekerjaan adalah faktor terpenting tanpa memikirkan kesannya terhadap matlamat-matlamat hidup yang lain.

Seterusnya, tema minat kerjaya menduduki *ranking* keempat dan tema ekplorasi dunia dan peluang kerjaya pula menduduki *ranking* kelima. Kebanyakan responden masih kurang memberi perhatian terhadap aspek minat kerjaya dan keperluan inventori minat kerjaya dalam membantu pelajar mengenali minat mereka. Sebahagian responden memberikan cadangan penambahbaikan terhadap kandungan tema ‘Eksplorasi Dunia dan Peluang Kerjaya’.

**Minat kerjaya.** Analisis temubual mendapati kesemua pelajar mengetahui tentang inventori minat kerjaya. Seramai lima orang pelajar mengetahui mengenai

inventori minat kerjaya sewaktu berada di peringkat sekolah. Manakala tujuh orang pelajar mengetahui mengenai perkara ini setelah mengikuti kursus pendidikan kerjaya atas talian yang telah disediakan. Walaupun terdapat pelajar yang telah mengetahui mengenai inventori minat kerjaya sewaktu di peringkat sekolah, tetapi kebanyakan daripadanya kurang mengambilkira faktor minat dalam membuat keputusan yang bakal mempengaruhi masa hadapan kerjaya mereka. Petikan temubual berkaitan aspek ini boleh dilihat seperti contoh di bawah:

*“...saya memang tahu mengenai inventori minat kerjaya ni masa saya belajar di sekolah menengah dulu. Ermm...tapi masa buat keputusan untuk ambil kursus ni saya berpendapat faktor mudah dapat kerja lebih utama dari minat. So saya tak fikir pun faktor minat masa saya pilih kursus diploma saya ni....”* (P1)

*“Sebelum ni saya memang tak tahu pun. Bila dah mengikuti kursus ni baru saya tahu. Ia pengetahuan baru bagi saya dan inshaallah saya akan cuba menduduki ujian ini nanti”* (P2)

*“...memang pernah buat ujian minat kerjaya ni masa ada slot dengan guru Bimbingan dan Kaunseling kat sekolah dulu tapi saya ambil bidang pengajian saya sekarang ni sebab ikut nasihat parents. Maksudnya memang saya tak ambilkira langsung pun faktor minat tapi saya memang ada keinginan untuk kerja dalam bidang yang saya minat bila habis study nanti. Cuma sebelum ni saya tak ada pendedahan tentang tu”* (P4)

*“Saya tahu tentang soal selidik minat kerjaya ni....tapi saya masuk ke kolej ni ikut nasihat dan pilihan keluarga sebab dalam keluarga saya ramai dalam bidang sains kesihatan. Mula-mula tu rasa frust juga sebab saya pilih kursus yang bukan minat saya tapi lama-lama saya ikutkan sajalah sebab ini pilihan keluarga. Tapi bila saya ikut kursus pendidikan kerjaya ni baru saya faham walaupun kursus yang saya ambil ni bukan dalam minat saya tapi saya masih boleh lagi kerja dalam bidang yang saya minat dan dalam masa yang sama saya boleh gunakan sijil diploma saya nanti”* (P5)

**Persediaan ke Alam Kerjaya.** Hasil analisis temubual mendapati kursus pendidikan kerjaya atas talian dapat meningkatkan pengetahuan pelajar tentang persediaan ke alam kerjaya. Antara yang menyatakan demikian adalah:

*“Ya kursus ini memang membantu saya. Sebelum ni saya faham juga tentang penampilan diri tapi taklah secara mendalam sebab saya ingat penampilan diri tu adalah cara kita berpakaian sahaja.*

*Sama juga dengan kemahiran sosial, banyak pengetahuan yang saya dapat dari kursus ini walaupun nota yang disediakan agak ringkas juga.” (P1)*

*“Ya, membantu. Bila dah ikut kursus ni ia menambah lagi pengetahuan sediada saya dan sangat membantu. Sekurang-kurangnya saya boleh praktikkan dari sekarang sebagai persediaan saya sebelum ke alam kerjaya.” (P2)*

*“Ya, membantu saya lebih-lebih lagi tentang kemahiran sosial. Penampilan diri tu saya tahu juga tapi kemahiran sosial saya kurang sikit. ” (P3)*

*“Ya, bukan saja membantu menambah pengetahuan saya tapi juga membantu saya tapi juga meningkatkan kesedaran saya untuk lebih bersedia meningkatkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dari sekarang supaya nanti kemahiran-kemahiran ini boleh membantu saya, memudahkan saya untuk mencari kerja nanti. ” (P5)*

Selain meningkatkan pengetahuan dalam aspek penampilan diri dan kemahiran sosial, dapatan dari temubual juga menunjukkan bahawa ia dapat meningkatkan pengetahuan pelajar tentang persediaan ke alam kerjaya. Antara yang menyatakan demikian adalah:

*“...haa memang membantu. Walaupun nota yang disediakan tidak terlalu banyak tapi dari nota tersebut ia secara tidak langsung memberi guideline kepada saya macammane untuk persiapkan diri, apa yang perlu ada, apa yang perlu saya buat sebagai persediaan saya untuk ke alam kerjaya nanti...” (P2)*

*“Ya, membantu. Hasil dari pembelajaran kursus ni, saya lebih yakin. Ada juga saya belajar tentang kemahiran komunikasi dalam subjek Communication English dengan Behavioral Science. Tapi sekarang ni saya lebih sedar tentang pentingnya memahami dan mempraktikkan komunikasi berkesan terutama sebagai persediaan saya bila nak masuk dalam bidang pekerjaan nanti.” (P8)*

**Ekspolarsi dunia dan pilihan kerjaya.** Hasil analisis temubual mendapati kursus pendidikan kerjaya atas talian sedikit sebanyak membantu dalam meningkatkan pengetahuan pelajar tentang pilihan dan peluang kerjaya yang ada. Antara yang menyatakan demikian adalah:

*“Saya ada juga search maklumat mengenai kelayakan untuk pekerjaan yang saya minat. Tapi bila saya tengok nota yang disediakan dalam kursus pendidikan kerjaya ni baru saya tahu rupanya bidang saya ni bukan sahaja boleh kerja sebagai fisioterapist je tapi untuk jawatan lain juga saya boleh apply. Tentang gaji pula, sebelum ni saya tahu secara umum je mengenai tangga gaji untuk graduan lepasan diploma tetapi saya tak tahu rupanya tangga gaji juga berbeza mengikut bidang yang berbeza.”* (P3)

*“Saya merasakan kursus ini memang telah membantu meningkatkan pengetahuan saya tentang peluang-peluang pekerjaan ni. Tambahan pula yang lebih menarik bila kursus ini menyedarkan pelajar bahawa peluang pekerjaan tu bukan sahaja dalam perkhidmatan kerajaan tapi kitapun boleh mencipta kerjaya kita sendiri kalau kita kreatif.”* (P5)

Namun demikian, terdapat juga cadangan dan pandangan bagi penambahbaikan oleh pelajar.

*“Kalau ada penerangan ataupun panduan yang lebih jelas tentang peluang-peluang bekerja sendiri dan keusahawanan dimasukkan sama dalam topik ni lagi bagus.”* (P7)

*“Penerangan dan panduan lebih tertumpu kepada peluang pekerjaan dalam sektor kerajaan. Tak banyak yang menyentuh tentang peluang-peluang yang lain macam perniagaan dan pekerjaan di sektor swasta.”* (P12)

**Mengenalpasti sumber dan perkhidmatan sokongan.** Hasil analisis temubual mendapati kursus pendidikan kerjaya atas talian membantu dalam meningkatkan pengetahuan pelajar tentang sumber dan perkhidmatan sokongan yang ada dalam aspek kerjaya. Antara yang menyatakan demikian adalah:

*“Sebelum ni, saya banyak rujuk pada pensyarah yang ajar saya. Sebab dalam keluarga saya pun tak ada yang ambil bidang sains kesihatan ni, jadi saya jarang rujuk pada keluarga. Bila dah ikut kursus ni baru saya tahu rupanya melalui internetpun kita masih boleh dapat maklumat yang tepat selain dari laman web rasmi kerajaan. Kalau saya tahu ada kursus-kursus atau web-web tentang maklumat kerjaya macam kursus ni, sebelum nak sambung belajar lagi saya dah study tentang perkara ni.”* (P1)

*“Saya ada juga google kat internet tentang bidang pekerjaan, tapi saya tak tahu nak cakap sumber tu tepat atau tak tepat. Bila saya tengok maklumat yang disediakan dalam kursus ni baru saya yakin sumber-sumber mana yang patut saya gunakan. Cuma kalau lebih banyak laman web atau kursus online berkenaan panduan kerjaya lebih baguslah. Hehe.... sebab memang secara jujur nya nak datang jumpa dengan kaunselor kerjaya tu agak susah sikit .” (P11)*

**Membuat perancangan dan pemilihan kerjaya.** Hasil analisis temubual mendapati kursus pendidikan kerjaya atas talian membantu dalam meningkatkan pengetahuan pelajar dalam membuat perancangan dan pemilihan kerjaya. Antara yang menyatakan demikian adalah:

*“Ya, memang ia membantu. Sebelum ni saya ingat minat tu sekadar minat macam minat menulis, minat ambik gambar je. Tapi bila dah faham kita boleh kreatif dalam bidang kerjaya baru saya nampak dan terfikir kita boleh mempelbagaikan pekerjaan kita.” (P1)*

*“Ya, sebab saya tak pernah tau pun hal ni. Saya ingat minat tu sekadar hobi. Rupanya boleh dikomersialkan sebagai satu kerjaya.” (P4)*

*“Jujur nya saya tak fikir lagipun pasal menyesuaikan perancangan kerjaya kepada matlamat hidup saya yang lain sebab saya fikir bila habis belajar saya nak dapat pekerjaan. Sekarang ni lepas dah ikut kursus ini saya rasa lebih jelas nak buat perancangan kerjaya saya dan sesuaikan dengan impian-impian saya yang lain.” (P8)*

*“Saya tahu tentang kepentingan pilihan kerjaya dengan kesannya kepada kehidupan saya nanti bila dah bekerja. Tapi pengetahuan tu masih terhad sebab saya fikir ia dalam bentuk matlamat jangka pendek dan matlamat jangka panjang. Bila dah belajar dalam kursus ni saya nampak pengetahuan saya tu tidak secara mendalam. Sekarang saya boleh mula merancang untuk pilih bidang pekerjaan yang selari dengan gaya hidup dan impian hidup saya.” (P11)*

**Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan dalam memudahkan proses pembelajaran.** Perbincangan dalam bahagian ini adalah berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi daripada analisis soal selidik melalui kaedah tinjauan yang melibatkan seramai 40 orang pelajar yang telah mengikuti kursus

pendidikan kerjaya atas talian. Data dianalisis untuk melihat peratusan dan kekerapan pelajar dalam memudahkan proses pembelajaran bagi kursus pendidikan kerjaya atas talian. Pengkaji akan membincangkan dapatan kajian serta analisis data bagi menjawab sub soalan kajian 3.2 di atas iaitu:

- a. Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat memudahkan pembelajaran di kalangan pelajar?

Jadual 6.3 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya atas talian dalam memudahkan proses pembelajaran.

Jadual 6.3

*Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya atas talian dalam memudahkan proses pembelajaran*

| <b>Kesan Penggunaan Modul</b>                                                                                             | <b>Sangat Setuju</b> | <b>Setuju</b>    | <b>Neutral</b> |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|------------------|----------------|
| Saya mendapati kursus ini tidak sukar diikuti                                                                             | N=36<br>(90%)        | N=4<br>(10%)     | N=0<br>(0%)    |
| Pembelajaran menggunakan sistem atas talian ini mudah untuk saya                                                          | N=22<br>(55%)        | N=15<br>(37.5 %) | N=3<br>(7.5%)  |
| Saya merasa mudah menggunakan web ini dalam mendapatkan maklumat tentang aspek kerjaya                                    | N=22<br>(55 %)       | N=16<br>(40%)    | N=2<br>(5%)    |
| Sistem pembelajaran menggunakan web pendidikan kerjaya ini fleksibel untuk digunakan                                      | N=30<br>(75%)        | N=8<br>(20%)     | N=2<br>(5%)    |
| Pembelajaran menggunakan sistem atas talian memudahkan saya mendapatkan bahan kuliah dan maklumat terkini (nota dan link) | N=29<br>(72.5%)      | N=11<br>(27.5%)  | N=0<br>(0%)    |
| Interaksi saya dengan sistem pembelajaran atas talian ini adalah jelas dan mudah difahami                                 | N=28<br>(70%)        | N=12<br>(30%)    | N=0<br>(0%)    |
| Saya mendapati tidak banyak usaha diperlukan untuk menjadi mahir menggunakan sistem ini                                   | N=35<br>(87.5%)      | N=5<br>(12.5 %)  | N=0<br>( 0%)   |

Berdasarkan Jadual 6.3, hasil dari analisis data mendapati bahawa kursus pendidikan kerjaya atas talian sememangnya boleh memudahkan pembelajaran berdasarkan jumlah peratusan dan kekerapan yang tinggi pada setiap item. Bagi ketujuh-tujuh item, majoriti pelajar menjawab ‘Sangat Setuju’ iaitu sebanyak 72 peratus berbanding 25 peratus menjawab ‘Setuju’ dan hanya 3 peratus memilih untuk menjawab ‘Neutral’. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 90 peratus daripada responden menyatakan kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan yang disediakan ini tidak sukar untuk diikuti. Seterusnya 87.5 peratus sangat bersetuju dengan kenyataan bahawa tidak banyak usaha yang diperlukan untuk menjadi mahir menggunakan sistem ini. Keseluruhan dapatan ini menunjukkan pelajar bersetuju bahawa kursus pendidikan kerjaya atas talian ini boleh memudahkan proses pembelajaran.

#### **Kesan Penggunaan Modul Pendidikan Kerjaya Sains Kesihatan dalam Meningkatkan Minat Pelajar Terhadap Pembelajaran Pendidikan Kerjaya.**

Perbincangan dalam bahagian ini adalah berdasarkan hasil kajian yang telah diperolehi daripada analisis soal selidik melalui kaedah tinjauan yang melibatkan seramai 40 orang pelajar yang telah mengikuti kursus pendidikan kerjaya atas talian. Data dianalisis untuk melihat peratusan dan kekerapan terhadap minat pelajar dalam pembelajaran kursus pendidikan kerjaya atas talian. Pengkaji akan membincangkan dapatan kajian serta analisis data bagi menjawab sub soalan kajian 3.3 di atas iaitu:

- a. Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan dapat meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran pendidikan kerjaya?

Jadual 6.4

*Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya atas talian dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran pendidikan kerjaya*

| <b>Minat Terhadap Pembelajaran Atas Talian</b>                                                                                        | <b>Sangat Setuju</b> | <b>Setuju</b>   | <b>Neutral</b> |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|-----------------|----------------|
| Semasa aktiviti pembelajaran, saya telah memanfaatkan bahan-bahan yang disediakan untuk mendapatkan maklumat mengenai aspek kerjaya   | N=28<br>(70%)        | N=12<br>(30%)   | N=0<br>(0%)    |
| Cara pembelajaran Modul Pendidikan Kerjaya atas talian ini adalah menarik                                                             | N=32<br>(80%)        | N=8<br>(20%)    | N=0<br>(0%)    |
| Saya berminat dengan cara mendapatkan maklumat kerjaya menggunakan sistem pembelajaran atas talian                                    | N=33<br>(82.5%)      | N=7<br>(17.5%)  | N=0<br>(0%)    |
| Saya berharap agar cara pembelajaran atas talian ini dapat dipraktikkan untuk pembelajaran lain                                       | N=35<br>(87.5%)      | N=5<br>(12.5%)  | N=0<br>(0%)    |
| Saya ingin menggunakan sistem pembelajaran atas talian ini pada masa hadapan                                                          | N=35<br>(87.5%)      | N=5<br>(12.5%)  | N=0<br>(0%)    |
| Dengan menggunakan sistem pembelajaran atas talian ini, saya dapat mengatasi masalah minat dalam pembelajaran tentang sesuatu perkara | N=25<br>(62.5%)      | N=15<br>(37.5%) | N=0<br>(0%)    |
| Saya ingin mengesyorkan sistem pembelajaran atas talian ini kepada rakan-rakan                                                        | N=32<br>(80%)        | N=8<br>(20%)    | N=0<br>(0%)    |

Jadual 6.4 menunjukkan peratusan dan kekerapan responden mengenai minat pelajar terhadap penggunaan modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian adalah tinggi. Bagi ketujuh-tujuh item, majoriti pelajar menjawab ‘Sangat Setuju’ iaitu sebanyak 79 peratus berbanding 21 peratus menjawab ‘Setuju’ dan tiada responden memilih untuk menjawab ‘Neutral’. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 87.5 peratus daripada responden memilih ‘Sangat Setuju’ supaya ia dapat dipraktikkan dalam pembelajaran yang lain dan berhasrat untuk menggunakan sistem ini pada masa hadapan. Keseluruhan dapatan ini menunjukkan pelajar bersetuju bahawa kursus pendidikan kerjaya atas talian ini dapat meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran atas talian.

## **Rumusan**

Jika disorot kembali, fasa penilaian kebolehgunaan adalah bertujuan untuk menilai kebolehgunaan dan kesesuaian terhadap sesuatu produk yang dibangunkan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah membangunkan satu Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan yang bertujuan untuk menjadi satu kerangka dan panduan kepada pelajar dalam menerapkan dan meningkatkan pengetahuan terhadap kerjaya selari dengan keperluan kebolehpasaran graduan semasa. Oleh itu, dalam fasa ini proses penilaian kebolehgunaan modul telah dinilai kebolehgunaannya oleh pelajar bidang sains kesihatan peringkat diploma.

Secara keseluruhannya, dapatan hasil temubual bersama pelajar menunjukkan terdapat peningkatan pengetahuan pelajar tentang aspek kerjaya. Dapatan kajian kepenggunaan modul ini selaras dengan pendapat Nor Intan Saniah Sulaiman & Burke (2009), yang menegaskan bahawa perkongsian pengetahuan mampu berfungsi sebagai medium bagi membantu siswazah mendapatkan pekerjaan. Melalui dapatan temubual berstruktur juga menunjukkan bahawa pelajar bersetuju terdapat perbezaan pengetahuan sebelum dan selepas mengikuti kursus ini. Pelajar juga bersetuju bahawa terdapat beberapa pengetahuan baru yang mereka perolehi hasil dari pembelajaran kursus ini.

Begitu juga dengan dapatan tinjauan melalui instrumen soal selidik yang telah dijalankan bertujuan untuk melihat kesan penggunaan modul ini dalam memudahkan proses pembelajaran dan kesan dalam meningkatkan minat pelajar. Kedua-duanya menunjukkan hasil yang positif yang mana majoriti responden memilih untuk menjawab 'Sangat Setuju' bagi ketujuh-tujuh item di dalam soal selidik tersebut. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Anna Siria dan Marina

(2015) yang menunjukkan bahawa pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap kursus e-pembelajaran yang telah ditawarkan. Penggunaan e-pembelajaran dalam pendidikan tinggi dilihat mampu menjadi tarikan baru kepada pelajar-pelajar yang berpotensi (Nasrudin Md Rahim, Siti Hawa Mohd Yusoff dan Shahida Abd Latif, 2014).

Universiti Malaya

## **BAB 7**

### **PERBINCANGAN DAPATAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

#### **Pengenalan**

Bab 7 merupakan bahagian terakhir yang akan membincangkan dapatan kajian, implikasi dan cadangan terhadap modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan yang telah dibangunkan. Tujuan utama bab ini adalah perbincangan terhadap dapatan kajian yang terdiri daripada dapatan kajian analisis keperluan, dapatan kajian reka bentuk dan pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian serta dapatan kajian penilaian kebolehgunaan modul kurikulum yang telah dibangunkan. Oleh yang demikian, proses perbincangan ini adalah bersifat kepada peneguhan dapatan yang dilakukan dengan sokongan kajian lepas dan cadangan, pendapat dan pandangan daripada responden yang terlibat di dalam setiap fasa kajian.

#### **Ringkasan Kajian**

Perlaksanaan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Kerjaya yang berkesan akan memberi impak yang besar kepada generasi muda terutama dalam perancangan masa depan mereka. Bagaimanapun, secara amnya terdapat beberapa isu mengenai perkhidmatan kaunseling kerjaya dan aspek kerjaya dalam bidang pendidikan khususnya di peringkat IPT. Antara isu tersebut adalah trend dan pilihan generasi Y dalam penggunaan teknologi dan internet dan persepsi pelajar terhadap perkhidmatan kaunseling itu sendiri. Tai (2005) mengemukakan satu isu yang menyatakan bahawa ramai individu menggunakan internet sebagai medium pencarian maklumat dan lain-lain peranan samada untuk diri sendiri ataupun memberikan perkhidmatan bantuan

melebihi perkhidmatan kaunseling secara langsung yang sebenar (Mallen & Vogel, 2005). Bagi memenuhi keperluan generasi muda perlunya ada perubahan bukan sahaja dalam perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kolej tetapi juga dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Ia mampu menyediakan peluang dan kecenderungan kepada pelajar untuk mendapatkan bantuan pertama melalui atas talian. (Mishna F., Bogo M. & Sawyer J., 2015; Haberstroh, 2010, p. 455). Sehingga kini, terdapat banyak laman web yang menawarkan inventori kerjaya, kaunseling kerjaya dan pelbagai jenis perkhidmatan yang berkait dengan aspek kerjaya samada secara percuma atau berbayar. Namun, keberkesanan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kebanyakan laman web sedia ada tidak dapat menunjukkan kesan secara empirikal (Herman, 2010; Mallen, 2005).

Golongan muda menunjukkan keinginan yang tinggi untuk menggunakan sumber-sumber yang mudah diakses seperti sokongan keluarga dan rakan-rakan, individu-individu yang terlibat dalam pekerjaan yang sedang dipertimbangkan dan sumber internet. Manakala keinginan yang paling rendah adalah mendapatkan sumber daripada kaunselor kerjaya professional walaupun ia merupakan sumber yang paling berkesan (Dana Vertsberger & Itamar Gati, 2016; Whiston et al., 1998; Oliver & Spokane, 1988). Dalam satu kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa klien lebih suka menggunakan perkhidmatan kaunseling atas talian yang lebih berbentuk panduan dan bukannya terapi kaunseling. Malah kebanyakan peserta juga berpendapat bahawa kaunseling berbentuk panduan lebih sesuai menggunakan perkhidmatan atas talian seperti kaunseling kerjaya, penyelesaian masalah, pengurusan masa, kesedaran dan rawatan ketagihan (Tanrikulu, 2009; Leibert, et al., 2006).

Selain itu, isu kebolehpasaran graduan dalam pasaran kerjaya juga tidak boleh dipandang ringan. terdapatnya jurang antara persepsi sebenar graduan berbanding apa

yang diharapkan oleh pihak majikan. Graduan bukan sahaja masih lemah dalam menentukan kesahihan sesuatu maklumat malah tidak kreatif mencari alternatif sebelum membuat sesuatu keputusan serta tidak mampu menjangkakan masalah yang mungkin berlaku pada masa akan datang. Di samping itu, mereka kurang bertanggungjawab terhadap keputusan yang telah diambil selain masih belum menguasai tahap kemahiran berfikir seperti kemahiran berkomunikasi dan penampilan diri (Muhammad Hazrul Ismail, 2012). Maka tujuan utama kajian ini adalah untuk membangunkan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.

Kajian ini telah dijalankan dalam tiga fasa. Fasa pertama kajian ialah kajian analisis keperluan. Analisis dijalankan ke atas responden untuk menilai keperluan dan persediaan pelajar bagi mencapai objektif modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian. Data dikumpul menerusi soal selidik ke atas 150 orang pelajar dari beberapa bidang pengajian dari sebuah IPTS di Kuala Lumpur. Responden terdiri daripada pelajar bidang sains kesihatan peringkat diploma. Data yang telah diperolehi seterusnya dianalisis menggunakan perisian SPSS.

Seterusnya, fasa kedua ialah reka bentuk dan pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dan ia merupakan bahagian utama kajian. Dalam konteks kajian ini, proses pembangunan modul telah melibatkan seramai 15 orang pakar dari tiga bidang utama iaitu bidang kaunseling, bidang kurikulum dan bidang teknologi maklumat. Data reka bentuk dikumpul dengan menggunakan teknik *Fuzzy Delphi*. Elemen-elemen utama dalam soal selidik teknik *Fuzzy Delphi* bagi kajian ini terdiri daripada objektif, kandungan, strategi dan penilaian yang perlu dalam proses membangunkan modul tersebut. Pada bahagian kedua fasa pembangunan tersebut, prototaip modul kurikulum perkhidmatan

kaunseling atas talian pendidikan kerjaya telah dibangunkan dan kemudian prototaip tersebut telah melalui proses pemurnian oleh tiga orang pakar yang telah dipilih.

Fasa ketiga merupakan fasa penilaian. Penilaian yang dilakukan dalam fasa ini ialah penilaian modul kurikulum pendidikan kerjaya yang telah dibangunkan bertujuan menilai kebolegunaan modul mengikut persepsi pelajar. Satu kajian melalui kaedah temubual berstruktur dan kaedah tinjauan telah dijalankan ke atas 40 orang pelajar di sebuah IPTS di Kuala Lumpur bagi mendapatkan pandangan pelajar setelah menggunakan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.

### **Perbincangan Dapatan Kajian**

Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu perbincangan dapatan fasa pertama iaitu fasa analisis keperluan, dapatan kajian fasa kedua iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan, serta dapatan fasa ketiga iaitu penilaian.

**Perbincangan dapatan kajian Fasa 1: Analisis Keperluan.** Jika disorot kembali di dalam pernyataan masalah menunjukkan bahawa terdapat keperluan dan kewajaran untuk membangunkan satu modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian. Pembangunan modul ini berfungsi sebagai kerangka dan garis panduan kepada para kaunselor kerjaya dan pensyarah dalam usaha menyalurkan perkhidmatan mereka untuk menerapkan dan meningkatkan kualiti graduan sekaligus menjamin kebolehpasaran pelajar lepasan IPT. Ia juga sebagai satu langkah menjadikan kursus Pendidikan Kerjaya sebagai satu kursus elektif yang bersifat jangka panjang kepada para pelajar. Modul kurikulum pendidikan kerjaya ini merangkumi dan terdiri daripada objektif kursus, kandungan kursus, strategi pengajaran (penyampaian) dan penilaian kursus.

Namun demikian, untuk memastikan pembangunan modul ini adalah empirikal dan diperlukan, maka satu kajian terhadap analisis keperluan telah dijalankan terlebih dahulu. Perbincangan dapatan kajian dalam bahagian ini selaras dengan soalan kajian 1 iaitu “Apakah keperluan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan?”. Persoalan kajian utama analisis keperluan ini pula telah dijawab oleh sub soalan kajian berikut:

1.5 Sejauhmanakah tahap kemahiran dan penggunaan teknologi di kalangan pelajar?

1.6 Sejauhmanakah faktor minat menjadi keperluan kepada pembangunan modul kurikulum ini?

Bagi fasa analisis kajian, pengkaji memfokuskan kepada dua aspek utama iaitu (a) teknologi dan (b) minat kerjaya. Analisis dijalankan ke atas responden untuk menilai keperluan dan persediaan pelajar bagi mencapai objektif modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian. Dapatan yang diperolehi pada fasa ini akan menentukan bentuk pengisian modul pendidikan kerjaya yang sesuai dengan keperluan sebenar pelajar.

Perbincangan analisis dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu analisis mengenai kemahiran dan penggunaan teknologi pada bahagian pertama dan analisis minat kerjaya pada bahagian kedua. Sementara itu, perbincangan mengenai kemahiran dan penggunaan teknologi pula dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (a) kemahiran dan penggunaan teknologi dan (b) persepsi terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran. Terdapat lima aspek yang dikemukakan pada bahagian pertama dan kedua soal selidik iaitu:

1. Pengetahuan asas pelajar mengenai penggunaan komputer
2. Penggunaan teknologi dalam pencarian maklumat

3. Penggunaan teknologi dalam komunikasi
4. Persepsi pelajar mengenai penggunaan komputer dan internet dalam aktiviti pembelajaran
5. Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS)

Pada bahagian pertama analisis, hasil soal selidik yang telah dijalankan ke atas 150 orang responden menunjukkan secara keseluruhannya pelajar mempunyai pengetahuan asas dalam penggunaan teknologi. Dalam kajian fasa satu ini, seramai 150 orang pelajar dari beberapa bidang pengajian dari sebuah IPTS yang terletak di Kuala Lumpur telah dipilih sebagai responden bagi fasa pertama kajian. IPTS yang dipilih menawarkan program-program sains kesihatan seperti Sains Perubatan, Kesihatan Persekitaran, Farmasi, Fisioterapi, Kesihatan Keselamatan Pekerjaan, Kejururawatan, Pembantu Perubatan dan Jurupulih Cara Kerja. Respondan terdiri daripada pelajar peringkat diploma. Dapatan ini juga telah menjawab soalan kajian 1.1. Majoriti responden mempunyai pengetahuan asas kemahiran teknologi pada tahap baik iaitu sebanyak 49.3 peratus diikuti dengan tahap sederhana sebanyak 48.0 dan 2.7 peratus mempunyai pengetahuan pada aras rendah.

Bagi analisis pengetahuan asas responden dalam penggunaan teknologi pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden tidak kerap menulis laporan atau dokumen menggunakan perisian *MS Word* iaitu sebanyak 54.0 peratus dan hanya 34.7 peratus sering menggunakan perisian tersebut. Selebihnya hampir tidak pernah menggunakan perisian *MS Word*. Bagi penggunaan *MS Excel* pula, hanya 8 peratus sering menggunakan perisian tersebut. Seterusnya, sebanyak 37.3 peratus responden kerap menggunakan mesin pencetak bagi tujuan mencetak dokumen, dan hanya 15.3 peratus kerap menggunakan mesin pengimbas. Analisis menunjukkan bahawa majoriti

responden berada pada tahap pengetahuan asas dalam penggunaan teknologi yang sederhana iaitu sebanyak 54 peratus diikuti dengan 38.7 peratus responden berada pada tahap pengetahuan asas yang baik. Selebihnya berada pada tahap yang lemah iaitu sebanyak 7.3 peratus.

Analisis terhadap penggunaan teknologi dalam pencarian maklumat pula menunjukkan majoriti responden sering menggunakan enjin pencarian *Yahoo*, *Google* dan *Blog* (85.3 peratus), penggunaan teknologi dan internet dalam aktiviti pembelajaran (71.3 peratus) dan pencarian info kerjaya (55.3 peratus). Namun demikian hanya 42.0 peratus sahaja yang menilai kesahihan maklumat yang diperolehi berbanding selebihnya 46.7 peratus tidak kerap, 10.0 peratus hampir tidak pernah dan 1.3 peratus tidak pernah menilai kesahihan maklumat yang diperolehi menerusi sumber internet. Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa majoriti responden berada pada tahap penggunaan yang tinggi iaitu sebanyak 84.7 peratus.

Seterusnya, bagi penggunaan teknologi dalam komunikasi berkaitan aktiviti pembelajaran pula, dapatan menunjukkan majoriti responden tidak kerap menggunakan teknologi dalam komunikasi (menghantar dan menerima emel, perbincangan dan perkongsian maklumat atas talian, perkongsian fail media) berkaitan aktiviti pembelajaran. Analisis menunjukkan bahawa majoriti responden berada pada tahap penggunaan yang sederhana iaitu sebanyak 44.7 peratus. Sebanyak 27.3 peratus responden berada pada tahap penggunaan yang rendah. Selebihnya, 28.0 peratus responden berada pada tahap penggunaan yang tinggi. Selanjutnya adalah dapatan mengenai persepsi terhadap penggunaan teknologi dalam pembelajaran. Majoriti responden mempunyai persepsi positif terhadap penggunaan dan potensi penggunaan komputer dan internet dalam proses pembelajaran mereka iaitu sebanyak 73.3 peratus.

Melalui analisis yang telah dijalankan, ia menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai asas dalam penggunaan komputer dan teknologi namun kurang terdedah dengan penggunaannya dalam aktiviti pembelajaran mereka. Dapatan ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Nasrudin Md Rahim, Siti Hawa Mohd Yusoff dan Shahida Abd Latif (2014) yang menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kemahiran asas mengenai internet dan bersedia untuk menerima e-pembelajaran sekiranya institusi menawarkan dan memulakan kaedah tersebut dalam sistem pembelajaran kepada para pelajar.

Walaupun tahap pengetahuan asas mereka berada pada tahap sederhana, namun majoriti responden menunjukkan minat dan mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan komputer dan internet dalam aktiviti pembelajaran. Malah penggunaan komputer dan internet secara tidak langsung dapat menyalurkan kemahiran baru kepada pelajar. Penegasan ini sejajar dengan dapatan kajian Nasrudin Md Rahim, Siti Hawa Mohd Yusoff & Shahida Abd Latif (2014) yang menyatakan penggunaan kaedah e-pembelajaran telah menjadi tarikan baru kepada pelajar seperti yang ditunjukkan oleh beberapa IPT di Malaysia. Ia juga turut disokong oleh kajian Pramela (2014) yang menyatakan bahawa responden berpendapat teknologi maklumat telah memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan profil pekerjaan mereka. Oleh yang demikian, peranan institusi pendidikan dalam menawarkan program-program atau kursus-kursus atas talian dilihat wajar dilaksanakan. Penawaran kursus atas talian bukan sahaja membantu menyalurkan maklumat yang berterusan kepada pelajar tetapi secara tidak langsung ia dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam penggunaan teknologi.

Pada bahagian kedua analisis, perbincangan dapatan analisis adalah mengenai aspek minat kerjaya. Antara tujuan utama pembinaan modul ini adalah untuk

memupuk kecenderungan minat bidang kerjaya dan bakat pelajar bagi melahirkan generasi graduan yang lebih kreatif. Kesedaran terhadap kebolehan diri dapat membantu pelajar merangka masa hadapan kerjaya mereka dengan lebih cemerlang kerana ia merupakan kelebihan, kekuatan dan keunikan seseorang individu. Oleh itu, alat ukuran minat kerjaya ini dilihat dapat menjadi pengukur dan input dalam pembinaan pengisian modul kurikulum pendidikan kerjaya.

Dapatan yang diperolehi melalui Inventori Minat Kerjaya menunjukkan bahawa tidak semua responden bidang sains kesihatan mempunyai minat dan kecenderungan dalam bidang tersebut. Secara keseluruhannya, dapatan analisis fasa pertama yang menggunakan inventori kekunci bukan empirikal ini menunjukkan bahawa pelajar jurusan sains kesihatan mempunyai kecenderungan dalam minat kerjaya yang pelbagai. Bidang minat yang paling hampir dengan jenis pekerjaan bidang sains kesihatan adalah investigatif. Namun, dapatan menunjukkan sebahagian responden mempunyai bidang minat dalam bidang realistik, artistik, sosial, enterprising dan konvensional.

Bagi responden jurusan Diploma Kejururawatan, seramai 15 orang responden mempunyai minat kecenderungan dalam investigatif, 2 orang responden menunjukkan bidang minat sosial, 5 orang responden menunjukkan kecenderungan minat dalam enterprising dan 3 orang responden mempunyai kecenderungan bidang minat konvensional. Bagi responden Diploma Fisioterapi pula, seramai 14 orang responden mempunyai kecenderungan minat dalam investigatif, seorang dalam bidang minat realistik, 4 orang responden dalam bidang minat artistik, 3 orang responden menunjukkan bidang minat sosial dan 3 orang responden menunjukkan kecenderungan minat dalam bidang minat konvensional.

Seterusnya analisis responden bagi Diploma Farmasi, seramai 8 orang responden mempunyai kecenderungan minat dalam investigatif, 3 orang dalam bidang minat realistik, seorang dalam bidang minat artistik, 3 orang responden menunjukkan bidang minat sosial dan 3 orang responden menunjukkan minat dalam bidang enterprising dan 7 orang responden menunjukkan kecenderungan minat dalam bidang minat konvensional.

Bagi analisis minat kerjaya responden Diploma Sains Perubatan pula, seramai 13 orang responden mempunyai kecenderungan minat dalam investigatif, seorang dalam bidang minat realistik, 3 orang responden dalam bidang minat artistik, 3 orang responden menunjukkan bidang minat sosial dan 3 orang responden menunjukkan minat dalam bidang enterprising dan 2 orang responden menunjukkan kecenderungan minat dalam bidang minat konvensional.

Dapatan seterusnya menunjukkan seramai 4 orang responden mempunyai kecenderungan minat dalam investigatif bagi responden jurusan Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA), 8 orang dalam bidang minat realistik, 2 orang responden dalam bidang minat artistik, seorang responden menunjukkan bidang minat sosial dan 5 orang responden menunjukkan minat dalam bidang enterprising dan 5 orang responden menunjukkan kecenderungan minat dalam bidang minat konvensional.

Akhir sekali, bagi responden Diploma Kesihatan Persekitaran, seramai 5 orang responden mempunyai kecenderungan minat dalam investigatif, 3 orang dalam bidang minat realistik, 3 orang responden dalam bidang minat artistik, 8 orang responden menunjukkan bidang minat sosial dan 4 orang responden menunjukkan minat dalam bidang enterprising dan 2 orang responden menunjukkan kecenderungan minat dalam bidang minat konvensional.

Seramai 59 orang responden mempunyai bidang minat dalam investigatif, selebihnya seramai 16 orang responden mempunyai bidang minat realistik, 13 orang responden dalam bidang minat artistik, 20 orang responden dalam bidang minat sosial, 20 orang responden dalam bidang minat enterprising dan seramai 22 orang responden mempunyai bidang minat konvensional.

Bagi aspek minat kerjaya pula, dapatan menunjukkan bahawa pelajar seharusnya didedahkan dengan kesedaran tentang minat dan kebolehan diri seterusnya memanfaatkan kebolehan tersebut dalam bidang kerjaya yang bakal mereka ceburi. Langkah ini dilihat sebagai satu keperluan kepada pelajar agar mereka lebih bersifat kreatif bukan sahaja sebagai pencari kerja tetapi mampu mencipta kerjaya mereka. Penegasan ini selari dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Crisan, Pavelea dan Ghimbulut (2015). Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar kurang didedahkan dengan peluang-peluang pekerjaan, terdapat percanggahan antara keinginan kerjaya mereka dengan pengetahuan dan kebolehan pelajar, pelajar tidak mempunyai plan kerjaya yang jelas dan menghadapi masalah dalam membuat keputusan kerjaya. Perkara ini turut disokong dalam kajian oleh Starica (2011) dan Itamar dan Lisa (2011).

Daripada perbincangan fasa analisis keperluan ini, jelas menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan satu modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Ia turut disokong oleh dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Fouziah Mohd, Amla Mohd Salle dan Ramlee Mustapha (2010) yang menunjukkan bahawa pelajar kurang didedahkan dengan maklumat dan informasi berkaitan pekerjaan. Begitu juga dengan cadangan bahawa pihak universiti wajar mempertimbangkan untuk mengadakan modul bagi meningkatkan kemahiran boleh-pindah para pelajar prasiswazah di peringkat awal

pengajian mereka dan sebagai persiapan ke arah menghadapi dunia pekerjaan (Usha & Yeun, 2007). Dapatan kajian oleh Rohana Abdul Rahim (2010) menunjukkan kekerapan menerima maklumat kerjaya didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan pilihan kerjaya. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi minat kerjaya Realistik, Investigatif, Artistik dan Konvensional terhadap bidang elektif yang dipelajari. Perbezaan yang signifikan juga didapati bagi efikasi sendiri keputusan kerjaya dan kemahiran employability terhadap jumlah maklumat kerjaya yang diterima oleh pelajar. Akhirnya, pilihan kerjaya yang dibuat oleh pelajar paling dipengaruhi oleh jumlah maklumat kerjaya yang telah diperolehi.

Oleh itu, kajian pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya ini dilihat sebagai satu keperluan bagi menyokong pembangunan kerjaya para pelajar. Malah statistik penggunaan teknologi dan internet yang tinggi membuktikan bahawa pelajar yang kebanyakannya terdiri dari generasi Y tidak mempunyai halangan menggunakannya dalam aktiviti pembelajaran mereka. Oleh yang demikian, dengan adanya usaha ke arah membangunkan sebuah modul kurikulum pendidikan kerjaya yang lebih bersifat jangka panjang, ia diharap dapat mengurangkan kebergantungan para graduan terhadap bidang pekerjaan yang ditawarkan dalam sektor awam dan sektor swasta sekaligus mampu mengatasi masalah pengangguran selepas menamatkan pengajian. Malah dengan adanya keselarasan yang tinggi antara minat dan kerjaya yang diceburi, ia boleh mendorong seseorang pekerja itu mencapai peratusan kepuasan kerjaya yang lebih tinggi berbanding sebaliknya.

### **Perbincangan dapatan kajian Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan.**

Dalam bahagian ini, perbincangan akan menjurus kepada reka bentuk dan pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Oleh itu, perbincangan dapatan kajian dalam bahagian ini

selaras dengan soalan kajian dua iaitu ‘Apakah maklumat yang diperlukan bagi mereka bentuk modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan?’. Persoalan kajian utama reka bentuk dan pembangunan modul ini pula telah dijawab oleh empat sub soalan kajian yang telah dibentuk iaitu:

- 2.1 Apakah objektif yang sesuai dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan berasaskan pandangan pakar?
- 2.2 Apakah kandungan yang sesuai bagi pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan berasaskan pandangan pakar?
- 2.3 Apakah strategi yang berkesan dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan berasaskan pandangan pakar?
- 2.4 Apakah penilaian yang sesuai bagi pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan berasaskan pandangan pakar?

Dalam konteks kajian ini, terdapat empat elemen penting yang dinilai bagi membangunkan sebuah modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian yang mampu memenuhi keperluan pelajar. Proses menilai dan mengesahkan setiap elemen dilakukan melalui kesepakatan sekumpulan pakar yang telah dipilih dan turut menggunakan penganalisan berdasarkan pendekatan kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM). Proses temubual dan pengedaran soal selidik telah dijalankan secara bersemuka, emel dan pos.

Dalam fasa analisis reka bentuk ini juga, terdapat empat langkah awal yang telah digunakan oleh pengkaji bagi mengeluarkan dan menghasilkan komponen utama dan elemen yang diperlukan oleh modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan. Langkah pertama bagi proses ini adalah pemetaan kajian lepas terhadap elemen-elemen penting yang diperlukan dalam setiap lampiran kurikulum bagi memastikan ia menepati keperluan sebenar pelajar. Seterusnya langkah kedua pula merupakan temubual yang dijalankan terhadap pakar-pakar yang telah dipilih mengikut bidang-bidang keperluan. Bagi langkah ketiga pula, melalui hasil pemetaan yang telah dibuat dan dapatan dari temubual pakar yang telah dijalankan, pengkaji telah menghasilkan satu bentuk soal selidik untuk diberikan kepada lima belas orang pakar yang telah dipilih. Langkah akhir adalah proses pengumpulan data yang telah diperolehi melalui soal selidik tersebut. Melalui dapatan temubual yang telah dijalankan, pengkaji telah mengenalpasti item-item penting yang terdapat di dalam transkrip temubual bersama lima orang pakar tersebut.

Bagi elemen pertama iaitu elemen objektif, terdapat 10 item yang dicadangkan oleh pengkaji dan kesemua item diterima. Daripada keseluruhan 10 objektif yang dicadangkan di peringkat awal, hanya empat objektif yang berada pada senarai teratas diambil oleh pengkaji dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan ini. Empat item objektif tersebut ialah a) Menggunakan minat, kemahiran, kelayakan dan gaya hidup untuk menilai pilihan kerjaya yang berpotensi b) Meningkatkan kesedaran pelajar tentang kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan ke alam kerjaya c) Panduan mengenai kelayakan yang diperlukan dalam pekerjaan dan d) Mengetahui saluran perkhidmatan sokongan (sumber dan rujukan) yang tepat dalam aspek kerjaya.

Seterusnya bagi elemen kandungan pula, hanya lima daripada enam topik yang diambil sementara item-item bagi topik-topik tersebut dipilih mengikut susunan tertinggi. Topik-topik yang telah dipilih tersebut adalah a) Penilaian tentang minat kerjaya b) Ekploasi dunia dan peluang kerjaya c) Persediaan ke alam kerjaya d) Membuat perancangan dan pemilihan kerja dan e) Mengenalpasti sumber dan perkhidmatan sokongan dalam aspek kerjaya.

Bagi elemen *tools* dan strategi penyampaian, terdapat tiga item yang telah ditolak iaitu blog dan media sosial bagi elemen *tools* dan item rakaman suara bagi elemen strategi. Bagi elemen *tools*, item laman web telah dipilih mengikut kesepakatan pakar. Sementara bagi elemen strategi penyampaian pula, empat item pada kedudukan tertinggi telah dipilih oleh pengkaji dalam pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Empat item strategi penyampaian tersebut adalah a) Slot intergenerasi b) Teknik video c) Teknik visual/ imej dan d) Penyelesaian masalah (berkaitan isu-isu kerjaya).

Elemen terakhir adalah elemen penilaian. Terdapat lima item yang dicadangkan, namun empat item pada kedudukan tertinggi telah dipilih oleh pengkaji dalam pembangunan modul kurikulum ini. empat item terakhir yang telah dipilih dalam pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan adalah a) Mereka bentuk blog atau laman web mengenai kerjaya b) Role-play c) Refleksi dan d) Soal selidik.

Dapatan hasil dari kesepakatan pakar melalui teknik *Fuzzy Delphi* telah dijadikan garis panduan dalam menentukan susunan akhir bagi elemen objektif, kandungan, strategi dan penilaian dalam pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian ini. Rancangan pembelajaran bagi kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian dibangunkan menggunakan perisian laman web berbayar.

Rancangan pembelajaran yang dibangunkan mengandungi beberapa bahagian iaitu panduan kursus, tajuk-tajuk di dalam kursus pendidikan kerjaya (bagi elemen kandungan), tugas (bagi elemen penilaian kursus). Laman utama kursus ini dilengkapi dengan akses pengelolaan aplikasi kursus pendidikan kerjaya sains kesihatan atau panduan kursus. Halaman utama turut dilengkapi dengan pengenalan yang mana di dalamnya terdapat ringkasan pengenalan diri pengkaji sebagai tenaga pengajar dan objektif bagi kursus ini. Laman web ini dilengkapi dengan lima unit yang disediakan dalam persembahan teks dan gambar-gambar yang sesuai. Terdapat dua video disediakan di dalam rancangan pembelajaran ini. Setiap unit dilengkapi dengan tugas iaitu bagi melengkapkan elemen penilaian bagi kursus ini.

Rancangan pembelajaran bagi setiap tajuk telah melalui proses pemurnian. Proses pemurnian telah dijalankan oleh dua orang pakar kurikulum dan seorang pakar teknologi. Pakar telah bersetuju dengan semua pembangunan perancangan pembelajaran pendidikan kerjaya namun menyarankan agar dilakukan beberapa penambahbaikan. Antara aspek yang melalui proses penambahbaikan adalah laman utama web pendidikan kerjaya, penggunaan tajuk yang sesuai bagi video serta dilengkapi dengan sinopsis yang jelas, penggunaan tulisan yang lebih besar dan jelas, mengurangkan penggunaan teks dan serta menambah gambar-gambar yang bersesuaian dengan teks serta beberapa hyperlink disertakan untuk mengaitkan perkara-perkara yang boleh dikelompokkan bersama.

Secara ringkasnya, dapatan rumusan teknik *Fuzzy Delphi* bagi reka bentuk dan pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya ini dapat memberi ruang dan peluang kepada pihak berkepentingan untuk membangunkan satu kurikulum pendidikan kerjaya demi melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi dalam pasaran kerja. Penegasan ini adalah selari dengan pendapat Dandara

(2014) yang menegaskan bahawa reka bentuk kerjaya memerlukan panduan kerjaya yang progresif dan individu boleh memilih pelbagai pilihan yang ada dalam sistem pendidikan tersebut serta dapat menyediakan diri dalam pasaran buruh. Malah terdapat banyak laman web yang menawarkan inventori kerjaya, kaunseling kerjaya dan pelbagai jenis perkhidmatan yang berkait dengan aspek kerjaya samada secara percuma atau berbayar. Namun, keberkesanan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kebanyakan laman web sedia ada tidak dapat menunjukkan kesan secara empirikal (Herman, 2010; Mallen, 2005). Oleh itu, kaunselor profesional dan institusi pendidikan boleh memainkan peranan dalam penyediaan sumber atas talian yang tepat kepada pelajar dengan menyalurkan maklumat dan pendidikan mengenai aspek kerjaya.

### **Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan Modul.**

Dalam bahagian ini, perbincangan akan menjurus kepada penilaian kebolehgunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Dapatan fasa ketiga diperolehi melalui kaedah temubual berstruktur dan tinjauan yang telah dijalankan ke atas 40 orang pelajar di sebuah IPTS di Kuala Lumpur bagi mendapatkan pandangan pelajar setelah menggunakan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan sains kesihatan. Oleh itu, perbincangan dapatan kajian dalam bahagian ini selaras dengan soalan kajian tiga iaitu: Apakah kebolehgunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan? Persoalan kajian utama reka bentuk dan pembangunan modul ini pula telah dijawab oleh empat sub soalan kajian yang telah dibentuk iaitu:

- 3.1 Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat meningkatkan pengetahuan tentang aspek kerjaya di kalangan pelajar?
- 3.2 Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat memudahkan pembelajaran di kalangan pelajar?
- 3.3 Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran pendidikan kerjaya?

Berdasarkan soalan kajian di atas, modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan ini telah dinilai berdasarkan tiga aspek berikut:

1. Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan dalam meningkatkan pengetahuan pelajar
2. Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan dalam memudahkan proses pembelajaran
3. Kesan penggunaan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan dalam meningkatkan minat pelajar

O'Neill (2010) menyatakan bahawa berdasarkan Model Kurikulum Tyler, terdapat empat fokus komponen yang dilihat iaitu tujuan pembentukan kurikulum, pengalaman pendidikan yang berkaitan dengan tujuan perlaksanaan kurikulum, pembentukan organisasi yang terlibat dan proses penilaian kurikulum yang akan dijalankan. Oleh yang demikian, berdasarkan penilaian terhadap kebolegunaan modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian memperlihatkan

bahawa komponen-komponen dalam keempat-empat elemen utama yang telah dibentuk adalah sesuai digunakan berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa objektif pembelajaran modul pendidikan kerjaya atas talian ini berjaya dicapai.

Dapatan dari hasil temubual menunjukkan bahawa hampir kesemua responden memberikan jawapan yang positif terhadap kursus pendidikan kerjaya atas talian yang telah diikuti. Kesemua 12 orang pelajar memberikan respon yang positif bahawa kursus ini meningkatkan pengetahuan dan memberi kesedaran kepada mereka untuk mempersiapkan diri ke alam kerjaya terutama dari aspek penampilan diri. Kesemua responden juga memberikan jawapan yang positif mengenai ‘Sumber Dan Perkhidmatan Sokongan Dalam Aspek Kerjaya’. Sebelum mengikuti kursus pendidikan kerjaya atas talian ini, kebanyakan pelajar menggunakan sumber-sumber terdekat dengan mereka seperti ahli keluarga dan pensyarah bagi mendapatkan maklumat mengenai aspek kerjaya. Bagi tema perancangan dan pemilihan kerjaya pula, sebahagian besar responden mengakui kursus pendidikan kerjaya atas talian ini membantu dan memberi kesedaran kepada pelajar untuk mengambilkira beberapa faktor lain sebelum membuat perancangan kerjaya. Seterusnya, tema minat kerjaya menduduki ranking keempat dan tema eksplorasi dunia dan peluang kerjaya pula menduduki ranking kelima. Kebanyakan responden masih kurang memberi perhatian terhadap aspek minat kerjaya dan keperluan inventori minat kerjaya dalam membantu pelajar mengenali minat mereka. Sebahagian responden memberikan cadangan penambahbaikan terhadap kandungan tema ‘Eksplorasi Dunia dan Peluang Kerjaya.

Dapatan ini sekaligus menjawab sub soalan kajian 3.1 seterusnya mengesahkan bahawa penggunaan modul pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat meningkatkan pengetahuan pelajar. Kajian ini mengukuhkan lagi dapatan kajian oleh Pramela et al.,

(2012). Dapatan kajian Pramela menunjukkan bahawa pelajar mencadangkan garis panduan mengenai aspek kemahiran kerjaya bagi melengkapkan pelajar dengan persediaan untuk memasuki dunia pekerjaan yang sebenar.

Dapatan seterusnya menjawab soalan sub kajian 3.2 iaitu: Sejauhmanakah penggunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan dapat memudahkan pembelajaran di kalangan pelajar?. Dapatan kajian mendapati bahawa kursus pendidikan kerjaya atas talian mampu memudahkan pembelajaran berdasarkan jumlah peratusan dan kekerapan yang tinggi pada setiap item. Bagi ketujuh-tujuh item, majoriti pelajar menjawab 'Sangat Setuju' iaitu sebanyak 72 peratus berbanding 25 peratus menjawab 'Setuju' dan hanya 3 peratus memilih untuk menjawab 'Neutral'. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar bersetuju bahawa pembelajaran atas talian mampu memudahkan proses pembelajaran mereka. Heinich (1984) dalam *The Study of Instructional Technology*, berpendapat bahawa manusia akan terus mencari jalan bagaimana hendak memudahkan manusia belajar.

Bagi kesan terhadap minat pula, hasil kajian menunjukkan peratusan dan kekerapan responden mengenai minat pelajar terhadap penggunaan modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian adalah tinggi. Bagi ketujuh-tujuh item, majoriti pelajar menjawab 'Sangat Setuju' iaitu sebanyak 79 peratus berbanding 21 peratus menjawab 'Setuju' dan tiada responden memilih untuk menjawab 'Neutral'. Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat dan kecenderungan yang tinggi dalam menggunakan teknologi atas talian dalam pembelajaran mereka. Perkara ini turut disokong dengan kajian yang telah dilakukan oleh Ahmad Zaki Amiruddin et.al (2014) yang menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi atas talian dalam bidang pendidikan mampu mendorong minat para pelajar.

Kebolegunaan modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian ini menunjukkan maklumbalas dan penerimaan yang positif dalam kalangan para pelajar. Hasil kajian ini membuktikan bahawa pendidikan kerjaya atas talian mampu meningkatkan pengetahuan pelajar terhadap aspek kerjaya. Seterusnya dengan kemajuan teknologi semasa memberikan banyak manfaat kepada sektor pendidikan dalam menyalurkan perkhidmatan pendidikan bagi mencapai satu-satu objektif pembelajaran. Pelajar hari ini bukan sahaja cenderung menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian mereka tetapi juga dalam aktiviti pembelajaran mereka. Kajian ini telah menyokong kajian-kajian sebelum yang telah membuktikan perlaksanaan kursus-kursus pendidikan kerjaya atas talian telah berjaya membantu pelajar dalam menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan kerjaya yang sememangnya diperlukan oleh pelajar seperti dalam kajian Hooley, Hutchinson & Neary (2015), Herman S. (2010) dan Leon dan Castro (2013).

### **Implikasi Kajian dan Cadangan**

Bahagian ini merupakan perbincangan tentang implikasi dan cadangan kajian berdasarkan perbincangan dapatan kajian sebelum ini. Terdapat dua implikasi utama hasil daripada dapatan kajian lalu iaitu implikasi teori dan implikasi amalan. Implikasi teori merujuk kepada perbincangan untuk membandingkan hasil dapatan kajian dengan teori yang digunakan dalam kajian. Manakala implikasi amalan ialah langkah-langkah yang disarankan diambil tindakan oleh pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, kaunselor dan sumbangan kepada ilmu bidang. Berikut merupakan perbincangan berkaitan implikasi dan cadangan kajian. Selanjutnya cadangan kajian masa hadapan juga turut dikupas oleh pengkaji.

**Implikasi dan cadangan terhadap teori.** Teori merupakan sandaran yang dijadikan dasar dalam sesebuah kajian. Oleh yang demikian, pembangunan dan pelaksanaan sesebuah kurikulum memerlukan perancangan yang strategik demi memastikan cadangan modul kurikulum itu relevan dengan kehendak masa depan. Kajian ini menggabungkan tiga teori serta dua model yang menjadi asas kepada kerangka teori kajian ini dan selaras dengan hasil dapatan kajian.

Bagi memastikan objektif pembelajaran dapat dicapai, analisis keperluan pada fasa pertama telah dijalankan bagi menilai keperluan pelajar. Selain dari menilai kesediaan pelajar terhadap aplikasi modul pendidikan kerjaya atas talian, teori Holland juga telah digunakan bagi mengenalpasti keperluan faktor minat dalam pembangunan modul ini. Dapatan fasa pertama menunjukkan bahawa terdapatnya keperluan dalam mengambilkira faktor minat sebagai salah satu pengisian di dalam pembangunan modul kurikulum ini.

Fasa kedua memperlihatkan gabungan tiga teori iaitu Teori *Dual Coding*, Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya yang digunakan dalam reka bentuk dan pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya atas talian ini. Teori *Dual Coding* digunakan sebagai panduan kepada pembangunan dan penawaran sebuah kursus e-pembelajaran kerana teori ini merupakan sebuah teori dalam pembinaan pembelajaran multimedia. Sementara Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya digunakan bagi mengenalpasti item-item yang diperlukan dalam keempat-empat elemen tersebut. Melalui jalinan kedua-dua teori kerjaya ini, item-item yang dipilih bagi keempat-empat elemen utama telah mengambilkira faktor luaran seperti persekitaran dan faktor dalaman individu sebagaimana yang telah dicadangkan oleh kedua-dua teori tersebut.

Teori Perkembangan Kerjaya Holland (1973) adalah teori yang cuba memadankan jenis personaliti seseorang individu dengan persekitaran kerja. Menurut

Holland (1973), terdapat hubungan erat antara personaliti dengan persekitaran kerja yang diceburi oleh seseorang individu. Pembangunan modul pendidikan kerjaya atas talian ini mengambilkira faktor minat dan membantu pelajar mengenalpasti kecenderungan dan minat mereka. Ia diharap bukan sahaja dapat membantu pelajar dalam proses perancangan dan pemilihan kerjaya mereka tetapi juga dapat mendorong pelajar untuk lebih kreatif mencipta kerjaya dengan memanfaatkan kebolehan dan kelulusan yang dimiliki oleh mereka.

Rasional pemilihan teori perkembangan kerjaya Holland kerana teori ini percaya bahawa minat seseorang terhadap bidang kerjaya ataupun pemilihan kerjaya adalah satu gambaran terhadap personaliti seseorang. Teori kerjaya Holland dicipta berdasarkan anggapan bahawa minat kemahiran merupakan salah satu yang terangkum dalam keperibadian seseorang. Tumpuan pengkaji dalam kajian ini bukanlah kepada 'inventori kekunci empirikal' iaitu bidang minat yang berkaitan dengan pekerjaan-pekerjaan khusus. Sebaliknya kajian ini menggunakan 'inventori kekunci bukan empirikal' yang tertumpu kepada bidang umum, bukan dalam bidang pekerjaan yang khusus.


Pemilihan Teori Sosial Kognitif Kerjaya dilihat sangat relevan dalam pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya ini kerana teori ini memberi tumpuan kepada interaksi dalam kalangan pelbagai jenis individu, persekitaran dan pembolehubah tingkahlaku boleh mempengaruhi proses yang mana individu berusaha untuk (a)meningkatkan kualiti akademik dan minat kerjaya (b)membuat dan menyemak semula rancangan pendidikan dan perancangan kerjaya dan (c)meningkatkan prestasi dalam bidang akademik dan kerjaya mereka. Malah teori ini (SCCT; Lent, Brown & Hackett, 1994, 2000) telah diperkenalkan sebagai satu yang praktikal di dalam pembangunan dan penilaian dalam program-program kerjaya bagi

pelajar-pelajar sekolah tinggi. Teori ini mudah diukur dan mengambilkira faktor luaran seperti persekitaran dan faktor dalaman individu di dalam proses pembangunan kerjaya pelajar.

Selain Teori *Dual Coding*, Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya, Model Kurikulum Tyler dan Model Wright turut digunakan dalam kajian pembangunan kurikulum pendidikan kerjaya atas talian ini. Model Kurikulum Tyler telah dijadikan asas utama kepada panduan kerangka pembangunan modul kurikulum ini. Rasional pemilihan Model Kurikulum Tyler kerana model ini dianggap sebagai model pembangunan kurikulum yang paling dominan dan diperakukan (Saedah Siraj, 2001). Objektif pendidikan yang dikemukakan oleh Tyler merujuk kepada satu rumusan yang jelas terhadap jangkaan perubahan tingkah laku yang dipengaruhi melalui proses pembelajaran tersebut (Segedinac et al., 2011; Bloom, Englehart, Furst, Hill, & Krathwohl, 1956). Model Kurikulum Tyler ini mengenengahkan empat komponen atau elemen utama yang diperlukan dalam pembangunan sesebuah kurikulum iaitu objektif, kandungan, strategi dan penilaian. Di dalam modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan atas talian ini juga, proses pemilihan dan penyusunan bagi objektif, kandungan, strategi penyampaian dan penilaian telah diambil kira dan dilakukan berdasarkan pandangan panel pakar melalui teknik *Fuzzy Delphi*.

Manakala Model Wright pula digunakan sebagai panduan kepada pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya sains kesihatan yang bersifat atas talian. Rasional pemilihan Model Wright kerana model ini memberikan garis panduan yang jelas sebagai keperluan dalam penawaran sesebuah kursus atau pendidikan yang bersifat atas talian. Ia bertujuan memastikan modul yang dibangunkan mampu memenuhi kriteria yang diperlukan dalam penawaran kursus atau pendidikan atas

talian. Rajah 7.1 menunjukkan penggabungan modul-modul ini dilakukan dalam membangunkan sebuah modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.



Rajah 7.1 Gabungan aplikasi Teori Dual Coding, Teori Holland, Teori Sosial Kognitif Kerjaya serta Model Kurikulum Tyler dan Model Wright dalam pembangunan Modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan.

Berdasarkan kepada sandaran Teori *Dual Coding*, Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya serta Model Kurikulum Tyler dan Model Wright, ia berupaya menghasilkan modul kurikulum pendidikan kerjaya yang memfokuskan kepada penyampaian dan perkongsian maklumat mengenai aspek kerjaya kepada pelajar. Lanjutan itu, modul yang telah dibangunkan ini boleh dijadikan panduan dan rujukan bagi pengkaji selepas ini untuk membangunkan satu kurikulum pendidikan kerjaya yang lebih meluas dan efisien.

**Implikasi dan cadangan terhadap amalan.** Implikasi dan cadangan terhadap amalan ini akan menyasarkan kepada para kaunselor samada yang memberikan perkhidmatan di peringkat sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi dan dalam bidang pendidikan itu sendiri. Kajian ini diharap mampu menjadi garis panduan atau pertimbangan kepada pihak berkepentingan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan PERKAMA bagi membangunkan modul pendidikan kerjaya untuk keperluan pelajar .

Dalam konteks kajian ini, pandangan pakar bidang yang terlibat perlu diberi pertimbangan sebelum satu-satu modul itu dibangunkan. Selain itu juga, modul yang dibangunkan mestilah memenuhi keperluan sebenar pelajar selain perlu dinilai kebolehgunaannya. Ini bermakna satu tatacara dan kajian awal yang bersifat sistematik perlu dilaksanakan bagi menghasilkan satu modul kurikulum yang relevan kepada sasaran pengguna. Segala pandangan dan input pakar perlu dijadikan panduan bagi memperbaiki modul kurikulum yang dibangunkan tersebut.

**Implikasi dan cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).** Sejarar dengan keadaan ekonomi dan cabaran dalam peluang pekerjaan dewasa ini, kursus pendidikan kerjaya dilihat sebagai satu keperluan kepada pelajar dalam meneroka dunia kerjaya seterusnya kreatif mencipta kerjaya. Oleh itu, satu

kurikulum yang memberi fokus kepada penyaluran maklumat dan perkhidmatan berkaitan kerjaya dilihat perlu dibangunkan bagi mengurangkan masalah pengangguran yang masih membelenggu graduan sejak berlakunya kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 dan 1998. Malah, dengan adanya sebuah kurikulum pendidikan kerjaya yang bersifat jangka panjang kepada pelajar, ia dapat menyokong perkembangan kerjaya pelajar tidak kira di peringkat sekolah mahupun IPT.

Kajian ini merupakan cadangan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan yang mengandungi elemen objektif, kandungan, strategi pengajaran dan penilaian. Reka bentuk modul kurikulum yang dibentuk melalui kesepakatan pakar berpotensi memberi input kepada KPM khususnya Pusat Perkembangan Kurikulum untuk mempertimbangkan elemen-elemen yang sesuai dalam pendidikan kerjaya pelajar pada masa hadapan. Keperluan penyediaan satu kursus pendidikan kerjaya yang bersifat jangka panjang ini dilihat bukan sahaja penting kepada pelajar yang hampir memasuki alam pekerjaan tetapi ia seharusnya diterapkan lebih awal lagi iaitu di peringkat sekolah. Penawaran kursus pendidikan kerjaya atas talian boleh dilihat sebagai satu alternatif yang dapat menjimatkan masa dan kos bukan sahaja kepada pelajar tetapi juga kepada institusi yang menawarkan kursus ini.

**Implikasi dan cadangan terhadap Kaunselor.** Kajian ini diharap dapat memberi input dalam mempelbagaikan kaedah dan pendekatan yang dapat memenuhi keperluan pelajar peringkat tinggi terhadap perancangan dan matlamat kerjaya mereka. Generasi muda hari ini membesar bersama-sama perkembangan teknologi. Oleh itu, perkhidmatan atas talian boleh dilihat sebagai satu potensi untuk memperkenalkan dan menggalakkan pelajar berhubung dengan kaunselor.

Medium atas talian boleh dijadikan *platform* untuk kaunselor menanamkan kesedaran kepada pelajar tentang kelebihan sesi kaunseling sebagai satu bentuk pertolongan yang lebih berkesan. Peranan kaunselor telah berubah disebabkan pengaruh komunikasi yang canggih ini dan '*intimate setting*' boleh diwujudkan. (Whiteley, 1999 dalam Oravec, 2000). Oleh yang demikian, kaunselor boleh menggunakan medium atas talian dalam menyalurkan perkhidmatan kaunseling misalnya seperti maklumat dan informasi tentang kerjaya, pengumpulan pelbagai maklumat kerjaya (Kaye & Johnson, 1999) dan juga sebagai *platform* bagi perbincangan profesional (Gerler, 1995).

**Implikasi dan sumbangan terhadap ilmu bidang.** Sebagai sumbangan kepada pendidikan kerjaya khususnya, kajian ini telah berupaya mendapatkan konsensus pakar terhadap elemen-elemen dalam membangunkan sebuah modul kurikulum pendidikan kerjaya berlandaskan elemen objektif, kandungan, strategi pengajaran dan penilaian. Kajian ini juga telah berjaya mendapatkan tajuk-tajuk dan sub tajuk bagi aspek-aspek kerjaya yang menurut pakar ia merupakan perkara yang perlu dipelajari oleh pelajar sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan yang sebenar.

Kajian ini berpotensi untuk digunapakai bagi memenuhi keperluan tambahan pelajar dalam membangunkan perkembangan kerjaya mereka melalui satu kursus yang berterusan. Ia dilihat sebagai satu keperluan dalam meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan mempersiapkan diri sebelum menempuh alam kerjaya. Hal ini kerana kecemerlangan akademik tanpa kepelbagaian kemahiran yang diperlukan masih tidak mampu memenuhi keperluan majikan dan pasaran kerja. Pandangan ini selaras dengan kajian Muhammad Hazrul Ismail (2012), yang menunjukkan persepsi majikan yang masih menganggap graduan lemah dalam menimbang kesahihan serta

menimbang alternatif lain sebelum membuat keputusan, kurang bertanggungjawab terhadap tindakan dan keputusan yang diambil dan kurang mahir dalam membuat jangkaan masalah yang berpotensi wujud pada masa akan datang. Malah graduan juga kurang memiliki kemahiran berfikir, kemahiran komunikasi dan interpersonal. Perkara ini turut diperkukuhkan lagi dengan pandangan Ahmad Rizal, et. al (2008) yang menyatakan bahawa pihak industri di Malaysia amat memerlukan pekerja yang mampu untuk menyesuaikan diri dengan kepelbagaian kemahiran (*multi skills*) terutamanya kemahiran interpersonal yang sememangnya diperlukan oleh pihak majikan.

### **Cadangan Kajian Lanjutan**

Bahagian ini akan membincangkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dijadikan panduan kepada para penyelidik akan datang. Perbincangan dalam bahagian ini merupakan cadangan-cadangan kajian lanjutan oleh penyelidik berdasarkan dapatan, perbincangan dan penghasilan modul kajian. Cadangan-cadangan ini berkisar kepada perbandingan yang melibatkan responden kajian, metodologi kajian, penggunaan teori kerjaya dan kajian kepada pembinaan kurikulum yang berfokus kepada perkhidmatan kaunseling kerjaya. Oleh yang demikian, terdapat beberapa cadangan lanjutan yang boleh dijalankan berdasarkan pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya ini.

Fasa penilaian kajian ini menggunakan kaedah temubual berstruktur dan tinjauan menggunakan soal selidik telah dijalankan terhadap 40 orang pelajar. Kajian lanjutan boleh menggunakan responden dalam kalangan pensyarah dan kaunselor bagi menilai sekaligus dapat membantu penambahbaikan modul. Kajian ini juga menggunakan pelajar di sebuah IPTS sebagai sampel. Oleh yang demikian,

dicadangkan supaya sampel kajian di masa akan datang dapat dipelbagaikan dan tidak hanya tertumpu kepada peringkat diploma sahaja.

Selain itu, perkhidmatan pendidikan yang bersifat atas talian juga turut boleh dipertingkatkan dengan menyediakan aplikasi yang lebih bersifat interaktif dalam menggalakkan pelajar terlibat dalam komunikasi atas talian seperti perbincangan kumpulan dan forum. Salah satu cabaran yang mungkin dialami dalam penawaran kursus atas talian adalah memastikan setiap pelajar memaksimumkan penggunaan dan pembelajaran kursus yang telah disediakan. Dalam kajian pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan ini, antara cabaran yang dihadapi adalah memastikan setiap pelajar terlibat serta menyempurnakan tugas dengan jayanya.

Kajian ini menggunakan tiga teori serta dua model yang menjadi asas kepada kerangka teori kajian ini dan selaras dengan hasil dapatan kajian. Teori yang digunakan di dalam kajian ini adalah Teori *Dual Coding* Teori Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya. Sementara dua model yang telah digunakan dalam kajian pembangunan modul kurikulum pendidikan kerjaya ini adalah Model Kurikulum Tyler dan Model Wright. hakikatnya terdapat banyak teori pembangunan dan teori kerjaya yang boleh digunakan dalam pembinaan modul pendidikan kerjaya. Adalah diharap agar kajian-kajian di masa akan datang dapat mengguna dan memanfaatkan pelbagai variasi teori dan modul dalam mempelbagaikan kaedah dan pendekatan perkhidmatan kaunseling kerjaya ini.

## **Penutup dan Rumusan**

Objektif utama kajian pembangunan ini dijalankan adalah untuk membangunkan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains

kesihatan. Pendekatan kajian reka bentuk pembangunan telah diaplikasikan dengan melibatkan tiga fasa yang terdiri daripada fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan modul serta fasa penilaian kebolegunaan modul. Fasa pertama kajian iaitu analisis keperluan telah menggunakan teknik tinjauan dengan menggunakan soal selidik ke atas 150 orang pelajar dari sebuah IPTS di Kuala Lumpur.

Kajian fasa pertama ini bertujuan untuk melihat keperluan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. . Walaupun tahap pengetahuan asas mereka berada pada tahap sederhana, namun majoriti responden menunjukkan minat dan mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan komputer dan internet dalam aktiviti pembelajaran. Dengan adanya langkah ke arah membangunkan modul pendidikan kerjaya yang bersifat atas talian ini, ia bukan sahaja dapat menyokong perkembangan kerjaya pelajar tetapi juga penggunaan komputer dan internet secara tidak langsung dapat menyalurkan kemahiran baru kepada para pelajar yang turut menjadi keperluan sekaligus mendorong kepada kebolehpasaran pelajar. Begitu juga dengan aspek minat kerjaya pelajar, langkah pembangunan modul pendidikan kerja ini dilihat sebagai satu keperluan kepada pelajar agar mereka lebih bersifat kreatif bukan sahaja sebagai pencari kerja tetapi mampu mencipta kerjaya mereka.

Kajian pada fasa kedua adalah merupakan bahagian utama kajian ini iaitu reka bentuk modul yang ditentukan melalui teknik *Fuzzy Delphi* yang melibatkan seramai 15 orang pakar dalam tiga bidang iaitu bidang kaunseling, kurikulum dan teknoklogi maklumat. Fasa ini telah dimulakan dengan temubual separa berstruktur kepada lima orang pakar untuk mengenalpasti item-item penting yang terdapat dalam transkrip temubual bersama pakar tersebut. Item-item penting yang telah dikenalpasti ini telah digunakan dalam membentuk instrumen soal selidik. Soal selidik ini kemudiannya

akan diberikan kepada 15 orang pakar di dalam tiga bidang tersebut. Dalam fasa ini, pengkaji telah melakukan dan membahagikan dua sub fasa iaitu sub fasa pertama (fasa reka bentuk modul) dan sub fasa kedua (fasa pembangunan modul). Dalam sub fasa reka bentuk, pengkaji telah menjalankan kajian dan proses reka bentuk bagi setiap elemen di dalam komponen berdasarkan persetujuan dan kesepakatan pakar melalui kaedah Fuzzy Delphi (FDM). Sementara bagi sub fasa kedua pula adalah bertujuan untuk membangunkan modul dan ia dikenali sebagai fasa pembangunan modul. Di dalam sub fasa kedua ini pengkaji telah menggunakan tiga langkah iaitu proses pembangunan rancangan pembelajaran, proses pemurnian rancangan pembelajaran oleh pakar dan pelaksanaan rancangan pembelajaran.

Seterusnya fasa ketiga kajian pula merujuk kepada fasa penilaian dan kebolegunaan modul. Dapatan kajian fasa ketiga ini menggunakan kaedah temubual berstruktur dan soal selidik yang telah dijalankan ke atas 40 orang pelajar di sebuah IPTS di Kuala Lumpur bagi menilai kebolegunaan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan. Secara keseluruhannya, dapatan hasil temubual bersama pelajar menunjukkan terdapat peningkatan pengetahuan pelajar tentang aspek kerjaya. Melalui dapatan temubual berstruktur juga menunjukkan bahawa pelajar bersetuju terdapat perbezaan pengetahuan sebelum dan selepas mengikuti kursus ini. Pelajar juga bersetuju bahawa terdapat beberapa pengetahuan baru yang mereka perolehi hasil dari pembelajaran kursus ini. Begitu juga dengan dapatan tinjauan melalui instrumen soal selidik yang telah dijalankan bertujuan untuk melihat kesan penggunaan modul ini dalam memudahkan proses pembelajaran dan kesan dalam meningkatkan minat pelajar.

Terdapat dua implikasi utama hasil daripada dapatan kajian ini iaitu implikasi teori dan implikasi amalan. Dari sudut pandang implikasi teori, impak yang dihasilkan

daripada keputusan konsensus pakar menunjukkan satu kerangka baharu dalam menentukan kesesuaian modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan kepada para pelajar. Seterusnya modul kurikulum pendidikan kerjaya ini dapat memberi panduan kepada penyelidik lain tentang proses baharu dalam kajian pembangunan terutama dalam kelangsungan perkhidmatan kaunseling kerjaya pada masa hadapan.

Pembangunan modul pendidikan kerjaya ini adalah selari dan bertepatan dengan Model Kurikulum Tyler yang mengandungi unsur yang sangat signifikan bagi pembentukan sesebuah kurikulum. Sementara bagi pembangunan aspek kerjaya pula, kajian ini menggabungkan Teori Kerjaya Holland dan Teori Sosial Kognitif Kerjaya. Penggunaan teori-teori kerjaya ini boleh dimanfaatkan dalam merangka dan membangunkan modul perkhidmatan kaunseling pendidikan kerjaya di masa akan datang selaras dengan keperluan pelajar.

Dari sudut amalan pula, kajian ini mencadangkan pelaksanaan modul kurikulum baharu kepada pihak berkepentingan terutama kaunselor khususnya dan KPM umumnya dalam menimbangkan elemen-elemen yang sesuai untuk pembangunan kerjaya para graduan dengan memperkenalkan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian pendidikan kerjaya sains kesihatan kepada para pelajar. Oleh yang demikian, modul pendidikan kerjaya ini merupakan implikasi amalan utama dalam konteks kajian ini.

Justeru, penyelidik mencadangkan pembangunan modul kurikulum perkhidmatan kaunseling atas talian untuk pendidikan kerjaya sains kesihatan kepada para pelajar di peringkat ini dapat digunakan dalam perkhidmatan kaunseling kerjaya dan bidang pendidikan. Kajian ini juga menyarankan agar penyelidik akan datang dapat membangunkan modul perkhidmatan kaunseling yang tidak hanya berfokus

kepada aspek kerjaya sahaja. Ia dilihat bukan sahaja mampu membantu dalam proses pembelajaran pelajar terutama dalam aspek kerjaya tetapi ia juga secara tidak langsung mampu menjadi *platform* mempromosikan kepelbagaian perkhidmatan kaunseling itu sendiri kepada pelajar. Ia juga bukan sahaja menjadi *platform* untuk membina perhubungan awal antara kaunselor dengan pelajar tetapi juga mendorong dan menggalakkan pelajar memanfaatkan perkhidmatan kaunseling semaksima yang mungkin.

## RUJUKAN

- Abdul Hanid, H. (2007). Keberkesanan Program Kerjaya Ke Atas Perkembangan Kerjaya Peringkat Penerokaan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Dungun, Terengganu, Malaysia, Tesis PhD Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Rizal, M., Malyia Afzan, A. A., Abdul Rasid, A. R., Mohamad Zaid, M., & Yahya, B. (2008). Kemahiran Employability Bagi Memenuhi Keperluan Industri. Prosiding SKIKS, 08, 385–392
- Ahmad Zaki, A., Ahmed Thalal, H., Ahmad, A. R., Nor Abdul Rahman & Mohd, S. (2014). Penggunaan Aplikasi Atas Talian Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Ketiga: Pengenalan Kepada Quizlet.Com. Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan.
- Al-Mansor, A. S. & Roziah Mohd Rasdi. (2012). Tinjauan Faktor-faktor Pendorong Kejayaan Kerjaya Ahli Akademik: Konteks Universiti Penyelidikan di Malaysia, *Sosiohumanika*, 5(2)
- Ali, S., R., Yang, L., Christopher, J., & Thomasin T. H. (2012). Career Education Programming in Three Diverse High Schools: A Critical Psychology—Case Study Research Approach. *Journal of Career Development*, 39(4) 357-385. doi: 10.1177/0894845311398131
- Amla, M. S. (2010). Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan. Penerbit UKM: Bangi.
- Andronic, A. & Andronicb, R. (2011). Career Counselling in Romania – Impact on Educational Actors. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 30, 1857-1861. doi:10.1016/j
- Arora, V., Schneider, B., Thal, R. & Meltzer, D. (2011). Design of an Intervention to Promote Entry of Minority Youth into Clinical Research Careers by Aligning Ambition: The TEACH (Training Early Achievers for Careers in Health) Research Program. *Journal of Social Issues*, 67(3), 580 - 598
- Aslan, S. (2012). Primary Education Class Guidance Programme On Primary Education Career Development In 3rd Grade. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 46, 4798 – 4802. doi:10.1016/j
- Balin, E. & Hirschi, A. (2010). Who Seeks Career Counselling? A Prospective Study Of Personality And Career Variables Among Swiss Adolescents. *Int J Educ Vocat Guidance*, 10, 161–176. doi:10.1007/s10775-010-9183-y
- Bastemur, S. & Bastemur, E. (2015). Technology Based Counseling: Perspectives Of Turkish Counselors. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 176, 431 – 438. doi: 10.1016/j

- Beidoglu M., Dincyurek S. & Akintug Y. (2015). The Opinions Of School Counselors On The Use Of Information And Communication Technologies In School Counseling Practices: North Cyprus Schools. *Computers in Human Behavior*, 52, 466–471. doi: 10.1016/j
- Bimrose, J., Kettunen, J. & Goddard, T. (2015). ICT – The New Frontier? Pushing The Boundaries Of Careers Practice. *British Journal of Guidance & Counselling*, 43(1), 8-23. doi: 10.1080/03069885.2014.975677
- Boyatzis, Richard E. (1998). *Transforming Qualitative Information; Thematic Analysis and Code Development*. London: Sage Publication.
- Braun, Virginia, & Victoria Clarke. (2006). “Using Thematic Analysis in Psychology.” *Qualitative Research in Psychology* 3?
- Bright, J. (2015). If You Go Down To The Woods Today You Are In For A Big Surprise: Seeing The Wood For The Trees In Online Delivery Of Career Guidance. *British Journal of Guidance & Counselling*, 43(1), 24–35. doi: 10.1080/03069885.2014.979760
- Burwell, R. & Charles P. Chen, C. P. (2006). Applying The Principles And Techniques Of Solution-Focused Therapy To Career Counselling. *Counselling Psychology Quarterly*, 19(2), 189–203. doi: 10.1080/09515070600917761
- Ching, M. S. & Ng, K. M. (2010). Counseling in Malaysia: History, Current Status, and Future Trends. *Journal of Counseling & Development*, 88
- Chircu, S. (2013). Career Counseling Needs For Students – A Comparative Study. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 127, 549–553. doi:10.1016/j
- Christoper, D. N., Rong, S., James, R. J. & Drasgow, F. (2012). Vocational Interests and Performance: A Quantitative Summary of Over 60 Years of Research. *Perspectives on Psychological Science*, 7, 384. doi: 10.1177/1745691612449021
- Clauson, M., Wejr, P., Frost, L., McRae, C. & Straight, H. (2010). Legacy Mentors: Translating The Wisdom Of Our Senior Nurses. *Nurse Education in Practice*, 153-158. doi:10.1016/j
- Clark, Paivio. (1991). Dual Coding Theory And Education. *Educational Psychology Review*, 3, 149–210
- Cojocariua, V. M. & Puiub, M. (2014). Career - Counselling Practices for University Students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 149, 222–227. doi: 10.1016/j
- Crisan, C. Pavelea, A. & Ghimbuluț, O. (2015). A Need Assessment on Students' Career Guidance. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 180, 1022 – 1029. doi: 10.1016/j

- Crites, J.O. (1978). *Career Maturity Inventory: Theory And Research Handbook*. California: CTB/McGraw Hill.
- Crites, J.O. (1996). *Career Maturity Inventory Sourcebook*. Clyaton, N.Y: Careerware, IBM Company
- Dana Vertsberger, Itamar Gati. (2015). The Effectiveness Of Sources Of Support In Career Decision-Making: A Two-Year Follow-Up. *Journal of Vocational Behavior*, 89 151–161. doi:10.1016/j
- Dandara, O. (2014). Career Education In The Context Of Lifelong Learning. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 142, 306 – 310. doi: 10.1016/j
- Dey, F. & Cruzvergara, C. Y. (2015). Evolution of Career Services in Higher Education. *Winter*, 148, 5-18
- Dewitt, D. (2010). Design And Development Of A Collaborative Mlearning Module For Secondary School Science In Malaysia: Addressing Learners' Needs Of The Use And Perceptions Of Technology. Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Eftah, A. & Abd Aziz, A. S. (2014). Pentaksiran Prestasi dan Pentaksiran Rujukan Standard Dalam Bilik Darjah. Ipoh: Harkam Interprise.
- Fasching, H. (2012). Career Counselling: Career Counselling At School For Placement In Sheltered Workshops?. *British Journal of Learning Disabilities*, 42, 52–59. doi:10.1111
- Fouziah, M., Amla. M. S. & Ramlee, M. (2010). The Influence of Contextual Aspects on Career Decision Making of Malaysian Technical Students. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 7, 369-375. doi: 10.1016/j
- Gerler, E.R. (1995). Advancing Elementary And Middle School Counseling Through Computer Technology. *Elementary School Guidance & Counseling*, 30, 8-15
- Habibah, A. R., Zaharah, H., Mohd Ridhuan, M. J., Ahmad, A. S., Saedah, S., Nurul Rabihah, M. N. (2014). Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Terhadap Keperluan Aspek 'Riadhah Ruhiyyah' Untuk Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 2 (2), 55-72
- Hall, P. (2004). Online Psychosexual Therapy: A Summary Of Pilot Study Findings. *Sexual and Relationship Therapy*, 19(2), 167-178.
- Harris, B. & Birnbaum, R. (2015). Ethical And Legal Implications On The Use Of Technology In Counselling. *Clin Soc Work J*, 43, 133–141. doi:10.1007/s10615-014-0515-0
- Heinich, R. (1984). The Proper Study Of Instructional Technology. *ECTJ*, 32 (2), 67-88

- Heinich, R., Molenda, M., & Russell, J. (1993). *Instructional Media: And The New Technologies Of Instruction*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Herman, S. (2010). Career HOPES: An Internet-Delivered Career Development Intervention. *Computers in Human Behavior*, 26, 339–344. doi:10.1016/j
- Ho, K. J., Ahn, J. (2014). The Effects of Career Education Program Based on the Theory of Holland, on Elementary School Students' Career Maturity. *Journal of Korean Practical Arts Education*, 20(1), 55-79. doi:ART001852356
- Hooley, T., Hutchinson, J. & Neary, S. (2015). Ensuring Quality In Online Career Mentoring. *British Journal of Guidance & Counselling*, doi:10.1080/03069885.2014.1002385
- Howieson, C. & Sheila, Semple S. (2013). The Impact Of Career Websites: What's The Evidence?. *British Journal of Guidance & Counselling*, 41(3), 287-301. doi:10.1080/03069885.2013.773960
- Hung B. S., Lent R. W., Brown S. D., Miller M. J., Hennessy K. D., Ryan D. & Duffy R. D. (2010). Testing The Choice Model Of Social Cognitive Career Theory Across Holland Themes: A Meta-Analytic Path Analysis. *Journal of Vocational Behavior*, 76, 252–264. doi:10.1016/j
- Itamar, G. & Lisa, A. (2011). Internet-Based Self-Help Career Assessments and Interventions: Challenges and Implications for Evidence-Based Career Counseling. *Journal of Career Assessment* 19(3), 259-273. doi: 10.1177/1069072710395533
- Itamar, G., Kleiman, T., Saka, N., & Zakai, A. (2003). Perceived Benefits Of Using An Internet-Based Interactive Career Planning System. *Journal of Vocational Behavior*, 62, 272–286. doi:10.1016/S00018791(02)00049-0
- Jasmi, A. T. (2014), Kesan Modul Kembara Kerjaya ke atas Kebolehan Merancang Kerjaya, Efikasi Kendiri Kerjaya dan Kematangan Kerjaya Pelajar kolej Komuniti. Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jeng, D. J. F., & Tzeng, G. H. (2012). Social Influence On The Use Of Clinical Decision Support Systems: Revisiting The Unified Theory Of Acceptance And Use Of Technology By The Fuzzy DEMATEL Technique. *Computers & Industrial Engineering*, 62(3), 819–828
- Jin, K. K. (2013). The Role Of The School Counsellor In The Singapore Secondary School System. *British Journal of Guidance & Counselling*, 41(5), 530-543. doi: 10.1080/03069885.2013.773286
- Kaye, B. & Johnson, T. (1999). Research Methodology: Taming The Cyber Frontier: Techniques For Improving Online Surveys. *Social Science Computer Review*, 17(3), 323-337

- Kettunen, J., Sampson Jr. P. J. & Vuorinen, R. (2015) Career Practitioners' Conceptions Of Competency For Social Media In Career Services. *British Journal of Guidance & Counselling*, 43(1), 43-56. doi: 10.1080/03069885.2014.939945
- Kim, Y. C., Ho, M. R., Oleksandr, S., Chernyshenko, O. S., Bedford, O., Uy, M. A., Gomulya, D. , Sam Y. L. & Phan, W. M. J. (2012). Entrepreneurship, Professionalism, Leadership: A Framework And Measure For Understanding Boundaryless Careers. *Journal of Vocational Behavior*, 81, 73–88. doi:10.1016/j
- Lent W. R., Lopez M, Lopez F. G & Hung B. S. (2008). Social Cognitive Career Theory And The Prediction Of Interests And Choice Goals In The Computing Disciplines. *Journal of Vocational Behavior*, 73, 52–62. doi:10.1016/j
- Leon, L. P. & Castro, P. L. (2013). ICT In Career Guidance. A Case Study Of A “Blended Learning” Career Guidance Programme For Music Students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 116 2049–2058. doi: 10.1016/j
- Lewis, J. & Coursol, D. (2007). Addressing Career Issues Online: Perceptions Of Counselor Education Professionals. *Journal of Employment Counseling*, 44
- Mallen, M. J. & Vogel, D. L. (2005). Online Counseling: A Need for Discovery. *The Counseling Psychologist*, 33, 910. doi: 10.1177/0011000005280182
- Maree, J. G. (2013). Latest Developments In Career Counselling In South Africa: Towards A Positive Approach. *South African Journal of Psychology*, 43(4), 409–421. doi: 10.1177/0081246313504691
- Mastura, M., Fadilah, Z. & Nor Akmar, N. (2007). Analisis Faktor Penyebab Stres Di Kalangan Pelajar. *South African Journal of Psychology*, 9, 62–72
- Mills, A. G. & Sutera, J. (2012). New Directions for Student Services: Case Studies of Curricular Approaches. Summer, 138.
- Mohd Ali, J. (2010). Mengaplikasi Teori Erikson, Piaget Dan Super Dalam Pembinaan Modul Kesedaran Kerjaya Untuk Pelajar Sekolah Menengah Rendah Di Malaysia. Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izwan, M., Sidek, M. N. & Wan Marzuki, W. J. (2017). Kajian Analisis Keperluan Pembinaan Modul Kesediaan Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*, 8, 38-60
- Mohd Sani, I. (2011). Kematangan Kerjaya, Efikasi Kendiri Kerjaya Dan Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Program Bimbingan Dan Kaunseling Kerjaya. Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Moore, J. E. & Pinsky, M. R. (2015). Faculty Development For Fellows: Developing And Evaluating A Broad-Based Career Development Course For Critical Care Medicine Trainees. *Journal of Critical Care*, 30, 1152–1152. doi:10.1016/j

- Muhammad Hazrul, I. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Prosiding Perkem Vii*, 2, 906 – 913
- Mishna, F., Bogos, M., dan Sawyer, J. (2015). Cyber Counseling: Illuminating Benefits and Challenges. *Clin Soc Work J*, 43, 169–178. doi:10.1007/s10615-013-0470-1
- Najar, L.J. (2005). *A Review of the Fundamental Effects of Multimedia Information Presentation on Learning*: Atlanta.
- Nasrudin. M. R., Siti Hawa, M. Y. & Shahida, A. L. (2014). Assessing Students' Readiness Towards e-Learning. *AIP Conference Proceedings*, 1605, 750. doi: 10.1063/1.4887684
- Norlidah, A. (2010). *Pembangunan Modul Pedagogi Berasaskan Teknologi Dan Gaya Pembelajaran Felder-Silverman Kurikulum Fizik Sekolah Menengah*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Malaysia.
- Nor Intan Saniah, S. & Burke, M. (2009). A Case Analysis Of Knowledge Sharing Implementation And Job Searching In Malaysia. *International Journal of Information Management*, 29 321–325. doi:10.1016/j
- Nilsson J. E., Flores L. Y., La Verne Berkel L. V., Schale C. L., Rachel M. Linnemeyer R. M. & Irene Summer I. (2007). International Career Articles: A Content Analysis Of Four Journals Across 34 Years. *Journal of Vocational Behavior*, 70 602–613. doi:10.1016/j
- O'Neill, G. (2010). Program design: Overview of Curriculum Models. Dicapai daripada laman web: [www.ucd.ie/teaching](http://www.ucd.ie/teaching)
- Okpenge, E., Grace, E. IGB, Ihuoma, H. (2013). Relationship Between Counselling And Entrepreneurship Development Skills Of Nigerian Final Year Undergraduates. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 84, 120–127. doi:10.1016/j
- Oravec, J.A. (2000). Internet And Computer Technology Hazards: Perspective For Family Counseling. *British Journal of Guidance & Counselling*, 28(3), 309-324
- Park, S. (2015). Effects of Discipline-based Career Course on Nursing Students' Career Search Self-efficacy, Career Preparation Behavior, and Perceptions of Career Barriers. *Asian Nursing Research*, 9, 259-264. doi:10.1016/j
- Perry, J. C. & Butts, C. C. (2012). A Qualitative Study of Urban Hispanic Youth in an After-School Program: Career, Cultural, and Educational Development. *The Counseling Psychologist*, 40(4) 477–519. doi:10.1177/0011000011414733

- Poh, L. L., Rafidah, Aga, M. J. & Haslee, S. A. (2013). Understanding The Two Sides Of Online Counseling And Their Ethical And Legal Ramifications. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 103, 1243–1251. doi: 10.1016/j
- Pope, M. (2000). A Brief History of Career Counseling in the United States. *The Career Development quarterly*, 48, 194-211
- Rivera, L. M. & Schaefer, M. B. (2009), The Career Institute A Collaborative Career Development Program for Traditionally Underserved Secondary (6–12) School Students. *Journal of Career Development*, 35(4), 406-426. doi: 10.1177/0894845308327737
- Rohana, A. R. (2010). Minat Kerjaya, Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya, Kemahiran Employability, dan Pilihan Kerjaya Pelajar Vokasional Pertanian Di Semenanjung Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Rohany, N. (2008) Kaunseling Kerjaya: Anjakan daripada Konvensionalisme. Selangor: Penerbit UKM.
- Roszita, A. & Fairuz, I. (2016) Aplikasi E-Kaunseling Melalui Sistem Hrmis Dalam Perkhidmatan Awam. *International Counseling Conference and Work*, 13-15
- Rummell, C. M. & Joyce, N. R. (2010). “So wat do u want to work on 2day?”: The Ethical Implications of Online Counseling. *Ethics & Behavior*, 20(6), 482-496. doi:10.1080/10508422.2010.521450
- Pramela, K., Tamby Subahan, M. M., Kamisah, O. & Zanaton, I. (2012). Are UKM Graduates Ready To Face The Challenges Of The Job Market?. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 59, 584 – 590. doi:10.1016/j
- Salina, N. & Khairul Azmi, I. (2018). Persepsi Pelajar Terhadap Perkhidmatan Kaunseling Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 15 (4), 93-103
- Sanders, P., & Rosenfield, M. (1999). Counselling At A Distance: Challenges And New Initiatives. *British Journal of Guidance & Counselling*.
- Savickas, M. L. (2012). Book Review Career Counselling. *South African Journal of Psychology*, 42(2), 290-294
- Segedinac, M., Segedinac M., Konjovic, Z. & Savic G. (2011). A Formal Approach To Organization Of Educational Objectives. *Psihologija*, 44(4), 307–323. doi: 10.2298/PSI1104307S
- Sew, K. L., Jin, K. K. & Mah, N. L. (2013). A Holistic Approach To School-Based Counselling And Guidance Services In Malaysia. *School Psychology International*, 34(2), 190–201. doi: 10.1177/0143034312453398

- Shaharuddin, A., Noraziah, A. & Mohd Fauzi, H. (2011). Kebolehpasaran Graduan UKM: Satu Kajian Perbandingan Antara Graduan Disiplin Sains dengan Bukan Sains. *Jurnal Personalia Pelajar*, 14, 81 – 90
- Sidek, M. N. (2005), *Pengujian & Penilaian dalam Kaunseling; Teori dan Aplikasi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siria, A. & Marina. (2015). Distance Education For Health Professions' Students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 174, 730 – 738. doi:10.1016/j
- Siti Mariam, J. & Muhammad Nasir, B. (2017). Kesan Modul Program Kerjaya Terhadap Kematangan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Menengah Atas. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*, 8, 38-60.
- Starica C. E. (2011). Predictors For Career Indecision In Adolescence. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 33, 168 – 172. doi:10.1016/j
- Sultana, R. G. (2013). REVIEW ESSAY: Career Education: Past, Present But... What Prospects?. *British Journal of Guidance & Counselling*, 41(1), 6980. doi: 10.1080/03069885.2012.739373
- Taip, A. & Abdul Halim, O. (2009), *Kaunseling Untuk Kesejahteraan – Satu Kajian Kes Perkhidmatan Kaunseling Di Universiti Kebangsaan Malaysia*. *Jurnal Personalia Pelajar*. 12
- Tanrikulu, I. (2009). Counselors-In-Training Students' Attitudes Towards Online Counseling, *Procedia Social and Behavioral Sciences* 1, 785–788. doi:10.1016/j.sbspro.2009.01.140
- Tavakolia, M., Roccaa, C. & Thorngatea W. (2010). Improving Virtual Career Counselling And Guidance In Canada. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 5, 1890–1896. doi:10.1016/j.sbspro.2010.07.384
- Trait, A. (1999). Face-To-Face And At A Distance: The Mediation Of Guidance And Counselling Through The New Technologies. *British Journal of Guidance & Counselling*, 27 (1), 113-123
- Usha, M. M. & Yeun, L. C. (2007). Persepsi Pelajar Terhadap Atribut Pekerjaan dan Implikasinya ke atas Pendidikan Universiti. *Sains Malaysiana*, 36 (2), 213-223
- Young, R. A. & Domene, J. F. (2012). Creating A Research Agenda In Career Counselling: The Place Of Action Theory. *British Journal of Guidance & Counselling*, 40 (1), 15-30. doi.org/10.1080/03069885.2011.620603
- Yuen, M., Leung, S. A. & Chan T. H. (2014). Professional Counseling in Hong Kong. *Journal of Counseling & Development*, 92, 99-103. doi: 10.1002/j.1556-6676.2014.00135

Zainah, A. Z., Rohany, N. & Fatimah, Y. (2010). Perceptions Towards Online Counseling Among Counselors in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 5, 585–589. doi:10.1016/j.sbspro.2010.07.146

Universiti Malaya